05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

CETUSAN *ENVAKAI MEYPPĀTU* DALAM NOVEL M. RAMAIAH

MAGASWARI ELIYARNI A/P SUBRAMANIAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

CETUSAN *ENVAKAI MEYPPĀTU* DALAM NOVEL M. RAMAIAH

MAGASWARI ELIYARNI A/P SUBRAMANIAM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

[ ]
[ ]
[ ]
[/]

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada…… (hari bulan)…….. (bulan) 2020

i. Perakuan pelajar :

Saya, **MAGASWARI ELIYARNI A/P SUBRAMANIAM (P20171000268) FBK** (*SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk* **CETUSAN *ENVAKAI MEYPPĀTU* DALAM NOVEL M. RAMAIAH** *adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. SAMIKKANU JABAMONEY A/L ISHAK SAMUEL** *(NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk* **CETUSAN *ENVAKAI MEYPPĀTU* DALAM NOVEL M. RAMAIAH**

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah ***DOKTOR FALSAFAH*** *(SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).*

…….. *Tandatangan Penyelia*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind : 01 m/s: 1/1

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: **CETUSAN *ENVAKAI MEYPPĀTU* DALAM NOVEL M. RAMAIAH**

No. Matrik /*Matric No.*: **P20171000268**

Saya / *I* : **MAGASWARI ELIYARNI A/P SUBRAMANIAM**

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Disertasi (**Kedoktoran**)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) from the categories below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. */ Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. */ Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
√	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh:

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan Maha Berkuasa kerana memberi peluang kepada saya menyiapkan kajian ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Profeser **Dr. Samikkanu Jabamoney Ishak Samuel** dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. **Dr.Samikkanu Jabamoney Ishak Samuel** sebagai penyelia sudi menyelia penulisan ini dari peringkat awal hingga disertasi ini dapat disempurnakan. Komen, tunjuk ajar, nasihat dan idea yang bernas diberikan oleh beliau sepanjang penulisan ini amat membantu dalam menghasilkan satu kajian yang mantap. "*I thank you for being my inspiration and guide for all this while*". Tidak dilupakan juga dan jutaan terima kasih kepada **Dr. Manomani Devi M.A.R Annamalai** dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanpa sokongan dan dorongan beliau, saya tidak dapat menyempurnakan tesis ini. Cadangan dan nasihat yang diberikan oleh beliau adalah sangat bererti bagi saya**.** Kajian ini juga tidak mungkin dapat disempurnakan tanpa kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak seperti pihak pengurusan perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris**,** Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan Perpustakaan Awam yang terlibat secara langsung dan tidak langsung membantu saya mendapatkan bahan rujukan yang releven untuk penulisan kajian ini. Istimewa buat insan tersayang ibu, atas segala pengorbanan dan jasa baik beliau.

Semoga Tuhan membalas dan memberkati jasa dan keikhlasan kalian semua.

Magaswari Eliyarni Subramaniam
Fakuliti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim

2019/2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti *envakai meyppātu*, menganalisis cara-cara pengarang mencetuskan *meyppātu* dan menghuraikan unsur-unsur pengajaran yang disampaikan melalui cetusan *envakai meyppātu* yang terpapar dalam novel M. Ramaiah. Kajian ini ialah kajian kepustakaan yang menerapkan kaedah analisis teks dan deskriptif untuk menganalisis tujuh buah novel karya M. Ramaiah, iaitu *novel Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu, Aḻakiṉ Ārātaṉai, Caṅkamam, Viḻalum Nīrum, Maṉa Ūṉaṅkaḷ, Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai* dan *Neruppu Cuṉai*. Analisis dan perbincangan dibuat berpandukan teori *meypāttu* yang diutarakan oleh Tolkappiar, yang merangkumi lapan variasi rasa terdiri daripada *nakai* (tawa), *aḻukai* (tangisan), *iḻivaral* (hina), *marutkai* (kagum), *accam* (takut), *perumitam* (bangga), *vekuḷi* (marah) dan *uvakai* (gembira) yang terpapar dalam ketujuh-tujuh novel yang dikaji. Setiap rasa *meypāttu* pula dicetuskan oleh empat punca tertentu dan terdapat sejumlah 32 punca yang mencetuskan *envakai meypāttu*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa M. Ramaiah menerapkan kesemua *envakai meyppātu* dalam ketujuh-tujuh novelnya. Di samping itu, pengkaji dapat mengesan 31 daripada 32 punca yang mencetuskan *envakai meyppāṭu*, kecuali punca cukai yang mencetuskan perasaan marah. Selain itu, pengarang menyisipkan sebanyak 18 pengajaran dalam novel-novelnya. Antara pengajaran ini, terdapat 10 pengajaran bercorak positif, iaitu mesej atau iktibar yang memperteguh sesuatu amalan, perbuatan dan pengalaman agar dijadikan ikutan dan pedoman dalam menjalani kehidupan seharian. Sementara itu, pengarang turut menyelitkan lapan pengajaran negatif menyeru pembaca menjauhi dan menjadikannya batasan hidup untuk melahirkan suasana sosial yang adil dan harmoni. Kesimpulannya, M. Ramaiah berjaya mencetuskan kesemua *envakai meypāttu* melalui 31 punca yang diutarakan oleh teori *meypāttu*. Implikasinya, kajian ini mendorong masyarakat menampilkan fikiran dan tindakan yang mencerminkan perasaan positif demi memelihara kesejahteraan hidup diri dan orang di sekelilingnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MANIFESTATION OF *ENVAKAI MEYPPĀṬU* IN M. RAMAIAH'S NOVELS

ABSTRACT

The purpose of research is to identify *envakai meyppātu* (eight-fold emotions), analyse the ways author manifests *meyppātu* and explain messages conveyed by the author through the exploration of *envakai meyppātu* in his novels. This study is a library research which applies textual and descriptive analysis methods to analyse seven novels of M. Ramaiah, viz *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu*, *Aḻakiṉ Ārātaṉai*, *Caṅkamam, Viḻalum Nīrum, Maṉa Ūṉaṅkaḷ, Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai* dan *Neruppu Cuṉai.* Analysis and discussions are based on the theory of *meypāttu* promoted by Tolkappiar which consists of *envakai meyppātu*, namely *nakai* (laughter), *aḻukai* (weeping), *iḻivaral* (contempt), *marutkai* (awe), *accam* (fear), *perumitam* (pride), *vekuḻi* (anger) and *uvakai* (joy) depicted in the seven novels studied. Each of the *meypāttu* (emotion) is triggered by four inner fold causes and there are 32 causes that trigger these eight-fold emotions. The findings show that M. Ramaiah has successfullay applied all the *envakai meyppātu* in his seven novels. In addition, researcher also able to identify 31 of the 32 causes that triggered these *envakai meyppātu* emotions, except the tax source that triggers anger. Beside this, the author had inserted implisitly18 messasges in these novels. Among these messages, there are 10 positive messages which reinforce practices and actions which will serve as examples and guidance in the daily lives of his readers. In contrast, the author interjects eight negative messages urging readers to avoid these thoughts to enjoy a just and harmonious social atmosphere. In conclusion, M. Ramaiah has been effective in manifestation all of the *meypattu* through 31 sources in his novels that are described by the theory of *meypattu*. The implication is that this study encourages people to assimilate thoughts and actions that reflect positive feelings for the well-being of everyone in the society.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
TRANSLITERASI	xi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan masalah	6
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Soalan Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian	16
1.7 Batasan Kajian	17
1.8 Sumber Kajian	18
1.8.1 Sumber Primer	19
1.8.2 Sumber Sekunder	19
1.9 Definisi Konsep	20
1.9.1 Aspek	20
1.9.2 *Meyppãtu*	21
1.9.3 Novel	23

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Kesimpulan 21

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 26

2.2 Kajian Umum Aspek Variasi Rasa Atau *Meyppātu* Di Malaysia 27

2.3 Kajian Teori *Meyppātu* Dalam Karya Kesusasteraan Tamil 29

2.4 Kajian Lepas Terhadp Penulisan M. Ramaiah 36

2.5 Kesimpulan 41

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan 43

3.2 Reka Bentuk Kajian 44

3.3 Kaedah Kajian 46

3.3.1 Kajian Kepustakaan 46

3.3.2 Kaedah Analisis Teks 47

3.4 Kaedah Pengumpulan Data 48

3.4.1 Pembacaan Data 49

3.4.2 Pemilihan Data 49

3.4.3 Pembahagian Data 49

3.4.4 Penganalisisan Makna Kandungan 50

3.4.5 Pembentukan Ciri-Ciri Umum *Meyppātu* 53

3.5 Teori *Meyppātu* 53

3.5.1 Tawa (*Nakai)* 56

3.5.2 Tangisan (*Alukai)* 57

3.5.3 Hina (*Ilivaral*) 58

3.5.4 Kagum (*Marutkai)* 59

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.5 Takut (*Accam*) 60

3.5.6 Bangga (*Perumitam)* 61

3.5.7 Marah (*Vekuḻi)* 62

3.5.8 Gembira (*Uvakai)* 64

3.6 Kerangka Teori *Meyppātu* 66

3.7 Kesimpulan 67

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 68

4.2 Mengenal Pasti *Envakai Meyppãtu* dan Menganalisis Cara-cara Pengarang M. Ramaiah Mencetuskannya Dalam Novelnya 69

4.2.1 Rasa Tawa Atau *Nakai* Dalam Novel Ramaiah 70

4.2.1.1 Ejekan Atau *Eḻḻal* 71

4.2.1.2 Keanak-Anakan Atau *Iḻamai* 75

4.2.1.3 Kejahilan Atau *Matan* 79

4.2.1.4 Kebodohan Atau *Pētaimai* 83

4.2.2 Tangisan Atau *Alukai* Dalam Novel M. Ramaiah 86

4.2.2.1 Terhina Atau *Iḻivu* 87

4.2.2.2 Kehilangan Atau *Iḻavu* 95

4.2.2.3 Kedaifan Atau *Acaivu* 99

4.2.2.4 Kemiskinan Atau A*aṟumai* 103

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3 Hina Atau *Iiivaral* Dalam Novel M.Ramaiah 108

4.2.3.1 Ketuaan Atau *Mūppu* 110

4.2.3.2 Penyakit Atau *Piṇi* 114

4.2.3.3 Kesedihan Atau *Varuttam* 117

4.2.3.4 Keuzuran Atau *Meṉmai* 119

4.2.4 Kagum Atau *Marutkai* Dalam Novel M. Ramaiah 124

4 .2.4.1 Keanehan Atau *Putumai* 125

4.2.4.2 Takjub Atau *Perumai* 129

4.2.4.3 Kehalusan Atau *Ciṟumai* 133

4.2.4.4 Pembaharuan Atau *Akkam* 135

4.2.5 Takut atau *Accam* dalam Novel M. Ramaiah 138

4.2.5.1 Makhluk Halus atau *Aṇaṅku* 139

4.2.5.2 Binatang Liar atau *Vilaṅku* 141

4.2.5.3 Perompak atau *Kalvar* 143

4.2.5.4 Pihak Atasan atau *Iṟai* 144

4.2.6 Rasa Bangga atau *Perumitham* dalam Novel M. Ramaiah 150

4.2.6.1 llmu atau *Kalvi* 151

4.2.6.2 Keistimewaan atau *Taṟukaṇ* 154

4.2.6.3 Kemasyhuran diri atau *Pukaḻmai* 157

4.2.6.4 Murah hati atau *Koṭai* 160

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.7 Marah atau *Vekuḻi* dalam Novel M. Ramaiah 161

4.2.7.1 Penderaan Fizikal atau *Uṟuppaṟai* 163

4.2.7.2 Cukai atau *Kuṭikōl* 166

4.2.7.3 Hukuman atau *Alai* 166

4.2.7.4 Pembunuhan atau *Kolaị* 167

4.2.8 Gembira atau *Uvakai* dalam Novel M. Ramaiah 170

4.2.8.1 Kekayaan atau *Celvam* 172

4.2.8.2 Keindahan atau *Pulaṉ* 175

4.2.8.3 Persetubuhan atau *Puṇarvu* 176

4.2.8.4 Permainan atau *Viḻaiyāṭṭu* 178

4.3 Menghuraikan Unsur-unsur Pengajaran yang disampaikan oleh Pengarang melalui Cetusan *Envakai Meyppātu* 191

4.3.1 Tidak Ejek-Mengejek Sesama Manusia 192

4.3.2 Tidak Bersikap Keanak-anakan 195

4.3.3 Tidak Bersikap Jahil atau *Maṭaṉ* 197

4.3.4 Jangan Bersikap Bodoh atau *Pētaimai* 201

4.3.5 Haruslah Mengamalkan Kehiidupan Ceria dengan Berketawa 204

4.3.6 Mengelakkan Sikap Menghina Orang Lain 205

4.3.7 Haruslah Tabah Menghadapi Kematian 211

4.3.8 Harus Gigih Berusaha Mengatasi Kemiskinan 212

4.3.9 Harus Menghormati Ibu Bapa yang Meningkat Usia 214

4.3.10 Harus Berusaha Mengubati Penyakit atau *Piṇi* 219

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.11 Harus Berusaha dengan Rajin untuk Mencapai Matlamat Hidup 222

4.3.12 Tidak Harus Takut Menentang Ketidakadilan dalam Masyarakat 225

4.3.13 Tidak Bersikap Terlalu Membangga Diri 230

4.3.14 Harus Mengawal Perasaan Marah 234

4.3.15 Tidak Terlibat dalam Aktiviti Curang 237

4.3.16 Harus Mementingkan Pendidikan Kaum Wanita 244

4.3.17 Harus Menjauhi Perbuatan Fitnah-Memfitnah 249

4.3.18 Harus Melindungi Kanak-kanak daripada Gejala Penderaan 254

4.4 Kesimpulan 262

BAB 5 RUMUSAN

5.1 Pengenalan 264

5.2 Perbincangan dan Dapatan Kajian 265

5.2.1 Mengenal pasti *Envakai Meyppātu* Terpapar dalam Novel M.Ramaiah 266

5.2.2 Menganalisis Cara-cara pengarang M. Ramaiah Mencetuskan *Meyppātu* dalam Novelnya 269

5.2.3 Menghuraikan Unsur-unsur Pengajaran yang disampaikan oleh Pengarang melalui Cetusan *Envakai Meyppātu* 272

5.3 Cadangan Kajian Selanjutnya 275

5.4 Kesimpulan 277

RUJUKAN 279

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Senarai Novel-Novel Terpilih M. Ramaiah	17
1.2	Senarai Unsur dan Punca *Meyppātu*	21
3.1	Senarai Novel-Novel Terpilih M.Ramaiah	48
3.2	Senarai Unsur dan Punca *Meyppãtu*	54
4.1	*Meyppatu* Tawa Mengikut Punca Dalam Setiap Novel M. Ramaiah	71
4.2	*Meyppatu Tangisan* Mengikut Punca Dalam Setiap Novel M. Ramaiah	87
4.3	*Meyppatu* Hina Mengikut Punca Dalam Setiap Novel M. Ramaiah	109
4.4	*Meyppatu* Kagum Mengikut Punca Dalam Setiap Novel M. Ramaiah	124
4.5	*Meyppatu* Takut Mengikut Puncanya Dalam Setiap Novel M. Ramaiah	139
4.6	*Meyppatu* Bangga Mengikut Punca Dalam Setiap Novel M. Ramaiah	151
4.7	*Meyppatu* Marah Mengikut Punca Dalam Setiap Novel M. Ramaiah Dalam Setiap Novel	163
4.8	*Meyppatu* Gembira Mengikut Punca Dalam Setiap Novel M. Ramaiah	171

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9	Senarai *Envakai Meyppāṭu* (lapan variasi rasa), Punca-puncanya dan Situasi-situasi Berkaitan	180
4.10	Senarai Pengajaran yang Diterapkan Dalam Novel-novel M. Ramaiah	259
4.11	Senarai Pengajaran Bersifat Positif	260
4.12	Senarai Pengajaran Bersifat Negatif	261
5.1	*Envakai Meyppāṭu* dan Bilangan Puncanya dalam Novel-novel M. Ramaiah	266
5.2	Senarai Pengajaran yang Diterapkan Dalam Novel-novel M. Ramaiah	273

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Reka bentuk Kajian	45
3.2	Aliran Metodologi Kajian	50
3.3	Proses Kualitatif Penganalisisan Data	52
3.4	Kerangka Teori *Meypāttu*	66

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

NGO	Non Govermental Organisastion
tv	Televisyen
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPR	Sijil Pelajaran Rendah
USM	University Sains Malaysia
YB	Yang Berhormat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TRANSLITERASI

NOTES ON TRANSLITERATION AND DIACRITICAL MARKS

The system adopted here is the same as in the Tamil Lexicon of the University of Madras, Vol. VI, p.XXVIII.

Tamil alphabets and their English symbols with diacritical marks:

VOWELS

அ	:	*a*	உ	:	*u*	ஐ	:	*ai*
ஆ	:	*ā*	ஊ	:	*ū*	ஒ	:	*o*
இ	:	*i*	எ	:	*e*	ஓ	:	*ō*
ஈ	:	*ī*	ஏ	:	*ē*	ஔ	:	*au*

CONSONANTS

க்	:	*k*	ங்	:	*ṅ*	ய்	:	*y*
ச்	:	*c*	ஞ்	:	*ñ*	ர்	:	*r*
ட்	:	*ṭ*	ண்	:	*ṇ*	ல்	:	*l*
த்	:	*t*	ந்	:	*n*	வ்	:	*v*
ப்	:	*p*	ம்	:	*m*	ழ்	:	*ḻ*
ற்	:	*ṟ*	ன்	:	*ṉ*	ள்	:	*ḷ*

SANSKRIT LETTERS

ஜ்	:	*j*	ஸ்	:	*s*
ஷ்	:	*ṣ*	க்ஷ்	:	*kṣ*
ஹ்	:	*h*			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun si

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Kesusasteraan ialah cerminan pemikiran dan perasaan sesebuah masyarakat yang dijalinkan dengan bahasa yang indah. Keindahan hasil kesusasteraan ini dapat memukau rasa dan perasaan serta mempengaruhi minda pendukungnya. Sebenarnya, seseorang karyawan berusaha memukau rasa dan perasaan pembacanya yang wujud secara semula jadi dalam diri serta mempengaruhi mindanya berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam persekitaran berlandaskan rasa atau *meyppātu* untuk mempertajam pandangan dan pemikiran manusia terhadap kehidupannya, memperkaya jiwa manusia dan meninggikan tingkat peradaban manusia. Oleh itu, novel bolehlah dikatakan sebagai genre kesusasteraan yang memang mempunyai kelebihan tertentu. Dalam konteks ini, kajian ini akan meneliti cara-cara hasil karya novel berupaya mempengaruhi faktor dalaman pembacanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, seseorang novelis juga akan melakarkan pandangannya terhadap dunia melalui peristiwa-peristiwa yang dipaparkan dalam karyanya. Watak-watak khayalan yang diwujudkan dalam ceritanya merupakan suatu bentuk hiburan dan ruang untuk kita menjenguk sudut pandangan penulis tersebut. Seiring dengan ini, genre novel akan membuka ruang kepada pembaca untuk melihat pelbagai aspek dunia masyarakatnya kerana penulis bercenderung untuk menerapkan semua aspek kehidupan dalam karyanya itu yang berpaksikan akar budaya masyarakat di sekelilingnya.

1.2 Latar Belakang Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Salah satu genre kesusasteraan yang paling popular ialah novel. Kata novel berasal daripada kata Itali *novella* yang membawa maksud sesuatu yang baru, berita atau sesebuah cereka yang bercorak baru. Sebenarnya, kata *novella* diambil daripada kata Latin *novella*. Dilihat dari sudut definisinya, novel boleh diertikan sebagai karya fiksyen yang panjang (Hashim Awang, 1984). Dalam erti kata lain, novel ialah karangan berbentuk cereka, iaitu cerita rekaan yang dikarang dalam bentuk prosa. Oleh itu, novel dikategorikan sebagai prosa naratif (Rahman Shaari, 2001).

Selain itu, novel ialah suatu bentuk rakaman bertulis yang memaparkan watak-watak yang sering kita temui dalam kehidupan seharian kita (Manonmani Devi, 2008). Watak-watak tersebut pula dipaparkan kepada pembacanya dengan mengabung jalinkan latar, plot, teknik plot dan unsur-unsur fiksyen lain di samping daya rasa, kepekaan dan keprihatinan penulis terhadap apa-apa yang diamati dan dialami oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat. Tegasnya, novel bukan sahaja suatu bentuk ilmu yang berseni tetapi turut merangkumi segala aktiviti manusia bercorak kreatif yang mencerminkan realiti hidup. Persoalan-persoalan yang dipaparkan dalam sesebuah karya novel merupakan rakaman realiti dalam masyarakatnya. Ringkasnya, novel merupakan renungan serta pengamatan pengarangnya yang diterjemahkan secara halus, indah dan berhemah kepada pembacanya.

Dalam konteks ini, novel ialah karya sastera yang dikatakan wujud sebelum abad 18, namun hanya bermula pada abad 18 sahaja diterima sebagai genre novel sebenar kerana mengandungi elemen-elemen asas yang dapat dikaitkan dengan novel. Seterusnya, pada abad19 pula, novel menjadi wadah hiburan yang utama dan popular (Ian Watt, 2001). Menjelang abad ke-20, novel telah berkembang dengan begitu pesat dan mewarnai dunia kesusasteraan serta menjadi genre sastera yang paling diminati di seluruh dunia. Oleh itu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa novel merupakan salah suatu bentuk kesusasteraan yang begitu menonjol pada era ini (Sababathy, 1999).

Dalam konteks kesusasteraan Tamil pula, cerita rekaan baharu ini dikenali sebagai *putiṉam, nāval, navīṉam, navīṉam* (Visvanathan, 1976). Sehubungan ini, kata *novel* ialah istilah bahasa Inggeris bermaksud baharu, lantaran itu istilah *putiṉam* ialah kata yang sesuai dalam bahasa Tamil (*Tamil Lexicon*, 1976). Menurut Sababathy (1992), tradisi penulisan novel dalam kesusasteraan Tamil amat berkait rapat dengan kehadiran British ke India sebagai penjajah. Kedatangan mereka telah merintis jalan kepada pengenalan novel di India. Malah, pada akhir abad ke-19, pengaruh genre novel ini mula mendapat tempat utama dan berkembang dengan pesat di India dan seterusnya di negara kita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam sejarah perkembagnan kesusasteraan Tamil, novel pertama ialah *Pirētāpa Mutaliyār Carittiram* hasil karya Mayuram Vethanayagam Pillai yang diterbitkan pada tahun 1876. Novel ini turut diangkat sebagai novel sulung dalam bahasa Tamil (Manonmani Devi, 2008). Lantaran itu, menurut Sauriraj (1997), Mayuram Vethanayagam Pillai diiktiraf sebagai 'Bapa Novel Tamil'. Selepas itu, novel mula mendapat *momentum* dan berkembang pesat serta bertapak dengan kukuh dalam dunia kesusasteraan Tamil. Ramai novelis yang tersohor mula menempa nama dalam bidang penulisan novel Tamil. Antara novelis tersohor ialah Kalgi, Mu.Varatharasan, Agilan, Jayakanthan, Asokamithran, Jaya Mohan dan penulis-penulis lain lagi.

Pengaruh perkembangan novel di India turut menempias masyarakat imigran Tamil di Tanah Melayu untuk berjinak-jinak dengan genre ini. Novel *Karuṇācākaraṇ allatu Kātaliṉ Māṭci* yang diterbitkan pada tahun 1917 oleh Vekatarettina merupakan karya sulung dalam bahasa Tamil dan beransur-ansur mula mendapat tempat dalam kalangan penulis dan pembaca di negara kita (Loganayagi, 1971). *Pālacuntaram* ataupun *Kēṇmaiyirkka Jeyam* pula merupakan novel kedua di negara kita hasil nukilan Supramaniam pada tahun 1918 (Mathialagan, 1988). Novel awal ini menggunakan Tamil Nadu sebagai latar tempat dan latar masyarakatnya serta dihasilkan dalam dua bahagian (Sababathy, 1992).

Perkembangan novel Tamil di Malaysia mula terbantut seketika dan hanya muncul semula selepas tahun 1930-an sebagai tradisi penulisan tempatan (Mathialagan, 1988). Banyak faktor termasuk Perang Dunia Pertama menjadi punca kemulut ini (Manonmani Devi, 2008). Pada tahun 1930-an, sebanyak 13 buah novel telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diterbitkan. Manakala, dalam tempoh masa antara tahun 1940-an hingga 1950-an hanya sebuah novel yang berjudul *Mōvāthamullai* hasil karya Narasimmaraj sahaja diterbitkan pada tahun 1949 (Sababathy, 1992). Era 1960-an merupakan dekad perkembangan pesat karya novel Tamil di Malaysia. Dekad 1970-an pula merupakan zaman yang cukup pesat dan bermakna kepada perkembangan novel Tamil di Malaysia (Sababathy, 1996). Dalam tempoh masa ini, sebanyak 23 buah novel telah diterbitkan. Dekad 1980-an turut memperlihatkan era yang membanggakan kesusasteraan Tamil Malaysia. Pada tempoh masa itu, sebanyak 25 buah novel pula telah diterbitkan (Manonmani Devi, 2008).

Dalam konteks ini, M. Ramaiah ialah seorang penulis tersohor yang prolifik kerana telah menghasilkan banyak hasil karya sastera. Sehingga hari ini, M. Ramaiah pernah menghasilkan sebanyak 500 cerpen, 100 esei, 50 sajak, 14 buah novel dan 3 buah novel bersiri. M. Ramaiah yang dilahirkan di Tangkak, Johor mula berkecimpung dalam dunia penulisan sejak 1940-an (Ramaiah, M. 2014). Selain itu, M. Ramaiah juga antara penulis veteran Tamil Malaysia yang masih lagi aktif dalam bidang penulisan. Pada tahun 1975, Ramaiah telah diberi gelaran *Ciṟukatai Maṉṉaṉ* yang bermaksud Raja Cerpen Tamil Malaysia. Malahan, A. Thevarajan dalam bukunya *Mimpi dan Impian* (2014) berpendapat bahawa Ramaiah ialah penulis prolifik yang tidak asing lagi di persada seni kreatif tanah air, khususnya dalam kalangan pencinta kesusasteraan Tamil Malaysia. Di samping itu, M. Ramaiah ialah penulis pertama dalam dunia kesusasteraan Tamil di Malaysia yang berjaya menerbitkan antologi cerpen pada tahun 1953.

Seterusnya, sesuatu hasil kesusasteraan dikatakan berupaya memukau rasa dan perasaan serta mempengaruhi minda pendukungnya. Sebenarnya, seseorang karyawan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berusaha memukau rasa dan perasaan yang wujud secara semula jadi dalam diri pembacanya serta mempengaruhi mindanya melalui pergolakan jiwa watak-watak dan peristiwa-peristiwa yang dipaparkan dalam persekitaran sosial berlandaskan teori *meyppātu.* Teori *meyppātu* yang diutarakan oleh pendeta Tolkappiyar menekankan *envakai meyppātu,* iaitu lapan jenis rasa seperti tawa, tangisan, hina, kagum, takut bangga, marah dan gembira yang tercetus dalam diri seseorang watak akibat pergolakan jiwa yang dialaminya. Selanjutnya, terdapat empat punca yang mencetuskan setiap *meyppātu* itu. Oleh itu, terdapat 32 punca yang mencetuskan 8 jenis *meyppātu* dalam diri seseorang watak yang terpapar dalam sesebuah karya sastera, terutama dalam novel.

M. Ramiah ialah seorang penulis tersohor dan prolifik dalam kesusasteraan di Malaysia kerana berjaya menghasilkan banyak karya sastera, terutama 14 buah novel dan 3 buah novel bersiri. Malahan, Presiden Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia, P. Rajendran berpendapat bahawa jika seseorang pengkaji luar negara yang ingin menghayati liku-liku kehidupan masyarakat Tamil di Malaysia perlulah mendalami karya-karya hasil karya M. Ramaiah. Pernyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa hasil karya M.Ramaiah merupakan cerminan realiti kehidupan masyarakat India di Malaysia. Justeru, pengkaji telah memilih sebanyak tujuh buah novel hasil karya M. Ramaiah untuk meninjau aspek penerapan teori *meyppātu* dalam karya tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Permasalahan Kajian

Rasa atau perasaan ialah perihal sesuatu yang dikecapi oleh lidah atau keadaan yang dialami oleh tubuh badan. Rasa tersebut ialah manis, tawar, masam, masin dan pedih. Sementara itu, rasa atau perasaan juga dikaitkan dengan keadaan hati yang lebih dikenali sebagai minda apabila berhadapan dengan sesuatu objek atau kejadian. Rasa jenis ini dikaitkan dengan perasaan sedih, kecewa, pilu, senang hati dan sebaginya (Kamus Dewan Edisi Baru, 1993). Sehubungan ini, *Merriam-Webster Online Dictionary* (2020), juga mendefinisikan rasa atau perasaan sebagai keadaan tubuh badan secara umum atau sensasi dialami seseorang dan keadaan emosi atau reaksi minda. Secara ringkas, rasa atau perasaan merujuk kepada keadaan tubuh badan atau minda terhadap sesuatu objek atau keadaan. Rasa atau dalam bahasa Inggeris *taste* adalah berkaitan dengan sensori badan dan menjadi fokus kajian fisiologi. Sebaliknya, rasa atau perasaan (*feelings*) yang berhubung dengan minda ialah fokus kajian sastera termasuk kajian ini.

Menurut Antonio Damasio (2013), seorang ahli neurosains, rasa (*feelings*) ialah pengalaman minda akibat keadaan badan seseorang berikutan tindak balasnya terhadap sesuatu rangsangan luaran berupa objek atau kejadian. Umpamanya, apabila berlaku sesuatu kebakaran, tubuh badan, terutama kulit akan berasa panas lalu rangsangan ini akan mencetuskan perasaan takut dalam minda seseorang. Oleh itu, rasa atau perasaan takut yang dimaksudkan ialah keadaan diri minda seseorang.

Dalam pada itu, Sarah Mckay (2020), juga seorang ahli neurosains, menyatakan bahawa emosi harus dibezakan daripada rasa. Menurutnya, emosi beraksi dalam di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teatre tubuh badan, sementara itu rasa beraksi di teatre minda seseorang. Namun, emosi dan perasaan adalah saling berkaitan kerana emosi mencetuskan sesuatu perasaan. Mengikut, Vanden Bos, Gary (2006), perasaan dikenal sebagai keadaan kesedaran yang timbul daripada emosi, sentimen atau keinginan. Sesuatu perasaan hanya dapat dirasakan dan bersifat abstrak. Secara ringkas, rasa atau perasaan yang dimaksudkan ialah bukanlah emosi, tetapi kesedaran minda apabila seseorang berhadapan dengan sesuatu rangsangan di sekelilingnya.

Selanjutnya, menurut Hochschild, Arlie Russell (2003) terdapat pelbagai rasa seperti kemarahan, kebahagian, kegembiraan, tekanan dan keriangan dialami dalam kehidupan kita. Rasa ini dialami apabila tubuh kita bertindak balas terhadap sesuatu emosi. Sementara itu, Paul Eckman (1994) menyatakan bahawa terdapat enam jenis rasa utama seperti kegembiraan, kemarahan, kesedihan, kejijikan, kehairanan dan ketakutan. Manakala, Mureen Marzi Wilson (2020) telah mengenal pasti sebanyak sepuluh perasaan seperti kegembiraan, kesedihan, dikasihi, kekesalan, ketakutan, keharuan, keyakinan, ingin tahu, kemarahan dan malu. Oleh itu, adalah tiada satu kata putus tentang bilangan rasa. Namun demikian, secara umum semua rasa dapat dikategorikan kepada dua jenis rasa, iaitu perasaan menyenangkan atau perasaan positif dan perasaan tidak menyenangkan atau perasaan negatif. Rasa seperti kegembiraan, kebahagian, dikasihi dan keyakinan ialah perasaan positif yang disenangi oleh semua lalu tidak mendatangkan sebarang masalah kepada seseorang. Sebaliknya, rasa seperti kemarahan, kesedihan, ketakutan dan kekesalan ialah perasaan negatif yang tidak disenangi oleh semua orang kerana mendatangkan pelbagai kesulitan dan semua orang berusaha untuk menjauhinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan ini, Bar-Anan, Y; Wilson, T. D.; Gilbert, D. T. (2009) menegaskan bahawa perasaan negatif atau perasaan tidak menyenagkan yang tidak terkawal boleh mendatangkan penderitaan pada diri seseorang dan kesulitan kepada orang di sekelilingnya. Apabila seseorang yang berhadapan dengan tekanan dan masalah akan tercetus perasaan seperti marah, sedih, takut dan kesal yang akan mendesaknya bertindak secara tidak wajar dan melulu seperti mencederakan diri. Apabila mengalami perasaan yang tidak menyenangkan itu, seseorang itu berharap agar perasaan itu lenyap begitu sahaja. Namun apabila ini tidak berlaku, Tindakan seperti mencederakan atau menyakiti diri sendiri kadang-kadang menjadi jawapan kepada banyak individu kerana mereka menginginkan sesuatu yang dapat mengalihkan minda mereka daripada masalah sebenarnya. Individu-individu ini akan menghiris, menikam, dan berlapar dalam usaha untuk merasakan sesuatu yang lain daripada yang dirasakan sekarang kerana mereka percaya bahawa kesakitan itu tidak seburuknya masalah sebenarnya. Pengalihan minda kepada tindakan yang tidak wajar ini bukanlah satu-satunya sebab banyak individu memilih untuk mencederakan diri sendiri. Sebenarnya, sebilangan orang mencederakan diri kerana berasa sedemikian. Sementara itu, individu yang mengalami perasaan negatif sedemikian turut bertindak untuk mencederakan atau menyakiti orang lain. Oleh itu, setiap manusia harus memahami sifat-sifat perasaan negatif ini agar dapat menyelamatkan diri dan orang lain daripada bertindak liar dan tidak wajar.

Antara rasa ini, marah merupakan perasaan yang paling berbahaya sekiranya tidak terkawal. Kemarahan ialah suatu perasaan biasa dalam kehidupan manusia. Namun, kemarahan yang tidak terkawal boleh meningkatkan kebarangkalian atau intensitinya lalu dapat memulakan perlakuan lisan atau fizikal. Menurut DeFoore,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

William (1991), kemarahan adalah mirip periuk tekanan, kita hanya dapat memberi tekanan terhadap kemarahan kita untuk jangka masa tertentu sehingga meletupnya. Mengikut Hoffman (2013), perasaan marah juga dikaitkan dengan rasa seperti kesal, gelisah, pedih, terhina, sinis, tidak berpuas, terganggu, kecewa, geram, kusut, permusuhan, tidak sabar, terdesak dan ingin mendendam. Kemarahan yang tinggi dan tidak terkawal boleh menyebabkan masalah dalam hubungan dengan rakan dan keluarga di samping mencetuskan masalah di tempat kerja, kewangan, kesihatan fizikal dan mental. Kemarahan juga sering kali menjadi punca pembunuhan, kegiatan ganas, pemusnahan harta benda, dan penyalahgunaan (*abuse*), sama ada fizikal, lisan, atau seksual. Insiden keganasan rumah tangga juga meningkat (Louise B. Miller, 2020).

Seterusnya, kesedihan ialah kesakitan minda yang lazimnya dikaitkan dengan perasaan kesal, tertekan, kecewa, terluka, suram, patah hati, kehilangan, putus asa, kesunyian, tidak berdaya, kecewa, rindu, melankolik dan letih lesu (Hoffman, 2013). Seseorang yang mengalami kesedihan mungkin menjadi pendiam atau lesu, dan mengasingkan diri daripada orang lain. Apabila keadaan ini berlarutan, seseorang mengalami kemurungan yang boleh membawa gangguna mental yang serius (Jellesma, F.C., Vingerhoets & Ad J.J.M., 2012). Seseorang yang mengalami kemurungan dan gangguan mental kronoik seperti skizofrenia dan psikosis dikatakan bercenderung untuk membuh diri dan menampilkan perlakuan terlalu agresif.

Sementara itu, ketakutan ialah perasaan yang disebabkan oleh keadaan bahaya atau ancaman yang dirasakan lalu membawa perubahan fisiologi dan akhirnya perubahan tingkah laku seperti melarikan diri, bersembunyi, atau membeku daripada bertindak akibat kejadian trauma yang dirasakan. Lazimnya, ketakutan tercetus apabila

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seseorang bimbang akan hal berkaitan dengan kesihatan, keselamatan, persekitaran, penyakit berjangkit, kewangan, pekerjaan, kegagalan dan fobia berkaitan dengan objek, kejadian atau binatang tertentu. Perasaan takut ini akan turut mencetuskan rasa cemas, ragu-ragu, gementar, panik, ngeri dan risau. Apabila rasa ketakutan berterusan, sama ada bahaya fizikal di persekitaran atau ancaman yang dirasakan, akan mengalami kesan negatif dalam semua aspek kehidupan dan bahkan menampil sifat tidak mampu. Selain itu, perasaan takut yang kronik akan turut menjejaskan kesihatan fizikal dan mental, daya ingatan dan keupayaan otak, dan mengalami trauma (University of Minnesota, 2020).

Sehubungan ini, pelbagai masalah sosioal, ekonomi, agama dan politik mencengkam golongan individu, keluarga, masyarakat dan negara tercetus kerana sebahagian besar manusia sering diselubungi perasaan negatif yang yang tidak rational dan tidak tahu cara mencegahnya. Fenomena ini tercetus kerana mereka kurang terdedah kepada konsep rasa yang meliputi sifat-sifat, punca dan kesannya. Dalam konteks ini, pendeta Tolkappiyar pernah mengutarakan konsep rasa, *meyppātu* dalam karyanya *Tolkāppiyam*. Beliau menekankan *envakai meyppātu,* iaitu lapan variasi rasa utama seperti tawa, tangisan, hina, kagum, takut bangga, marah dan gembira yang menentukan sifat dan sikap seseorang dalam hubungannya dengan orang lain. Sebenarnya, pengetahuan tentang *envakai meyppātu* adalah penting untuk memahami isu dan masalah hidup yang dipaparkan melalui perwatakan dan peristiwa tertentu untuk mencegah pergolakan dalam diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Seseorang yang kurang terdedah atau mengetahui cara memelihara, mengurus dan mengimbangi rasa ini dalam kehidupan sehariannya akan menghadapi masalah dalam menjalinkan hubungan sosial yang sihat dan harmoni.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya, mengikut Shiyamala, J. (2009) *meyppātu* merupakan manifestasi gambaran sebenar tentang perasaan yang tercetus secara semula jadi dalam diri seseorang manusia. Rasa *meyppātu* bukanlah sesuatu yang direka-reka, sebaliknya merupakan sesuatu perasaan semula jadi yang diiringi oleh perubahan luaran tertentu pada tubuh badan seseorang. Rasa *meyppātu* ini menjadi sifat umum yang dimiliki oleh manusia sejagat.

Namun, pada era serba moden yang penuh dengan pelbagai cabaran dan pergolakan hidup, penghayatan *envakai meyppātu* ini semakin merosot lalu masyarakat berhadapan dengan pelbagai permasalahan hidup. Aruljoti, Ce. (2005) menegaskan bahawa *envakai meyppātu* dapat melahirkan masyarakat berbudaya tetapi beliau turut mendapati bahawa rasa ini semakin luntur lalu keadaan ini menjejaskan ikatan persaudaraan dalam masyarakat kita. Masyarakat pada hari dikatakan menghadapi masalah dalam menampilkan *envakai meyppātu* yang wajar dan sederhana mengikut situasi sosial tertentu. Menurut Aruljoti lagi, sebahagian rasa ini sudah berubah sifatnya lalu masyarakat menerapkannya untuk menampilkan sikap kepura-puraan dan keangkuhan diri.

Dalam konteks ini, pengkaji yakin bahawa kajian teori *meyppātu* yang menekankan *envakai meyppātu* ini sangat releven dengan masalah ini. Tekanan emosi yang ketara akibat mengabaikan *envakai meyppātu* dalam masyarakat boleh membawa konflik dalam diri sendiri di samping konflik dan pergesaran antara diri dengan keluarga, masyarakat dan pelbagai institusi negara. Dalam pada itu, di sinilah timbul peranan karyawan dan sastera untuk menekankan kepentingan *envakai meyppātu* kepada masyarakat dalam menjalani kehidupan sosial yang harmoni.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya, seseorang karyawan berusaha memukau rasa dan perasaan yang wujud secara semula jadi dalam diri pembacanya untuk mempengaruhi mindanya melalui pergolakan jiwa watak-watak dan peristiwa-peristiwa yang dipaparkan dalam persekitaran sosial berlandaskan teori *meyppātu.* Oleh itu, pengkaji ingin melihat cara penulis M. Ramaiah mencerminkan perasaan watak-wataknya, terutama *envakai meyppātu,* ketika memaparkan isu dan masalah hidup yang menimpa diri mereka untuk tatapan dan penghayatan para pembacanya. Pendekatan ini boleh dijadikan sebagai teladan dan panduan untuk masyarakat memahami perasaan diri sendiri dan orang lain serta segala permasalahan hidup yang dihadapi oleh mereka akibat terlunturnya pemahaman tentang *envakai meyppātu* ini lalu dapat membantu para pembaca melahirkan interaksi dan situasi sosial yang mesra, harmoni dan sihat.

Di samping itu, kehadiran M. Ramaiah dalam dunia penulisan novel Tamil Malaysia memang sangat dirasakan kepentingannya kerana beliau ialah seorang penulis yang prolifik yang telah menghasilkan banyak karya dan berpengalaman begitu luas, iaitu melebih 70 tahun. Ramaiah juga menerima gelaran '*Ci̲rukatai Ma̲n̲na̲n̲*' yang bermaksud Raja Cerpen Tamil Malaysia atas ketokohan belaiu menghasilkan karya kreatif yang dapat memukau para pembacanya. Oleh itu, M. Ramaiah bukanlah calang-calang orangnya kerana ketajaman penulisan beliau bagaikan seorang doktor sastera yang mengubati pergolakan sukma masyarakat. Seseorang pengkarya kreatif yang berpengalaman luas seperti M. Ramaiah tidak semata-mata mencipta sesuatu baharu dalam kosongan, sebaliknya menggunakan gagasan, pengalaman, pemikiran dan pengamatannya, iaitu kepengarangannya untuk mencerminkan perasaan, pemikiran dan isu-isu di sekeliling untuk tatapan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bertitik tolak daripada andaian inilah, karya-karya M. Ramaiah telah dipilih untuk kajian ini. Oleh itu, pengkaji akan mengenal pasti *envakai meyppātu,* iaitu lapan jenis rasa yang terpapar dalam novel karya M. Ramaiah. Beliau didapati mencerminkan persoalan dan isu-isu yang sering berlaku dalam masyarakat melalui watak dan perwatakan yang menampilkan pelbagai rasa yang tidak wajar, melulu atau gagal mengawal perasaan negatifnya yang menjadi punca isu-isu tersebut.

Melalui kajian ini juga, pengkaji akan menganalisis dan mengemukakan punca-punca rasa *meyppātu* itu tercetus dalam diri watak yang dipaparkan dalam novel M. Ramaiah kerana semua permasalahan hidup yang dipaparkan dalam novel-novel tersebut menunjukkan ada hubung kait dengan persoalan *meyppātu*. Pengkaji yakin bahawa penelitian *envakai meyppātu* dalam novel-novel ini akan memberi kesedaran dan keinsafan kepada pembaca tentang cara menguruskan pelbagai rasa ini dalam huubungan dengan orang lain demi melahirkan interaksi dan suasana sosial yang harmoni, mesra dan sihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertajuk *Cetusan Envakai Meyppātu Dalam Novel M. Ramaiah* akan meninjau sebanyak tujuh buah novel hasil nukilan M.Ramaiah. Objektif kajian adalah seperti berikut**:**

i. Mengenal pasti *envakai meyppātu* yang terpapar dalam novel-novel karya M.Ramaiah**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Menganalisis cara-cara pengarang M. Ramaiah mencetuskan *meyppātu* dalam novel-novelnya.

iii. Menghuraikan unsur-unsur pengajaran yang disampaikan oleh pengarang melalui cetusan *envakai meyppātu.*

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut**:**

i. Apakah *envakai meyppātu* yang terpapar dalam novel karya M. Ramaiah?

ii. Bagaimanakah pengarang mencetuskan *meyppātu* dalam novel-novelnya?

iii. Apakah unsur-unsur pengajaran yang disampaikan oleh pengarang melalui cetusan *envakai meyppatu*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini cuba meneliti dan mengenal pasti teori *meyppāṭu* yang terpapar dalam tujuh buah novel terpilih hasil karya M. Ramaiah. Dengan ini, pengkaji dapat mengetengahkan *envakai meyppāṭu* yang terkandung dalam hasil karya beliau untuk tatapan masyarakat. Pengkaji juga turut dapat menilai tahap keberkesanan penulis M. Ramaiah memaparkan *envakai meyppāṭu* dalam novel-novelnya agar dapat dieksploitasi oeh para pembaca.

Kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai garis panduan untuk menghayati perasaan dan perlakuan watak-watak yang terpapar dalam novel-novel M. Ramaiah. Sebenarnya, pengetahuan tentang *envakai meyppātu* adalah penting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk memahami isu dan masalah hidup yang dipaparkan melalui perasaan watak, peristiwa serta pergolakan dalam diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Pemahaman jelas akan *envakai meyppātu* ini membolehkan para pembaca menghayati kelapan-lapan jenis *meyppāṭu* dalam mendekati isu, masalah, pergolakan jiwa dan konflik yang menimpa diri sendiri dan dalam hubungan sesama manusia.

Seterusnya, melalui kajian ini pengkaji dapat menganalisis punca-punca yang mencetuskan *envakai meyppātu* dalam diri watak yang terpapar dalam novel karya M. Ramaiah**.** Pengetahuan ini amat diperlukan untuk mengenali lebih dekat akan masysrakat, terutama masyarakat India. Secara tidak langsung, maklumat dan dapatan yang diperoleh daripada hasil kajian ini akan dapat dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat, khususnya pembaca untuk memahami manusia di sekitarnya dan membolehkan penerapan teori *meyppātu* dalam hubungan sesama manusia serta membantu ke arah melahirkan masyarakat yang seimbang dan harmonis.

Selain itu, kajian ini turut berusaha mengenal pasti dan menghuraikan kesesuaian penggunaan *envakai meyppātu* dalam novel karya M. Ramaiah. Teori *meyppātu* yang akan dicungkil akan menjadi panduan dan pedoman dalam kehidupan seharian. Selain itu, kajian ini membolehkan semua golongan mengenal pasti dan mencari jalan penyelesaian yang positif dalam menghadapi isu dan permasalahan hidup. Melalui kajian ini juga, pembaca dapat meneladani dan menambahkan ilmu pengetahuan untuk memahami teori *meyppātu* serta membantu mengatasi segala permasalahan dalam kehidupan seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, kajian ini yang menganalisis novel-novel terpilih M. Ramaiah berdasarkan teori *meyppãdu* yang diutarakan oleh Tolkapiyar juga diharapkan akan menjadi rujukan kepada para siswazah dan juga pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan di samping mencipta dan menampilkan novel-novel yang memaparkan teori *meyppãtu.* Kajian ini juga diharap akan memberi kesedaran serta mendorong para peminat kesusasteraan lebih mengenali dan menghayati *envakai meyppãtu.*

1.7 Batasan Kajian

Kajian tentang cetusan *envakai meyppãtu* dalam novel M. Ramaiah mempunyai beberapa batasan. Kajian ini terbatas kepada novel-novel yang terpilih sahaja dan bukan meninjau keseluruhan hasil karya penulis M.Ramaiah.

Di samping itu, kajian ini hanya akan mengambil kira sebanyak tujuh buah novel sahaja untuk mengkaji secara lebih mendalam teori *meyppãtu* yang terkandungnya. Senarai novel M. Ramaiah yang digunakan dalam kajian ini terpapar dalam Jadual 1.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1

Senarai *Novel Terpilih M. Ramaiah*

Bil.	Judul Novel	Tahun Terbitan
1	*Viḻalum Nīrum*	1999
2	*Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu*	1976
3	*Caṅkamam*	1995
4	*Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai*	2009
5	*Neruppu Cuṉai*	2009
6	*Maṉa Ūṉaṅkaḷ*	2001
7	*Aḻakiṉ Ārātaṉai*	1992

Sebanyak tujuh buah novel tersebut dipilih sebagai bahan kajian ini atas alasan tertentu. Pertama, kesemua novel ini digerakkan oleh watak wanita dan lelaki sebagai watak utama yang berbeza latar sosioeknomi serta latar masa dan masyarakat yang menampilkan pelbagai perasaan dalam menempuh kehidupan yang penuh rintangan dan halangan dalam kehidupan masing-masing. Lantaran itu, agak menarik jika teori *meyppãtu* dikupas berdasarkan watak-watak tersebut. Selain itu, novel-novel ialah genre yang paling sesuai untuk meneliti *teori meypāttu* kerana perwatakan, terutama pelbagai perasaan dan gerak-gerik manusia hanya dilakarkan secara terperinci dan mendalam dalam novel-novel sahaja.

Sementara itu, pengaji telah memilih teori *envakai meyppātu* yang dipelori oleh Tolkappiyar. Pendeta Tolkappiyar telah membincangkan lapan jenis *meyppātu,* iaitu tawa, tangisan, hina, kagum, takut, bangga, marah dan gembira. Setiap jenis *meyppãtu* atau rasa tersebut dicetuskan oleh empat punca yang dikenali *nilaikalangal.* Lapan jenis *meyppãtu* ini dikenali sebagai *envakai meyppātu* atau lapan variasi rasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Sumber Kajian

Data ialah suatu keperluan amat penting dalam sesebuah kajian. Seseorang pengkaji sangat memerlukan data ini untuk menganalisis, menguraikan dan membuat sintesis tentang fenomena yang dikajinya itu. Dalam kajian yang berjudul *Cetusan Envakai Meyppātu Dalam Novel M. Ramaiah* ini, dua sumber data akan digunakan, iaitu sumber premier dan sumber sekunder.

1.8.1 Sumber Premier

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, tujuh buah novel M. Ramaiah ialah sumber premier memandangkan kajian ini ialah kajian kepustakaan yang menggunakan kajian analisis teks. Tujuh buah novel yang terpilih sebagai bahan kajian ialah novel *Vi̲lalum Nīrum, Oru Tāyi̲n̲ Ilacciyak Ka̲n̲avu, Caṅkamam, Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai, Neruppu Cu̲n̲ai, Ma̲n̲a Ū̲n̲aṅkaḷ danA̲la̲ki̲n̲ Ārāta̲n̲ai.*

Sejajar dengan tajuk kajian ini, teori yang memandu kajian ini ialah Teori *Meyppātu* yang diutarakan oleh pendeta Tolkappiyar dalam teks klasiknya *Tolkāppiyam*. Oleh sebab teks ini ditafsirkan oleh ramai sasterawan, hasil tafsiran Ilampooranar adalah dianggap sebagai tafsiran terbaik dan lengkap. Oleh itu, teks tafsiran Ilampooranar ialah teks teori kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.2 Sumber Sekunder

Sumber kedua ialah sumber sekunder yang bertindak sebagai landasan untuk melaksanakan kajian ini. Sumber sekunder ini ialah buku-buku berkaitan dengan teori dan novel. Di samping itu, penulisan ilmiah, artikel, jurnal dan artikel kritikan serta buku-buku sejarah perkembangan sastera Tamil Malaysia juga turut digunakan untuk melengkapkan kajian ini.

1.9 Definisi Konsep

Sebenarnya, pengetahuan tentang *envakai meyppātu* adalah penting untuk memahami isu dan masalah hidup yang dipaparkan melalui perasaan watak, peristiwa serta pergolakan dalam diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Dalam kajian ini, terdapat beberapa perkataan atau istilah yang perlu difahami oleh para pembaca. Oleh itu, pengkaji telah meyeneraikan beberapa istilah serta definisi konsep untuk memudahkan pembaca untuk memahami setiap istilah tersebut. Tafsiran definisi kosep adalah berdasarkan tajuk kajian iaitu berjudul *Cetusan Envakai Meyppāātu Dalam Novel M. Ramaiah* .

1.9.1 Aspek

Mengikut *Merriam-Webster's Collegiate Dictionary* (1993) aspek merupakan sudut pandangan terhadap sesuatu, iaitu cara yang boleh dilihat oleh minda yang merangkumi semua keadaan atau seseorang baik secara visual atau mental . Aspek juga dikenali

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai ciri atau bahagian dalam sesuatu bidang, perkara dan hal-hal lain yang perlu diberi perhatian. Dalam konteks kajian ini, aspek ini boleh dikaitkan dengan cara pemaparan watak-watak atau ekspresi wajahnya .

1.9.2 *Meyppāttu*

Dalam proses penghasilan novel, seseorang penulis itu menekankan pelbagai perasaan hidup watak-watak dengan menggabungkan perasaan sebenar yang dialami oleh masyarakat di sekitarnya. Aspek *envakai meyppātu,* iaitu lapan variasi rasa menjadi tumpan dalam kajian novel-novel ini. Kelapan-lapan jenis rasa ini dilahirkan oleh seseorang manusia mengikut situasi sosial tertentu dan rasa ini dapat dikesan dengan cara tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

உய்த்துணர்வு இன்றித் தலைவரு பொருளான்
மெய்ப்பட முடிப்பது மெய்ப்பா டாகும்.
(இளம்பூரணர் 1460)

எண்வகை இயல்நெறி பிழையா தாகி
முன்னுறக் கிளந்த முடிவினது அதுவே.
(இளம்பூரணர் 1461)

Perasaan seseorng manusia dapat diketahui melalui perubahan pada tubuh badan dan suaranya. Misalnya, melalui pengamatan yang melibatkan mata dan telinga, kita dapat memahami perubahan perasaan yang berlaku dalam diri seseorang. Biasanya, pergolakan jiwa seseorang individu dapat dikesan dengan mengamati perasaan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilahirkan serta perubahan pada tubuh badan seperti badan yang berpeluh, menggigil dan sebagainya.

Pendeta Tolkappiyar telah menyenaraikan lapan variasi rasa, *envakai meyppātu* ini dalam hasil karyanya berjudul *Tolkāppiyam.*

நகையே அழுகை இளிவரல் மருட்கை
அச்சம் பெருமிதம் வெகுளி உவகை என்று
அப்பால் எட்டே மெய்ப்பாடு என்ப. செய்யுள் 1196

Secara ringkas, lapan variasi rasa tersebut adalah terdiri daripada:

i. *nakai* - tawa
ii. *aḻukai* - tangisan
iii. *iḻivaral* - hina
iv. *maruṭkai* - kagum
v. *accam* - takut
vi. *perumitam* - bangga
vii. *vekuḷi* - marah
viii. *uvakai* - gembira

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap unsur *meyppāttu* ini masing-masing dapat dibahagi kepada empat jenis punca. Menurut teori *meyppāttu,* punca-punca ini menjadi pencetus *envakai meyppātu* ini. Punca-punca *envakai meyppātu* ini disenaraikan dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2

Senarai Unsur dan Punca Meyppātu

Bil	**Unsur-unsur Meyppātu**	**Punca-punca**			
1	*Nakai*- Tawa	*eḻḻal* - Ejekan	*iḻamai* - Keanak-anakan	*pētamai* – Kejahilan	*maṭaṉ* Kebodohan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2	*Aḻukai*– Tangisan	*iḻivu*- Terhina	*iḻavu*- Kehilangan	*acaivu*- Kedaifan	*vaṟumai*- Kemiskinan

Jadual 1.2 *(sambungan)*

Bil	**Unsur-unsur Meyppātu**	**Punca-punca**			
3	*Iḻivaral*- Hina	*mūppu*- Ketuaan	*piṇi* Penyakit	*varuttam* Kesedihan	*meṉmai* Keuzuran
4	*Maruṭkai*– Kagum	*putumai* – Keanehan	*perumai* – Takjub	*ciṟumai*- Kehalusan	*ākkam*- Pembaharuan
5	*Accam* – Takut	*aṇaṅku* – Makhluk halus	*vilaṅku* – Binatang liar	*kaḻvar* Perompak	*iṟai* Pihak atasan
6	*Perumitam* Bangga	*kalvi* – Ilmu	*taṟukaṇ* - Keberanian	*pukaḻmai*- Kemasyhuran diri	*koṭai* - Murah hati
7	*Vekuḷi* – Marah	*uṟuppaṟai* Penderaan fizikal	*kuṭikōl* Cukai	*alai*- Hukuman	*Kolai*- Pembunuhan
8	*Uvakai* – Gembira	*celvam*- Kekayaan	*pulaṉ*- Keindahan	*puṇarvu* – Persetubuhan	*viḷaiyāṭṭu* Permainan

1.9.3 Novel

Novel ialah karya sastera bersifat fiksyen yang berbentuk prosa dan ditulis secara naratif dalam bentuk cerita. Novel ialah genre sastera yang paling popular dalam kalangan pembaca sekarang. Kata 'novel' berasal daripada kata Itali *novella* yang membawa maksud sesuatu yang baru atau sesebuah cereka yang bercorak baru. Menurut Hashim Awang (1984), novel ialah karya fiksyen yang panjang, iaitu novel ialah karangan berbentuk cereka, iaitu cerita rekaan yang dikarang dalam bentuk prosa. Oleh itu, novel dikategorikan sebagai prosa naratif (Rahman Shaari, 2001). Novel, biasanya memaparkan kisah seseorang watak utama yang diiringi beberapa watak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sampingan. Watak-watak tersebut pula dipaparkan kepada pembacanya dengan menggabung jalinkan latar, plot, teknik plot dan unsur-unsur fiksyen lain di samping rasa, kepekaan dan keprihatinan penulis terhadap apa-apa yang diamati dan dialami oleh masyarakat. Watak-watak ini akan memaparkan pelbagai perasaan. Plot atau jalinan ceritaya adalah berdasarkan aspek permulaan, perkembangan, konflik, kemuncak dan peleraian yang akan menyelitkan aspek persoalan, nilai, pengajaran dan mesej yang menyentuh hati nurani pembacanya.

Tebal dan panjang sesebuah novel ini turut diambil kira. Lazimnya, cerita dalam sesebuah novel adalah panjang dan memerlukan masa setidak-tidaknya dua jam. Terdapat juga novel yang tebalnya 1000 muka surat. Novelis akan menggambarkan kisah berlaku berdasarkan latar tertentu dengan mengadunkan percintaan antara wira (hero) dengan wirawati (heroin) . Lazimnya, kisah dan watak yang dipaparkan dalam sesebuah novel dapat melahirkan pelbagai perasaan mengikut susunan plot ceritanya. Lazimnya, aspek konflik dan kemuncak boleh mencetuskan perasaan hairan, saspens, marah dan takut sedangkan peleraian cerita pula dapat menyentuh hati nurani pembaca dengan mengalirkan air mata pembaca atau perlakuan senyuman atau ketawa untuk melahirkan perasaan gembira. Dalam kajian ini, aspek perasaan watak-watak ini akan diberi tumpuan dan dianalisis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Kesimpulan

Kajian ini berjudul *Cetusan Envakai Meyppātu Dalam Novel M. Ramaiah* cuba meneliti dan mengenal pasti *envakai meyppāṭu* atau lapan variasi rasa yang terpapar dalam tujuh buah novel terpilih hasil karya M. Ramaiah berdasarkan objektif dan soalan kajian yang ditetapkan, dan berusaha mengetengahkan *envakai meyppāṭu* ini untuk tatapan masyarakat.

Di samping itu, dalam Bab 1 ini secara umumnya turut dibincangkan latar belakang, permasalahan, batasan, kepentingan dan sumber kajian. Selain itu, definisi konsep yang merangkumi konsep aspek, *meyppāṭu* dan novel juga disentuh secara mendalam untuk pengertian para pembaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan membuat tinjauan litreatur terhadap kajian-kajian dan penulisan lepas yang berkaitan untuk menjadikannya sebagai bahan rujukan untuk memperoleh maklumat yang selanjut bagi menjayakan kajian ini. Oleh itu, perbincangan dalam bab ini terbahagi kepada tiga bahagian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian pertama bab ini akan meninjau kajian literatur tentang aspek rasa atau *meyppātu* secara umum dalam hasil karya sastera di Malaysia. Seterusnya, pada bahagian kedua pula, perbincangan akan menjurus kepada kajian-kajian tentang teori *meyppātu* dalam alam kesusasteraan Tamil dari dua perspektif ,iaitu kajian di luar negara dan kajian tempatan. Akhir sekali, pengkaji akan membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan dengan hasil karya M. Ramaiah. Tinjauan literatur ini diharap dapat memberi gambaran jelas tentang latar belakang kukuh untuk perbincangan yang membina bagi kajian ini bersandarkan kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan bidang penyelidikan ini yang bertajuk *Cetusan Envakai Meyppātu Dalam Novel M. Ramaiah.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Kajian Umum Aspek Variasi Rasa Atau *Meypāttu* Di Malaysia

Pengkaji akan memulakan penelitian terhadap kajian-kajian atau penulisan umum berkaitan dengan aspek rasa atau *meyppātu* yang dihasilkan di Malaysia. Kajian tentang penganalisisan aspek rasa dalam karya sastera merupakan satu ruang yang masih baru dan kurang diterokai di negara ini. Justeru, boleh dikatakan bahawa belum ada ramai pengkaji yang berani menerokai aspek rasa atau *meyppātu* yang diterapkan dalam menganalisis karya sastera, terutama novel.

Sagar Narayanan, (2011) telah menjalankan kajian berjudul *Corak Pemikiran Sosial Masyarakat India dalam Novel Tamil Malaysia (1957-1985)* peringkat kedoktoran di Universiti Malaya. Aspek kajiannya pula berkisar pada corak rasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat India seperti kesugulan dalam novel-novel tersebut. Tumpuan diberikan kepada aspek sosial dengan menggunakan kaedah kualitatif dan teori rasa. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa cita rasa masyarakat India dalam novel-novel Tamil berbeza-beza mengikut pandangan pengarangnya itu sendiri. Selain itu, era penulisan novel itu juga turut mempengaruhi cerita dalam sesebuah novel.

Parameswari, P. (2001/2002) telah menjalankan kajian bertajuk *Teori Rasa Fenemenologi:Penerapan Terhdap Novel Imam.* Pengkaji telah menganalisis tujuh unsur *meyppātu* yang terpapar dalam novel tersebut. Pengkaji telah menganalisis kaitan antara unsur *meyppātu* yang terdiri daripada rasa tangisan, hina, kagum, takut, bangga, marah dan gembira dengan aliran cerita dalam novel tersebut. Namun, pengkaji tidak menganalisis rasa tawa dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, pengkaji berpendapat bahawa novel *Imam* mirip dengan gaya bahasa Sohaimi Abdul Aziz yang memperkenalkan teori cita rasa (*meyppātu).*

Lim Kim Hui (2010), melalui hasil penulisannya bertajuk *How Malay Proverbs Encode and Evaluate Emotion? A Paremiological Analysis* menerangkan cara-cara peribahasa Melayu membantu menilai dan melahirkan perasaan manusia. Beliau telah menggunakan pendekatan pengkaji bernama Norick yang mengkaji peribahasa yang digunakan di Amerika Syarikat untuk mengkaji perasaan manusia yang terpapar dalam peribahasa Melayu. Menurut Lim Kim Hui, bahasa bertindak sebagai wadah untuk melahirkan perasaan manusia. Namun, peribahasa Melayu dikatakan jarang mengandungi kata-kata yang dapat melahirkan perasaan secara terbuka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya, orang Melayu lazimnya melahirkan perasaan sedih, marah, bangga, gembira, benci, cinta, takut, cemburu, bersalah dan kecewa secara tidak langsung atau tersirat melaui peribahasa tertentu. Seterusnya, beliau menyatakan bahawa peribahasa Melayu juga tercipta mengikut perubahan yang berlaku pada tubuh badan akibat persaan yang tercetus dalam sanubari. Menurtnya, perasaan marah yang diikuti oleh tanda-tanda seperti panas baran, naik darah dan muka merah turut digambarkan melalui peribahasa. Tambahan pula, anggota tubuh badan seperti mata, telinga, hidung, lidah, mulut, tanga, kepala dan perut banyak tersebut dalam peribahasa Melayu. Malahan, kata hati banyak digunakan dalam peribahasa Melayu untuk mengajak masyarakat Melayu agar menghormati perasaan orang lain. Oleh itu, penulis berpendapat bahawa peribahasa membantu manusia menilai dan melahirkan perasaan tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Kajian Teori *Meyppātu* Dalam Karya Kesusasteraan Tamil

Terdapat ramai siswazah telah melakukan kajian dalam bidang kesusasteraan Tamil pada peringkat kedoktoran dan sarjana. Namun, pengkaji hanya membuat penelitian terhadap hasil kajian-kajian literatur tentang teori *meyppātu* yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji pada peringkat kedoktoran dan sarjana di Malaysia dan di India. Tujuan tinjauan literatur ini dijalankan adalah untuk menjelaskan dengan lebih terperinci tentang kajian-kajian lepas yang berhubung kait dengan teori *meyppātu* yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selvi, K. (2013) dari Universiti Bharathiar di Tamil Nadu membuat kajian peringkat kedoktoran yang bertajuk *Ciṟpiyiṉ Kavitaikaḷil Eṇvakai Meyppāṭukaḷ*, iaitu *envakai meyppātu* dalam sajak-sajak Ciṟpiyi. Pengkaji telah menggunakan pendekatan analisis deskriptif untuk mengkaji cara *envakai meyppātu* dipaparkan dalam sajak-sajak penyair Ciṟpiyi. Pengkaji menggunakan hasil analisis sajak-sajak tersebut untuk meninjau aspek kebebasan wanita dan perjuangan individu berlandaskan *envakai meyppātu.* Pengkaji turut menggunakan kaedah sosiologi untuk menganalisis hasil kajiannya. Melalui kajian ini, pengkaji juga merujuk kepada penggunaan unsur-unsur rasa dalam hasil karya sastera utara India. Menurut pengkaji, aspek masalah perjuangan hidup individu dan masyarakat dipaparkan sebagai persoalan oleh penyair kontemporari. Pengkaji menegaskan bahawa sajak-sajak kontemporari banyak mengandungi *envakai meyppātu* termasuk unsur ejekan, hina dan kehilangan. Menurtnya, penyair telah turut menerapkan aspek rasa dan gerak isyarat berkaitan dengan lakonan dalam sajak-sajak moden. Dalam kajian ini, pengkaji telah meneliti secara terperinci unsur tawa dan tangisan di samping unsur-unsur lain secara umumnya. Melalui kajian ini, para pengkaji lain dapat mengetahui dengan jelas cara pengkaji telah mengenal pasti *envakai meyppātu* yang terpapar dalam sajak-sajak penyair Ciṟpiyi.

Sailaja, M. (2012), dari Universiti Bharathiar di Tamil Nadu telah membuat kajian peringkat kedoktoran bertajuk *Envakai Meyppātu dalam Cīvaka Cintāmaṇi.* Dalam kajian ini, pengkaji meneliti penerapan lapan variasi rasa atau *envakai meyppātu* dalam karya klasik *Cīvaka Cintāmaṇi* yang merupakan salah sebuah daripada lima buah karya klasik yang terkenal, *Aimperumkāppiyaṅkaḷ.* Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan analisis deskriptif. Kajian ini dijalankan untuk membuktikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepentingan *envakai meyppātu* dalam perkembangan karya klasik, penyusunan plot dan perwatakan. Melalui kajian ini, pengkaji telah berjaya mengenal pasti dan menerangkan secara terperinci *envakai meyppātu* serta pelbagai rasa lain dan sebab-sebab terpapar *meyppātu* yang dikenal pasti dalam *Cīvaka Cintāmaṇi.* Menurut pengkaji, hasil kajian ini akan membantu pengkaji dalam usaha mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur *meyppātu* dalam novel Tamil secara berkesan.

Mohanapriya, Se. (2009), mengendalikan kajian peringkat kedoktoran di Universiti Bharatiyar, Tamil Nadu berjudul *Naṯriṇaiyil Meyppātu,* iaitu *meyppātu* dalam karya klasik *Naṯriṇai.* Kajian ini bertujuan untuk meninjau persamaan antara unsur *meyppātu* yang diutarakan oleh Tolkappiar dengan *meyppātu* yang dipaparkan oleh watak-watak dalam karya klasik *Naṯriṇai.* Pengkaji telah menggunakan kaedah deskriptif teks untuk merumus, mengelas dan menerangkan *meyppātu* dalam kedua-dua karya klasik tersebut. Pengkaji turut menggunakan kaedah perbandingan teks untuk membandingkan *meyppātu* yang diutarakan dalam *Tolkāppiyam* dengan *meyppātu* yang diutarakan oleh karya klasik *Naṯriṇai.* Menurut pengkaji, walaupun *meyppātu* merupakan teori umum sejagat yang berhubung rapat dengan rasa hati manusia, namun *meyppātu* mengalami perubahan mengikut situasi serta dipengaruhi oleh aspek perasaan dan pemikiran manusia. Menurutnya lagi, perubahan masa, tempat dan situasi akan membawa perubahan pada perasaan manusia yang bertindak sebagai pemangkin untuk mencetuskan *meyppātu* yang turut melahirkan perasaan suka duka. Pengkaji menegaskan bahawa perasaan dan *meyppātu* menjadi asas yang menetukan perlakuan manusia. Pengkaji merumuskan bahawa kita memerlukan sesuatu situasi tertentu untuk mendorong dan mencetuskan rasa tertentu pada seseorang. Oleh itu, para cerdik pandai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sejagat sudah pun mengelaskan jenis situasi yang mencetuskan rasa tertentu yang menjadi punca kepada sesuatu *meyppātu.*

Oleh itu, seorang pengkarya kreatif atau sastera tidak semata-mata mencipta sesuatu baharu dalam kososngan, sebaliknya menggunakan gagasan, pengalaman, pemikiran dan pengamatannya untuk mencerminkan perasaan, pemikiran dan isu-isu di sekeliling untuk tatapan masyarakat.

Santhanaletchumy, Thu. (2009) telah menjalankan kajian peringkat kedoktoran di Universiti Bharatithasan, Tamil Nadu bertajuk *Kamparāmayaṇattil Tolkāpapiyariṉ Meyppāṭukaḷ,* iaitu *meyppātu* yang diutarakan oleh Tolkappiyar dalam karya klasik *Ramayanana*. Pengkaji menggunakan kaedah deskriptif dan analisis teks untuk mengenal pasti *meyppātu* yang terpapar dalam *Ramayana*. Pengkaji telah mengenal pasti dan membincangkan secara terperici aspek *meyppātu* yang diutarakan oleh Tolkappiyar, iaitu *envakai meyppātu* yang terpapar dalam *Ramayana*, sama ada secara dalaman dan luaran serta aspek *meyppātu* lain. Menurutnya, unsur-unsur *meyppātu* ini, sama ada tercetus secara rela atau dipaksa, membantu seseorang pengkaji karya klasik seumpama ini mudah membayangkan perjalanan cerita. Pengkaji merumuskan bahawa kajian ini membantu para pembaca memahami cara *envakai meyppātu* terpapar dalam *Ramayana* dan seterusnya mampu mengkaji aspek *meyppātu* yang dipamerkan oleh watak-watak dalam novel.

Shiyamala, J. (2009) telah membuat kajian peringkat kedoktoran di Universiti Tamil Tanjavur, Tamil Nadu berjauk *Puṟanāṇūṟṟil Mepypapāṭṭiyal,* iaitu *meyppātu*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam karya klasik *Puṟanāṇūṟru.* Kajian ini bertujuan untuk meneliti pengaplikasian *envakai meyppātu* yang diutarakan oleh Tolkapapiyar untuk menentukan kesesuaiannya dalam karya klasik *Puṟanāṇūṟru.* Pengkaji telah menggunakan kaedah deskriptif dan perbandingan teks unuk menjayakan kajian ini. Seterusnya, *envakai meyppātu* yang terpapar karya klasik *Puṟanāṇūṟru* dianalisis dan dihuraikan secara terperinci oleh pengkaji. Menurut pengkaji, *meyppātu* merupakan manifestasi gambaran sebenar tentang perasaan yang tercetus secara semula jadi dalam diri seseorang manusia. Rasa *meyppātu* bukanlah sesuatu yang direka-reka, sebaliknya merupakan sesuatu perasaan semula jadi yang diiringi oleh perubahan luaran tertentu pada tubuh badan seseorang. Rasa *meyppātu* ini menjadi sifat umum yang dimiliki oleh manusia sejagat. Melalui hasil kajian ini, pengkaji membantu para pembaca dan pengkaji cara mengenal pasti peranan *envakai meyppãtu* yang diutarakan oleh Tolkappiyar dalam karya klasik *Puṟanāṇūṟru.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Puspavalli, S. (2017), dari Universiti Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak telah menjalankan kajian peringkat sarjana yang bertajuk *Cerpen Remaja Malaysia.* Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis teks dan teori *meyppātu* Tolkappiyar untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji telah menggunakan teori *meyppātu* yang mengandungi lapan jenis rasa yang terdiri daripada tawa, tangisan, hina, kagum, takut, bangga, marah dan gembira untuk menganalisis perwatakan watak-watak remaja. Seterusnya, pengkaji turut menggunakan teori *meyppātu* untuk memperihalkan sifat dan sikap remaja kini. Sebenarnya, pengakaji telah berjaya mengaitkan sifat dan sikap yang diperihalkan dalam 'Cerpen Remaja Malaysia' dengan sifat dan sikap sebenar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

remaja kini. Namun, pengkaji mendapati bahawa sesetengah *meyppātu* itu kurang sesuai dalam kehidupan seharian pemuda sekarang.

Aruḻjoti, Ce. (2015), dari Kolej Sastera Kerajaan (Aracukalaikkallūri), di Tamil Nadu membuat kajian peringkat sarjana berjudul *Tiṇṇai Vārap Pattirikkaiyil Kōṭi Cciṟukatai Tokuppil Maṉa Uṇarvu: Paṇpāṭum Maṉa Uṇarvum*, iaitu meneliti aspek budaya dan rasa *meyppātu* dalam kumpulan cerpen *Kōṭi.* Menurut pengkaji, kumpulan cerpen *Kōṭi* jelas menggambarkan kehancuran rasa *meyppātu* dalam kalangan manusia hari ini. Menurutnya, kewujudan *envakai meyppātu* dalam diri seseorang individu akan melahirkan masyarakat yang berbudaya. Oleh sebab *envakai meyppātu* ini tidak terbawa dengan baik dan makin hancur luluh, maka hancurlah ikatan persaudaraan dalam masyarakat hari ini. Menurut pengkaji, rasa tawa dan tangisan berubah menjadi perlakuan yang kepura-puraan. Begitu juga, rasa seperti bangga, marah dan gembira sudah pun berubah sifatnya, sebaliknya diamalkan secara negatif. Oleh sebab itu, perubahan *envakai meyppātu* ini menghancurkan ikatan persaudaraan. Menurutnya lagi, upacara (ritual) dan adat tradisi itu diwujudkan oleh manusia untuk beramah mesra serta berkongsi kesenangan dan kesusahan. Manusia pada zaman dahulu membaharui hubungan silaturrahim ini melalu upacara dan adat tradisi tertentu yang membawa kesejahteraan manusia. Malangnya, sikap individualistik yang menekankan kepentingan diri telah menghancur luluhkan hubungan sesama manusia pada hari ini .

Saravanan, V. (2007) telah menjalankan kajian peringkat sarjana di Alagappa Universiti, Tamil Nadu tentang tajuk *Cilappatikārattil Tolkāppiyariṉ Meyppāṭṭiyal Kūṟukaḷ*, iaitu unsur-unsur *meyppātu* yang diutarakan Tolkappiyar dalam karya klasik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cilappatikāram. Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis dan perbandingan teks untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji telah mengenal pasti dan menganalisis *envakai meyppātu* yang terpapar dalam *Cilappatikāram.* Pengkaji merumuskan bahawa *envakai meyppātu* inilah menjadikan karya itu unggul di samping mencetuskan plot dan perwatakan yang menarik. Pengkaji berpendapat bahawa kajian ini dapat membantu para pembaca dan pengkaji lain mudah memahami *envakai meyppātu* dan menerangkan cara menggunakannya dalam hasil karya satera.

Kavitha, R. (2009), membuat kajian peringkat sarjana di Kolej Sastera dan Sains Gobi, Tamil Nadu bertajuk *Meyppāṭṭiyal Pārvaiyil Malariṉum Melliyatu Kāmam Nāṭakam,* iaitu Dari Perspektif *Meyppātu:* Halusnya Drama Seks daripada Bunga. Bahan kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah drama *Kāmam* (Seks) hasil karya K. S. Ananthan. Pengkaji telah menggunakan kaedah perbandingan dan analisis teks untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji telah berjaya mengenal pasti jenis drama, pandangan sarjana tentang drama dan maklumat tentang drama yang terpetik daripada karya kesusasteraan Tamil. Pengkaji telah menganalisis kehidupan dalaman (*Akam*) wira dan wirawati serta mengenal pasti unsur-unsur *meyppātu* dan situasi yang mencetuskannya. Menurut pengkaji, kajian ini membantu pembaca dan pengkaji lain memahami situasi-situasi yang mencetuskan rasa *meyppātu* ini.

Di samping itu, seorang sarjana sastera Tamil yang tersohor, N. Subbu Reddy (2011), dalam bukunya berjudul *Tolkāppiyam Kāṭṭum Vāḻkkai,* iaitu kehidupan dalam teks klasik *Tolkappiyam* turut membincangkan teori *meyppātu.* Menurut beliau, pendeta Tolkappiyar telah menjelaskan bahawa deria mata dan telinga dapat mengesan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lapan jenis rasa sama seperti deria lidah yang dapat mengesan rasa seperti manis, pahit, masam, masin, kelat dan pedas. Beliau menjelaskan secara terperinci dan jelas *envakai meyppātu* yang terdiri daripada rasa tawa, tangisan, hina, kagum, takut, bangga, marah dan gembira. Menurutnya lagi, *envakai meyppātu* berkembang menjadi 32 unsur rasa berdasarkan punca-punca atau situasi yang mencetuskan rasa ini.

Akhir sekali, seorang sarjana sastera Tamil yang terkemuka lagi, Tamilzhannal (2010), dalam bukunya berjudul *Tolkāppiyiam: Poruḷatikāram Tokuti-3,* menegaskan bahawa dalam teks klasik *Tolkāppiyam,* pendeta Tolkappiyar turut membincangkan teori *meyppātu.* Menurut beliau, Tolkappiyar menjelaskan bahawa *meyppātu* merupakan segala perasaan dialami seseorang dalam kehidupan duniawi dan perasaan ini harus dilahirkan melalui gerak tubuh badan agar orang lain memhami perasaan sebenar dialami seseorang itu.

05-4506 bupsi

2.4 Kajian Lepas Terhadap Penulisan M. Ramaiah

M. Ramaiah mula berkecimpung dalam bidang penulisan pada tahun 1950 apabila buat pertama kalinya menghasilkan sebuah karya Tamil yang berjudul *Kātal Paricu* bermaksud Hadiah Cinta dalam akhbar Tamil Murasu.

Menurut Mayathevan, S. (1975) dalam artikelnya *Mā. Rāmaiyāviṉ Ilakkiyap Paṇi* menyatakan bahawa minat M. Ramaiah untuk berkarya bermula sejak bangku sekolah pada tahun 1948. Ketika itu, beliau telah banyak menghasilkan karya yang asli dalam bahasa Tamil. Secara umumnya, zaman penulisan novel M. Ramaiah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibahagikan kepada tiga tempoh, iaitu zaman awal, zaman pertengahan dan zaman semasa.

Seterusnya, Mayathevan, S. (1975) melihat M. Ramaiah sebagai karyawan yang lebih bercenderung untuk membincangkan isu-isu sosial serta mengetengahkan penyelesaian bagi isu tersebut. Misalnya, isu yang dipaparkan dalam novel *Nīrccuḻal* (Pusaran Air) boleh dijadikan sebagai contoh yang baik. Watak utama dalam novel ini ialah seorang wanita berstatus janda. Masalah-masalah emosi yang dihadapi oleh seseorang janda untuk meneruskan kehidupannya telah digambarkan melalui watak utama secara terperinci oleh karyawan M. Ramaiah dalam novel ini. Beliau juga turut mengetengahkan cara-ara menghadapi sesuatu masalah tanpa perasaan putus asa. Dengan ini, jelaslah bahawa beliau bukanlah sekadar novelis yang hanya menghebohkan masalah sosial yang hangat dalam kalangan masyarakat India, malahan mengemukakan pelbagai pendekatan bagi menyelesaikan masalah tersebut .

Sasterawan tempatan N. Varatharaasan menyifatkan M. Ramaiah sebagai seorang sasterawan yang berani menggambarkan realiti sosial dengan menyampaikan kritikan sosial melalui hasil karyanya. Dalam cerpen yang bertajuk *Akkāḷum Taṅkaiyum* (Kakak dan Adik Perempuan) mengemukakan persoalan perkahwinan. Watak kakak bernama Karungkulali tidak mempunyai rupa paras yang menarik kerana berkulit hitam tua, manakala adiknya Malarvili pula sangat cantik. Rupa wajah mereka adalah umpama langit dengan bumi. Namun, adiknya Malarvili tidak dapat berumah tangga sehinggalah Karungkulali dapat berkahwin agar tidak melanggar adat resam masyarakat India yang tidak membenarkan adik berkahwin sebelum kakaknya. Akhirnya, watak Karungkali mengorbankan nyawanya demi kesejahterahan hidup adik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kandunganya. Cerpenis M. Ramaiah mempunyai kemahiran menamatkan sesuatu cerpen mengikut kesesuaian citra hidup masyarakat India di samping mengkritik sikap tidak prihatin masyarakat itu (S. Mayathevan, 1975).

Karyawan tempatan K. M. Murugesan yang pernah membuat kritikan tentang cerpen popular yang dicipta oleh M. Ramaiah berjudul *Parivum Pācamum* (Keperihatinan dan Kesayangan) yang merupakan salah sebuah cerpen daripada 13 cerpen yang termuat dalam kumpulan cerpen *Parivum Pācamum.* Masalah sosial yang diutarakan dalam cerpen ini ialah soal percintaan seorang lelaki yang kurang upaya terhadap wanita normal. Kekayaan dan kecacatan telah menjadi penghalang dalam soal percintaan mereka. Sikap masyarakat yang memandang rendah golongan kurang upaya digambarkan dengan jelas oleh M. Ramaiah. Ciri-ciri keibuan seorang wanita turut dicungkil dengan teliti dalam cerpen ini. Peribahasa ’cinta itu buta’ dijadikan akar tunjang bagi menghasilkan cerpen ini. Cerpenis memberi dorongan kepada golongan kurang upaya supaya berusaha dengan bersungguh-sungguh tanpa mengeluh dan putus asa untuk mencapai keinginan mereka (S. Mayathevan, 1975).

Katirselvan. A, pula pernah membuat kritikan tentang sebuah cerpen yang dihasilkan oleh M. Ramaiah yang bertajuk *Tāymai Cirantatu.* Cerpen ini mengisahkan penderitaan hidup seorang balu beranak dua yang berkerja sebagai penoreh getah di sebuah ladang. Masalah emosi yang dialami oleh pekerja ladang, terutama seorang balu, menjadi isu ketara di ladang pada tahun 70-an turut dipilih sebagai pokok persoalan dalam cerpen ini. Penindasan pihak pemilik dan penguasaha ladang terhadap pekerja khususnya, pekerja wanita telah dijadikan isu sosial dalam cerpennya (S. Mayathevan, 1975)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Magaswari Eliyarni Subramaniam telah membuat kajian peringkat sarjana yang bertajuk *Citra dan Status Wanita Dalam Novel-Novel Terpilih M. Ramaiah* pada tahun 2016 di Universiti Pendidikan Sutan Idris. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis citra wanita, kedudukan citra wanita dan menganalisis citra perjuangan watak wanita dalam novel terpilih M. Ramaiah. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan. Teori Femenisme Showalter dan Naomi Wolf telah menjadi teori dasar untuk mengenal pasti kedudukan dan perjuangan wanita, di samping teori A. Wahab Ali dan Ungku Maimunah Mohd Tahir turut digunakan. Kajian ini ialah kajian kualitatif yang menerapkan kaedah kepustakaan dan analisis teks untuk mengkaji novel-novel terpilih M. Ramaiah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sebanyak 20 peratus watak wanita adalah bersifat moden, 32.73 peratus watak wanita pula mengamalkan sifat transisi dan 47.27 peratus watak wanita adalah bersifat tradisi. Seterusnya, mengikut corak pemikiran pula, sebanyak 47.27 peratus watak wanita bersikap positif, 18.18 peratus watak wanita pula negatif, sebanyak 23,64 peratus wanita bersikap melankolik dan 10.91 peratus pula tidak jelas pemikiran mereka dalam novel-novel tersebut. Dapatan kajian tururt menunjukkan bahawa 8 peratus wanita ialah mangsa feminisme, 58 peratus wanita ialah feminis yang berkuasa, 30 peratus wanita pula memiliki kedua-dua ciri tersebut dan 4 peratus tidak memiliki kedua-dua ciri tersebut. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa M. Ramaiah menonjolkan watak wanita sebagai insan yang tidak berupaya untuk mengubah nasib malang mereka. Beliau berjaya mencerminkan dengan jelas citra, kedudukan dan perjuangan wanita India dalam novel-novelnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Komathy Vayapuri (2015) telah menjalankan kajian bertajuk *Analisis Masalah Sosial Dalam Cerpen Karya M. Ramaiah* peringkat sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini menganalisis masalah sosial masyarakat India yang dipaparkan dalam cerpen M. Ramaiah. Kajian ini telah menggabungkan dua kaedah secara bersepadu, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual. Di samping itu, teori pencerminan Georg Lukacs dan teori genetik Lucian Goldmann menjadi teori asas kajian ini. Hasil dapatan kajian berjaya mengenal pasti sebanyak 24 jenis masalah sosial. Selain itu, hasil kajian turut menunjukkan bahawa cerpenis M. Ramaiah mempunyai tujuh tujuan memaparkan masalah sosial dalam cerpennya. Akhirnya, sebahagian besar masalah yang dikenal pasti dalam cerpen M. Ramaiah merupakan masalah sosial yang masih ketara dalam kalangan masyarakat India. Kajian ini mendedahkan pelbagai dilema serta permasalahan hidup yang berlaku dalam masyarakat India dengan harapan bahawa situasi sosial ini dapat diatasi dengan bantuan serta keperihatinan masyarakat India.

Di samping itu, M. Kalaiselvi (2002) menjalankan kajian peringkat sarjana berjudul *M .Rāmaiyāviṉ Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai.* Kajian ini dijalankan pada tahun 2002 di Tanjavur Universiti Tamil, Tamil Nadu, India. Mengikut pengkaji, novel Tamil di Malaysia mula berkembang dengan pesat selepas zaman kemerdekaan. Pengkaji juga berkata bahawa novel Tamil di Malaysia berkembang begitu pesat disebabkan peranan aktif majalah-majalah Tamil yang diterbitkan selepas zaman kemerdekaan. Novel *M. Rāmaiyāviṉ Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai* juga dihasilkan pada zaman selepas Malaysia mencapai kemerdekaan. Pengkaji menjelaskan bahawa penulis novel ini mengembangkan plot ceritanya berlandaskan pergolakan politik di Malaysia pada ketika itu. Segala kesulitan dan kerumitan yang dihadapi kaum lndia dalam arena politik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada ketika itu digambarkan dengan jelas dalam novel M. Ramaiah ini. Oleh itu, kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan oleh pengkaji-pengkaji yang akan menjalankan kajian susulan berkaitan dengan kesulitan dan kerumitan yang dihadapi oleh kaum India dalam bidang politik.

2.5 Kesimpulan

Dalam bab ini, sorotan kajian lepas yang telah dijalankan merangkumi kajian umum tentang aspek rasa di Malaysia. Seterusnya, pengkaji telah meneliti hasil kajian literatur tentang teori *meyppãtu* yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji pada peringkat kedoktoran dan sarjana di Malaysia dan di India. Pengkaji turut meninjau artikel dan penulisan para sarjana berkaitan dengan teori cita rasa dan teori *meyppãtu*. Tinjauan ini membuka ruang dan peluang kepada pengkaji untuk memahami teori *meyppãtu* dengan jelas dan menyeluruh. Akhir sekali, kajian-kajian hasil karya M. Ramaiah yang ditinjau turut memberikan sedikit landasan untuk merangka kajian ini dengan lebih teliti terhadap hasil karya M. Ramaiah, terutama novel-novelnya. Pembacaan ini telah memberi pemahaman mendalam mengikut acuan kajian ini dan mengenali cara M. Ramaiah merakamkan rasa, emosi dan pemikiran watak-watak dalam hail karyanya.

Seterusnya, kajian-kajian tentang karya sastera Tamil yang disenaraikan di atas sebahagian besar pula berkisar pada karya-karya saserta klasik Tamil untuk meneliti aspek penerapan teori *meyppātu* dalam karya tersebut. Sebaliknya, hanya beberapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

orang pengkaji sahaja mengkaji genre baru seperti cerpen, sajak dan drama untuk meneliti aspek penerapan teori *meyppātu* dalam hasil karya tersebut. Hasil kajian-kajian ini juga menyakinkan pengkaji bahawa belum ada lagi kajian mengenai aspek teori *meyppãtu* dijalankan berkaitan dengan novel karya M**.** Ramaiah. Oleh itu, wujudlah alasan yang meyakinkan pengkaji untuk membuat kajian bertajuk *Cetusan Meyppātu Dalam Novel M. Ramaiah.* Lantaran itu, pengkaji berharap bahawa kajian ini akan membuka lembaran baharu dalam penyelidikan hasil sastera moden, terutama genre novel. Di samping itu, pengkaji berkeyakinan bahawa hasil kajian ini akan membantu para pembaca dan pengkaji lain mudah memahami teori *meyppātu* secara menyeluruh dan terperinci. Pemahaman dan pengetahuan ini juga akan turut membantu para pengkaji mengesan dan menganalisis *envakai meyppātu* yang terpapar dalam hasil karya sastera Tamil. Di samping itu, hasil kajian ini dapat memanfaatkan para karyawan tentang cara menerapkan *envakai meyppātu* ini dalam karya mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pendahuluan

Secara ringkasnya, bab ini akan mengupas teori *meyppātu* yang menjadi landasan kajian ini. Di samping itu, perbincangan dan gambaran yang terperinci mengenai metodologi**,** kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan akan diterangkan**.** Kerangka kajian serta reka bentuk kajian juga akan disentuh.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini bertajuk *Cetusan Envakai Meyppããtu Dalam Novel M. Ramaiah* bertujuan untuk mengupas teori *meyppātu* berdasarkan objektif-objektif kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengumpulkan maklumat primer dan sekunder yang diperlukan. Sementara itu. kaedah analisis teks digunakan untuk menganalisis maklumat atau data tersebut untuk menghuraikan cetusan *meyppātu* dalam novel M. Ramaiah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1. Reka Bentuk Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Kaedah Kajian

Secara ringkasnya, kajian ini berbentuk kajian kepustakaan yang menggunakan kaedah analisis teks. Kedua-dua kaedah ini diterangkan secara terperinci dalam bahagian di bawah ini.

3.3.1 Kajian Kepustakaan

Memandangkan kajian ini dijalankan berdasarkan teks-teks serta bahan-bahan yang sudah diterbitkan, kaedah kepustakaan didapati lebih sesuai untuk kajian ini. Pengkaji telah memilih kaedah kepustakaan ini sebagai kaedah penyelidikan untuk memastikan bahawa kajian ini berjalan dengan lancar dan sistematik. Kaedah ini digunakan untuk mengumpulkan segala maklumat yang berhubung kait dengan bidang kajian ini. Rujukan yang meluas diperlukan untuk mengumpulkan maklumat dan mereka bentuk kajian ini dijalankan. Setiap aspek kajian ini dikupas, diperdalami serta diperjelas sebaik mungkin dengan menggunakan kaedah ini. Rujukan yang luas ini membolehkan agar kajian terperinci dapat dijalankan.

Pelbagai sumber rujukan telah digunakan. Antara sumber tersebut ialah buku-buku ilmiah, jurnal, kertas-kertas kerja, majalah dan rencana yang menyentuh secara langsung atau secara tidak langsung topik kajian ini. Hujah, pendirian serta pendapat penulis dan sarjana turut dikaji untuk menyimpul dan menjelaskan serta memperkukuhkan aspek-aspek tertentu dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahan-bahan yang digunakan dalam kajian adalah seperti buku, bahan ilmiah, tesis, majalah, bahan internet dan bahan-bahan rujukan daripada sumber yang lain. Kajian kepustakaan ini membantu pengkaji memperoleh maklumat tentang latar belakang kajian, definisi istilah, kajian terdahulu tentang teori rasa dan teori *meyppātu* serta bahan bacaan yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Pengkaji juga berkesempatan untuk merujuk latihan ilmiah yang telah dijalankan dalam bidang berkaitan. Secara ringkasnya, bahan-bahan ini telah membantu pengkaji dari segi ilmu dan menjadi panduan kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan bahan-bahan rujukan sampingan yang diperoleh daripada laman internet. Kebanyakan bahan yang diperoleh ini bersifat data sekunder. Data ini sebenarnya berperanan sebagai maklumat yang menyokong sumber primer. Melalui hasil pembacaan, penulis dapat memperoleh, mengenal pasti dan mengumpulkan maklumat yang diperlukan untuk kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.2 Kaedah Analisis Teks

Sebanyak tujuh buah novel M. Ramaiah telah dikenal pasti sebagai sumber premier kajian ini. Oleh sebab novel-novel M. Ramaiah dihasilkan dalam jangka masa selama empat puluh tahun, adalah agak sukar memperoleh kesemua novelnya. Selain itu, sebahagian novelnya pula tidak diterbitkan dalam bentuk buku sebaliknya disiarkan dalam surat-surat khabar sahaja. Oleh sebab itu, tumpuan hanya diberikan kepada novel-novel yang dipilih dalam Jadual 3.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Senarai Novel –Novel Terpilih M. Ramaiah

Bil.	Judul Novel	Tahun Terbitan
1	*Viḻalum Nīrum*	1999
2	*Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu*	1976
3	*Caṅkamam*	1995
4	*Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai*	2009
5	*Neruppu Cuṉai*	2009
6	*Maṉa Ūṉaṅkaḷ*	2001
7	*Aḻakiṉ Ārātaṉai*	1992

3.4 Kaedah Pengumpulan Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks. Kaedah ini memudahkan kajian ini dilakukan secara objektif, sistematik dan kualitatif. Strategi ini digunakan untuk mengesan *meyppātu* dalam novel karya M**.** Ramaiah yang dipilih untuk kajian ini.

Untuk memudahkan pengumpulan data untuk tujuan kajian, beberapa langkah telah dibentuk. Terdapat lima langkah yang telah dibentuk. Langkah-langkah tersebut ialah

i. Pembacaan data

ii. Pemilihan data-data yang berkaitan dengan teori *meyppātu*

iii. Pembahagian data mengikut skop teori *meyppātu*

iv. Penganalisisan makna kandungan

v. Pembentukan ciri-ciri umum *meyppātu* dan membuat rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Pembacaan Data

Teks novel-novel yang dipilih telah dibaca secara menyeluruh untuk memahami isi kandungannya. Langkah ini perlu dilakukan untuk membuat pembahagian data mengikut acuan kajian. Untuk memahami teks, pembacaan secara ekstensif serta kritis diperlukan. Langkah ini bukan sahaja menekankan penelitian dan pemahaman malah menyentuh aspek-aspek *meyppātu* untuk memahami data-data yang dikaji. Makna tersirat menjadi fokus dalam langkah ini. Melalui kaedah ini, *Cetusan Envakai Meyppātu Dalam Novel M. Ramaiah* telah dikaji dan didekati.

3.4.2 Pemilihan Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah seterusnya ialah pemilihan data-data yang sesuai untuk kajian ini. Pemilihan tersebut dibuat mengikut skop kerangka kajian yang telah dibentuk. Kajian dan penelitian seterusnya adalah membentuk satu kesatuan daripada data yang dikumpulkan mengikut skop serta subtopik. Aspek teori *meyppātu* tersebut dikelompokkan mengikut kategori yang telah dibentuk.


3.4.3 Pembahagian Data

Langkah ketiga pula ialah pembentukan satu kumpulan pembahagian yang mengikut kerangka kajian yang telah dibentuk. Pembahagian mengikut komponen ini dibuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan pertimbangan-pertimbangan sewajarnya. Komponen pembahagian ini dibuat mengiku jadual di bawah ini.



Rajah 3.2. Aliran Metodologi Kajian

3.4.4 Penganalisisan Makna Kandungan

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis data berdasarkan langkah-langkah berikut:

- Menyedia dan menyusun data untuk dianalisis.
- Menghuraikan data.
- Melaporkan dapatan kajian.
- Mentafsirkan dapatan kajian.
- Mengesahkan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Creswell (2003) meringkaskan tatacara am penganalisisan data kualitatif seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.3. Mengikut tatacara ini, selepas mengumpulkan data, pengkaji perlu menyediakan data untuk dianalisis dengan menulis semula (*transcribing*) data yang dikumpulkan itu.

Seterusnya, pengkaji membuat analisis atas data kajian untuk membuat huraian yang akan digunakan dalam penulisan laporan kajian. Analisis ini perlu dibuat berkali-kali supaya dapatan kajian menjadi mantap agar pengkaji dapat menapis (*sift*) data penting yang boleh digunakan untuk menulis laporan akhir kajian. Justeru, kita boleh menyimpulkan bahawa tidak ada sesuatu cara tertentu yang boleh digunakan untuk menganalisis data kualitatif, sebaliknya lebih merupakan proses kita cuba memahami data yang dikumpulkan itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.3. Proses Kualitatif Penganalisisan Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4. 5. Pembentukan Ciri-ciri Umum *Meyppātu*

Perlu diingatkan bahawa kajian ini merupakan proses penganalisisan logikal dan rasional atas sumber dan maklumat yang dikumpulkan, iaitu bukan sekadar menganalisis data, malah pengkaji perlu membuat kesimpulan tentang hasil dapatannya secara objektif tanpa dipengaruhi oleh emosi atau kepentingan diri.

3.5 Teori *Meyppātu*

Teori *meyppātu* yang diutarakan oleh Tolkappiyar dalam karya *Tolkāppiyam* ialah asas untuk menjalankan kajian ini. Manusia ialah makhluk ciptaan Tuhan yang mempunyai naluri dan perasaan. Walaupun perasaan ialah unsur dalaman yang sukar diketahui oleh orang lain, namun Tolkappiyar menjelaskan bahawa kita tetap dapat memahami dan menjelaskan perasaan seseorang manusia mengikut *meyppātu.*

Secara umumnya, *meyppātu* dapat dijelaskan sebagai perasaan seseorang individu yang dapat diketahui atau dikesan melalui perubahan pada tubuh badan dan suaranya. Pemerhatian yang dilakukan dengan menggunakan mata dan pendengaran membolehkan kita memahami perubahan perasaan yang berlaku dalam diri seseorang. Lazimnya, pergolakan jiwa seorang indivudu dapat dikesan melalui tangisan, badan yang berpeluh dan menggigil dan sebagainya. Teori *meyppāttu* mengelaskan punca-punca *meyppātu* ini kepada tiga jenis punca.

Pertama – Secara am – (32 jenis)

Kedua - Alam Percintaan (Kalavu) – (56 jenis)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketiga - Alam Perkhwinan dan Kekeluargaan (Karpu) – (38 jenis).

Tolkappiyar menjelaskan bahawa mata dan telinga juga dapat merasakan lapan jenis rasa yang berbeza. Lapan jenis rasa ini dinamakan sebagai *envakai meyppātu* oleh Tolkappiyar. Secara ringkas, *envakai meyppātu* ini adalah terdiri daripada:

i. *nakai* - tawa
ii. *aḻukai* - tangisan
iii. *iḻivaral* - hina
iv. *maruṭkai* - kagum
v. *accam* - takut
vi. *perumitam* - bangga
vii. *vekuḻi* - marah
viii. *uvakai* - gembira

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap jenis *envakai meyppāttu* ini dapat dibahagikan lagi kepada empat jenis mengikut puncanya. Menurut teori *meyppāttu,* punca-punca ini menjadi pencetus *envakai meyppātu ini.* Punca-punca *envakai meyppãtu* ini disenaraikan dalam Jadual 3.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Senarai Unsur dan Punca Meyppãtu

Bil	Unsur-unsur Meyppātu	Punca-punca			
1	*Nakai-* Tawa	*eḷḷal -* Ejekan	*iḷamai -* Keanak-anakan	*pētamai* – Kejahilan	*maṭaṉ* Kebodohan
2	*Aḻukai*– Tangisan	*iḷivu-* Terhina	*iḻavu-* Kehilangan	*acaivu-* Kedaifan	*vaṟumai-* Kemiskinan
3	*Iḷivaral-* Hina	*mūppu-* Ketuaan	*piṇi* Penyakit	*varuttam* Kesedihan	*meṉmai* Keuzuran
4	*Maruṭkai*– Kagum	*putumai* – Keanehan	*perumai* – Takjub	*ciṟumai-* Kehalusan	*ākkam-* Pembaharuan
5	*Accam* – Takut	*aṇaṅku* – Makhluk halus	*vilaṅku* – Binatang liar	*kaḷvar* Perompak	*iṟai* Pihak atasan
6	*Perumitam* Bangga	*kalvi* – Ilmu	*taṟukaṇ -* Keberanian	*pukaḻmai-* Kemasyhuran diri	*koṭai -* Murah hati
7	*Vekuḷi* – Marah	*uṟuppaṟai* Penderaan fizikal	*kuṭikōl* Cukai	*alai-* Hukuman	*Kolai-* Pembunuhan
8	*Uvakai* – Gembira	*celvam-* Kekayaan	*pulaṉ-* Keindahan	*puṇarvu* – Persetubuhan	*viḷaiyāṭṭu* Permainan

Kajian ini akan mengupas setiap novel yang dipilih untuk meneliti *meyppātu* yang terpapar novel tersebut. Seterusnya, setiap novel akan dikaji berdasarkan tujuan kajian yang dinyatakan. Dalam kajian ini, kerangka kajian yang digunakan ialah *Meyppāttiyal* yang diutarakan oleh pendeta agung Tolkappiyar dalam karya tatabahasa Tamil berjudul *Tolkāppiyam*. Tolkappiyar ialah seorang tokoh zaman klasik Tamil yang dikatakan lahir antara kurun 1 hingga 4 Sebelum Masihi (Puliyur Kesikan, 2010) Beliau merupakan tokoh yang tersohor dan terunggul dalam kalangan tokoh-tokoh klasik Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tolkappiyar mendukung tiga unsur dalam karyanya *Tolkāppiyam*, iaitu *eḻuttatikāram* (fonologi), *collatikāram* (morfologi) dan *poruḷatikāram* (semantik). Mengikut teks *Tolkāppiyam*, unsur *porulatikaram* (semantik) pula merujuk kepada aspek sastera dan kehidupan orang Tamil. Seterusnya, setiap unsur ini dibahagikan kepada sembilan kategori tertentu. Dalam konteks kajian ini, aspek *meyppāttiyal* (*meyppātu*) yang merupakan salah satu kategori dalam *porulatikaram* (semantik) ialah pandangan psikologikal yang dipaparkan dalam karya klasik Tamil untuk menunjukkan kesan sesuatu perasaan. Selanjutnya, Tholkapiyar membahagikan *meyppãttiyãl* (rasa) ini kepada lapan (*envakai meyppãtu)* dan setiap unsur ini pula dicetuskan oleh empat punca tertentu.

3.5.1 Tawa (*Nakai*)

Tawa ialah salah satu perasaan emosional yang paling penting dalam kehidupan sehari -harian manusia. Tawa ialah tindak balas luaran atau dalaman seseorang terhadap rangsangan tertentu. Lazimnya, ketawa ialah emosi positf yang tercetus akibat perlakuan yang menggelikan, melucukan atau pemikiran yang menggembirakan dan membahagiakan. Namun, dalam situasi tertentu seperti malu, maaf, atau kekeliruan juga mencetuskan perasaan ketawa bersifat negatif. Dalam konteks ini, menurut teori *meyppātu,* manusia turut ketawa untuk melahirkan perasaan ketawa bersifat negatif tertentu.

எள்ளல் இளமை பேதைமை மடன் என்று
உள்ளப்பட்ட நகை நான்கு என்ப. (1198)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perasaan ketawa ini tercetus sebagai tindak balas terhadap ejekan, kejahilan, sifat keanak-anakan dan kebodohan seseorang. Dalam konteks ini, seseorang ketawa untuk mengejek atau menyindir orang lain. Apabila seseorang menampilkan sifat kebudak-budakan, akan diketewakan oleh orang lain. Perlakuan dan percakapan yang kurang matang juga akan mencetuskan perasaan ketawa ini. Seterusnya, kejahilan akibat kurangnya pengetahuan turut mencetuskan ketawa jenis ini. Akhir sekali, sifat kebodohan juga mencetuskan perasaan ketawa apabila seseorang salah mengertikan atau salah faham sesuatu lalu bertindak secara bodoh. Tegasnya, secara keseluruhan ejekan, kejahilan, keanak-anakan dan kebodohan menjadi punca lahirnya ketawa yang diutarakan teori *meyppātu.*

3.5.2 Tangisan (*Aḻukai*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tangisan merupakan perasaan untuk melahirkan rasa sedih, kecewa dan menyesal dengan mencucurkan air mata yang diiringi oleh suara tersedu-seduan yang semakin lama semakin kuat. Menurut teori *meyppãtu,* manusia menangis dalam situasi tertentu seperti berikut

அழுகைச்சுவை தோன்றுமிடங்கள்
இளிவே இழவே அசைவே வறுமை என
விளிவில் கொள்கை அழுகை நான்கே. (1199)

Menurut Tolkappiyar pula, seseorang menangis apabila dihina, kehilangan sesautu yang dihargai atau menghadapi keadaan daif dan kemiskinan. Seseorang menangis apabila dirinya dihina atau direndah-rendahkan oleh pihak lain. Kehilangan harta benda dan kematian orang tersayang seperti ahli keluarga, sanak-saudara dan sahabat-handai juga mencetuskan tangisan pada seseorang. Selain itu, seseorang itu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menangis apabila menghadapi keadaan daif lalu terpaksa hidup melarat kerana kehilangan kekayaan dan status lalu dipandang rendah dan dilucutkan kedudukan tinggi dalam masyarakat. Seterusnya, kemiskinan juga turut mencetuskan keadaan susah payah yang menyebabkan seseorang hidup melarat, merana, menderita, sengsara, azab, dan kedana akibat kepapaan, kehilangan kedudukan yang dihormati, dan tidak mampu terus menghadapi kemiskinan itu.

3.5.3 Hina (*Iḻivaral)*

Hina merupakan suatu situasi apabila seseorang itu menampilkan muka yang kemerah-merahan, kepalanya tertunduk, mendiamkan diri dan kadang kala cuba lari daripada situasi yang memalukan itu. Perasaan terhina dialami apabila seseorang dikeji, dicela atau dikutuk orang lain untuk memalu dan memperbodohkan seseorang itu demi mencetuskan perasaan rendah diri dan menjatuhkan martabat dirinya. Dalam konteks ini, menurut teori *meyppātu,* seseorang manusia akan berasa dirinya terhina dalam situasi tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

இளிவரல் சுவை தோன்றுமிடங்கள்
மூப்பே பிணியே வருத்தம் மென்மையோடு
யாப்புற வந்த இனிவரல் நான்கே. (1200)

Menurut Tolkappiyar, perasaan hina tercetus apabila seseorang tidak mampu menghadapi dan mengatasi kepincangan yang tercetus akibat ketuaan, penyakit, kesedihan dan keuzuran yang dihadapinya. Apabila seseorang menghidapi penyakit yang tidak dapat disembuhkan, berasa dirinya terhina apabila orang mengeluarkan kata-kata untuk menyinggung atau mengejinya. Seterusnya, terdapat orang mengeluarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kata-kata yang memperlakukan martabat diri seseorang akibat usia semakin meningkat yang membawa kepada kehilangan kedudukan atau pangkat yang disandarnya atau pun dipandang rendah sebagai insan tidak berguna. Seseorang juga berasa sedih apabila segala usahanya tidak mendatangkan sebarang hasil diharapkan lalu kebolehan dan kemampuan dirinya dipandang rendah oleh orang. Seseorang yang mengalami keadaan uzur apabila berasa dirinya lemah dan tidak mampu menghadapi cabaran musuhnya, sentiasa mengalami kegagalan, direndah-rendahkan keupayaan dirinya akan turut berasa dirinya terhina.

3.5.4 Kagum (*Maruṭkai*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kagum ialah perasaan hairan yang tercetus kerana melihat atau mendengar sesuatu yang menakjubkan, mempesonakan, mengejutkan dan memeranjatkan serta bersifat ganjil, ajaib, aneh, pelik dan luar biasa. Antara keadaan yang boleh mewujudkan rasa ini ialah elemen yang tidak disangka-sangka, luar biasa dan pemakaian objek yang secara berlebih-lebihan (Ramakant Sharma, 2003). Akibat mengalami rasa kagum mata akan terbeliak, kepala akan bergetar-getar dan seseorang itu bernafas tercunggap-cunggap . Dalam konteks ini, menurut teori *meyppãtu,* seseorang manusia akan berasa kagum dalam situasi tertentu.

மரிட்கைச்சுவை தோன்றுதல்
புதுமை பெருமை சிறுமை ஆக்கமொடு
மதிமை சாலா மருக்கை நான்கே. (1201)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Tolkappiyar, sesuatu yang aneh, perkara yang menakjubkan, benda yang sangat halus dan sesuatu pembaharuan boleh mencetuskan rasa kagum. Keanehan merujuk kepada sesuatu yang belum pernah dilihat atau diketahui lalu mencetuskan perasaan hairan. Seterusnya, perkara yang menakjubkan ialah benda-benda terlalu besar yang mencetuskan rasa ajaib. Manakala, benda-benda yang terlalu halus saiznya juga boleh mengagumkan seseorang kerana berasa pelik atau aneh. Selain itu, sesuatu penciptaan yang baru atau sesuatu yang tidak pernah lihat atau diketahui sebelum ini turut boleh mencetuskan rasa kagum atau hairan.

3.5.5 Takut (*Accam*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Takut ialah salah satu emosi yang kerap dan lazimnya tercetus dalam diri manusia. Rasa takut ini berbeza-beza mengikut individu dan situasi berlainan yang boleh dikaitkan dengan perasaan seperti gentar, gementar, gerun, ngeri, seram, gelisah, bimbang, segan, khuatir dan cemas. Namun, perasaan takut lazimnya dikaitkan dengan sesuatu situasi yang mengancam keselamatan fizikal dan mewujudkan ketegangan mental secara psikologi. Terdapat manusia yang berasa bahawa situasi yang menakutkan dirinya boleh menyakitkan dirinya secara fizikal atau mental lalu boleh mengancam nyawa dan keselamatan dirinya. Namun, rasa takut ini juga boleh mendorong seseorang manusia agar mengambil ikhtiar dan berusaha mencari perlindungan untuk menjauhi dirinya daripada situasi yang menakutkanya. Dalam konteks ini, menurut teori *meyppātu,* seseorang manusia akan berasa takut dalam situasi tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

அணங்கே விலங்கே கள்வர் தம் இறை எனப
பிணங்கள் சாலா அச்சம் நான்கே. (1202)

Menurut Tolkappiyar, perasaan takut akan tercetus akibat tindakan makhluk halus, binatang liar, perompak dan pihak atasan terhadap seseorang manusia. Terdapat manusia yang berasa gerun, gementar dan ngeri kerana percaya bahawa gangguan makhluk halus seperti hantu boleh mengancam keselamatan dirinya secara fizikal dan mental. Selain itu, terdapat manusia yang berasa bimbang, gelisah dan cemas terhadap binatang liar seperti singa, harimau , beruang dan anjing kurap yang dianggap boleh mengancam keselamatan diri dan nyawanya. Seterusnya, manusia juga berasa takut, iaitu gentar terhadap penjahat yang terdiri daripada perompak, pencuri dan orang durjana yang berniat merampas harta benda dan mengancam nyawanya. Di samping itu, pihak atasan terdiri daripada golongan ibu bapa, pemerintah, pegawai dan mana-mana pihak yang sentiasa menguasai, mengawal dan mempengaruhi pemikiran, perasaan dan tingkah laku kita secara fizikal dan mental. Tindakan pihak atasan ini turut mendatangkan perasaan takut, iaitu rasa segan, bimbang, khuatir, gelisah dan cemas pada diri kita.

3.5.6 Bangga (*Perumitham*)

Bangga ialah perasaan megah serta senang dan besar hati. Rasa bangga tercetus apabila seseorang terasa dirinya dihormati atau dihargai oleh orang lain atas pencapaian atau kedudukan yang tercapai. Selain itu, rasa bangga juga tercetus apabila seseorang itu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipuji kelebihan yang dimilikinya. Sebagai contoh, seseorang akan berasa bangga apabila dirinya dipuji kerana mempunyai bakat dalam bidang tertentu.

Perasaan bangga juga boleh membawa kepada kesan negatif pada diri seseorang. Apabila seseorang itu terlampau bangga akan dirinya, kemungkinan akan mudah melupakan dirinya atau asal uslunya lalu berasa sombong dan bongkak. Perasaan bangga seumpama ini seharusnya dikawal agar tidak mendatangkan kesan buruk terhadap diri kita. Dalam konteks ini, menurut teori *meyppātu,* seseorang manusia akan berasa bangga dalam situasi tertentu.

பெருமிதச்சுவை தோன்றுமிடங்கள்
கல்வி தறுகண் இசைமை கொடைஎனச்
சொல்லப்பட்ட பெருமிதம் நான்கே. (1203)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Tolkappiyar, seseorang akan berasa bangga akan ilmu, keberanian dan kemasyhuran diri serta akan sifat murah hatinya. Seseorang akan berasa bangga sekiranya mencapai pencapaian akademik dan memiliki ilmu pengetahuan yang tidak dapat ditandingi. Begitu juga, apabila seseorang diterima sebagai wira atau sateria yang memiliki sifat keberanian seperti kegagahan atau keperwiraan yang tidak dapat ditandingi orang. Perlakuan terpuji yang mendatagkan kemashyuran diri pada seseorang juga boleh mencetuskan rasa bangga. Akhir sekali, sifat murah hati yang diiringi dengan perasaan dan tindakan tulus ikhlas atau kesanggupan menderma segala-gala yang dimilikinya termasuk jiwa raganya akan mendatangkan rasa bangga pada diri seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.7 Marah (*Vekuli*)

Marah merupakan emosi yang hadir bersama-sama emosi lain seperti kecewa, tersinggung, malu, tertekan, takut, rasa tidak dihargai, tidak diterima dan bimbang. Pertembungan emosi tersebut mencetuskan perasaan marah. Perasaan marah bersinonim dengan kata amarah, murka, meradang, berang, bengis, geram, panas baran, panas hati, naik angin dan sebagainya. Kadang kala, perasaan marah yang sukar dikawal yang dikenali sebagai amarah boleh mendorong seseorang untuk melakukan perlakuan-perlakuan negatif atau destruktif.

Apabila kita berasa marah, seluruh tubuh badan kita bertindak balas terhadap rangsangan emosi tersebut. Dalam konteks fisiologi, tubuh badan kita akan menggeletar, jantung berdegup kencang dan suara kita meninggi. Apabila keadaan ini berlaku, maka kita perlu bersikap rasional kerana boleh mengundang perkara yang buruk. Walau bagaimanapun, perasaan ini sebenarnya harus dikawal dan diuruskan dengan baik. Di negara Barat, institusi yang berkaitan dengan pengurusan perasaan marah banyak diwujudkan. Sebaliknya, rakyat di negara Asia masih lagi terbelenggu oleh perasaan malu atau dianggap sebagai stigma untuk mendapatkan bantuan psikatri bagi memulihkan rasa marah yang destruktif dan tidak dapat dikawal. Dalam konteks ini, menurut teori *meyppātu,* seseorang manusia juga turut akan berasa marah atas sebaba-sebab positif. Seseorang berasa marah atau bengis dalam situasi yang bersifat zalim, menyiksa, mendera dan menghimpit dirinya.

உறுப்பறை குடிகோளலைகொலை என்ற
வெறுப்ப வந்த வெகுளி நான்கே. (1204)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Tolkappiyar, penderaan fizikal, pengenaan cukai dan hukuman, serta pembunuhan boleh mencetuskan perasaan marah. Seseorang akan berasa terlalu marah apabila melihat penderaan fizikal yang melibatkan tindakan mengudung dan mencacatkan kaki, tangan, mata dan telinga orang lain demi menzalimi atau menganiaya orang. Seterusnya, tindakan pemerintah yang mengenakan cukai yang menghimpit dan membebankan rakyat juga turut mencetuskan perasaan marah. Selain itu, hukuman yang berisfat mendera, menganaiya dan memaksa orang lain merempat turut mencetuskan perasaan marah bersifat bengis. Akhir sekali, tindakan bunuh-membunuh juga boleh mencetuskan perasaan marah. Namun, tindakan membunuh bukan sekadar merujuk kepada perbuatan meragut nywa orang lain, bahkan turut merujuk kepada perlakuan tidak mengenang jasa , tindakan mematikan kecerdasan dan keupayaan yang dimiliki seseorang dan kebencian yang bersifat destruktif juga mencetuskan perasaan marah.

3.5.8 Gembira (*Uvakai*)

Kata gembira bersinonim dengan kata sukacita, suka hati, bangga, riang, girang, seronok dan bahagia. Kegembiraan merupakan suatu impian semua manusia. Apabila berasa gembira, seseorang itu akan melahirkan rasa seronok untuk bercakap mengenai perkara-perkara yang mendatangkan perasaan riang. Perasaan seronok membuatkan seseorang berasa tenang, bersemangat, melupakan masalah yang sedang dihadapi dan sebagainya. Kadang kala, apabila terlampau seronok, seseorang itu akan menangis. Apabila seseorang gembira, pipinya terangkat, matanya berbentuk bulan sabit serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bibir pula berbentuk perahu. Dalam konteks ini, menurut teori *meyppātu,* seseorang manusia akan berasa gembira dalam situasi tertentu.


செல்வம் புலனே புணர்வு விளையாட்டு என்று
அல்லல நீத்த உவகை நான்கே. (1205)

Menurut Tolkapiyar, seseorang akan berasa gembira disebabkan kekayaan, keindahan yang dinikmati serta penglibatan dalam aktiviti persetubuhan dan permainan. Perasaan gembira ini lazimnya dirasai mengikut lunas-lunas moral tanpa menyusahkan orang lain. Kekayaan yang dimilki dan perasaan puas hasil daripada menikmati kekayaan tersebut boleh mendatangkan kegembiraan pada seseorang. Seterusnya, seseorang turut berasa gembira apabila dapat menikmati sesuatu yang bersifat indah melalui pancainderanya, termasuk muzik. Selain itu, seseorang akan berasa gembira dan bahagia apabila terlibat dalam aktiviti persetubuhan, di samping itu, pasangan suamu-isteri yang menghabiskan masa bersama-sama dengan menyertai aktiviti luar turut berasa seronok. Akhir sekali, penglibatan dalam sebarang permainan juga boleh menggembirakan seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Kerangka Teori



Rajah 3.4. Kerangka Teori *Meyppātu*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Kesimpulan

Secara keseluruhan, dalam bab ini metolodologi kajian dibincangkan secara terperinci. Memandangkan kajian ini ialah kajian kepustakaan, pengkaji menerapkan kaedah analisis teks untuk memperoleh, menganalisis dan merumuskan maklumat dan data yang diperoleh dengan mengkaji tujuh buah novel hasil karya M. Ramaiah.

Selain itu, teori *meypāttu* yang diutarakan oleh Tolkappiyar dalam teks klasiknya *Tolkāppiyam,* yang memandu kajian ini dibincangkan secara terperinci dan mendalam. Oleh itu, perbincangan telah lebih khusus dan terperinci kepada *envakai meypattu* atau lapan variasi rasa yang terkandung dalam teori ini. Setiap *meypāttu* atau rasa yang dicetuskan oleh empat punca tertentu turut dihuraikan berdasarkan pandangan Tolkappiyar. Bersandarkan *envakai meypattu* dan tiga puluh dua punca rasa ini, pengkaji akan meneliti cara novelis M. Ramaiah menampilkan *meypāttu* dalam tujuh buah novelnya yang dikaji itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini**,** pengkaji akan menghuraikan hasil dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan tajuk kajian *Cetusan Envakai Meyppātu Dalam Novel M. Ramaiah.* Novel-novel M. Ramaiah terpilih adalah terdiri daripada novel *Viḻalum Nīrum (*1999*), Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu (*1976), *Maṉa Ūṉaṅkaḷ (2001), Caṅkamam (1995), Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai (2009*), *Neruppu Cuṉai* (2009*),* dan *Aḻakiṉ Ārātaṉai* (1992). Pengkaji akan menganalisis tujuh buah novel hasil nukilan M. Ramaiah ini mengikut objektif dan soalan kajian yang disenaraikan**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tumpuan utama dapatan kajian ini adalah mengenal pasti *envakai meyppātu,* iaitu lapan jenis rasa yang terpapar dalam novel-novel karya M. Ramaiah**.** Seterusnya, menganalisis cara-cara pengarang M. Ramaiah mencetuskan *meyppātu* dalam novel-novelnya. Akhir sekali, pengkaji akan menghuraikan unsur-unsur pengajaran yang disampaikan oleh pengarang melalui cetusan *envakai Meyppātu.*

4.2 Mengenal Pasti *Envakai Meyppātu dan* Menganalisis Cara-cara Pengarang M. Ramaiah Mencetuskannya dalam Novel-novelnya.

Dalam proses penghasilan novel, seseorang penulis itu menekankan pelbagai perasaan watak dengan menggabungkan perasaan sebenar yang dialami oleh masyarakat di sekitarnya. Dalam konteks ini, *envakai meyppātu* atau lapan variasi rasa yang digunakan dalam karya novel atau genre lain adalah untuk menampilkan perasaan sebenar masyarakat. Kelapan-lapan *meyppātu* atau rasa ini dilahirkan oleh seseorang manusia adalah mengikut situasi sosial tertentu dan rasa ini dapat dikesan dengan cara tertentu.

Perasaan seseorang manusia dapat dikesan melalui perubahan pada tubuh badan dan suaranya. Misalnya, kita dapat memahami perubahan perasaan yang berlaku dalam diri seseorang melalui pengamatan yang melibatkan mata dan telinga. Lazimnya, pergolakan jiwa seseorang individu dapat dikesan melalui tangisan, tubuh badan yang berpeluh dan menggigil dan sebagainya. Kelapan-lapan rasa ini dilahirkan oleh seseorang manusia mengikut situasi sosial tertentu dan rasa ini dapat dikesan dengan cara tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam karya klasik *Tolkāppiyam, meyppātu* atau rasa dibahagikan kepada lapan (*envakai*) variasi, iaitu *nakai* (tawa), *a*l̲*ukai* (tangisan), *i*l̲*ivaral* (hina), *marutkai* (kagum), *accam* (takut), *perumitam* (bangga), *vekul̲i* (marah) dan *uvakai* (gembira). Menurut Tolkappiyar, kelapan-lapan rasa ini dilahirkan oleh seseorang manusia mengikut situasi sosial tertentu dan rasa ini dapat dikesan dengan cara tertentu.

உய்த்துணர்வு இன்றி தலைவரு பொருளான்
மெய்ப்பட முடிப்பது மெய்ப்பா டாகு. (!460)

எண்வகை இயல்நெறி பிழையா தாகி
முன்னுறக் கிளந்த முடிவினது அதுவே(!461)

Seterusnya, pengkaji akan mengupas novel-novel M. Ramaiah itu untuk mengenal pasti *envakai meyppātu* atau lapan variasi rasa ini dan menganalisis cara *envakai meyppātu* ini dipaparkan dalam novel-novel tersebut.

4.2.1 Rasa Tawa atau *Nakai* Dalam Novel-Novel Ramaiah

Nakai atau tawa ialah salah satu perasaan emotif yang paling penting dalam kehidupan seharian manusia. Tawa ialah tindak balas luaran atau dalaman seseorang terhadap sesuatu rangsangan tertentu. Lazimnya, ketawa ialah emosi positf yang tercetus akibat perlakuan yang menggeli dan melucukan atau menggembirakan minda. Namun, menurut teori *meyppātu,* manusia turut ketawa untuk melahirkan perasaan tertentu seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

எள்ளல் இளமை பேதைமை மடன் என்று
உள்ளப்பட்ட நகை நான்கு என்ப. (1198)

Menurut Tolkappiyar, ketawa tercetus sebagai tanda ejekan, kejahilan, sifat keanak-anakan dan kebodohan seseorang.

Jadual 4.1

Meyppātu Tawa Mengikut Puncanya Dalam Setiap Novel M. Ramaiah

Novel	**Punca-punca *Meyppātu* Tawa**			
	Ejekan (*eḷḷal)*	**Keanak-anakan** *(iḷamai)*	**Kejahilan** *(pēthamai)*	**Kebodohan** *(maṭaṉ)*
Aḷakiṉ Ārātaṉai	0	1	0	0
Neruppu Cuṉai	1	1	1	1
Cańkamam	1	1	0	1
Payaṇańkaḷ Muṭivatillai	0	0	0	0
Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu	0	0	1	0
Viḷalum Nīrum	0	0	1	0
Maṉa Ūṉańkaḷ	2	0	0	0
Jumlah	4	3	3	2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.1 Ejekan atau *Eḷḷal*

Dalam kehidupan harian, manusia memang tanpa sedar sering memaparkan sikap buruk di luar batasan kesopanannya. Salah satu sikap tersebut adalah mengatakan sesuatu untuk menyindir atau mengejek orang lain. Dalam konteks teori *meyppātu,* seseorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berketawa untuk mengejek orang atau orang lain berketawa untuk mengejek diri kita (Subbu Reddiar, N. 2010).

Dalam novel-novel yang dikaji, pengkaji telah mengenal pasti sebanyak empat situasi yang memaparkan tindakan mengejek. Situasi pertama yang telah dikenal pasti dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ* (2001). Watak Murugesu ialah seorang pemuda yang mengamalkan sikap menjauhi kaum wanita agar tidak mahu dirinya dipandang rendah. Murugesu ialah seorang pemuda berwajah hitam, giginya pula terjulur keluar dan mukanya cengkung. Walaupun sudah berusia tiga puluh tahun, namun dia masih tidak dapat berkahwin lagi. Wajah Murugesu sentiasa menjadi sasaran ejekan watak Maithili dan kawan-kawanya kerana menganggapnya sebagai seorang manusia yang hodoh.

> **ஏண்டி! உங்கள்ல யாராவது மன்மதக் குஞ்சைப் பார்த்திருக்கிறீங்களா? இல்லேன்னா, அதோ நிக்குது. பார்த்துக்குங்க, என்று சொல்லிவிட்டுக் கலகலவென்று நகைப்பாள். மற்றவர்களும் சேர்ந்து கொள்வார்கள். (மா. இராமையா, 2001, ப. 149)**
>
> Hai, adakah awak semua pernah tengok lelaki yang paling seksi (*maṉmata kuñcu)*. Sekiranya tidak, lihat yang berdiri di situ, ketawa terbahak-bahak Maithii. Orang lain turut ketawa bersama-samanya. (M**.** Ramaiah, 2001, ms. 149)

Sebenarnya, watak Maithili memperli Murugesu untuk mengejek wajahnya yang dianggap hodoh. Watak Maithili menggunakan kata Tamil *maṉmata kuñcu (*dewa keberahian*)* yang membawa maksud tersirat, iaitu manusia yang paling hodoh.

Seterusnya, situasi mengejek yang kedua dikenal pasti dalam novel yang sama, iaitu *Maṉa Ūṉaṅkaḷ (2001)*. Anak perempuan Sellamma telah diperkosa oleh watak Pasupathi yang merupakan seorang guru. Anak Sellamma itu telah pun hamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sellamma telah mengadu hal ini kepada Muthuvelu yang merupakan ketua kampungnya. Sellamma terus menuntut keadilan untuk anaknya. Namun, Pasupathi telah menyangkal tuduhan Sellamma. Dia telah memuji dirinya sebagai seorang guru yang dihormati. Dengan perasaan marah, dia telah mengusir Sellamma itu. Namun, watak Muthuvelu terus ketawa secara sinis sebaik sahaja mendengar kata-kata Pasupathi itu.

> முத்துவேலு சிரித்தார். ஏன் சிரிக்கிறீங்க? நீங்க கௌரவமான ஆசிரியர்னு சொன்னதைக் கேட்டதும் சிரிப்பு வந்துடுச்சி. உங்க கால் பட்டுக் கசங்கிப் போன மலர்கள் எத்தனைன்னு எனக்குத் தெரியும்! நீங்களா கௌரவம், நெறின்னு பேசுறீங்க? கேட்கவே அருவருப்பா இருக்கு. (மா. இராமையா, 2001, ப. 83)

> Muthuvelu tersenyum. Mengapa senyum? Saya tak dapat kawal ketawa saya, apabila mendengar anda mengatakan dirimu sebagai seorang guru yang terhormat. Saya memang tahu bilangan bunga yang layu (wanita yang ternoda) akibat terkena kakimu! Adakah awak layak bercakap pasal maruah diri dan akhlak? Saya berasa sungguh jijik. (M**.** Ramaiah, 2001, ms. 83)

Watak Muthuvelu berketawa untuk mengejek dan menyindir sikap Pasupathi yang memuji diri sendiri sebaliknya dia merupakan seorang lelaki yang miang.

Selain itu, situasi ejekan yang ketiga dikenal pasti dalam novel C*aṅkamam*. Watak Gunalan ialah seorang pemuda yang kacak. Di samping itu, watak Len Moi digambarkan sebagai seorang gadis yang baik hati dan berasal daripada keluarga yang baik. Dia merupakan kacukan kaum India dan Cina. Dia bekerja sebagai seorang pegawai tinggi di sebuah syarikat. Gunalan ialah pekerja baru di syarikat Len Moi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam syarikat yang sama terdapat seorang gadis Melayu bernama Rokiah yang berambut panjang. Dia bekerja sebagai kerani dan perterjemah Bahasa Melayu. Dia merupakan seorang gadis yang peramah. Rokiah melihat perubahan pada diri Len Moi sejak kehadiran Gunalan. Rokiah mendapati Len Moi yang selalu hadir pada pukul 9 pagi, telah mula datang lebih awal lagi. Rokiah berasa hairan lalu mengejek Len Moi itu.

> என்ன லென்..... எப்போதும் ஒன்பது மணிக்கு வரும் நீ இன்னைக்கு சீக்கிரம் வந்துட்டெ, வார்த்தைகளில் ஆச்சரியம் கலந்திருந்தாலும் முகத்தில் ஏளனம் நடம் புரிந்தது. (மா. இராமையா, 1995, ப. 38)

> Amboi Len, ...kau selalu datang pukul sembilan pula. Hari ini pula datang lebih awal lagi, kata Rokiah. Mukanya menguntumkan senyuman yang mengejeknya. (M. Ramaiah, 1995, ms. 38)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rokiah berketawa dengan penuh sinis untuk mengejek sikap Lean Moi yang mudah dipengaruhi oleh kehadiran Gunalan.

Akhir sekali, situasi ejekan keempat dikenal pasti dalam novel *Neruppu Cuṉai* (2009*)*. Dalam novel ini, watak Kamalaveni dilakarkan oleh M. Ramaiah sebagai seorang gadis moden yang sudah meningkat umurnya, namun masih bujang lagi. Dia berpelajaran dan berjawatan tinggi serta memperoleh pendapatan lumayan yang membolehkannya tidak perlu bergantung kepada sesiapapun.

Dia berpendirian teguh, berfikiran bebas dan mampu mengambil sebarang tindakan dan keputusan secara bebas tanpa dipengaruhi oleh orang lain. Dia bekerja sebagai seorang pegawai tinggi di sebuah syarikat. Hal ini memberikannya kuasa dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sentiasa digeruni oleh pekerja bawahan malahan keluarganya menganggapnya sebagai seorang gadis yang sombong dan angkuh. Pekerja di syarikat itu sering menyindir diri Kamalaveni yang masih menjadi dara tua.

> ஏண்டி!... திருமணமாகாத வயது முதிர்ந்த பெண்களை குமாரின்னு சொல்லுற மாதிரி தமிழில் ஏதாவது வார்த்தை இருக்கா? என்று ஒருத்தி கேட்டாள். ஏன் இல்லே?... திருமணம் ஆகாத பெண்களை முதிர்கன்னி என்று சொல்வார்கள்.அப்போ நம்ம ஆபீசிலேயும் முதிர்க்கன்னி இருக்கிறாங்ன்னு சொல்லு, சொல்லிவிட்டுக் கலகல வென்று சிரித்தாள். (மா. இராமையா, 2009, ப. 41)
>
> Eh, wanita dewasa yang masih belum berkahwin dikenali sebagai anak dara tua. Adakah terdapat perkataan sama dalam bahasa Tamil? tanya seorang gadis. Mengapa tidak? Wanita yang masih belum berkahwin digelar dara tua, jawab seorang lagi. Kalau begitu, di pejabat kita juga terdapat dara tua, ketawa pula seorang lagi. (M**.** Ramaiah, 2009, ms. 41)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gadis-gadis tersebut berusaha memperli dan menyindir Kamalaveni yang masih belum berkahwin lagi. Sebenarnya, gadis-gadis tersebut tidak sedar bahawa gadis kini memerlukan masa yang lama untuk mengejar pendidikan tinggi dan jawatan yang baik. Oleh sebab itu, mereka terpaksa menangguhkan soal perkahwinan dan sebahagian pula memilih untuk menjadi anak dara yang tua. Malangnya, terdapat segolongan masyarakat kita menjadikan anak dara tua sebagai bahan ejekan.

4.2.1.2 Keanak-anakan atau *Iḷamai*

Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993)**,** keanak-anakan merujuk kepada perlakuan seseorang masih berupa kanak-kanak walaupun usianya sudahpun lanjut. Semakin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertambahnya usia seseorang, sifat keanak-anakan ini seharusnya berubah dan lenyap sama sekali menjelang dewasa. Namun, sifat keanak-anakan ini terkadang masih melekat pada diri seseorang walupun usianya sudah terbilang dewasa atau tua. Sifat keanak-anakan ini mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan manusia di sekitar kita. Dalam konteks teori *meyppātu*, sifat kebudak-budakan menjadi punca tawa orang lain. Lazimnya, seseorang yang memiliki sifat keanak-anakan akan berketawa untuk mengejek orang lain atau seseorang berketawa untuk mengejeknya kerana menampilkan sifat keanak-anakan (Subbu Reddiar, N. 2010).

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti sebanyak tiga situasi yang memaparkan sifat keanak-anakan watak yang terpapar dalam novel tertentu. Situasi pertama telah dikenal pasti dalam novel *Aḷakiṉ Ārātaṉai.* Watak Latha yang bertugas sebagai guru ialah kekasih Dr. Gurumurthi. Latha telah minta pertolongan Gurumurthi untuk memperoleh kemenagan dalam pertandingan ratu cantik dan kekasinhnya pun sanggup menghulurkan sebarang bantuan untuk menjamin kemenangannya. Namun, Dr. Gurumurthi tidak bersetuju dengan rancangan Latha yang sanggup menggunakan tipu helah untuk mencari kemenangan dalam pertandingan ratu cantik peringkat Asia.

Beliau berpendirian bahawa seseorang guru seperti Latha sewajarnya menggunakan pendekatan yang adil dan sepatutnya menjadi suri teladan kepada masyarakat. Beliau kurang menyenangi sikap Latha yang sanggup menggadaikan pegangan moral semata-mata untuk memperoleh sesuatu kemenangan. Latha juga berasa kurang senang akan teguran dan pendirian kekasihnya itu. Oleh itu, Latha mengambil keputusan untuk memutuskan hubungan dengan Dr. Gurumurthi. Namun,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beliau terus mengeetawakan sifat Latha yang bersikap keakan-anakan walaupun berjawatan sebagai guru.

> அவர் வாய்விட்டு சிரித்தார்.
> (மா. இராமையா, 1992, ப. 70)
>
> Dia terus ketawa terbahak-bahak.
> (M. Ramaiah, 1992, ms. 70)

Dr. Gurumurthi terus berketawa memikirkan sikap keanak-anakan kekasihya Latha yang tidak dapat berfikir secara rasional akan kesan keputusan dan tindakannya tidak moral serta sikapnya tidak sanggup menerima sebarang teguran terhadap salah lakunya.

Situasi keanak-anakan yang kedua dikenal pasti dalam novel *Nheruppu Cunai*. Watak Kamalaveni dan Kavitha mengunjungi Mathavamegalai untuk berbincang tentang hal Nyanasegaran, kekasihnya. Menurut mereka, kekasihnya berasa gundah-gulana dan kecewa setelah meninggalkannya. Mereka memujuknya supaya kembali kepada Nyanasegaran. Namun, kedua-dua mereka tidak sedar bahawa Mathavamegalai sudahpun mengambil keputusan muktamad berkaitan dengan Nyanasegaran.

Dia menganggapnya sebagai bekas kekasih setelah menerima nasihat ibunya. Walaupun pada mulanya Mathavamegalai tidak menyetujui pilihan ibunya, namun setelah dipujuk dan diberikan alasan rasional, telah bersetuju untuk mengkahwini sepupunya, Arularasu. Malahan, Arularasu yang mengetahui hal percintaannya sanggup menerima Mathavamegalai sebagai isterinya. Oleh itu, sebaik sahaja mendengar pujukan dan kata-kata Kamalaveni dan Kavitha, Mathavamegalai berketawa terbahak-bahak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> உங்க காதலை மேடம் கிட்டே எல்லாம் விவரமா சொன்னதும், உனக்கு விட்டுக் கொடுத்து ஒதுங்கிக்க முடிவு பண்ணிட்டாங்க. அதைச் சொல்லிவிட்டுப் போகத்தான் வந்திருக்கிறோம்...என்று கவிதா சொன்னதும் மேகலை 'கடகட' வென்று வாய்விட்டுச்சிரித்தாள். (மா. இராமையா, 2009, ப. 113)
>
> Selepas diberitahu segala-galanya mengenai percintaaan kedua-dua awak, puan *madam* pun bersetuju untuk melepaskan Nyanesegaran kepada awak. Kami datang untuk maklumkan perkara ini, kata Kavita. Sebaik sahaja mendengar kata-kata Kavita, Mathavamegalai pun ketawa terbahak-bahak. (M**.** Ramaiah, 2009**:**113)

Sebenarnya, Mathavamegalai berketawa terbahak-bahak kerana kedua-dua mereka telah menampilkan sikap jahil. Mereka cuba menyatukan Mathavamegalai dengan bekas kekasihnya tanpa mengetahui bahawa dia telahpun meninggalkan bekas kekasihnya itu dan membuat keputusan untuk mengkahwini sepupunya.

Seterusnya, situasi keanak-anakan yang ketiga dikenal pasti dalam novel *Caṅkamam*. Watak Gunalan membawa rakannya dalam kereta Alfa Romeo yang baru dibelikan oleh abang iparnya. Ketika dalam perjalanan itu, watak Velu melihat lampu isyarat di sebuah persimpangan jalan. Vellu menyatakan bahawa kehidupan manusia juga sama seperti lampu hijau dan merah yang bergilir-gilir menyala dan padam. Velu terus menjelaskan bahawa Gunalan telah mencari perlindungan di bandar selepas kematian kedua-dua ibu bapanya setelah gagal memperoleh pekerjaan di ladang.

Oleh itu, Velu membandingkan kehidupan Gunalan yang penuh penderitaan itu pada suatu ketika dahulu dengan lampu merah. Manakala, kehidupan Gunalan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

serba senang dan mewah sekarang disamakan dengan lampu hijau. Velu berpendapat bahawa kehidupan kebanyakan orang memperlihatkan lampu merah sahaja.

> உன்னுடைய சித்தாந்தப்படி ஒவ்வொரு மனிதனின் வாழ்க்கையிலும் சிவப்பு விளக்குத்தானே அதிகமாக எரியுது என்றான் குணாளன். இருவரும் வாய்விட்டுச் சிரித்துக்கொண்டனர். (மா. இராமையா, 1995, ப. 158)
>
> Menurut falsafah anda, lampu merahlah yang banyak menyaladalam kehidupan setiap manusia, ketawa pula terbahak-bahak Gunalan selepas mendengar pandangan kawannya. Velu juga turut ketawa. (M**.** Ramaiah1995, ms. 158)

Gunalan berketawa kerana kawannya, Velu mudah membuat kesimpulan tentang kehidupan manusia dengan membandingkannya lampu merah pada lampu isyarat. Gunalan berpendapat bahawa kawannya menampilkan sifat keanak-anakan yang tidak rasional kerana menyamakan kesenangan hidup dengan lampu hijau dan kesusahan hidup dengan lampu merah.

4.2.1.3 Kejahilan atau *Matan*

Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), kejahilan merujuk kepada perihal atau keadaan cetek pengetahuan. Lazimnya, pendapat, fikiran dan perlakuan orang jahil akan menjadi sasaran ejekan. Seseorang yang jahil mempercayai sesuatu sebulat-bulatnya tanpa mengetahui perkara sebenar (Subbu Reddiar, N. 2011). Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti sebanyak tiga situasi yang memaparkan sikap jahil yang menjemput ketawa sinis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi pertama telah dikenal pasti dalam novel *Nheruppu Cunai*. Watak Kamalaveni telah berkenalan dengan seorang wanita tua bernama Annapurani di kuil. Sifat peramah dan budi bahasa Kamalaveni telah memikat hati Annapurnani. Kamalaveni memberitahu wanita itu bahawa dirinya seorang yatim yang kehilangan ibunya dan dibesarkan oleh kakaknya yang banyak berkorban demi kesejahteraannya. Selepas itu, wanita itu memohon pertolongan Kamalaveni untuk menghantar ke rumahnya memandangkan anak lelakinya agak sibuk. Oleh itu, Kamalaveni turut sudi menghatarnya dan sebelum itu, dia menjemput wanita itu ke rumahnya. Dalam perjalanan itu, wanita itu ingin tahu bila Kamalaveni akan berkahwin sedangkan umurnya pun sudah menjangkau 25 tahun, lagi pun kakaknya Valarmathi pun belum berkahwin lagi. Sebaik sahaja mendengar kata-kata Annapurani, Kamalaveni mula berketawa terkekeh-kekeh. Wanita tua itu pula berasa serba salah.

> ஏம்மா வேணி!... உனக்கே இருபத்தைந்து வயதுக்கு மேலே இருக்கும்.உன் அக்காவுக்குத் திருமண ஆகாம இருந்தா உனக்கு எப்போ திருமணம் நடக்கும்? என்று அன்னபூரணி கேட்டதும் கமலவேணி கலகலவென்று சிரித்தாள் ஏம்மா சிரிக்கிறே?நான் எப்போ அண்டி என் அக்காவுக்குத் திருமணம் ஆகலேன்னுசொன்னேன்?உன்னைப் படிக்க வச்சு ஆளாக்கியது உன் அக்காதானே சொன்னே?ஆமா, உண்மைதான். ஆனா, என் அக்காளுக்குத் திருமணாமாகி ஆறுவயசிலே ஒரு பையனும் நாலு வயசிலே ஒரு பெண் பிள்ளயும் இருக்கிறாங்க. (மா. இராமையா, 2009, ப.17-18)

> Veni, umurkau pun sudah lebihi dua puluh lima tahun. Sekiranya kakak kau masih tidak berkahwin, bilakah kau akan berkahwin? tanya Annapurani. Sebaik sahaja mendengar pertanyaan wanita tua itu, Kamalaveni mula ketawa terkekeh-kekeh.Kenapa ketawa? tanya wanita itu.Makcik, bilakah saya katakan kakak saya belum berkahwin lagi? kata KamalaveniAwak berkata kakak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> awaklah membesarkan dan membantu anda melanjutkan pelajaran, balas Annapurani. (M. Ramaiah, 2009:17-18)

Sebenarnya, Kamalaveni berketawa terkekeh-terkekeh mendengar kata-kata wanita itu yang menyatakan bahawa kakaknya belum berkahwin lagi.

Wanita itu sudah membuat andaian sedemikian tanpa mengetahui bahawa kakaknya sudah pun mendirikan rumah tangga dan mempunyai dua orang anak. Wanita itu membuat andaian tanpa memahami isi kandungan perbualan mereka. Watak Annapurani memang menampilkan sifat kejahilan. Perlakuan inilah mencetuskan gelak ketawa Kamalaveni.

Selanjutnya, situasi kejahilan yang kedua dikenal pasti dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu*. Suami Porkodi ialah Sundaresan. Dia bertugas sebagai penolong akauntan. Dia telah diberkas atas tuduhan melakukan pecah amanah dalam urusan wang. Porkodi telah meminta bantuan penguam Vanangamudi yang merupakan bapa saudara Sundaresan untuk membelanya. Namun, beliau tidak mahu membantunya kerana merupakan peguam yang diberikan tanggungjawab untuk mendakwa Sundaresan. Penguam-peguam lain juga turut tidak mahu membantunya kerana tidak berani mencabar Vanangkamudi yang merupakan seorang peguam yang handal dan tidak pernah kalah. Oleh itu, Porkodi telah mengambil keputusan untuk membela diri suaminya. Sebenarnya, Porkodi ialah seorang peguam yang berkelulusan dalam bidang undang-undang, tetapi perkara ini dirahsiakannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Suaminya berprasangka terhadap wanita yang bekerja berdasarkan perangai isteri kawannya yang berpakaian tidak senonoh dan melakukan perbuatan sumbang. Oleh itu, Sundaresan tidak mahu isterinya bekerja, sebaliknya mahukan seorang isteri yang berbudi pekerti. Akhirnya, apabila kesnya dijalankan di mahkamah, barulah dia sedar bahawa isterinya ialah seorang peguam. Porkodi telah berjaya membuktikan bahawa perbuatan pecah amanah itu sebenarnya dilakukan oleh ketua akauntan, Kannan. Lantas, Sundaresan tergelak akan sifat kejahilannya.

> என் மனைவி ஒரு வக்கீல் என்பதும் எனக்கு இப்போதுதான் தெரியும், என்றார் சுந்தரேசன் சிரித்துக்கொண்டே.
> (மா. இராமையா, 1976, ப. 112)
>
> Baru saja saya tahu isteri saya ialah seorang peguam,
> kata Sundaresan sambil gelak. (M. Ramaiah, 1976, ms.112)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sundaresan tanpa usul periksa berprasangka terhadap wanita yang bekerja semata-mata berdasarkan perangai isteri seorang kawannya. Selain itu, dia juga mengetawakan dirinya kerana tidak mengetahui bahawa isterinya ialah seorang peguam. Oleh itu, Sundaresan mengetawakan sifat kejahilan dirinya sendiri itu.

Akhir sekali, situasi kejahilan yang ketiga dikenal pasti dalam novel *Vi̲lalum Nīrum.* Watak Kumaaravelu ialah seorang pemuda yang hanya belajar hingga tingkatan tiga sahaja. Dia tidak mempunayai sebarang pekerjaan tetap. Dia merupakan anak sulung yang mempunyai tanggungjawab berat. Oleh itu, dia telah berjaya memerangkap watak Kayalvizhi setelah mengetahui bahawa dia merupakan seorang siswa yang berpendapatan tinggi. Watak Kayalvizhi juga telah termakan oleh kepura-puraan dan tipu muslihat Kumaaravelu. Kumaaravelu berpura-pura mencintai Kayavizhi semata-mata untuk mempergunakannya untuk menikmati kehidupan mewah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya, Kayavizhi bukanlah gadis idamannya dan memaksa dirinya seolah-olah mencintainya. Pada suatu hari, dia sedang menunggu kehadiran Kayalvizhi yang sudahpun lewat itu dengan perasaan geram. Namun, ketika melihat diri Kayalvizhi, Kumaaravelu telah melemparkan senyuman kepura-puraan sambil memperlihatkan giginya.

> மனத்திற்குள் திட்டிக்கொண்டிருந்தவள் அவளைக் கண்டதும் பற்கள் வெளியில் தெரிய முறுவலித்தான். (மா. இராமையா,1999, ப. 14)
>
> Dia memendamkan perasaan marahnya sebaik sahaja melihat Kayavizhi lalu melemparkan senyuman sambil memperlihatkan giginya. (M**.** Ramaiah, 1999**,** ms.14)

05-4506Senyuman merupakan suatu bentuk tawa halus yang membawa sesuatu makna tertentu. bupsi Menurut Subbu Reddiar, N. (2011) kejahilan merupakan sifat mempercayai sesuatu tanpa wasangka. Dalam konteks petikan ini, Kumaaravelu tersenyum untuk melindungi perasaan greamnya serta mengetawakan sifat jahil kekasihnya.

4.2.1.4 Kebodohan atau *Pētaimai*

Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), kata kebodohan bermaksud kekeliruaan, iaitu sukar mengerti atau mempelajari sesuatu. Dalam konteks teori *meyppātu,* sifat kebodohan ini menyebabkan seseorang salah mengerti atau faham sesuatu lalu bertindak secara tolol. Tingkah laku sedemikian akan mencetuskan ketawa sinis atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ejekan orang lain. Menurut Subbu Reddiar, N. (2011), sifat kebodohan diri atau orang lain akan mencetuskan gelak ketawa.

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti sebanyak dua situasi yang memaparkan kebodohan diri seseorang. Situasi kebodohan diri pertama dikenal pasti dalam novel C*aṅkamam*. Selepas mengkahwini Gunalan, buat kali pertama Lean Moi mengunjungi bapanya bersama dengan suaminya, Gunalan dan adiknya, Manivannan. Sementara itu, ibu Gunalan, Mangai pula tidak mengikuti mereka. Datuk Lean Moi, iaitu Thillaikannu menanyakan Lean Moi akan sebab ibu mentuanya tidak mengikut bersamanya. Namun, Manivannan pula tanpa mengetahui tujuan sebenar ibunya tidak hadir, tiba-tiba mencela dengan menayatakan bahawa ibunya risau bahawa rumah mereka akan dimasuki pencuri jika tiada sesiapa. Sebenarnya, ibu mentua Lean Moi berpegang teguh pada adat resam kaum Tamil bahawa pintu rumah tidak boleh ditutup pada sebelah waktu petang.

> அண்ணி கூப்பிட்டாலும் அம்மா வரமாட்டாங்க, என்று குறுக்கிட்டான் மணிவண்ணன். "ஏப்பா?' தில்லைக்கண்ணு கேட்டார். வீட்டை யாராவது தூக்கிகிட்டுப் போயிடுவாங்கலாம். காவல் இருக்கணுமாம் என்று சொல்லி விட்டு சிரித்தான் மணிவண்ணன். தில்லைகண்ணைத் தொடர்ந்து மற்றவர்களும் வெடிச்சிரிப்பை உதிர்த்தனர். (மா. இராமையா, 1995, ப. 172)
>
> Walupun kakak ipar ajak, ibu tidak akan datang, mencela tiba-tiba Manivannan. Kenapa? tanya pula Thillaikannu.Ibu tidak akan keluar dari rumah kerana bimbang rumahnya akan dibawa balik pencuri. Oleh itu, dia terpaksa menjaga rumahnya, kata Manivannan. Kata-katanya mencuitkan hati mereka lalu semua orang telah berketawa terbahak-bahak. (M**.** Ramaiah, 1995, ms. 172)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya, Manivannan yang tidak mengetahui tujuan sebenar ibunya tidak hadir lalu telah membebal. Oleh itu, penjelasan Manivannan yang tidak masuk akal dan melucukan itu telah mencuitkan hati mereka lalu mereka semua berketawa terbahak-bahak melihat sifat tololnya.

Situasi kebodohan diri yang kedua telah dikenal pasti dalam novel *Nheruppu Cunai*. Dalam novel ini, ibu kepada Nyanasegaran, Annapurani telah meminta persetujuan Valarmathi untuk melamar adiknya, Kamalaveni sebagai isteri anaknya. Kamalaveni pun menerima lamaran itu. Namun, Annapurani masih tidak memberi kata putus tentang persetujuan anaknya itu. Oleh itu, Kamalaveni memaklumkan kakaknya bahawa pihak Annapurani mungkin mengharapkan wang hantaran memandangkan umurnya pun sudah meningkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kakaknya telah menolak pendapatnya. Walau bagaimanapun, Kamalaveni menyanggah pendapat kakaknya dengan menyatakan bahawa Nyanasegaran yang merupakan seorang kaya mengharapkan jodoh yang berada memandangkan keluarga mereka ialah keluarga sederhana. Menurutnya lagi, terdapat kumpulan wanita dara tua sanggup memberi wang hantaran kepada bakal jodohnya bertujuan untuk membolos hartanya kemudian. Kakak Kamalaveni tidak mempercayai kata-kata adiknya.

> வளர்மதிக்கு சிரிப்பு வந்துவிட்டது. வயது முதிர்ந்த ஆண்களின் சொத்துக்கு ஆசைப்பட்டு முதிர்கன்னிகளும் கைம்பெண்களும் தங்கள் இளாமையைப் 'பயணம்' வைக்கத் தயங்காததைப் பார்த்திருக்கிறாள். ஆனால், இப்படி நடக்குமா? ஏங்க்கா சிரிக்கிறே? திருமணத்தை முன் வைத்துப் பேரம் பேசுவார்கள் என்று சொன்னியே, அதான் சிரிப்பு வந்திடிச்சி. அக்கா இந்தக் காலத்திலே திருமணமே பெரிய வியாபாரம்தான். (மா. இராமையா, 2009, ப. 67)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Valarmathi mula ketawa. Dia pernah melihat anak dara tua dan janda 'menggadaikan diri' demi membolos harta lelaki tua. Tetapi, bolehkah perkara ini boleh berlaku ? Kak, kenapa ketawa? Pelik, ada orang tawar-menawar hal perkahwinan. Hal inilah mengelikan saya. Kak, hal perkahwinan merupakan suatu bentuk urusan perniagaan. (M**.** Ramaiah, 2009, ms. 67)

Valarmathi berasa pelik mengetahui bahawa terdapat golongan manusia yang sanggup menggadaikan maruah diri dengan memperalatkan perkahwinan untuk membolos harta orang lain. Di samping itu, sikap masyarakat sekarang yang melihat hal perkahwinan sebagai urusan perniagaan sungguh menggelikan hatinya kerana mereka menonjolkan sifat tolol dan kebodohan. Dia mengetawakan kebodohan kaum lelaki dan perempuan yang sanggup tawar-menawar hal kehidupan sama seperti tawar-menawar harga barangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Tangisan atau *Aḻukai* Dalam Novel-Novel M. Ramaiah

Tangisan merupakan perasaan untuk melahirkan rasa sedih, kecewa dan kesal dengan mencucurkan air mata yang diiringi oleh suara tersedu-seduan yang semakin lama semakin kuat. Menurut teori *meyppātu,* manusia menangis dalam situasi tertentu.

> இளிவே இழவே அசைவே வறுமையென
> விளிவில் கொள்கை அழுகை நான்கே. (1199)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Tolkappiyar, situasi terhina, kehilangan sesuatu yang dihargai, kedaifan dan kemiskinan menjadi punca tangisan seseorang. Pengkaji telah mengenal pasti punca-punca *meyppātu* tangisan ini dalam novel-novel yang dikaji.

Jadual 4.2

Meyppātu Tangisan Mengikut Puncanya Dalam Setiap Novel M. Ramaiah

Novel	**Punca-punca *Meyppātu* Tangisan**			
	Terhina ***(iḻivu)***	**Kehilangan** ***(iḻavu)***	**Kedaifan** ***(acaivu)***	**Kemiskinan** ***(vaṟumai)***
Aḻakiṉ Ārātaṉai	0	0	0	0
Neruppu Cuṉai	0	0	0	0
Cańkamam	2	1	0	0
Payaṇańkaḷ Muṭivatillai	0	0	0	1
Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu	0	2	2	1
Viḻalum Nīrum	3	0	0	0
Maṉa Ūṉańkaḷ	0	0	1	1
Jumlah	5	3	3	3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2.1 Terhina atau *Iḻivu*

Seseorang menangis apabila dirinya terhina atau direndah-rendahkan oleh orang lain. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti sebanyak lima situasi yang menerangkan situasi terhina. Situasi terhina yang pertama telah dikenal pasti dalam novel C*ańkamam* apabila Lean Moi menyerahkan tugas Rokiah kepada watak Gunalan yang baru mula bekerja di syarikat itu. Lean Moi digambarkan sebagai seorang gadis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang baik hati dan berasal daripada keluarga yang baik serta kaya. Dia merupakan anak kacukan kaum India dan Cina. Nama Tamil Lean Moi ialah Mullai. Puan Chee Khon telah melantik Gunalan sebagai pekerja buruh di syarikat suaminya sebagai tanda mengenang budi Gunalan. Dalam syarikat itu turut terdapat seorang gadis Melayu bernama Rokiah yang bekerja sebagai kerani dan penterjemah bahasa Melayu.

Pada suatu hari, ketika Rokiah telah bercuti, Lean Moi menyerahkan tugas Rokiah kepada Gunalan. Gunalan telah bergurau dengan menyatakan bahawa dia terpaksa membuat kerja pejabat walupun dirinya seorang pekerja buruh sahaja. Lean Moi telah tersinggung perasaan mendengar kata-katanya lalu telah meminta maaf kerana memintanya menjalankan tugas Rokiah serta berjanji tidak akan beramah mesra dengannya lagi. Sementara itu, Lean Moi terkejut apabila Puan Chee Khon telah memuji hasil terjemahan Gunalan. Lean Moi berasa dirinya telah menghina Gunalan lalu mula menangis. Gunalan pula terasa bersalah atas gurunannya tadi lalu menghampirinya untuk meminta maaf. Gunalan terkejut melihat keadaan Lean Moi lalu menyatakan bahawa kata-katnya merupakan guruan sahaja.

> குணாளன் அருகில் வந்தான். குணாளன் தலைத்தூக்கி அவளைப் பார்த்தார். அவளுடைய பட்டுக் கன்னங்களில் கண்ணீர் உருண்டோடியது. அவன் திடுக்கிட்டுப் போனான். தன்னுடன் பேச வேண்டாம் என்று சொல்லிவிட்டுப் போன லென் மோய் திரும்பி வந்து அழுது கொண்டு நிற்பது அவனுக்கு மிகவும் வேதனையாக இருந்தது. ஏன் என்று கேட்டு இதுக்கா அழறே? அவன் கரங்கள் அவள் கண்ணீரைத் துடைத்துவிட்டன. (மா. இராமையா,1995,ப. 57)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Gunalaan mendekati Lean Moi. Gunalaan memandangnya. Air mata mengalir di pipi sutera Lean Moi. Dia terkejut. Kenapa dia menangis sedangkan Lean Moilah yang mintanya supaya tidak lagi bercakap dengannya ? Dia berasa sedih melihat keadaan Lean Moi. Kenapa menagis? tanya pula Gunalan. Adakah awak menagis sebab keadaan tadi itu. Tangannya menyapu air matanya. (M**.** Ramaiah,1995, ms. 57)

Tindakan majikannya yang memuji Gunalan telah mengejutkan Lean Moi lalu berasa bersalah kerana menghina Gunalan tanpa mengetahui kebolehan dan kemampuannya. Kesedaran yang tercetus akibat tindakannya menghina orang lain telah mengalirkan air mata sebagai tanda kekesalan dalam diri Lean Moi. Subbu Reddiar, N. (2011) turut menyetujui pendapat ini dengan mengatakan bahawa seseorang akan menangis kerana menyesali tindakannya menghina orang lain.

Situasi terhina yang kedua telah dikenal pasti dalam novel yang sama, iaitu C*aṅkamam.* Dalam novel ini, watak Lean Moi menangis kerana terasa dirinya dihina oleh Gunalan yang dianggap mempermainkannya. Gunalan dan Lean Moi ialah sepasang burung merpati. Sementara itu, Rokiah yang bekerja di pejabat yang sama pula menaruh perasaan cinta terhadap Gunalan. Rokiah cuba menggunakan muslihat untuk memutuskan hubungan mereka dengan mengapai-apikan diri Lean Moi dengan perasaan cemburu dan benci terhadap Gunalan.

Rokian telah mereka cerita bahawa Gunalan dan dirinya pernah keluar untuk makan angin. Rokiah juga memberitahu bahawa Gunalan telah memberikannya sebuah hadiah sebagai tanda percintaannya. Sebenarnya, Rokian pernah memaksa Gunalan untuk membelikannya hadiah itu lalu memberitahu Len Moi bahawa hadiah tersebut ialah pemberian Gunalan. Oleh itu, Lean Moi terasa hatinya tergores apabila Gunalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah menolak pelawaannya untuk keluar bersiar-siar sedangkan telah menerima ajakan Rokiah. Lean Moi terasa dirinya dipermain-mainkan oleh Gunalan. Keadaan ini mencetuskan perasaan bahawa dirinya terhina lalu dia bersedu-sedan.

> சற்றுப் பொறுத்து லென் மோயின் பக்கமிருந்து விசும்பும் குரலும் அழுகை ஒலியும் கேட்டன். உற்றுப் பார்த்தால் லென் மோய் முகத்தை இருகரங்களாலும் மூடிக்கொண்டு அழுத வண்ணமிருந்தாள். (மா. இராமையா,1995, ப. 74)
>
> Sebentar kemudian, dia (Gunalan) telah terdengar suara tangisan dan sedu-sedan dari sisi(tempat duduk) Lean Moi. Dia mendapati bahawa Lean Moi sedang menagis sambil menutup wajahnya dengan kedua-dua belah tangannya. (M**.** Ramaiah, 1995**,** ms. 74)

Sebenarnya, Lean Moi menangis kerana berprasangka terhadap Gunalan akibat hasutan dan tipu muslihat Rokiah. Keadaan ini telah mencetuskan perasaan rendah diri dan terhina lalu Lean Moi terus menangis tersedu-sedan untuk melepaskan perasaan sedihnya.

Situasi terhina yang ketiga telah dikenal pasti dalam novel *Viḻalum Nīrum.* Watak Sita digambarkan sebagai seorang gadis yang berpegang teguh kepada tradisi dan sangat menghormati ibu bapanya. Sita mencintai Dharmabalan dan takut akan reaksi ibunya walupun ayahnya, Dhanabal merestui pilihannya. Ibunya, Kanniamma, bersikap materialistik dan mementingkan kedudukan. Apabila abang Sita, Thangavelu yang mengetahui hal percintaannya, turut menasihatinya agar menjauhi Dharmabalan kerana kurang puas dengan perangainya. Hati Sita tetap enggan mendengar nasihat itu kerana yakin bahawa dapat mengubah sikap Dharmabalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya, Sita juga bersikap buta hati sama seperti gadis-gadis lain yang dilanda gelora percintaan, namun Sita tetap tidak mahu melakukan sesuatu yang akan menjatuhkan air muka kedua-kedua ibu bapanya. Apabila Kanniamma mengetahui hal percintaan Sita, dia tetap tidak mahu merestuinya. Sementara itu, keluarga kekasihnya, Dharmabalan memujuk Sita supaya meninggalkan ibu bapanya sekiranya mereka tetap dengan pendirian. Sita yang merupakan seorang gadis yang tidak berpendidikan dan tidak dapat berdikari, tidak mahu mengambil sebarang keputusan secara tergesa-gesa. Namun, ayah Sita berasa bimbang bahawa anaknya akan mengambil sesuatu tindakan terburu-buru yang boleh memusnahkan masa depan anaknya. Oleh itu, Dhanabal memujuk dan memaksa isterinya, Kanniamma supaya merestui percintaan anak mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> **கல்நெஞ்சம் படைத்த கன்னியம்மா அழுது அவர் பார்த்தில்லை.இன்று அவள் கண்களில் கண்ணீர்ஸஸஸஸஸ..அப்பா, அம்மாவ அழவைக்காதீங்க. அம்மாவுக்குப் பிடிக்கலென்னா நான் தர்மபாலனை மறந்திடுறேன். அவள் வாய்தான் அந்த வார்த்தைகளைச் சொல்லிற்றே தவிர, அவள் நெஞ்சம் வெம்பவே செய்தது.** (மா. இராமையா, 1999, ப. 215)
>
> Dia (ayah) tidak pernah melihat Kanniamma yang berhati batu itu menangis. Hari ini Kanniamma mengalirkan air matanya……..Ayah jangan buat ibu menangis. Kalau ibu tidak setuju, aku akan lupakan Dharmabalan. Hanya mulutnya sahaja mengucapkan kata-kata itu, tetapi hatinya terus menangis. (M**.** Ramaiah, 1999**,** ms. 215)

Dalam situasi tersebut, ibu Sita menangis kerana tindakannya telah menggores hati anaknya yang murni itu. Sebagai seorang anak yang setia, Sita telah menampilkan akhlak dan peribadi mulia untuk memelihara maruah diri dan keluarganya dalam hal percintaannya. Sita tetap tidak mahu meneladani sikap adik perempuan dan abangnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang sanggup meninggalkan keluarga kerana lebih mementingkan hal percintaan dan diri sendiri masing-masing. Kanniamma yang menyesali akan sikapnya yang menghina dan tidak menghormati perasaan anaknya yang murni itu terus menangis melahirkan perasaan kesalnya.

Situasi terhina yang keempat turut dikenal pasti dalam novel yang sama, iaitu *Vi̲lalum Nīrum*. Watak Tamarai ialah seorang kakak yang sangat bertanggungjawab dan mengambil berat akan hal kesejahteraan adiknya, Kayalvizhi. Sebaliknya, Kayalvizhi merupakan seorang gadis yang lebih mengutamakan kebebasan dan kepentingan diri di samping itu tidak menjalinkan hubungan mesra dengan semua ahli keluarganya. Kedua-dua mereka tinggal di sebuah bilik yang disewa. Ibu bapa mereka pula tinggal di tempat yang berjauhan daripada mereka. Tamarai telah menerima tawaran untuk melanjutkan pelajarannya di New Zealand. Dia telah membuat persiapan dan menunggu kehadiran bapanya Rathnasabapathi dan ibunya Yasotha menghantarnya ke lapangan terbang. Ketika itu, Rathnasabapathi mendapati anakynya kelihatan sedih dan mata anaknya mengalirkan air mata sebaik sahaja melihat kedua-dua mereka yang baru tiba itu. Namun, ayahnya membuat andaian bahawa anaknya sedih dan menangis kerana terpaksa berpisah. Bagaimanapun apabila ditanyakan ibunya, Tamarai yang tidak dapat memendam perasaan sedihnya lagi lalu terus meluahkannya.

Tamarai memberitahu bahawa adiknya telah mengusirnya dari bilik mereka kerana seorang kawan Kayalvizhi mula berkongsi bilik itu. Oleh itu, selama tiga hari kebelakangan ini, Tamarai terpaksa tidur di kaki lima luar bilik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> ஏம்மா, எங்களையெல்லாம் விட்டுப் பிரியப்போகிறேன்னு அழறியா? மெதுவாக பரிவோடு கேட்டார் இரத்தினசபாபதி. இல்லப்பா, மூனு நாளா என்ன நடப்பாதையிலே படுக்க வச்சிட்டா கயல்,அதான். அவ கூட்டாளிய கொண்டு வந்து அறையிலே தங்க வச்சிட்டா. மூனு பேரு தங்க முடியாதா? தங்கலாம். கயலுக்குப்பிடிக்கலே. என் படுக்கையைத் தூக்கி வெளியே போட்டுட்டா. கண்ணீர் கன்னங்களில் உருண்டோடியது. (மா. இராமையா:1999, ப. 45)
>
> Mengapa (menangis) ma? Adakah kau menangis kerana terpaksa berpisah dengan kami? tanya Rathnasabapathi dengan penuh mesra. Tidak. Kayal telah memaksa saya tidur di kaki lima selama tiga hari ini. Itulah sebabnya. Dia telah membawa masuk seorang kawannya di bilik ini. Akan bilik ini dapat memuatkan tiga orang? Boleh. Kayal tak suka. Dia telah buang tilam saya di luar bilik. Ketika itu air mata mengalir di pipinya. (M. Ramaiah, 1999, ms. 45)

Tamarai beranggapan bahawa perbuatan adiknya Kayalvizhi bukan sahaja meyakiti hatinya malah telah menghinanya. Tamarai melihat tindakan Kayalvizhi yang sanggup mengusirnya dari bilik itu serta memaksanya tidur di kaki lima telah menjatuhkan air mukanya. Oleh itu, Tamarai berpendapat bahawa perbuatan adiknya ialah satu penghinaan yang telah menjatuhkan air mukanya di depan orang asing. Justeru, dia mengalirkan air mata mengenangkan perbuatan adik kandunganya yang sanggup menghinanya semata-mata untuk menyenangkan hati orang lain.

Situasi terhina yang kelima telah dikenal pasti dalam novel yang sama, iaitu *Vi̲lalum Nīrum.* Watak Kanniamma tidak menyetujui hal percintaan anak perempuannya, Sita dengan Dharmabalan. Dia ingin mencari jodoh yang kaya dan berpendidikan untuk anaknya. Namun, suaminya, Dhanabal tidak menyetujui keputusan isterinya. Dia telah mengingatkan isterinya akan tindakannya yang tidak berperikemanusiaan terhadap anak menantunya, Kayavizhi. Kanniamma dan anaknya, Kumaaravelu telah melakukan tipu muslihat untuk memerangkap Kayalvizhi yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berpendidikan tinggi dan bergaji besar. Kayalvizhi telah mudah terpikat pada Kumaaravelu yang hanya berpelajaran setakat SRP (tingkatan 3) dan tidak berjawatan tetap. Mereka telah memisahkan Kayalvizhi daripada keluarganya.

Selepas perkahwinannya, Kayalvizhi dapat memahami sikap sebenar suami dan ibu mentuanya. Dia sedar bahawa kedua-dua mereka mempergunakannya hanya untuk menikmati kehidupan mewah. Selain itu, mereka telah melayannya sebagai mesin mencetak wang dengan menyekat keseluruhan kebebsannya di samping itu mentua pula menabur firnah terhadapnya. Oleh itu, Kayalvizhi telah meninggalkan suaminya lalu membuat keputusan untuk menceraikan suaminya. Lantas, Dhanabal mengingatkan isterinya bahawa anak menantunya masih dapat berdikari kerana berpendidikan tinggi dan bergaji besar, walaupun tipu muslihatnya telah menghancurkan kehidupan Kayalvizhi dan tetap memutuskan pertalian persaudaraan Kayalvizhi dengan keluarnganya. Oleh itu, dia merayu kepada isterinya supaya tidak melakukan perkara sama terhadap Sita yang tidak berpendidikan dan bergantung kepada kedua-dua mereka. Justeru, Dhanabal menyatakan bahawa keadaan ini mungkin mendesak Sita melakukan sesuatu yang tidak diingini. Kata-kata suaminya telah mengejutkan diri Kanniamma. Lalu dia mula menangis.

> போதும், நிறுத்துங்க. ஆசை என்னை அறிவிழக்கச் செய்திடுச்சி. இனியும் என்னை வார்த்தைகளால் கொல்லா தீங்க. நான் செய்த துரோகத்துக்குக் கழுவாய் தேடிக்கிறேன். கல் நெஞ்சம் படைத்த கன்னியம்மா அழுது அவர் பார்த்ததில்லை. இன்று அவள் கண்களில். (மா. இராமையா 199, ப. 215)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Cukuplah, tolong hentikan. Sifat tamak haloba telah menumpulkan fikiran saya. Jangan bunuhku lagi dengan kata-kata anda. Saya akan menebuskan dosaku ini.Ayah tidak pernah melihat ibu yang berhati batu itu menangis. Hari ini dia mengalirkan air matanya (M. Ramaiah, 1999, ms. 215)

Watak Kanniamma mula sedar bahawa sifat tamak halobanya telah menghancurkan kehidupan anak menantunya. Dia turut mengakui bahawa tuduhan melulu dan tindakan terlaluannya telah menghina diri Kayalvizhi. Dia juga turut sedar bahawa tindakannya menghina kekasih Sita telah menjejaskan hubungan percintaan anaknya itu. Kesedaran ini telah mencetuskan keinsafan dan taubat untuk menebus dosanya. Kesedaran inilah punca Kanniamma mengalirkan air matanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2.2 Kehilangan atau *Iḻavu*

Menurut Subbu Reddiar, N. (2011), kehilangan sesuatu yang menjamin kebahagian hidup dan kematian orang tersayang seperti ahli keluarga, sanak-saudara dan sahabat-handai dapat mencetuskan tangisan seseorang. Tambahan pula, seseorang itu menangis apabila sesuatu kehilangan tersebut sama ada dialami oleh dirinya sendiri ataupun orang lain. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti sebanyak tiga situasi yang menerangkan keadaan kehilangan itu.

Situasi kehilangan pertama telah dikenal pasti dalam novel *Caṅkamam.* Watak Gunalan telah membantu rakan karibnya, Velu mendapatkan pekerjaan di syarikatnya. Gunalan mengharapkan kawannya turut dapat memajukan diri sama sepertinya berkat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

usaha gigihnya. Selepas tiga bulan di situ, Velu mula menjauhkan diri daripada Gunalan kerana telah jatuh cinta pada seorang wanita bernama Sukumari. Malangnya, Velu telah terpedaya oleh wanita itu. Oleh itu, dia mula menagih dadah demi melupakan kekecewaan dan kehampaan dirinya. Namun, dia tetap tidak meluahkan segala masalahnya kepada Gunalan. Gunala dimaklumkan bahawa Velu sering ponteng tugas. Apabila Gunalan mula mencarinya, dimaklumkan bahawa kawannya terlantar di hospital dalam keadaan tenat. Doktor-doktor telah menasihati Gunalan supaya memaklumkan keluarga Velu bahawa dia sedang menunggu ajalnya.

> ஏண்டா என்னிடம் ஒரு வார்த்தைக் சொல்லிருக்கக் கூடாதா? ஏண்டா என்மேல் உனக்கு அப்படி என்னடா கோபம், கன்னங்களில் கண்ணீர் தடம் அமைகிறது. வேலுவின் இரண்டு பொட்டின் வழி கண்ணீர் வழிந்தோடுகிறது. வேலுவால் பேச முடியவில்லை. (மா. இராமையா,1995, ப. 247)

> Kenapa kamu tidak maklumkan saya. Kenapa begitu marah pada saya? Air mata Gunalan mula membasihi pipinya.Velu turut menangis. Velu tidak dapat bercakap. (M. Ramaiah, 1995, ms. 247)

Gunalan mula menangis melihat keadaan tenat kawan karibnya, Velu yang sedang menunggu ajal akibat menjadi hamba dadah. Gunalan tidak sanggup kehilangan rakan karibnya. Perasaan inilah menitiskan air mata Gunalan.

Situasi kehilangan yang kedua telah dikenal pasti dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu.* Dalam novel ini, watak Porkodi sedang dalam perjalanan untuk menghadiri pengebumian ibunya, Alamelu. Ketika berada di dalam koc keretapi, Porkodi mengenang pengorbanan dan budi ibunya demi kemajuannya. Ibunya sanggup bekerja keras hingga memudaratkan kesihatannya semata-mata untuk memastikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Porkodi menjadi seorang peguam. Ketika hasratnya untuk melihat anaknya menjadi seorang peguam hampir terbulat, ibunya telah jatuh sakit lalu terlantar di hospital. Namun, hal ini tidak dimaklumkan kepada Porkodi kerana sedang menduduki peperiksaan akhirnya dan ibunya bimbang akan menjejaskan pelajaran anaknya. Selepas tamat peperiksaannya akhir, Porkodi telah menerima berita bahawa ibunya telah meninggal dunia. Porkodi cuba memendam perasaan sedihnya daripada lelaki yang sedang menumpang di dalam koc itu. Namun, kenangan dan kehilangan ibunya telah mengalirkan air mata Porkodi tanpa disedarinya.

> கூ.....இரயிலின் சங்கொலி அவளுடைய சிந்தனையைக் கலைத்தது. சத்தத்தைத் தொடர்ந்து இரயில் நகரத் துவங்கியது. பொற்கொடி பார்வையை உள்ளே திருப்பினாள். கண்களில் குளமாகத்தேங்கி நின்ற நீர் பொலபொலவென்று கொட்டியது. இதனை எவரும் பார்த்துவிடும் முன்னர் துடைத்திட முயன்றாள். ஆனால், பக்கத்து இருக்கையில் இருந்த அந்த வாலிபன் கவனித்துவிட்டான். (மா. இராமையா ,1976, ப. 27)

> Kuu ... bunyi peliut kereta api telah mengganggu lamunannya. Selepas itu, kereta api mula bergerak. Dia mengalihkan pandangannya ke dalam gerabak itu. Air mata yang mengenang di matanya mula berhamburan. Dia cuba mengesat air mata itu sebelum sesiapa dapat melihatnya. Tetapi, seorang pemuda yang duduk di sebelahnya sempat melihatnya. (M. Ramaiah, 1976:27).

Ibunya telah membakar dirinya bagai lilin agar Porkodi menjadi seorang peguam. Namun, ibunya telah menghembuskan nafas terakhir ketika Porkodi sedang membulatkan cita-cita ibunya. Berita kematian ibunya yang telah sampai tiba-tiba telah mengejut dan menyayatkan hati Porkodi. Kematian seseorang ibu ialah satu kehilangan terbesar lalu tiada sesiapa dapat memendam perasaan pilu. Oleh itu, Porkodi tidak dapat menahan sebak dalam dada lalu matanya terus mencucuri airnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi kehilangan yang ketiga telah dikenal pasti dalam novel sama, iaitu *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu.* Novel ini memaparkan peristiwa Porkodi sedang menangis kerana terpedaya oleh orang dikasihnya. Porkodi telah mencintai Sundaresan. Namun, Porkodi dapat mengetahui bahawa Sundaresan sudah pun berkhwin dan mempunyai seorang cahaya mata. Hal ini telah mengejutkan diri Porkodi lalu berasa bahawa kehidupannya terhancur. Sementara itu, bapanya Velappan berasa sedih dan serba salah melihat keadaan Porkodi yang sedang menangis. Sebenarnya, ayah Porkodi pula tanpa mengetahui punca sebenar membuat andaian bahawa anaknya menangis kerana tidak menyetujui jodoh pilihnanya. Lantas, ayahnya pun terus menangis sambil menjelaskan bahawa dia tidak akan menghalang anaknya daripada memilih sesiapa sahaja sebagai suaminya walupun menghalang niat anaknya untuk melanjutkan pelajarannya. Apabila dapat memahami hati murni ayahnya, Porkodi terus memberitahu ayahnya bahawa dirinya dikhianati oleh Sundaresan yang dicintainya itu.

நான் ஏமாந்து போயிட்டேம்பா. ஏமாந்து போயிட்டேன். சுந்தரேசன் மணமானவராம். மல்லிகை அவர் குழந்தையாம், என்றாள் பொற்கொடி. நீ உண்மையாத்தான் சொல்றியா, பொற்கொடி? அவர் நெஞ்சம் படபடத்தது. ஆமாம்பா வேலைக்காரி வள்ளி தான் அவர் மனைவியாம், வேலப்பனுக்கு வாய்விட்டு அழவேண்டும் போலிருந்தது பொரும்மா. நான் போய் சுந்தரேசனையே கேட்டுட்டு வர்றேன், உன்னுடைய கண்ணீருக்குக் காரணம் அவந்தானே? என்றான் வேலப்பன். (மா. இராமையா 1976, ப. 64)

Ayah, aku tertipu…..aku tertipu. Sundaresan sudah pun berumah tangga. Malligai ialah anaknya, kata Porkodi. Adakah benar, Porkodi? Hatinya mula berdebar-debar. Ya, ayah…. Orang gaji itu, Valli, ialah isterinya…Velappan seolah-olah mahu menangis. Tunggu sebentar..Saya akan pergi bertanyakan Sundaresan, bukankah, dialah punca air mata awak? kata Velappan. (M. Ramaiah,1976:64)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam petikan ini, pengkaji dapat mengesan dua bentuk tangisan yang juga diutarakan oleh Subbu Reddiar, N. (2011). Situasi pertama menggambarkan bahawa Porkodi menangis kerana mengenangkan dirinya diperalatkan oleh kekasihnya. Porkodi telah menerima jodoh pilihan ayahnya atas alasan Sundaresan dapat membahagiakan kehidupannya. Namun, Sundaresan telah memperdayakannya. Oleh itu, Porkodi menangis kerana tidak sanggup menerima hakikat bahawa percintaan murninya sudah pun luput. Sementara itu, situasi kedua dipaparkan melalui watak Velappan, iaitu ayah Porkodi. Velappan menangis kerana tidak sanggup melihat anaknya yang disayangi itu menangis. Sebaknya semakin bertambah apabila dia berada keadaan serba salah, iaitu tidak dapat melakukan apa-apa mengatasi keperitaan anaknya itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2.3 Kedaifan atau *Acaivu*

Menurut Subbu Reddiar, N. (2011) kedaifan (*acaivu)* merujuk kepada keadaan seseorang hidup menderita akibat kehilangan status atau kekayaan yang dimilikinya. Oleh itu, seseorang itu akan menangis apabila menghadapi keadaan daif lalu terpaksa menjalani kehidupan melarat akibat kehilangan kekayaan dan status serta dipandang rendah dan dilucutkan kedudukan tinggi yang dinikmati dalam masyarakat sebelum ini. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti sebanyak tiga situasi yang memaparkan keadaan daif yang dialami oleh watak-watak tertentu yang novel-novel yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi kedaifan pertama telah dikenal pasti dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu.* Suami Porkodi ialah Sundaresan. Dia telah berjawatan sebagai penolong akauntan. Dia telah diberkas atas tuduhan melakukan pecah amanah dalam urusan wang. Oleh itu, Porkodi telah melawati suaminya yang ditahan di penjara. Di situ, warden penjara tidak membenarkan Porkodi menemui suaminya walaupun memaklukmannya bahawa dirinya ialah isteri Sundaresan. Dia tidak layan dengan baik kerana suaminya disabitkan kesalahan pecah amanah. Namun, akhirnya dia membenarkan Porkodi menemui suaminya. Porkodi terus dibawa ke bilik kurungan di penjara itu.

> என்னுடன் வா, காட்டுகிறேன், என்று (வார்டன்) அழைத்துச் சென்றான் பொற்கொடியை. பொற்கொடியைப் பார்த்ததும் சுந்தரேசனின் கண்கள் கலங்கிவிட்டன. சுந்தரேசனால் ஒன்றுமே பேசமுடுயவில்லை.அவன் கன்னத்தின் வழியே கண்ணீர் வழிந்தோடியது. அத்தான் உங்களுக்கா இந்தக் கதி? பொற்கொடியும் அழுதாள். கண்ணன் என்னைப் பழி வாங்கிவிட்டான் பொற்கொடி. நான் பயந்த மாதிரியே நடந்து போச்சு, என்றான். (மா. இராமையா, 1976, ப. 94).
>
> Ikut sama-sama. Saya akan tunjukkan, kata warden sambil membawa Porkodi. Mata Sundaresan mula mengenangi air sebaik sahaja melihat isterinya. Sundaresan tidak dapat berkata apa-apapun. Air mata mengalir pada pipinya. Abang, awak pun menimpa keadaan sebegini? Porkodi turut menangis. Porkodi, Kannan sudah mengenakan saya. Sudah berlaku seperti aku bimbang, katanya. (M. Ramaiah, 1976, ms. 94)

Menurut Subbu Reddiar, N. (2011) seseorang akan menangis selepas menyedari keadaan daifnya. Sundaresan menangis kerana dirinya dikurung di penjara atas tipu muslihat ketuanya, Kannan. Porkodi juga turut menangis mengenang keadaan daif suaminya, iaitu dipenjarakan akibat tipu muslihat Kannan. Kedua-dua suami dan isteri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menganggap tuduhan tersebut telah menjatuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat.

Situasi kedaifan yang kedua telah dikenal pasti dalam novel yang sama, iaitu *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu.* Suami Porkodi, Sundaresan telah diberkas pihak berkuasa atas kesalahan melakukan pecah amanah. Porkodi telah meminta bantuan peguam Vanangamudi yang merupakan bapa saudara kepada Sundaresan untuk membelanya. Namun, peguam yang terkenal itu tidak rela menolong Porkodi. Dia memberitahu bahawa tidak sanggup membela seseorang yang melakukan pecah amanah dan menuduh Sundresan sebagai pencuri yang wajar dihukum. Porkodi telah meminta pertolongan peguam-peguam lain tetapi tidak sesiapa pun rela menolongnya untuk membela Sundaresan kerana tidak berani berhadapan dengan Vanangamudi yang merupakan seorang peguam yang handal dan tidak pernah kalah dalam sebarang kes yang dikendalikannya itu.

> வக்கில் (வணங்காமுடி) என்னப்பா சொன்னார்? பொற்கொடி ஆவலாகக் கேட்டாள்.அவர் என்னம்மா சொல்வார்? பணம் உள்ள இடத்தை நோக்கித் தானே பற்றும் பாசமும் வளரும். நம்மிடம் பணம் ஏது? உன் அம்மாவுக்காக வாகிலும் உனக்கு உதவி செய்வாருன்னு பார்த்தேன். அவரும் கையை விரிச்சிட்டாரும்மா. அவன் (வேலப்பனின்) தொண்டை கரகரத்தது. பொற்கொடியும் வேலப்பனும் நடுக்கடலில் சிக்கிக் கொண்ட கப்பல் போல் ஆனார்கள். என்ன செய்வதென்று புரியாத தவிப்பு அவர்களிடையே ஏற்பட்டிருந்தது .அப்பா இந்த வழக்கு முடியறவரைக்கும் இங்கேயே இருங்களப்பா. எங்களுக்கும் துணையாக இருக்கும். கண்கள் நீர் சொரிந்தன. (மா. இராமையா, 1976, ப. 99)
>
> Apa kata peguam (Vanangamudi)? tanya Porkodi dengan penuh semangat. Apakah akan dia kata? Persaudaraan dan kasih sayang hanya tumbuh di tempat ada wang. Mana ada wang pada kita? Saya telah harapkan dia akan membantu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> kita demi ibukau. Dia telah melepaskan tangan. Suaranya mula sendu. Keadaan diri Porkodi dan Velappan menjadi sama seperti kapal yang tersesat di tengah lautan. Mereka berasa serba salah. Ayah, tolong tinggal di sini sampai kes ini tamat. Dapat temani kami. Matanya mencucurkan air mata. (M. Ramaiah, 1976, ms. 99)

Peguam Vanangamudi ialah bapa saudara kepada Sundaresan dan dialah memilih Porkodi sebagai jodoh Sundaresan. Namun, peguam Vanangamudi tidak rela membantu kedua-dua orang itu yang berada dalam keadaan daif. Dia tidak sanggup membela anak saudaranya yang mengalami keperitaan serta menghadapi cemuhan masyarakat kerana dituduh melakukan pecah amanah, sebaliknya lebih mementingkan wang dan kedudukan. Porkodi dan ayahnya berasa daif melihat sikap mementingkan diri dan tidak berperikemanusiaan saudara mentuanya itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi kedaifan yang ketiga telah dikenal pasti dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai.* Watak Thilagavathi dilakarkan menghadapi keadaan daif walaupun merupakan seorang pemimpin wanita yang berpengaruh dalam bidang politik. Thilagavathi ialah isteri simpanan seorang pemimpin politik yang berpengaruh dan telah dilantiknya sebagai ketua wanita peringkat negeri. Di samping itu, Thilagavathi juga dipaparkan sebagai seorang insan yang prihatin dan murah hati. Namun, sebagai seorang isteri simpanan, dia tidak dapat mendirikan rumah tangganya dan memilki anak-anak. Di samping itu, masyarakat juga memandang rendah kerana sanggup menjadi isteri simpanan. Thilagavathi memiliki kedudukan politik, kuasa dan harta benda yang banyak, tetapi ketiadaan keluarga dan anak tersendiri telah mencetuskan kekosongan dalam jiwanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> இந்த உலகத்திலே இருக்கிற சொத்து, சுகம் எல்லாம் என் மனைவி, பிள்ளைகள்தான், என்றான் கதிர்வேலு. ஆமாம் கதிர்வேலு உனக்குக் கிடச்சிருக்கிற அந்தப் பாக்கியம்கூட எனக்குக் கிடைக்கலே, எனக்கும் என் சொத்துக்கும் வாரிசே இல்லே. நான் இப்போ ஒற்றை மரம், சொல்லி கொண்டு வரும்போதே அவள் கன்னங்களில் நீர் தாரை அமைத்துக் கொண்டது. இது மட்டுமில்லேப்பா. இன்னும் எத்தனையோ துயரங்கள் என் நெஞ்சிற்குள்ளே நெரிக்கட்டிக்கிட்டு இருக்கு. (மா. இராமையா, 2009, ப. 32)

> Isteriku dan anak-anak saya ialah harta benda saya di dalam dunia ini, kata Kathrivelu. Ya, Kathirvelu…..Malangnya, saya tidak dapat menikmati kebahagian yang anda menikmati itu. Tiada waris untuk hartaku. Saya sebatang kara…. air mata bercucuran pada pipinya…Bukan ini saja adik,.ada banyak lagi kepiluan membengkak dalam diriku. (M. Ramaiah, 2009, ms. 32)

Walaupun Thilagavathi memilki kedudukan yang tinggi dalam bidang politik dan berharta benda, namun tidak mampu memiliki keluarga tersendiri, sebaliknya hidup bagai sebatang kara dengan label ‘isteri simpanan’. Thilagavathi tidak memiliki anak yang dapat mewarisi segala hartanya dan membahagiakan kehidupannya. Dia sentiasa berdepan dengan cemuhan masyarakat walupun menyandang jawatan sebagai ketua wanita negeri. Dari perspektif sosial, dia telah kehilangan status sebagai isteri dan ibu. Apabila Thilagavathi mengenang keadaan ini, tercetuslah perasaan hampa dan kekosongan dalam jiwanya yang mencucurkan air matanya.

4.2.2.4 Kemiskinan atau V*a*r*umai*

Menurut Subbu Reddiar, N. (2011), kemiskinan merujuk kepada keadaan serba kekurangan untuk menjalani kehidupan bahagia. Kemiskinan boleh mencetuskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keadaan susah payah yang menyebabkan seseorang hidup menderita akibat kepapaan. Pengkaji telah mengenal pasti sebanyak tiga situasi yang menggambarkan kemiskinan yang menjadi punca tangisan seseorang.

Situasi kemiskinan yang mencetuskan tangisan telah dikenal pasti dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai*. Pasangan Purani dan Murugesu mempunyai empat orang anak yang semuanya sedang belajar. Anak sulungnya melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di India. Sementara itu, anak keduanya di Universiti Sains Malaysia, anak ketiga di Universiti Malaya dan anak bongsu pula menuntut di tingkatan enam. Murugesu bekerja sebagai seorang kerani dan pendapatannya tidak cukup untuk menampung perbelanjaan keluarga dan pendidikan anaknya di samping itu mereka juga tinggal di rumah sewa. Purani pula terpaksa menggadaikan segala barang kemasnya bagi menampung perbelanjaan pendidikan anak-anaknya. Namun, anaknya yang menuntut di USM telah gagal melunaskan yuran pengajian kerana permohonan untuk biasiswa telah ditolak dan diberi amaran bahawa tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan. Oleh itu, Purani dan Murugesu telah berasa terdesak dan serba salah kerana tidak mampu lagi. Oleh itu, mereka telah memohon bantuan biasiswa daripada sesuatu parti politik. Malangnya, pengerusi parti itu enggan membantu mereka kerana mereka bukanlah ahli parti itu. Tambahan pula, kedua-dua mereka telah diusir keluar apabila Murugesu mempersoalkannya tentang ketidakadlian dalam pengagihan biasiswa kerajaan. Oleh itu, mereka telah minta bantuan daripada isteri kepada seorang bekas pengerusi parti itu, iaitu Thilagavathi. Seterusnya, kedua-dua mereka telah menjelaskan kesulitan mereka kepada Thilagavathi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

நாங்க ரொம்ப நம்பிக்கையோடு போனோம். மனம் உடைந்து திரும்பி வந்திருக்கிறோம். மகளுக்கு எப்படிப் பணம் கட்டப் போறோ முன்னே தெடியலேமா. அந்த நினைவு வந்தவுடனே அவள் நெஞ்சு கனத்துவிட்டது. உள்ளுக்குள் ஒரு பதட்டம். கண்கள் ஈரக் கசிவை இமைகளிலே தேக்கி வைத்துக் கொண்டன. ஏம்மா, எவ்வளவு பணம் இருந்தா உங்களால் சமாளிக்க முடியும்? திலகவதி கேட்டாள்.ரெண்டாயிரம் வெள்ளி இருந்தாலும் போதும்மா. இந்தாம்மா, ரெண்டாயிரத்து இருநூறு வெள்ளிக்குக் காசோலை எழுதி இருக்கிறேன். காசோலையைப் பூரணியிடம் நீட்டினாள். பூரணி காசோலையையும் திலகவதியையும் மாறி மாறிப் பார்த்தாள். அதனை அவள் கை நீட்டி வாங்கும்போது, மனம் நெகிந்து போன அவள் கண்களிலிருந்து கண்ணீர் பொல பொல வென்று கொட்டியது. அம்மா, நீங்கதான் தெய்வம். உங்களுடைய இந்த உதவியை நாங்கள் வாழ்நாள் முழுக்க மறக்க மாட்டோம், என்றாள் கண்ணீருக்கிடையே. (மா. இராமையா, 2009, ப. 91)

Kami telah pergi dengan penuh harapan. Malangnya, kami pulang dalam keadaan hampa. Kami bingung, tak tahu cara nak bayar yuran anak saya. Apabila memikirkan hal itu, hatinya mula sebak. Perasaan tidak tenteram meresapi dirinya. Matanya mula mengenangi air. Cik, berapa banyak diperlukan untuk menyelesaikannya? tanya Thilagavathi. Dua ribu ringgit cukup, puan. Nah, saya dah tulis cek untuk dua ribu dua ratus ringgit. Dia menghulurkan cek itu kepada Purani. Purnai saling memandang cek di tangan dan Thilagavathi. Ketika menghulurkan tangan untuk menerimanya, dia berasa terharu dan air matanya mula bercucuran. Puan, anda ialah Dewi. Kami tak akan lupakan pertolongan puan ini sepanjang hidup kami, kata Purnani. (M. Ramaiah, 2009, ms. 91)

Purani dan suaminya, Murugesu telah sampai jalan buntu dalam masalah kewangan untuk membayar yuran pengajian anak keduanya. Mereka yang hidup dalam keadaan serba kurang, tidak mempunyai sebarang harta untuk menggadaikannya. Malahan, ketika memohon pertolongan pemimpin politik, mereka telah dihina dan diusir keluar. Mereka menghadapi keadaan terdesak dan hampa. Ketika itulah Thilagavathi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghulurkan bantuannya. Bantuan Thilagavathi yang telah tiba tepat pada masanya telah mencetuskan perasaan terharu lalu mencucurkan air mata Purani.

Situasi kemiskinan kedua telah dikenal pasti dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ*. Novel ini memaparkan kisah seorang gadis yang miskin menjadi mangsa hawa nafsu seorang guru yang miang. Watak Sellamma ialah seorang janda yang mempunyai seorang anak perempuan yang bernama Purani. Sellamma telah menyara dan membesarkan anak perempuannya dengan bekerja di sebuah ladang. Dia ingin mencari jodoh yang sesuai untuk menyempurnakan tanggungjawabnya terhadap anaknya. Namun, Sellamma menghadapi kesukaran untuk mencari lelaki yang besedia mengahwini Purani kerana tidak mempunyai status kewarganegaraan dan kad pengenalan biru. Oleh itu, dia telah meminta bantuan Pasupathi yang bertugas sebagai guru di sekolah ladang itu. Dia sanggup menghantar anak gadisnya bersama dengan Pasupathi ke Kuala Lumpur untuk memohon kad pengenalan biru kerana pihak pengurus ladang tidak membenarkan Sellama mengambil cuti. Pasupathi yang merupakan seorang lelaki miang dan berniat jahat, telah bersetuju untuk membantunya. Dia telah mempergunakan kesempatan itu untuk memperkosa Purani. Berikutan ini, anak Sellamma itu telah hamil. Sellamma terus menuntut keadilan untuk anaknya. Namun, Pasupathi telah menyangkal tuduhan Sellamma. Dia telah memuji dirinya sebagai seorang guru yang dihormati. Dengan perasaan marah, dia telah mengusir Sellamma itu. Oleh itu, Sellamma telah mengadu hal ini kepada Thanigasalam yang merupakan guru besar kepada Pasupathi. Beliau terus menjelaskan keadaan dirinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> அவன் ஒரு காமாந்தக்காரன்னு எல்லாருக்கும் தெரியும். கொஞ்சம் எச்சரிக்கையா இருக்ககூடாதா? அவனை என் பள்ளிக்கூடத்தில் வச்சிருக்கவே பிடிக்கலே! என்ன செய்யிறது? வச்சியிருக்கோமே! விரட்டி விட முயுமா? வேதனைப் பெருமூச்சு விட்டார் (தலைமையாசிரியர்) தணிகாசலம். வாழப் போற பெண்ணின் வாழ்வைப் பாழாக்கிட்டானே சார்! இப்போ நான் என்ன செய்வேன்! பகோவென்று அழுதாள் செல்லம்மா. (மா. இராமையா, 2001, ப. 80-81)
>
> Semua orang tahu dia seorang lelaki yang miang. Perlulah was-was sedikit terhadapnya? Saya tak suka dia bertugas di sekolah ini! Apa nak buat! Dia masih di sini! Tak akan dapat usirnya?. Thanigalasam (guru besar) mengeluh dengan perasaan sedih. Cikgu, dia telah menusnahkan kehidupan seorang anak gadis! Sekarang, apakah dapat saya lakukan! Sellamma menangis dengan suara yang tersedu-sedan. (M. Ramaiah, 2001:80-81)

Dalam novel ini, Pasupathi telah mengambil kesempatan atas kemiskinan Sellamma untuk memperkosa anaknya, Purani. Sellamma telah mempercayai kata-kata Pasupathi bahawa akan membantunya mendapatkan kad pengenalan biru untuk anaknya. Kedua-dua orang itu, Sellamma dan Purani menangis melahirkan perasaan kesal kerana membiarkan Pasupathi mempergunakan kemiskinan untuk memperdayakan diri mereka.

Situasi kemiskinan yang ketiga telah dikenal pasti dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu.* Suami Porkodi, Sundaresan telah diberkas pihak berkuasa atas kesalahan melakukan pecah amanah. Porkodi telah meminta bantuan peguam Vanangamudi yang merupakan bapa saudara kepada Sundaresan untuk membelanya. Namun, peguam yang terkenal itu tidak rela menolong Porkodi. Sebaliknya, Vanangamudi sanggup mempertahankan seorang lagi, Kannan dalam kes pecah amanah ini kerana sanggup membayar yuran yang lumayan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> வக்கில் (வணங்காமுடி) என்னப்பா சொன்னார்? பொற்கொடி ஆவலாகக் கேட்டாள். அவர் என்னம்மா சொல்வார்? பணம் உள்ள இடத்தை நோக்கித் தானே பற்றும் பாசமும் வளரும். நம்மிடம் பணம் ஏது? உன் அம்மாவுக்காகவாகிலும் உனக்கு உதவி செய்வாருன்னு பார்த்தேன். அவரும் கையை விரிச்சிட்டாரும்மா. அவன் (வேலப்பனின்) தொண்டை கரகரத்தது. (மா. இராமையா,1976,ப.99)
>
> Apa kata peguam (Vanangamudi)? tanya Porkodi dengan penuh harapan. Apakah akan kata dia ? Persaudaraan dan kasih sayang hanya mengalir kepada orang yang ada wang. Kan kita tiada wang kita? Saya telah berharap dia akan membantu kita demi ibukau. Dia telah turut melepaskan tangan. Suaranya mula menyendu.(M.Ramaiah,1967,ms. 99)

Dalam situasi ini, watak Velappan berasa pilu dan sedih lalu menangis kerana tidak berdaya membantu anaknya untuk mengupah seorang peguam yang handal akibat kemiskinannya. Peguam Vanangamudi yang lebih memetingkan wang, tidak rela membela nasib anak saudaranya yang dianiayai oleh Kannan. Malahan, dia sanggup membela Kannan yang sebenarnya telah melakukan pecah amanah.

4.2.3 Hina atau *Iḻivaral* Dalam Novel M.Ramaiah

Menurut Thamizhannal (2010), hina merujuk kepada perasaan dimalu-malukan atau direndahkan martabat diri. Perasaan hina dialami apabila seseorang dikeji, dicela atau dikutuk oleh orang lain untuk memalu-malukan dan memperbodohkannya demi mencetuskan perasaan rendah diri dan menjatuhkan martabat dirinya. Dalam konteks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini, menurut teori *meyppātu,* seseorang manusia akan berasa dirinya terhina dalam situasi tertentu.

இளிவரல் சுவை தோன்றுமிடங்கள்
மூப்பே பிணியே வருத்தம் மென்மையோடு
யாப்புற வந்த இனிவரல் நான்கே. (1200)

Menurut Tolkappiyar, perasaan terhina dialami apabila seseorang tidak mampu menghadapi dan mengatasi kepincangan yang tercetus akibat ketuaan, penyakit, kesedihan dan keuzuran yang dihadapinya. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa situasi yang mencetuskan perasaan hina .

Jadual 4.3

Meyppātu Hina Mengikut Puncanya Dalam Setiap Novel M. Ramaiah

Novel	Punca-punca *Meyppātu* Hina			
	Ketuaan (*mūppu)*	**Penyakit (*piṇi*)**	**Kesedihan (*varuttam*)**	**Ketidakupayaan (*meṉmai)***
Aḻakiṉ Ārātaṉai	1	0	0	0
Neruppu Cuṉai	0	0	0	0
Cańkamam	0	0	0	0
Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai	1	0	0	1
Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu	0	0	0	0
Viḻalum Nīrum	1	2	1	0
Maṉa Ūṉaṅkaḷ	0	0	0	1
Jumlah	3	2	1	2

4.2.3.1 Ketuaan atau *Mūppu*

Menurut Subbu Reddiar, N. (2011), ketuaan merujuk kepada keadaan tidak berupaya melakukan sesuatu. Lazimnya terdapat golongan yang memandang rendah orang yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sudah meningkat usianya kerana beranggapan bahawa orang tua ialah manusia yang tidak berguna. Sementara itu, perasaan terhina juga tercetus apabila seseorang yang meningkat tua mendapati segala usahanya tidak mendatangkan sebarang hasil diharapkan lalu meragui kebolehan dan kemampuan dirinya. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti sebanyak tiga situasi yang memaparkan perasaan terhina akibat ketuaan dialami seseorang.

Situasi ketuaan yang pertama dikenal pasti dalam novel *Aḻakiṉ Ārātaṉai*. Situasi ini jelas memaparkan sikap watak Latha yang memandang enteng dan tidak menghormati nasihat ibunya, Vasugi supaya tidak menyeratai pertandingan ratu cantik. Latha telah menyertai pertandingan ratu cantik peringkat Asia walaupun tidak dipersetujui oleh ibunya. Menurut ibunya, tindakan menyertai pertandingan ratu cantik adalah bercanggah dengan adat tradisi masyarakat Tamil. Namun, Latha tetap dengan pendiriannya dan beryang-yang memperoleh kemenangan dengan apa-apa cara sekali pun. Dia telah menemui ketiga-tiga orang hakim pertandingan ratu cantik lalu meniduri dua orang hakim itu untuk memperoleh kemenangan. Oleh itu, Latha telah dipilh sebagai ratu cantik Asia. Malangnya, akibat hubungan sulit dengan para hakim tersebut, dia telah hamil. Oleh itu tunangnya, Ragunathan telah mengambil keputusan untuk memutuskan hubungan mereka. Keadaan ini telah mencetuskan kemarahan ibu Latha.

> அழகுப் போட்டிக்குப் போகாதேன்னு எத்தனை முறை சொல்றது? உன்னுடைய பிடிவாதமும் முரட்டுக் குணமுந்தான் உன்னை எந்த நிலைக்குக்கொண்டு வந்து விட்டுச்சிப் பார்த்தியா? நீ இனிமே எப்படி வெளியே நடமாடப் போறே? பொறிந்து தள்ளினாள் வாசுகி.பெரியவர்களின் வார்தைகளை, நல்ல அறிவுரைகளை எவ்வளவு துச்சமாக மதித்திருக்கிறாள். (மா. இராமையா, 1992, ப. 167)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Berapa kali pernah saya nasihati awak, jangan sertai pertandingan ratu cantik? Tahukah, sikap degil dan keras kepala menyebabkan awak mengalami keadaan ini? Bagaimanakah awak akan berdepan dengan orang lain? Terus memaki-hamun pula Vasugi. Betapa memandang enteng akan kata-kata, nasihat bijak orang-orang tua. (M**.** Ramaiah, 1992**,** ms**.** 167)

Kata-kata Vasugi, iaitu ibu Latha jelas membayangkan kecewaan dan kehampaannya kerana anaknya tidak mempedulikan nasihat dan tegurannya. Sebenarnya, sikap degil dan keras kepala Latha jelas menunjukkan bahawa dia tidak menghormati dan menghargai nasihat dan segala pengorbanan ibunya. Dari perspektif Vasugi pula, dia berasa dirinya terhina kerana segala usaha dan nasihatnya tidak mendatangkan sebarang kesan pada anaknya, sebaliknya peranannya sebagai seorang ibu yang sudah pun menjangkau usia tua tidak dipedulikan oleh anaknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi ketuaan yang kedua telah dikenal pasti dalam novel *Viḻalum Nīrum* ialah watak Kanniamma menangis mengenang akan tindak-tanduk dan keputusannya tidak mendatangkan sebarang hasil yang diharapkan, sebaliknya menyulitkan kehidupan anak-anaknya. Oleh itu, Kanniamma menangis kerana meragui kebolehan dan kemampuan dirinya sebagai seorang ibu dan ibu mentua. Anak menantu Kanniamma, iaitu Kayalvizhi yang tidak menyetujui dan kurang senang akan sikap dan tindakan ibu mentuanya telah mengambil keputusan untuk menceraikan suaminya, Kumaaravelu. Kannimma berasa sedikit bersalah kerana menjadi punca perpisahan anak dan anak menantunya. Namun, dia tidak sedar akan kelemahan dan kemampuan dirinya dalam membuat keputusan bijak sebagai ketua rumahnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam hal percintaan anaknya, Sita dengan Dharmabalan, Kanniamma tetap tidak menyetujuinya. Sebaliknya, dia ingin mencari seorang jodoh yang kaya dan berpendidikan untuk anaknya. Namun, suaminya, Dhanabal tidak menyetujui keputusan isterinya. Dia telah mengingatkan isterinya akan tindakannya tidak berperikemanusiaan terhadap anak menantunya, Kayavizhi. Lantas, Dhanabal mengingatkan isterinya bahawa anak menantunya masih dapat berdikari kerana berpendidikan tinggi dan bergaji besar lalu merayu kepada isterinya supaya tidak melakukan perkara sama terhadap anaknya, Sita yang tidak berpendidikan dan masih bergantung kepada kedua-dua mereka. Justeru, Dhanabal menegaskan bahawa keadaan ini mungkin mendesak Sita melakukan sesuatu yang tidak diingini. Kata-kata suaminya telah mengejutkan diri Kanniamma lalu mula menangis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> போதும், நிறுத்துங்க. ஆசை என்னை அறிவிழக்கச் செய்திடுச்சி. இனியும் என்னை வார்த்தைகளால் கொல்லா தீங்க. நான் செய்த துரோகத்துக்குக் கழுவாய் தேடிக்கிறேன். கல் நெஞ்சம் படைத்த கன்னியம்மா அழுது அவர் பார்த்ததில்லை. இன்று அவள் கண்களில். (மா. இராமையா, 1999, ப. 215)
>
> Cukuplah, tolong hentikan. Sifat tamak haloba telah menumpulkan fikiran saya. Jangan bunuhku lagi dengan kata-kata anda. Saya akan menebuskan dosaku ini. Dia tidak pernah melihat isterinya Kanniamma yang berhati batu itu menangis. Hari ini dia mengalirkan air matanya (M. Ramaiah, 1999:215)

Tangisan Kanniamma jelas melambangkan bahawa dia kesal akan tindakannya yang tidak bijak dan rasional. Dia sedar bahawa sebagai seorang ibu, ibu mentua dan ketua rumah segala usahanya tidak mendatangkan sebarang hasil yang diharapkan lalu meragui kebolehan dan kemampuan dirinya yang sudah pun meningkat usia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi ketuaan yang ketiga telah dikenal pasti dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai.* Dalam novel ini, watak Thilagavathi dilakarkan sebagai seorang pemimpin wanita yang sudah menjangkau usia 45 tahun dan berpengaruh dalam bidang politik. Thilagavathi ialah isteri simpanan kepada seorang pemimpin politik yang berpengaruh dan telah melantiknya sebagai ketua wanita peringkat negeri. Namun, sebagai seorang isteri simpanan, dia tidak dapat mendirikan rumah tangganya dan memilki anak-anak. Di samping itu, masyarakat juga memandang rendahnya kerana sanggup menjadi isteri simpanan. Oleh itu, Thilagavathi yang memiliki kedudukan politik, kuasa dan harta benda yang banyak, namun tidak berkemampuan memiliki keluarga dan anak tersendiri telah melahirkan perasaan meragui kebolehan dan kemampuan dirinya sebagai ketua yang sudah pun mencecah usia tua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> இந்த உலகத்திலே இருக்கிற சொத்து, சுகம் எல்லாம் என் மனைவி, பிள்ளைகள்தான், என்றான் கதிர்வேலு. ஆமாம் கதிர்வேலுஸ உனக்குக் கிடச்சிருக்கிற அந்தப் பாக்கியம்கூட எனக்குக் கிடைக்கலே, எனக்கும் என் சொத்துக்கும் வாரிசே இல்லே. நான் இப்போ ஒற்றை மரம்ஸ சொல்லி கொண்டு வரும்போதே அவள் கன்னங்களில் நீர் தாரை அமைத்துக் கொண்டது. இது மட்டுமில் லேப்பாஸஸ. இன்னும் எத்தனையோ துயரங்கள் என் நெஞ்சிற்குள்ளே நெரிக்கட்டிக்கிட்டு இருக்கு (மா. இராமையா, 2009, ப. 32)

> Isteriku dan anak-anak saya ialah harta benda saya di dalam dunia ini, kata Kathrivelu. Ya, Kathirvelu…..Saya tidak dapat menikmati kebahagian yang anda menikmati itu. Tiada waris untuk hartaku. Saya sebatang kara…. air mata bercucuran pada pipinya. Bukan ini saja adik,…….ada banyak lagi kepiluan membengkak dalam diriku (M. Ramaiah, 2009, ms.32)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi tersebut jelas menggambarkan perasaan watak Thilagavathi yang berasa hampa dan kecewa kerana tidak mampu memiliki keluarga tersendiri walupun usianya sudah meningkat tua. Sementara itu, keluhannya turut menggambarkan bahawa gagal menikmati kehidupan yang diharapkan lalu meragui kebolehan dan kemampuan dirinya sebagai seorang ketua yang berumur pertengahan usia.

4.2.3.2 Penyakit atau *Piṇi*

Menurut Subbu Reddiar, N. (2011), penyakit merujuk kepada situasi yang membawa keperitaan dan kesakitan. Apabila menghidap penyakit yang tidak dapat disembuhkan, seseorang itu menerima layanan buruk yang akan menjatuhkan martabat dirinya (Thamizhannal, 2010). Lazimnya, orang itu akan dikeji dengan kata-kata yang menyinggung perasaannya. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti dua situasi yang memaparkan keadaan terhina dihadapi seseorang apabila menghidap penyakit kronik .

Situasi penyakit pertama yang menjadi punca penghinaan dikenal pasti dalam novel *Vi̲lalum Nīrum*. Dalam novel ini, Dhanabal ialah suami kepada Kanniamma. Dhanabal telah menghidap penyakit lumpuh selama lima belas tahun akibat serangan strok. Sejak itu, Dhanabal terpaksa menghabiskan sepanjang harinya di kerusi roda dan bergantung kepada isterinya untuk memenuhi segala keperluan harian. Namun, dia menerima layanan buruk daripada isterinya dan dipandang rendah. Seterusnya, Kanniamma dan anak-anaknya pula tidak mempedulikan pandangan dan nasihat Dhanabal apabila mengambil sebarang keputusan. Oleh itu, Dhanabal membisukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dirinya tanpa bercampur tangan dalam urusan keluarga. Tambahan pula, isterinya telah menjalinkan hubungan sulit dengan seorang lelaki selepas Dhanabal mengalami penyakit lumpuh itu. Malahan, Kanniamma sering mengeluarkan kata-kata kesat yang menyinggung dan mengeji suaminya.

> கூடத்தில் சக்கர நாற்காலியில் அமர்ந்து டி.வி பார்த்துக்கொண்டுடிருந்த தனபால் சமையலறை பக்கம் திரும்பி, ஏய், கன்னியம்மா, பையன்கூட வேலை முடிஞ்சி வந்துட்டான். எனக்கு எங்கடி தேத்தண்ணி, என்று உரத்த குரலில் கேட்டார். நீங்க என்ன வேலை வெட்டியா செய்யிறீங்க. சும்மா உட்கார்ந்திருக்கிற உங்களுக்கு என்ன அவசரம்? பொறுங்க, இங்கே வேலையா இருக்கிறேன், என்று அலசட்சியமாக நீட்டி நெளித்தாள். அம்மா தேத்தண்ணிய மக்கிலே ஊற்றிக்கொடு. நான் அப்பாகிட்டே கொடுத்துட்டு வரறேன், என்றான் குமாரவேலு. அவன் சொன்னதைக்கூடப் பொருட்படுத்தாமல் தன் வேலையில் கவனமாக இருந்தாள். (மா. இராமையா, 1999, ப. 71)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Dhanabal yang sedang duduk di kerusi roda sambil menonton televisyen di bilik tamu telah menoleh ke arah bilik dapur, Hoi, Kanniamma, anakpun sudah pulang dari kerja. Manakah teh untuk saya, tanyanya dengan suara lantang. Buat kerja apa? Awak yang cuma duduk sahaja, kenapakah tak sabar? Sabar dulu! Saya sibuk di sini, katanya dengan acuh tak acuh. Mak, tuangkan teh dalam cawan. Saya akan bawa kepada ayah, kata Kumaaravelu. Tanpa mempedulikan kata-kata anaknya, Kanniamma menumpukan perhatian pada kerja-kerjanya. (M. Ramaiah, 1999, ms. 71)

Kata-kata keji Kanniamma memang jelas menunjukkan sikapnya memandang rendah dan tidak menghormarti suaminya. Perlakuanya membuktikan bahawa dia menganggap suaminya yang berpenyaki dan tidak berkeupayaan itu sebagai beban. Malahan, tindakannya tidak mempedulikan permintaan anaknya juga jelas menggambarkan bahawa Kanniamma bersikap biadap terhadap suaminya. Oleh itu, kata-kata dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perlakuan Kanniamma memang bertujuan menghina suaminya yang berpenyakit dan dianggap membebabankannya.

Seterusnya, situasi penyakit kedua yang menjadi punca penghinaan dikenal pasti dalam novel yang sama, *Viḻalum Nīrum.* Pada kali ini, anak Dhanabal, Kumaaravelu pula memaparkan sikap menghina ayahnya yang lumpuh itu. Kumaaravelu telah melakukan tipu muslihat untuk memerangkap dan memperisteri seorang gadis bernama Kayalvizhi yang berpendidkan tinggi dan bergaji lumayan. Kumaaravelu telah mengambil keputusan untuk mengkahwini Kayalvizhi dengan segera tanpa persetujuan kedua-dua ibu bapa kekasihnya. Oleh itu, Kumaaravelu cuba mendaftarkan perkahwinan tanpa melangsungkan majlis perkahwinan mengikut adat tradisi orang Tamil. Segala keputusan anaknya ini tidak menyenangkan Dhanabal kerana anaknya tidak menghormati dan menghargai pengorbana ibu bapa Kayalvizhi dan amalan masyarakat. Oleh itu, Dhanabal telah meluahkan perasaan tidak puas hatinya kepada isterinya, Kanniamma. Berikutan itu, Kumaaravelu yang turut tidak menyenangi sikap ayahnya lalu mengambil keputusan untuk tidak mengajak ayahnya ke majlis pendaftaran perkahwinannya.

> **ஆமம்மா, நடக்கப் போற நல்ல காரியத்துக்கு சக்கர நாற்காலியில் உட்கார்ந்திருக்கிற அப்பாவையா அழைச்சிக்கிட்டுப் போகணும். சாட்சிக்கு வேறு ரெண்டு பேர தயார்படுத்திட்டேன், அவனுக்கு அது ஒரு பாதிப்பாகவே தெரியவில்லை. கன்னியம்மாவுக்கு என்ன சொல்வதென்றே தெரியவில்லை. மனம் மட்டும் கனத்திருந்தது. (மா. இராமையா, 1999, ப. 137).**
>
> Ya, mak. Wajarkah membawa ayah yang duduk di kerusi roda (cacat) ke suatu majlis meriah itu? Saya sudah sediakan dua orang saksi lain. Hal itu (tidak kehadiran ayahnya) tidak mendatangkan sebarang kesan. Kanniamma tidak dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> menyatakan apa-apa. Tetapi, hatinya berasa berat. (M. Ramaiah, 1999, ms.137)

Keputusan dan tindakan Kumaaravelu yang tidak mengajak ayahnya ke majlis pendaftaran perkahwinannya jelas menunjukkan bahawa dia memandang rendah dan menghina ayahnya yang lumpuh itu. Dia juga menggunakan alasan itu untuk menghalang ayahnya yang kurang menyenangi tindakannya daripada menghadiri majlis tersebut.

Sebenarnya, tindakan Kumaaravelu yang ingin melangsungkan perkahwinan tanpa restu ayahnya jelas menunjukkan bahawa dia bersikap biadap terhadap ayahnya. Tambahan pula, perasaan sedih Kanniamma turut menyakinkan kita bahawa anaknya itu tidak menghargai dan menghormati ayahnya yang lumpuh itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3.3 Kesedihan atau *Varuttam*

Menurut Thamizhannal (2010), kesedihan merujuk kepada perasaan tersinggung yang tercetus apabila segala usaha seseorang tidak mendatangkan sebarang hasil diharapkan lalu kebolehan dan kemampuan diri atau orang lain dipandang rendah.

Dalam konteks kajian ini, situasi kesedihan dikenal pasti dalam novel *Vi̲lalum Nīrum.* Watak Kayalvizhi juga sedar bahawa ilmu, jawatan dan gaji lumayan sahaja tidak dapat menjamin kehidupan bahagia**.** Kehidupan yang mewah yang diinginginya tidak membawa sebarang kebaikan**.** Dia juga sedar bahawa tindakannya mengkahwini Kumaaravelu tanpa menyiasat latar belakangnya dan persetujuan ibu bapa telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mensia-siakan kehidupannya**.** Dia menyesali akan tindakannya tidak menghargai segala pengorbanan dan budi ibu bapanya selama ini**.** Kayalvizhi menyesal bahawa segala usahanya yang kurang matang telah memusnahkan rumah tangga yang idamkannya. Selain itu, Kayalvizhi turut sedar bahawa tindakannya menyisihkan kedua-dua ibu bapanya telah memberi ruang kepada ibu mentuanya melayannya sebagai hamba serta membelunggu dirinya. Oleh itu, dia mengambil keputusan untuk berpisah dan menceraikan suaminya Kumaaravelu kerana rumah tangga yang idamkannya menjadi mimpi dan igauan sahaja.

> பட்டம் இருக்கிறது, பதவி இருக்கிறது, கை நிறைய வருமானம் வருகிறது. வாழ்க்கைக்கு அவை மட்டும்தான் ஊன்றுகோல் என நினைத்ததின் விளைவு எனது தகுதிக்குக் குறைவான ஒருவரை விரும்பி வைத்தேன். ஆனால், அவரும் அத்தையும் என் மீது அன்பு காட்டவில்லை. என் வருமானத்தின் மீதுதான் குறி வைத்திருந்தார்கள் என்பதைப் புரிந்து கொண்டபோது பணத்திற்காக இவர்கள் எதையும் செய்யத் துணிவார்கள் என்ற ஐயம் என்னைப் பயமுறுத்தியது.பெற்றவர்கள் நான் யாருக்கும் சுமையாக இருக்கக் கூடாது, துன்பமும் வறுமையும் என்னை நெருங்கக் கூடாது என்றுதான் தங்களை வருத்தி என்னைப் படிக்க வைத்தார்கள். நான் அவர்களுக்கு என்ன கைம்மாறு செய்தேன்? (கயல்விழியின்கடிதம்) (மா. இராமையா,1999, ப. 212)

> Sudahpun memiliki ijazah, ada jawatan, mendapat pendapatan yang lumayan. Akibat bertanggapan bahawa perkara-perkara inilah menjadi asas untuk kehidupan, saya telah mencintai seorang yang tidak setaraf dengan saya. Namun, dia dan ibu mentua pula tidak mencurahkan kasih sayang yang murni. Sebaliknya, apabila saya menyedari bahawa mereka hanya menyasarkan pendapatan saya, hakikat ini menakutkan saya. Timbul kesangsian bahawa mereka sanggup melakukan apa-apa sahaja. Ibu bapa saya pula sanggup menanggung keperitan untuk menampung pengajian saya agar saya tidak menjadi beban kepada orang lain di samping kehidupan tidak dilanda kesusahan dan kemiskinan. Apakah balasan saya kepada mereka? (Surat Kayalvizhi) (M. Ramaiah, 1999, ms. 212)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya, segala usaha Kayalvizhi untuk mendirikan rumah tangga yang bahagia tidak tercapai kerana gagal menilai sikap dan tindakan orang di sekelilingnya. Suaminya, Kumaaravelu dan ibu mentuanya tidak memberi layanan yang wajar telah menghancurkan rumah tangganya.

Tuduhan melulu ibu mentuanya telah menjatuhkan air mukanya. Selain itu, sikap suaminya yang tidak mempertahankan dirinya turut menyedihkan dan menjatuhkan maruah dirinya. Justeru, segala usaha Kayalvizhi telah mensia-siakan kehidupanya serta membawa penghinaan pada dirinya.

4.2.3.4 Keuzuran atau M*eṉmai*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keuzuran merujuk kepada situasi apabila seseorang berasa dirinya lemah dan tidak mampu menghadapi cabaran musuhnya, sentiasa mengalami kegagalan, direndah-rendahkan keupayaan dirinya lalu berasa dirinya terhina.

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti sebanyak dua situasi yang menerangkan bahawa keuzuran atau ketidakupayaan dapat mendatangkan rasa hina pada dirinya. Situasi keuzuran pertama telah dikenal pasti dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai*. Pasangan Purani dan Murugesu mempunyai empat orang anak yang semuanya sedang belajar. Anak sulungnya melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di India. Sementara itu, anak keduanya di Universiti Sains Malaysia, anak ketiga di Universiti Malaya dan anak bongsu pula menuntut di tingkatan enam. Murugesuan yang bekerja sebagai seorang kerani dan pendapatannya tidak cukup untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menampung perbelanjaan keluarga dan pendidikan anaknya di samping itu mereka juga tinggal di rumah sewa.

Purani pula terpaksa menggadaikan segala barang kemasnya bagi menampung perbelanjaan pendidikan anak-anaknya. Namun, anaknya yang menuntut di USM telah gagal melunaskan yuran pengajian kerana permohonannya untuk biasiswa telah ditolak dan diberi amaran bahawa tidak akan dibernakan menduduki peperiksaan. Oleh itu, Purani dan Murugesu telah berasa terdesak dan serba salah kerana tidak mampu lagi lalu telah memohon bantuan biasiswa daripada sesuatu parti politik. Malangnya, pengerusi parti itu, Shanmugavelu, enggan membantu kerana mereka bukanlah ahli parti itu. Tambahan pula, kedua-dua mereka telah diusir apabila Murugesu mempersoalkannya tentang ketidakadlian dalam pengagihan biasiswa kerajaan itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> இந்தக் கல்வி நிதி மக்களுக்காக ஒதுக்கப்பட்டப் பணமா? அல்லது கட்சி உறுப்பினர்களுக்காக ஒதுக்கப்பட்ட பணமா? யாரும் எதிர்ப்பார்க்காத ஒரு கேள்வியைத் தூக்கிப் போட்டார் முருகேசு. முருகேசு, இந்தக் கல்வி நிதி மக்களுக்கு ஒதுக்கப்பட்டதுதான். ஆனா, அது எங்க வழியே வர்றதாலே எங்க விருப்பப் படிதான் கொடுப்போம். அத கேட்க நீங்க யாரு? கெட் அவுட். வெளியே போங்க, என்று அடித் தொண்டையில் கத்தினார் சண்முகவேலு. (மா. இராமையா, 2009, ப. 88)

> Adakah wang biasiswa ini diperuntukkan untuk rakyat? Atau diperuntukkan untuk ahli-ahli parti? Tiba-tiba Murugesu melontarkan satu pertanyaan yang tidak pernah dikemukakan oleh sesiapa. Murugesu, wang biasiswa ini memang diperuntukkan untuk rakyat. Tapi, oleh sebab disalurkan melalui pihak kami, kami akan memberinya mengikut pilihan saya. Siapakah awak yang mempersoalkan kami. *Get out.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Keluar! menjerit Shanmugavelu dengan suara lantang (M. Ramaiah, 2009, ms. 88)

Situasi tersebut jelas menunjukkan kekuasaan dan kedudukan seorang pengerusi parti politik yang ingin mengagihkan biasiswa pendidikan kepada ahli-ahli partinya mengikut budibicaranya walaupun wang bantuan yang diberikan oleh kerajaan adalah untuk semua rakyat. Oleh itu, Murugesu pula diberi layanan buruk apabila diketahui dia bukanlah ahli parti politik itu.

Malahan, Shanmugavelu mula memusuhi Murugesu lalu mengusirnya apabila dia mempersoalkan dasar pengagihan biasiswa yang tidak adil itu. Oleh demikian, Murugesu sebagai seorang rakyat jelata tanpa sebarang pengaruh atau kedudukan politik dilakarkan sebagai seorang insan lemah yang tidak berupaya menentang orang yang berpengaruh dan berkedudukan. Sebenarnya, tindakan Murugesu adalah sia-sia sahaja lalu mendatangkan kesedihan dan penghinaan pada dirinya kerana pihak yang dimusuhinya ialah seorang wakil rakyat yang berkuasa dan tidak adil.

Situasi keuzuran yang kedua telah dikenal pasti dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ*. Novel ini memaparkan kisah seorang pemuda yang berasa dirinya lemah dan tidak mampu menghadapi kerenah isterinya. Watak Murugesu telah dilakarkan sebagai seorang pemuda yang berwajah hodoh. Murugesu telah digambarkan berwajah hitam, giginya pula terjulur keluar dan mukanya cengkung. Walaupun sudah berusia tiga puluh tahun, namun tidak dapat berkahwin lagi. Oleh itu, watak Murugesu mengamalkan sikap menjauhi kaum wanita agar dirinya tidak dipandang rendah. Namun, Murugesu sentiasa menjadi sasaran ejekan watak Maithili dan kawan-kawanya kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menganggapnya sebagai seorang manusia yang hodoh. Watak Maithili telah mengandung empat bulan akibat hubungan sulit dengan penyelia kilangnya. Oleh itu, dia merancang muslihat untuk memerangkap Murugesu. Dia melamar Murugesu sebagai suaminya untuk memperalatkannya sebagai bapa kepada anak yang dikandungnya di luar nikah.

Pada hari pertama perkahwinan mereka, Mathili telah mengadu bahawa dirinya telah diperkosa oleh penyelia kilang tersebut selepas minum minuman yang mengandungi ubat yang dapat melalaikannya. Murugesu turut termakan cerita rekaannya lalu berasa simpati terhadapnya. Namun, rakan baik Murugesu, iaitu Panneerselvam telah membongkar segala rahsia isterinya itu. Dia turut menyatakan bahawa Maithili masih tetap meneruskan hubungan sulit dengan penyelia itu. Malahan, Maithili telah menukarkarkan syif kerjanya ke waktu malam agar hubungan sulitnya berjalan lancar. Malangnya, walaupun Murugesu membantah tindakan isterinya itu, namun Maithili tetap tidak mempedulikannya. Lantaran itu, Murugesu berasa bahawa tindakan isterinya telah menghina dan merendahkan martabat dirinya. Walau bagaimanapun, Murugesu berasa tidak berdaya menghalang tindak-tanduk isterinya yang mencemuh dan mencabar martabat dirinya. Keadaan ini jelas digambarkan oleh pengarang novel ini.

> தன் மனைவி தனக்குத் துரோகம் செய்தது தெரிந்தால் “கையாலாகாதவனுக்கு” கூட கோபம் வரும்; சினம் தலைக்கேறும். நானென்ன கையாலாகாதவனா? இவ்வளவு தூரம் ஏமாற்றியவளை விவகாரத்து செய்வதுதான் நியாயம், என்றேன் கடுஞ்சினத்துடன். பன்னீர்செல்வம் சட்டென்று, உனக்கு வேறொரு மனைவி கிடைப்பான்னு எதிர்பாக்கிறாயா? என்று கேட்டான். அந்தக் கேள்வி என்னிடம் இருக்கும் பலவீனத்தை மறைமுகமாகச் சுட்டிக்

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> காட்டுவது போன்றிருந்தது. ஆம்! நான் அவலட்சணமாகப் பிறந்ததே என்னுடைய பலவீனந்தான். அதைத்தானே அவள் தனக்குச் சாதகமாகப் பயன்படுத்திக் கொண்டாள். (மா. இரமையா, 2001, ப. 166)
>
> Seseorang yang tidak berguna langsung pun akan berasa marah sekiranya mengetahui bahawa isterinya telah mengkhianatinya. Menderau darah ke kepalanya. Adakah aku seorang yang tidak berguna? Wanita yang sanggup mengkhianati wajar diceraikan, kataku dengan geram.Tiba-tiba Panneerselvam mencelah, Adakah awak harap akan dapat seorang isteri lagi? Pertanyaan itu seolah-olah secara tidak langsung mengingatkan ketidakupayaanku. Ya! Diriku yang dilahirkan sebagai manusia yang hodoh merupakan satu kelemahanku. Memang dia (isterinya) telah mempergunakanku untuk kepentingan dirinya. (M. Ramaiah, 2001, ms. 165)

Situasi tersebut jelas menggambarkan sifat keuzuran watak Murugesu. Dia tidak berani menegur isterinya yang melakukan perbuatan curang kerana takut akan kehilangannya. Selain itu, pertanyaan sahabat karibnya, Panneerselvan turut menyedarkannya bahawa tiada wanita lain sanggup mengahwininya. Sebenarnya, perasaan rendah diri akibat keadaan dirinya yang hodoh telah menjadikan Murugesu sebagai seorang suami yang tidak berdaya mengambil sebarang tindakan drastik untuk mempertahankan sifat kelakian dan maruah dirinya.

4.2.4 Kagum atau *Marutkai* dalam Novel M. Ramaiah

Kagum ialah perasaan hairan yang tercetus kerana melihat atau mendengar sesuatu yang menakjubkan, mempesonakan, mengejutkan dan memeranjatkan serta bersifat ganjil, ajaib, aneh, pelik dan luar biasa. Antara keadaan yang boleh mewujudkan rasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini ialah perkara yang tidak disangka-sangka, luar biasa dan pemakaian objek yang secara berlebih-lebihan (Ramakant Sharma, 2003). Dalam konteks ini, menurut teori *meyppātu,* seseorang manusia akan berasa kagum dalam situasi tertentu.

மரிட்கைச்சுவை தோன்றுதல்
புதுமை பெருமை சிறுமை ஆக்கமொடு
மதிமை சாலா மருக்கை நான்கே. (1201)

Menurut Tolkappiyar, sesuatu yang aneh, menakjubkan, sangat halus dan baru boleh mencetuskan rasa kagum. Secara ringkasnya, sesuatu yang luar pengetahuan seseorang, iaitu tidak pernah dilihat sebelum ini dan perkara baru boleh mencetuskan perasaan kagum (Thamizhannal, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Meyppātu Kagum Mengikut Puncanya Dalam Setiap Novel M. Ramaiah

Novel	**Punca-punca *Meyppātu* Kagum**			
	Keanehan (*putumai*)	**Takjub (*perumai)***	**Kehalusan (*ciṟumai)***	**Pembaharuan *ākkam***
Aḻakiṉ Ārātaṉai	0	0	0	0
Neruppu Cuṉai	0	0	0	1
Cańkamam	0	0	1	0
Payaṇańkaḷ Muṭivatillai	2	1	0	0
Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu	0	1	0	1
Viḻalum Nīrum	1	0	0	0
Maṉa Ūṉańkaḷ	0	0	0	0
Jumlah	3	2	1	2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4 .2.4.1 Keanehan atau *Putumai*

Keanehan merujuk kepada sesuatu yang belum pernah dilihat atau diketahui yang dapat mencetuskan perasaan mengagumkan (Thamizhannal, 2010). Dalam kajian ini. pengkaji telah mengenal pasti sebanyak tiga situasi yang memaparkan keadaan aneh.

Situasi aneh yang pertama dikenal pasti dalam novel *Viḻalum Nīrum*. Watak Kayalvizhi telah berkongsi sebuah bilik sewa bersama dengan kakaknya, Tamarai. Ibu bapa mereka pula tinggal di tempat berjauhan daripada mereka. Ketika Tamarai membuat persiapan untuk pergi ke New Zealand, Kayalvizhi telah mengusir kakaknya dari bilik itu lalu mengajak seorang kawan untuk menumpang bersamanya. Namun, kawan baru itu telah membuat muslihat lalu memaksa Kayalvizhi keluar dari bilik tersebut. Oleh itu, Kayalvizhi terpaksa mencari tempat penginapan baru untuk dirinya. Ibu kepada kekasihnya yang sedang menunggu kesempatan untuk memerangkap Kayalvizhu telah mengajaknya supaya berpindah ke rumah mereka. Kayalvizhi pun turut menerima pelawaan itu. Dia telah berpindah ke rumah kekasihnya, Kumaaravelu. Setibanya di rumah itu, Kayalvizhi berasa kagum melihat keadaan bilik yang disediakan untuk dirinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> கயல்ழி தன் அறைக்குச் சென்றதும் வியப்பில் ஆழ்ந்து போனாள். எல்லாம் புதுப் புது பொருட்கள். அறைக்கும் அன்றுதான் வண்ணம் பூசியிருப்பார்களோ. ஓர் ஒற்றைக் கட்டில், ஒரு துணி அலமாரி, ஒரு சின்ன மேசை, அதன்மேல் ஒரு டேபிள் லைட், ஒரு நிற்கும் விசிறி. அத்தே, வியப்பும் ஆச்சரியம் கலந்த குரலில் அழைத்தாள் கயல்விழி. (மா. இராமையா, 1999, ப. 86)
>
> Sebaik sahaja melangkah masuk ke biliknya, dia berasa sangat kagum. Kesemua ialah barangan baru. Mungkinkah bilik itu dicat pada hari itu saja? Terdapat sebuah katil bujang. Sebuah almari pakaian. Sebuah meja kecil. Terletak di atasnya sebuah lampu meja. Turut ada sebuah kipas angin.Ibu, (ibu mentua) panggil pula Kayalvizhi dengan perasaan kagum dan takjub (M. Ramaiah, 1999, ms. 86)

Selama ini, Kayalvizhi yang terpaksa berkongsi bilik dan segala kemudahan di situ dengan orang lain, berasa kagum apabila melihat kekasih dan ibunya telah menyediakan sebuah bilik yang kemas untuk kegunaan diri sendirinya. Selain itu, bilik itu berlengkap dengan segala kemudahan yang juga tidak perlu berkongsi dengan orang lain. Keadaan serba mewah ini yang tidak pernah dinikmati sebelum ini mencetuskan perasaan kagum dalam diri Kayalvizhi.

Situasi aneh yang kedua dikenal pasti dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai*. Dalam novel ini, watak Thilagavathi dilakarkan sebagai seorang guru bahasa Inggeris yang turut menjadi pemimpin wanita yang sudah menjangkau usia 45 tahun dan berpengaruh dalam bidang politik. Walaupun tidak berminat dalam bidang politik, Thilagavathi telah telah didorong oleh suaminya yang merupakan bekas pengerusi negeri supaya melibatkan diri secara aktif dalam bidang politik. Thilagavathi telah melantik Kathirtivelu yang menampilkan sifat jujur dan setia sebagai setiusaha cawangannya walapun tidak begitu cekap. Selepas Thilagavathi dilantik sebagai ketua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

wanita peringkat negeri, dia telah melantik Kathirtivelu sebagai pembantu dan pemandunya agar memudahkan urusan hariannya kerana bekas setiausahanya terlantar di hospital dalam keadaan tenat. Pada awalnya, Kathirvelu agak segan untuk menerima tawaran Thilagavathi. Namun, tindakan dan sifat Thilagavathi yang mulia turut mengagumkannya. Ketika itu, Thilagavathi telah menerima panggilan dari hospital lalu mengarah Kathirvelu supaya menyediakan kereta untuk pergi ke hospital.

> கதிர்வேலு இப்போ பெரிய பெரிய மருத்துவமனைக்குப் போகணும் வர்றியா? திலகவதி கேட்டாள். வர்றேன்கா. அப்போ போய் காரை எடு, கதிர்வேலு காரை போர்டு கோவிலிருந்து வெளியே நிறுத்தி, பின் கதவை திறந்துவிட்டான். திலகவதி பின் கதவை மூடி விட்டு முன் சீட்டில் எறி அமர்ந்து கொண்டாள். திலகவதியின் செய்கைகள் அவனை வியப்பில் ஆழ்த்தியது (மா. இராமையா, 2009, ப. 33)

> Kathirvelu…..sekarang nak pergi ke hospital besar, mau pergi? tanya Thilagavathi. Datang, kak. Kalau begitu, pergilah bawa keluar kereta. Kathirvelu pun telah membawa keluar kereta dari anjung lalu membuka pintu belakang kereta itu. Thilagavathi telah menutup pintu itu lalu duduk di kerusi di depan. Perlakuan Thilagavathi sungguh menghairankan Kathirvelu. (M. Ramaiah, 2009, ms. 33)

Watak Thilagavathi yang biasanya duduk di kerusi belakang di dalam kereta itu telah duduk di kerusi di hadapan kereta itu. Tindakan inilah mengagumkan Kathirvelu. Kathirvelu melihat perlakuan Thilagavathi itu sebagai sifat yang aneh dan berlainan daripada orang-orang yang berkuasa. Thilagavathi telah duduk di sebelahnya tanpa memikirkan kedudukan statusnya. Sifat mulia majikannya sungguh menghairankannya. Walaupun berjawatan tinggi, majikanya Thilagavathi sanggup melakukan sesuatu yang tidak dilakukan oleh golongan kaya dan berkuasa. Dia bukan sahaja melihat sifat yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berlainan pada Thilagavathi, bahkan melihatnya sebagai seorang wanita baru. Dia melihat banyak keistimewaan pada Thilagavathi berbanding dengan pemimpin lain.

Selain itu, tindakan Thilagavathi yang ingin membantu golongan miskin yang susah juga mencerlahkan sifat baiknya. Misalnya, sebaik sahaja menerima berita bahawa bekas setiusahanya terlantar di hospital, Thilagavathi telah bergesa-gesa ke hospital seolah-olah ahli keluarganyanya dilanda kesusahan lalu menghulurkan bantuan kewangan kepadanya. Thilagavathi yang mengunjungi bekas setiauasahanya di hospital tanpa mengira masa dan kerelaan hatinya untuk menghulurkan bantuan merupakan sifat kelainan dan istimewa pada diri Thilagavathi yang mengagumkan Kathirvelu. Justeru, Kathirvelu berasa bahawa Thilagavathi menampilkan perlakuan dan sikap yang luar biasa dan aneh yang jarang dipaparkan oleh pemimpin politik yang berkedudukan tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, situasi aneh yang ketiga juga dikenal pasti dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai*. Dalam novel ini, watak Thilagavathi dilakarkan sebagai seorang pemimpin wanita peringkat negeri dan berpengaruh dalam bidang politik. Di samping itu, dia juga digambarkan sebagai seorang berprihatin dan baik hati yang sanggup menolong sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan. Kathirvelu dapat menyaksikan sifat prihatin ini ketika Thilagavathi tergesa-gesa ke hospital untuk mengunjungi dan membantu bekas setiauasahanya tanpa mengira masa dan status. Oleh itu, Kathirvelu berasa sungguh hairan dan aneh, apabila Thilagavathi meminta bantuannya.

நான்தான் உங்களுக்கு டிரைவரா வரச் சம்மதிச்சிட்டேன் இனி ஒவ்வொரு நாளும் இங்கே வரத்தானே செய்வேன். அப்போ பேசிக்கலாமே அக்கா. அது இல்லே கதிர்வேலு.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> நீ எனக்கு இன்னொரு உதவியும் செய்யனும் என்றாள் திலகவதி. கதிர்வேலுக்கு ஆச்சரியமாக இருந்தது. அவளை ஏறிட்டுப்பார்த்தான். ஏன் கதிர்வேலு அப்படிப் பார்க்கிறே? ஓண்ணுமில்லக்கா. நான் தான் உங்ககிட்டே உதவி கேட்டு வரனும். ஏறுக்குமாறா நீங்க உதவி கேட்கிறீங்களேன்னு. (மா. இராமையா, 2009, ப. 36)

> Saya sudah pun setuju menjadi drebar, kak. Selepas ini, saya akan ke sini setiap hari. Ketika itu boleh berbincang, kak. Bukan itu, Kathirvelu. Awak perlu memberi satu lagi bantuan, kata Thilagavathi. Kathirvalu berasa hairan. Dia menolehnya. Kenapa memandang saya begitu rupanya? Tidak apa-apa, kak. Saya yang datang meminta bantuan. Tetapi, agak aneh pula. Kakak pula meminta bantuan saya. (M. Ramaiah, 2009, ms. 36)

Mengikut pengetahuan dan pengalaman Kathirvelu, Thilagavathi merupakan seorang pemurah hati yang lazimnya membantu orang lain, termasuk Kathirvelu. Namun, sekarang pula Thilagavathi meminta bantuan Kathirvelu. Permintaan Thilagavathi itu terus mencetuskan perasaan aneh dalam dirinya. Sifat inilah yang menghairakan Kathirvelu kerana Thilagavathi yang merupakan seorang pemimpin wanita di peringkat negeri, berpengaruh dalam bidang politik, seorang yang kaya dan lazimnya menghulurkan bantuan kepada orang lain pula meminta bantuannya.

4.2.4.2 Takjub atau *Perumai*

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru (1993) rasa takjub merujuk kepada perasaan pelik kerana melihat atau mendengar sesuatu yang menghairankan atau mengagumkan. Seterusnya, Subbu Reddiar, N. (2011) menyatakan bahawa sifat positif yang luar biasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang semakin berkembang dalam diri atau orang lain boleh mencetuskan perasaan takjub akibat perasaan kagum atau hairan yang wujud berikutan perubahan tersebut.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti sebanyak dua situasi yang memaparkan rasa takjub. Situasi pertama telah dikenal pasti dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai*. Dalam novel ini, watak Thilagavathi dilakarkan sebagai seorang pemimpin wanita peringkat negeri dan berpengaruh dalam bidang politik. Di samping itu, dia juga digambarkan sebagai seorang wanita yang berprihatin dan bermurah hati yang menolong sesiapa sahaja memerlukan bantuan. Sejak mula berkenalan dengan Thilagavathi, Kathirvelu melihat sifat prihatin dan murah hati yang luar biasa pada diri Thilagavathi. Situasi ini jelas ketika isteri bekas setiausahanya, Velammal datang meminta bantuannya. Velammal telah memohon jasa baik Thilagavathi untuk mendapatkan suatu pekerjaan untuk anaknya memandangkan suaminya sudah pun meninggal dunia.

Dia memberitahu bahawa anaknya telah mendapat gred satu dalam peperiksaannya. Sebaliknya, Thilagavathi menasihatinya supaya melanjutkan pengajian anaknya dan berjanji menghulurkan bantuan untuk membiayai pendidikan anaknya itu. Namun, Velammal pula agak segan untuk menyusahkan Thilgavathi kerana telah membantunya mendapatkan pinjaman kerjaan untuk membeli sebuah rumah, di samping menghulurkan pencen tambahan sebanyak seratus ringgit setiap bulan. Oleh itu, Valammal berasa agak tidak adil mengharpkan bantuan lagi daripadanya. Namun, Thilagavathi berjanji untuk membiayai pendidikan anak Velammal itu. Situasi inilah menakjubkan Kathirvelu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> ஆனா என்ன வேலம்? பணந்தானே இல்லேங்கிற. நான் ஒருத்தி இருக்கிறதை மறந்துட்டியா? இல்லேம்மா நீங்கதான் எவ்வளவு கொடுப்பீங்க? அரசாங்கக் கடனிலே வீட வாங்கிக் கொடுத்தீங்க. அந்த வீடு என் பேருக்கு வந்திடுச்சி. மாதம் கிடைக்கிற நூற்றி எண்பது வெள்ளி பென்சன் பணம் போதாதுன்னு நீங்க வேறு மாதந்தோறும் நூறு வெள்ளி கொடுத்துக்கிட்டு வர்றீங்க. இவ்வளவுக்குப் பிறகும் நான் எதிர்பார்க்கிறது நியாயமில்லேம்மா. (மா. இராமையா, 2009, ப. 106).
>
> Mengapakah tetapi pula, Velammal? Memang awak tiada wang. Sudahkah awak lupakan saya. Puan pun sudah banyak membantu saya. Puan telah membelikan sebuah rumah dengan pinjaman kerajaan. Rumah itu sudahpun menjadi hak milik saya. Tambahan pula, selain pencen kerajaan sebanyak RM180, puan pula menokok tambahkannya dengan RM100 pada setiap bulan. Adalah tidak adil mengharapkan bantuan lagi. (M. Ramaiah, 2009, ms. 106)

Berdasarkan situasi ini, Kathirvelu ternampak Thilagavathi sentiasa memperlihatkan sifat luar biasa dan istimewa. Dia melihat Thilagavathi sebagai seorang wanita luar biasa yang bersifat ikhlas, jujur dan penyayang dalam menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukannya. Menurut pandangan Kathirvelu yang juga seorang ahli politik, seseorang pemimpin politik yang menghulurkan sebarang bantuan lazimnya terus 'mengiklankan' sifat murah hatinya. Namun, dia melihat Thilagavathi sebagai seorang pemimpin yang menghulurkan bantuan dengan tulus ikhlas tanpa sebarang publisiti. Menurut Kathirvelu, Thilagavathi sentiasa menampilkan sifat dan amalan luar biasa yang asing kepada pemimpin politik. Sifat inilah yang menakjubkannya.

Situasi kedua yang mencetuskan perasaan takjub telah dikenal pasti dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu.* Dalam novel ini, watak Porkodi digambarkan sebagai seorang wanita yang berpelajaran tinggi tetapi menyembunyikannya daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan suaminya yang berprasangka terhadap isteri yang bekerja dan berpelajaran tinggi. Akibat muslihat seorang ahli politik, watak Kannan telah memilih jalan yang salah untuk mendapatkan pangkat yang tinggi. Oleh itu, Kannan telah melakukan khianat terhadap Sundaresan. Kanan telah melakukan pecah amanah wang syarikatnya lalu menjadikan Sundaresan sebagai kambing hitam. Oleh itu, Sundaresan telah dituduh melakukan pecah amanah. Lantaran itu, isteri Sundaresan, Porkodi telah meminta bantuan peguambela Vanangamudi untuk membela kes suaminya. Namun usahanya tidak membuahkan sebarang hasil.

Pada masa yang sama, dia dapat mengetahui bahawa suaminya telah menjadi mangsa akibat perbuatan penyelewengan yang dilakukan oleh Kannan. Oleh itu, Porkodi telah merancang untuk membalas dendam terhadap Kannan dengan menggunakan Mohini yang merupakan wanita simpanan Kannan. Dia telah berjaya memujuk Mohini untuk menjadi saksi bagi pihak suaminya yang tidak bersalah. Akhirnya, Porkodi sendiri turun ke padang dan menjadi peguambela untuk membela suaminya. Dia telah membela dengan bukti yang kukuh lalu membuktikan bahawa Suntharesan tidak bersalah. Akhirnya, Sundaresan telah dibebaskan. Suntherasan berasa bangga bahawa isterinya ialah seorang penguam. Penguam Vanangamudi turut berasa kagum akan kebolehan Porkodi lalu menyatakan bahawa Sundaresan merupakan seorang suami yang sangat bertuah kerana memperoleh seorang isteri yang juga peguam.

> என் மனைவி ஒரு வக்கீல் என்பதும் எனக்கும் இப்போதுதான் தெரியும், என்றார் சுந்தரேசன் சிரித்துக்கொண்டே (மா. இராமையா, 1976, ப. 112)
>
> Baru saja saya tahu isteri saya ialah seorang peguam, kata Sundaresan sambil tersenyum (M. Ramaiah, 19 76, ms. 112)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya, kebolehan Porkodi membuktikan bahawa kedudukan seseorang atau wang bukalah penentu kemengan atau kekalahan seseorang, sebaliknya kejayaan itu datang daripada kebolehan seseorang itu.

4.2.4.3 Kehalusan atau Cirumai

Menurut Thamizhannal (2010), sesuatu yang sangat halus dapat mencetuskan perasaan kagum. Seterusnya, Subbu Reddiar, N. (2011) turut menjelaskan bahawa keadaan tubuh badan yang kurus-kering akibat penyakit dapat mencetuskan perasaan hairan berupa kejutan sama ada pada diri sendiri atau orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti satu situasi yang memaparkan perasaan halus berupa kejutan dalam novel *Caṅkamam*. Dalam novel ini, watak Gunalan yang berasal dari estet telah memegang jawatan tinggi di sebuah syarikat. Dia telah berjanji kepada kawan-kawannya di estet bahawa akan membantu mereka mendapatkan pekerjaan. Oleh itu, kawannya Velu telah berpindah ke bandar lalu meminta bantuan Gunalan untuk mendapatkan pekerjaan. Memandangkan Velu merupakan seorang pemuda yang berdisiplin dan berakhlak baik serta berazam untuk memajukan dirinya, Gunalan telah mendapatkan pekerjaan dalam syarikatnya.

Pada awalnya, Gunalan juga mula bekerja dalam syarikat itu sebagai pekerja biasa. Namun, kegigihan dan kejujurannya telah memikat hati anak perempuan pemilik syarikat itu lalu mengkahwininya. Sebagai anak menantu, Gunalan telah berjaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memajukan syarikat itu. Namun, terdapat dua orang pekerja dalam syarikat itu, iaitu Selvamani dan wanita simpanannya, Sugumari yang telah memendam perasaan terhadap Gunalan kerana kehadirannya telah menggugat kedudukan mereka dalam syarikat tersebut. Oleh itu, mereka dengan kerjasama dua orang lagi, Rokiah dan Lee Koon, merancang untuk memperalatkan Velu untuk menyingkirkan Gunalan daripada syarikat itu.

Sugumari telah berjaya menggoda Velu di samping mencetuskan perselisihan faham antara Velu dengan Gunalan. Sugumari telah memberikan dadah secara bernansur-ansur kepada Velu lalu menjadikan hambanya. Apabila tiba masanya, dia telah memaklumkan Velu bahawa dia sudah pun berumah tangga dan memiliki seorang cahaya mata. Keadaan ini mengejutkan Velu lalu dia mula menagih dadah untuk melepaskan perasaan kecewanya. Salah seorang pekerja syarikat itu, Salleh yang telah diarah oleh Gunalan untuk mencari Velu telah menemuinya dalam keadaan tenat lalu memasukkannya di hospital. Hal ini telah dimaklumkan kepada Gunalan. Guanalan pun terus bergesa-gesa ke hospital. Keadaan diri Velu telah mengejutkan diri Gunalan.

> வேலு உணர்வற்ற நிலையில் படுக்கையில் கிடந்தான். இருப்பினும் அவன் கண்கள் அசைந்துகொண்டிருந்தன. குணாளனைக் கண்டதும் அவன் கண்களின் கோடியில் கண்ணீர் உருண்டோடியது. வேலு.....! குணாளன் அழுதே விட்டான். குணாளனின் விசும்பும் குரல் கேட்டு தாதியுடன் பேசிக்கொண்டிருந் டாக்டர் சச்சிநாதன் அவனிடம் வந்தார். (மா. இராமையா, 1995, ப. 244)

> Velu telah terlantar di katil tanpa sedarkan diri. Namun, matanya masih bergerak-gerak. Sebaik sahaja melihat wajah Gunalan, air mata mengalir di ekor matanya.Velu.....! Gunalan terus menangis. Doktor Sachinathan yang sedang berbual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> dengan jururawat telah terdengar esakan Gunalan lalu menghampirinya. (M. Ramaiah. 1995, ms. 244)

Situasi ini dilakarkan oleh penulis untuk menggambarkan perasaan kejut watak Gunalan sebaik melihat keadaan Velu yang berada dalam keadaan serba tidak maya. Gunalan berasa terharu dan sedih di samping hairan melihat keadaan diri kawan karibnya yang tidak bermaya itu.

4.2.4.4 Pembaharuan atau *Ākkam*

Menurut Thamizhannal (2010), pembaharuan atau *ākkam* ialah sesuatu yang berubah menjadi bentuk yang baru, atau merujuk kepada sesuatu hasil daripada perkembangan atau evolusi tertentu. Subbu Reddiar, N. (2011) turut menjelaskan bahawa perkembangan atau evolusi ini merupakan sesuatu yang membawa perkembangan sifat-sifat positif dalam diri sendiri atau pada orang lain.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti sebanyak dua situasi yang memaparkan elemen pembaharuan atau *ākkam*. Situasi yang pertama telah dikenal pasti dalam novel *Nheruppu Cunai*. Watak Mathavamegalai dalam novel ini dilakarkan sebagai seorang wanita moden yang ingin memilih jodohnya sendiri. Namun, jodoh pilihannya, Nyanasegaran, didapati tidak jujur dan ikhlas. Oleh itu, dia telah mengambil keputusan untuk memutuskan hubungannya lalu kurang yakin pada lelaki lain. Ibunya telah memujuk Mathavamegalai supaya mengkahwini sepupunya, iaitu anak kepada abang saudaranya. Walaupun pada mulanya Mathavamegalai tidak menyetujui jodoh pilihan ibunya, namun setelah mendengar nasihat, alasan rasional dan pujuk rayunya, telah mengkahwini sepupunya. Malahan, dia sangat menghargai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkahwinan dengan sepupunya, Arularasu. Sikap ini jelas terserlah dalam perbualannya dengan Kavitha dan Kamalaveni yang datang untuk menyatukan Mathavamegalai semula dengan Nyanasegaran tanpa mengetahui bahawa dia sudah pun mendirikan rumah tangga dengan Arularasu.

> **கவிதா! காதல் என்பது உணர்வு சம்பந்தப்பட்டது. உணர்ச்சி தொடர்ப்புடயதல்ல. காதல் என்னும் உணர்வை நாம்தானே மனத்தில் துளிர்விடச் செய்கிறோம். அதேபோல் அதனை மனத்தைவிட்டு அப்ப்புறப்படுத்துவதில் என்ன தவறு? நான் ஞானசேகரன்மேல் கொண்டிருந்த காதல் உணர்வை அழித்து விட்டுத்தான் இவரை மணந்தேன். இனிமேல் அதுப் பற்றிப் பேச எதுவும் இல்லை,என்று கொஞ்சம் காரமாகவே சொல்லிவிட்டு எழுந்து உள்ளே போய்விட்டாள் மேகலை** (மா. இராமையா, 2009, ப. 114)
>
> Kavitha, cinta ialah berkait rapat dengan emosi bukanlah sekadar perasaan. Kita yang memupuk emosi tersebut dalam jiwa kita. Apatah salahnya jika kita singkirkan itu daripada jiwa kita. Setelah menyingkirkan emosi saya terhadap Nyanasegaran, saya telah mengkahwini orang ini (sepupu). Oleh itu, tidak ada apa-apa dapat berbincang lagi, kata Mathavamegalai dengan pedas sekali lalu masuk ke dalam biliknya (M**.** Ramaiah, 2009**,** ms. 114)

Mathavamegalai tidak menangisi kecewaan dan kegagalan dalam percintaannya, walaupun pada awalnya dilakarkan sebagai wanita yang lemah. Nasihat dan pujukan ibu telah mendorong Mathavamegalai untuk mengubah sikapnya lalu mengambil keputusan rasional dan positif. Dia telah menampakkan sifat yang matang dan berjiwa terbuka dalam mengharungi kehidupan selepas perkahwinannya itu. Sikapnya yang mencerminkan sifat pembaharuan ini jelas terserlah dalam perbualannya dengan kawannya, Kavitha dan Manimegalai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi pembaharuan yang kedua dikenal pasti dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu*. Suami kepada watak Porkodi, Sundaresan telah dituduh melakukan pecah amanah oleh majikannya. Porkodi telah meminta bantuan Vanangamudi, seorang peguam terkenal dan bapa saudara kepada suaminya. Namun. beliau tidak sanggup menjadi peguamnya, sebaliknya memikul tugas untuk mendakwa Sundaresan. Peguam-peguam lain pun tidak sanggup membantunya kerana tidak berani berhadapan dengan Vanangamudi yang terkenal dan handal itu. Oleh itu, Porkodi telah mengambil keputusan untuk membela suaminya dengan sendiri kerana dia juga seorang peguam bertauliah tetapi hal ini telah disembunyikan daripada pengetahuan suaminya yang berprasangka terhadap wanita yang bekerja. Apabila Sundaresan mengetahui hal ini, dia sedar bahawa isterinya memperlihatkan sifat pembaharuan kerana tidak pernah menonjolkan sifat ketinggian dirinya walaupun berpendidikan tinggi. Perasaan ini jelas dipaparkan oleh pengarang novel ini.

> **என் மனைவி ஒரு வக்கீல் என்பதும் எனக்கும் இப்போதுதான் தெரியும், என்றார் சுந்தரேசன் சிரித்துக்கொண்டே. (மா. இராமையா, 1976:112)**
>
> Baru saja saya tahu isteri saya ialah seorang peguam, kata Sundaresan sambil tersenyum (M**.** Ramaiah, 19 76:112).

Watak Porkodi setakat ini digambarkan sebagai seorang suri rumah tangga yang akur pada tindak-tanduk suaminya dan tidak pernah menonjolkan dirinya sebagai seorang wanita yang berpendidikan tinggi. Namun, apabila timbul keadaan terdesak, dia telah menggunakan kemahiran dirinya untuk membela dan membebaskan suaminya daripada tuduhan pecah amanah. Dalam konteks ini, Porkodi telah menampilkan suatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perubahan yang berupa pembaharuan yang tidak pernah dilihat dan disembunyikan daripada pengetahuan suaminya. Lazimnya, seseorang manusia yang berpendidikan tinggi akan menonjolkan tahap pendidikan itu melalui fikiran dan perlakuannya. Namun, Porkodi telah menggunakan kelebihan dirinya hanya untuk mempertahankan kepentingan suaminya bukan untuk meninggikan dirinya. Sifat pembaharuan ini tidak pernah dikesan pada diri Porkodi sebelum ini.

4.2.5 Takut atau *Accam* dalam Novel M. Ramaiah

Takut ialah salah suatu emosi yang kerap dan lazimnya tercetus dalam diri manusia. Rasa takut ini berbeza-beza mengikut individu dan situasi berlainan boleh dikaitkan dengan perasaan seperti gentar, gementar, gerun, ngeri, seram, gelisah, bimbang, segan, khuatir dan cemas. Namun, perasaan takut lazimnyanya dikaitkan dengan sesuatu situasi yang mengancam keselamatan fizikal serta mewujudkan ketegangan mental secara psikologi. Terdapat manusia yang berasa bahawa sesuatu yang menakutkan dirinya boleh menyakitinya secara fizikal atau mental lalu dapat mengancam nyawa dan keselamatan dirinya. Namun, rasa takut ini juga boleh mendorong seseorang manusia agar mengambil ikhtiar dan berusaha mencari perlindungan untuk menjauhi dirinya daripada situasi yang menakutkanya. Dalam konteks ini, menurut teori *meyppātu,* seseorang manusia akan berasa takut dalam situasi tertentu.

அணங்கே விலங்கே கள்வர் தம் இறை எனப
பிணங்கள் சாலா அச்சம் நான்கே. (1202)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Tolkappiyar, rasa takut akan tercetus akibat tindakan makhluk halus, binatang liar, perompak dan pihak atasan yang berpengaruh terhadap diri seseorang manusia.

Jadual 4.5

Meyppātu Takut Mengikut Puncanya Dalam Setiap Novel M. Ramaiah

Novel	**Punca-punca *Meypāttu* Takut**			
	Makhluk halus (*aṉaṅku*)	**Binatang liar *(vilaṅku)***	**Perompak (*kaḷvar*)**	**Pihak atasan (*iṟai*)**
Aḻakiṉ Ārātaṉai	0	0	0	0
Neruppu Cuṉai	0	0	0	0
Caṅkamam	0	0	0	0
Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai	0	0	0	2
Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu	0	0	1	1
Viḻalum Nīrum	0	0	0	1
Maṉa Ūṉaṅkaḷ	1	1	0	0
Jumlah	1	1	1	4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.5.1 Makhluk Halus atau *Aṉaṅku*

Terdapat manusia yang berasa takut akibat perasaan gerun, gementar dan ngeri kerana percaya bahawa kemurkaan makhluk halus seperti hantu boleh mengancam keselamatan dirinya secara fizikal dan mental (Thamizhannal, 2010). Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti satu situasi dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ* yang memaparkan perasaan takut terhadap makhluk halus berupa hantu. Novel ini memaparkan kisah seorang gadis yang miskin menjadi mangsa hawa nafsu seorang guru lelaki yang miang. Watak Sellamma ialah seorang janda yang mempunyai seorang anak perempuan yang bernama Purani. Sellamma telah menyara dan membesarkan anak perempuannya dengan bekerja di sebuah ladang. Dia ingin mencari jodoh yang sesuai untuk menyempurnakan tanggungjawabnya terhadap anaknya. Namun, Sellamma menghadapi kesukaran untuk mencari lelaki yang besedia mengahwini Purani kerana tidak mempunyai status kewarganegaraan dan kad pengenalan biru. Oleh itu, dia telah meminta bantuan Pasupathi yang bertugas sebagai guru di sekolah ladang itu. Dia sanggup menghantar anak gadisnya bersama dengan Pasupathi ke Kuala Lumpur untuk memohon kad pengenalan biru kerana pihak pengurus ladang tidak membenarkan Sellama mengambil cuti. Pasupathi telah mempergunakan kesempatan itu untuk memperkosa Purani.

Sellamma mendapati anaknya kurang maya kerana kelihatan letih-lesu sejak pulang dari Kuala Lumpur. Apabila didesak, Purani menjelaskan bahawa dia memang sihat. Namun, Sellamma masih tidak puas hati dengan jawapan anaknya itu kerana anaknya kelihatan seolah-olah kehilangan sesuatu. Sellamma berasa bimbang melihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keadaan anaknya lalu mengandaikan bahawa ‘sesuatu’ telah mencetuskan perasaan gementar dalam diri anaknya.

> சொல்லு பூரணி..! கோலாலம்பூரிலே எதையாச்சும் கண்டு பயந்தியா? இருந்தா சொல்லு. இங்கே குஞ்சு காக்கா இருக்கிறாரு. அவருக்கிட்ட மந்திரிக்கலாம், என்றாள் செல்லம்மா. (மா. இராமையா, 2001, ப. 62)
>
> Jawab Purani…! Adakah awak gementar melihat sesuatu di Kuala Lumpur. Terdapat seorang kunju kaka (orang Malayali beragama Islam) di sini. Kita boleh berjampi padanya, kata Sellamma. (M. Ramaiah, 2001, ms. 62)

Sellamma membuat andaian bahawa anaknya kelihatan kurang maya dan letih-lesu kerana dirasuk oleh sesuatu makhluk halus ketika berada di Kuala Lumpur. Dia bercadang kepada anaknya Purani supaya mereka berjumpa seorang bomoh agar dia boleh berjampi untuk menyembuhkan ‘penyakit’ anaknya itu. Malangnya, kepercayaan Sellamma terhadap kewujudan makhluk halus telah mengaburi fikirannya lalu gagal memahami perlakuan luar biasa anaknya disebabkan oleh ‘serangan seorang manusia berhawa buas’ itu.

4.2.5.2 Binatang Liar atau *Vilaṅku*

Perasaan takut akan tercetus dalam diri seseorang apabila berasa bimbang, gelisah dan cemas terhadap binatang liar seperti singa, harimau, beruang dan anjing kurap yang dipercayai boleh mengancam keselamatan diri dan nyawanya (Thamizhannal, 2010:16). Dalam kajian ini, dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ* pengkaji dapat mengenal pasti satu situasi yang mencetuskan perasaan takut disebabkan seorang manusia yang menampilkan sifat buas yang sama seperti binatang liar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak Maithili telah mengandung empat bulan akibat hubungan sulit dengan penyelia kilangnya, Sugumaran. Oleh itu, dia merancang muslihat untuk memerangkap Murugesu yang sering menjadi sasaran ejekannya kerana berwajah hodoh. Dia melamar Murugesu sebagai suaminya untuk memperalatkannya sebagai bapa kepada anak yang dikandungnya di luar nikah. Pada hari pertama perkahwinan mereka, Maithili telah mengadu bahawa dirinya telah diperkosa oleh penyelia kilang tersebut selepas minum minuman yang mengandungi ubat yang dapat melalaikannya. Murugesu turut termakan cerita rekaannya lalu berasa simpati terhadapnya. Namun, rakan baik Murugesu, iaitu Panneerselvam telah membongkar segala rahsia isterinya. Dia turut menyatakan bahawa Maithili masih tetap meneruskan hubungan sulit dengan Sugumaran. Malahan, Maithili telah menukarkar syif kerjanya ke waktu malam agar hubungan sulitnya berjalan lancar. Oleh itu, Sugumaran sering mengujungi Maithili ketika Murugesu sudah keluar untuk bekerja.

Pada suatu hari, ketika mereka berdua bersetubuh, pericikan api daripada rokok Sugumaran telah terkena pada buain lalu bayi Maithili yang dibaringkan di situ turut terlecur. Akhirnya, bayi itu mati kerana badannya terlecur. Namun, kedua-dua mereka telah berjaya memindahkan kesalahan itu pada diri Murugesu.

> அடப்பாவி! என் மேலே இருந்த கோபத்தை குழந்தையிடங்காட்டி நெருப்பிலே சூடு வச்சிட்டியா..? உன் அரக்க குணத்த குழந்தையிடமா காட்டுறது! இதயம் இல்லாத மிருகமா இருக்கிறியே.. இன்னும் என்னென்னய்வோ வார்த்தைகளில் அர்ச்சனை செய்தாள். (மா. இராமையா, 2001, ப. 163)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Awak, manusia yang berdosa. Awak telah melecurkan bayiku kerana marah padaku. Awak telah lepasakn perasaan buas atas bayiku. Awak ialah berupa haiwan yang tiada perasaan. Dia telah terus mengejiku. *(*M. Ramaiah, 2001, ms. 163)

Maithili telah melakarkan gambaran bahawa Murugesu yang memendam perasaan marah terhadap dirinya telah melepaskan perasaan itu atas bayinya. Murugesu dikatakan bertindak bagai bintang buas lalu telah melecurkan anaknya itu. Sebenarnya, Maithili ialah manusia buas yang mempunyai hawa nafsu yang tinggi telah mengorbankan anaknya serta mampu memindahkan kesalahannya kepada suaminya yang tidak berdosa.

4.2.5.3 Perompak atau *Kaḷvar*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, manusia juga berasa takut, iaitu gentar terhadap penjahat yang terdiri daripada perompak, pencuri dan orang durjana yang berniat merampas harta benda, dan mengancam nyawanya (Thamizhannal, 2010:16). Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti satu situasi yang memaparkan perasaan takut terhadap seorang durjana dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu*. Suami Porkodi, iaitu Sundaresan telah dinaikkan pangkat sebagai penolong akauntan. Namun, dia berasa agak bimbang kerana penolong akauntan sebelum ini telah dipenjarakan atas tuduhan melakukan pecah amanah. Menurut Sundaresan, akauntan tersebut sebenarnya seorang kakitangan yang baik yang tidak akan melakukan kesalahan sedemikian. Dia mensyaki ketua akauntan syarikat, Kannan yang menjalani kehidupan boros mungkin melakukannya. Perasaannya jelas terpapar dalam petikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> நேற்று விருந்துக்கு வந்திருந்தவர்களில் ஒருவர் குள்ளமாக வழுக்கைத் தலையோடு காட்சியளித்தாரே அவரை நினைவிருக்கிறதா? அவர்தான் எங்கள் நிறுவனத்தின் கணக்காயர். நிரம்ப கடன் தொல்லையில் மாட்டிக் கொண்டிருப்பவர்; உல்லாச விரும்பியுங்கூட...சுந்தரேசன் சொன்னான். (மா. இராமையா, 1976, ப. 82)
>
> Adakah anda masih ingat salah seorang yang pendek dan berkepala botak hadir ke majlis semalam? Dialah ketua akauntan syarikat kami. Dia menghadapi masalah hutang. Dia juga seorang yang suka akan kehidupan mewah....kata Sundaresan (M. Ramaiah, 19 76, ms. 82)

.

Kata-kata Sundaresan jelas membayangkan perasaan takut dan bimbangnya terhadap ketua akauntan yang telah menganaiyai bekas penolong akauntan syaraikatnya. Dia juga berasa takut bahawa dirinya juga mungkin akan menjadi kambing hitam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.5.4 Pihak Atasan atau Irai

Pihak atasan terdiri daripada golongan ibu bapa, pemerintah, pegawai, guru, Tuhan dan mana-mana pihak yang sentiasa menguasai, mengawal dan mempengaruhi pemikiran, perasaan dan tingkah laku kita secara fizikal dan mental (Thamizhannal, 2010) dan Subbu Reddiar, N. (2011). Tindakan pihak atasan ini mendatangkan perasaan takut, iaitu rasa bimbang, khuatir, gelisah dan cemas pada diri kita.

Pengkaji telah mengenal pasti sebanyak empat situasi yang memaparkan perasaan takut seseorang terhadap pihak atasan tertentu. Situasi pertama yang membawa perasaan takut seseorang terhadap pihak atasan telah dikenal pasti dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai*. Watak Kathirvelu yang merupakan seorang pemandu di Jabatan Kerja Raya turut menjadi ahli dalam sebuah parti politik di peringkat cawangan. Dia kurang senang hati terhadap pengerusi peringkat negeri, Manavalagar yang tidak menghulurkan bantuan untuk mendapatkan rumah murah untuknya, namun tidak berani menghadapinya.

Walau bagaimanpun, Kathirvelu telah meluahkan rungutannya dalam sebuah mesyuarat. Tindakan Kathirvelu telah mencetuskan perasaan marah Manavalagar lalu menyelarnya sebagai seorang pemandu yang tidak arif akan politik. Oleh itu, Kathirvelu telah keluar dari mesyuarat tanpa menunjukkan sebarang reaksi kerana dia terpaksa akur kepada pemimpin yang tertinggi di peringkat negeri sedangkan dirinya hanya ahli di peringkat cawangan. Sementara itu, sifat Kathirvelu yang jujur telah menarik perhatian Thilagavathi. Thilagavathi ialah ketua wanita peringkat negeri dan wanita simpanan Manavalagar. Oleh itu, Thalagavathi menawarkan pekerjaan sebagai pemandu kerana umurnya sudah menjangkau 45 tahun. Namun, Kathirvelu memang segan dan tidak berani menerima tawaran itu.

> தலைவருக்கு என்னைப் பிடிக்காது. நான் ஒத்துக்கிட்டாலும் அவர் ஒத்துக்கணுமே (மா. இராமையா, 2009, ப. 32)
>
> Tuan pengerusi tak suka saya. Walupun saya setuju, saya kurang yakin bahawa tuan pengerusi akan bersetuju. (M.Ramaiah, 2009, ms. 32)

Situasi tersebut jelas menunjukkan perasaan takut watak Kathirvelu terhadap pemimpin partinya yang pernah menyelarnya sebagai pemandu yang kurang arif akan politik. Tindakan Kathirvelu menyuarakan rungutannya pernah mencetuskan kemarahan Manavalagar lalu mewujudkan perselisihan faham antara kedua-dua mereka. Oleh itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kathirvelu berasa bahawa Manavalagar tidak akan membenarkannya menjadi pemandu kepada Thilagavathi.

Situasi kedua tentang perasaan takut terhadap pihak atasan, terutama pihak ahli politik, turut terpapar dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai*. Pasangan suami-isteri, iaitu Murugesu dan Purani mempunyai empat orang anak yang semuanya sedang belajar. Anak sulungnya melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di India. Sementara itu, anak keduanya di Universiti Sains Malaysia, anak ketiga di Universiti Malaya dan anak bongsu pula menuntut di tingkatan enam. Murugesu bekerja sebagai seorang kerani dan pendapatannya tidak cukup untuk menampung perbelanjaan keluarga dan pendidikan anaknya di samping itu mereka juga tinggal di rumah sewa. Purani pula terpaksa menggadaikan segala barang emasnya bagi menampung perbelanjaan pendidikan anak-anaknya. Namun, anaknya yang menuntut di USM telah gagal melunaskan yuran pengajian kerana permohonan untuk biasiswa telah ditolak dan diberi amaran bahawa tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan.

Seterusnya, pasangan Purani dan Murugesu telah berasa terdesak dan serba salah kerana tidak mampu lagi. Oleh itu, mereka telah memohon bantuan biasiswa daripada seorang pemimpin parti politik. Malangnya, pengerusi parti yang juga wakil rakyat enggan membantu kerana mereka bukanlah ahli parti itu. Murugesu yang naik berang telah mempersoalkan ketidakadlian dalam pengagihan biasiswa kerajaan itu. Tindakan Murugesu telah mencetuskan perasaan takut dalam diri Purani dan juga Kathirvelu yang mengiringi mereka untuk mendapatkan bantuan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> பூரணியும் அதிர்ந்து போனாள். இப்படி முகத்தில் அறைந்தாற் போலக் கேட்கின்றாரே என்று. கதிர்வேலு முருகேசுவின் முகத்தைப் பார்த்தான். அவர் கேட்பது என்னவோ நியாயமான கேள்விதான். ஆனால், என்ன விளைவைக் கொண்டு வரப்போகிறதோ என்று பயந்தான் (மா. இரமையா, 2009:88).
>
> Purani terkejut. Dia berasa pertanyaan suaminya telah seolah-olah menampar diri YB itu. Kathir menoleh muka Murugesu. Dia berasa pertanyaan Murugesu memang wajar. Tetapi, dia berasa takut akan kesan pertanyaan itu. (M. Ramaiah, 2009:88).

Kedua-dua mereka bimbang dan berasa takut bahawa pertanyaan Murugesu walaupun wajar, namun dia telah mencabar seorang wakil rakyat yang akan memutuskan permohonan mereka itu. Sikap kedua-dua mereka jelas memperlihatkan perasaan takut terhadap ahli politik dan apatah lagi seorang wakil rakyat. Sikap mereka turut mengingatkan kita agar seseorang mesti akur pada kuasa seseorang ahli politik walaupun tindakannya tidak adil.

Situasi ketiga berkaitan dengan perasaan takut terhadap pihak atasan terpapar dalam novel *Viḻalum Nīrum.* Dalam novel ini, watak Kanniamma ialah ketua keluarga selepas suaminya, Dhanabal mengidap penyakit strok. Semua ahli termasuk suaminya mesti akur dan menuruti segala keputusan dan tindak-tanduknya. Anak sulungnya, Kumaaravel telah menggoda Kayalvizhi dengan berpura-pura sebagai seorang pegawai yang berjawatan tinggi sedangkan dirinya ialah seorang *broker* sahaja. Apabila Kaylalvizhi mengetahui hal sebenar ini lalu mengadunya kepada Kanniamma, anakya Kumaaravel berasa takut akan reaksi ibunya sedangkan ibunya turut bersuhabat dalam hal ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, apabila hal percintaan anak perempuannya, Sita dengan Dharmabalan yang menguruskan sebuah institut kemahiran diketahui, dia telah membelasah anaknya lalu melarangnya keluar dari rumah walaupun keluarga Dharmabalan sanggup menerimanya sebagai anak menantu mereka. Sita tidak berani mengambil sebarang keputusan melulu seperti seorang abang lagi yang tidak bersetuju dengan pandangan ibunya. Di samping itu, Kanniamma juga memberi amaran kepada seorang anak lagi, Kalaiselvi bahawa dia akan memberhentikannya dari sekolah sekiranya cuba membantu Sita. Oleh itu, semua orang akur pada tindakan ganas dan keputusan melulu Kanniamma kerana berasa takut terhadapnya.

> சீதா, ராத்திரி சொன்னது நினைவிருக்கா? இனிமே நீ தையல் கத்துக்கப் போகவேணாம், எல்லாத்தையும் மூட்டைக் கட்டி வச்சிடு, என்று மீண்டும் ஒருமுறை நினைபடுத்தினாள் கன்னியம்மா. இதோ பாருடி, காதல் கீதல்லு ஏதாவது குறுக்கு வழிய பின்பற்றினே, கையக் கால முறிச்சி நடக்க முடியாம பண்ணிடுவேன், என்று வேறு பயமுறுத்தினாள். (மா. இராமையா, 1999, ப. 190-191).
>
> Sita, masih ingatkah hal dikatakan semalam? Jangan pergi lagi ke kelas jahitan. Bungkuskan segala-galanya, Kanniamma sekali lagi mengingatkannya. Lihat di sini, sekiranya awak cuba cari jalan pintas fasal hal cinta ini, saya akan patahkan kedua-dua kaki dan tangan awak, Kanniamma terus mengugutnya (M. Ramaiah, 1999, ms.190-191).

Suami Kanniamma tidak berani menentang keputusan isterinya kerana dia turut takut padanya dan tidak berupaya berbuat apa-apa. Anak sulungnya turut berasa gentar terhadap ibunya kerana memang perangai ibunyanya begitu liar. Anak perempuannya, Sita juga tidak berani mengikuti jejak langkah abangnya yang meninggalkan keluarga kerana takut pada ibunya yang sanggup melakukan apa-apa sahaja yang dapat memusnahkan kesejahteraan hidupnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi keempat yang memaparkan perasaan takut seseorang terhadap pihak atasan dapat dikesan dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu*. Dalam novel ini, suami Porkodi, Sundaresan telah diberkas oleh pihak berkuasa atas tuduhan melakukan pecah amanah. Porkodi telah meminta bantuan peguam Vanangamudi yang merupakan bapa saudara kepada Sundaresan untuk membelanya. Namun, peguam yang terkenal itu tidak rela menolong Porkodi. Sebaliknya, Vanangamudi sanggup membela seorang lagi, Kannan dalam kes pecah amanah ini kerana sanggup membayar yuran yang lumayan. Walau bagaimanapun, bapa Porkodi, iaitu Velappan, tetap mahu memelihara hubungan dengan Vanangamudi yang merupakan bapa mentua kepada Porkodi serta seorang yang berpengaruh dalam masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, arwah isterinya juga mempunyai hubungan rapat dengan isteri Vanangamudi. Oleh itu, Velappan telah mengujungi Vanangamudi sebagai tanda menghormatinya. Namun, di situ dia telah mendapat layanan buruk daripada kedua-dua orang suami-isteri itu. Seterusnya, Vanangamudi telah bertanya tentang peguam yang bakal membela diri anak menantunya sambil memperlikan sifat bakal peguam itu serta menuduh bahawa Velappan itu berpura-puraan. Walau bagaimanapun, Velappan yang tidak mengetahui hal itu, telah terpingga-pingga lalu memberitahu bahawa dia tidak berupaya dari segi kewangan untuk mendapatkan khidmat seorang peguam. Vanangamudi terus memaklukan perkara selanjutnya.

> சுந்தரேசனுக்காக வி.பி. கொடி என்பவர் வரப்போவதாக கோர்ட்டில் பெயரும் தாக்கலாகி இருக்கிறது. ஏன் வேலா என்னத்துக்கு இந்தப் பணச் செலவெல்லாம். திருட்டுக் குற்றத்துக்காகத் தண்டனை அனுபவிச்சிட்டுப் போவதுதான்

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

நல்லது. நீ கோலலம்பூரிலிருந்து வக்கீல் கொண்டு வந்தாலும் இந்த வணங்காமுடியை வெல்ல முடியாது. இது இந்த ஊருக்கே தெரிந்த உண்மை, என்றார் படபடப்பான குரலில். வக்கீல் சினங்கொள்வதைக் காண அவனுக்குப் பயமாக இருந்தது. முன்பே அவருக்கும் தனக்கும் பகை வந்து விடுமோ என்று அஞ்சிக் கொண்டிருந்த அவனுக்கு அது வந்துவிட்டது போன்றே தோன்றியது. வேலப்பன் மேற்கொண்டு ஏதும் பேசிக் கொள்ளாமலே திரும்பி விட்டான் (மா. இராமையா,1976, ப. 105)

Peguam bernama V. P. Kodi didaftarkan di mahkamah sebagai peguambela Sundaresan. Vella, kenapa membazirkan wang begitu? Lebih baik menjalani hukuman atas keslahan mencuri. Walaupun awak membawa peguam dari Kuala Lumpur, tidak dapat mencabar Vanangamudi ini. Hal ini memang diketahui umum, kata dengan terburu-buru. Velappan berasa takut melihat peguam (Vanangamudi) semakin marah. Hal inilah yang pernah dibimbangnya sejak dahulu lagi, iaitu permusuhan akan tercetus antara beliau dengannya, Velappan berasa perkara itu sudah pun berlaku. Tanpa meneruskan perbualan itu, Velappan telah pulang (M. Ramaiah, 1976, ms. 105).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan situasi di atas, dapatlah kita mengesan bahawa Velappan benar-benar takut pada peguam Vanagamudi. Vanangamudi ialah seorang peguam terkenal dan disegani, berpengaruh dalam masyarakat dan seorang kaya. Sementara itu, Velappan ialah seorang manusia biasa yang tidak mempunyai sebarang kelebihan. Selain itu, mengikut tradisi India, Vanangamudi merupakan besannya dan dia tidak mahu melakukan apa-apa yang akan menyinggung perasaan beliau demi masa depan anak perempuannya. Oleh itu, Velappan berasa takut dan bimbang untuk memusuhi orang yang berkuasa dan berpengaruh seperti Vanangamudi.

4.2.6 Rasa Bangga atau *Perumitham* dalam Novel M. Ramaiah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bangga ialah perasaan megah serta senang dan berbesar hati. Rasa bangga tercetus apabila seseorang berasa dirinya dihormati atau dihargai oleh orang lain atas pencapaian atau kedudukan yang tercapai. Selain itu, rasa bangga juga tercetus apabila seseorang itu dipuji atas kelebihan yang dimilikinya. Sebagai contoh, seseorang akan berasa bangga apabila dirinya dipuji kerana mempunyai bakat dalam bidang tertentu. Dalam konteks kajian ini, menurut teori *meyppātu,* seseorang manusia akan berasa bangga dalam situasi tertentu.

பெருமிதச்சுவை தோன்றுமிடங்கள்
கல்வி தறுகண் இசைமை கொடைஎனச்
சொல்லப்பட்ட பெருமிதம் நான்கே. (1203)

Menurut Tolkappiyar, seseorang akan berasa bangga akan ilmu, keberanian dan kemasyhuran diri serta sifat murah hati yang dimilikinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6
Meyppātu Bangga Mengikut Puncanya Dalam Setiap Novel M. Ramaiah

Novel	Punca-punca *Meyppātu* Bangga			
	Ilmu (*kalvi*)	**Keberanian (*taṟukaṉ*)**	**Kemasyhuran diri (*pukaḻmai*)**	**Murah hati (*koṭai*)**
Aḻakiṉ Ārātaṉai	0	0	0	0
Neruppu Cuṉai	0	0	0	0
Cańkamam	0	0	0	0
Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai	1	1	1	1
Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu	1	1	1	0
Viḻalum Nīrum	0	0	1	0
Maṉa Ūṉaṅkaḷ	0	0	0	0
Jumlah	2	2	3	1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.6.1 Ilmu atau *Kalvi*

Menurut Thamizhannal (2010), seseorang akan berasa bangga atau didatangi perasaan bangga sekiranya mencapai tahap pencapaian akademik dan memiliki ilmu pengetahuan yang tidak dapat ditandingi. Dalam kajian ini, pengkaji dapat mengesan dua situasi yang melakarkan perasaan bangga dialami seseorang akibat ilmu yang dimilikinya atau orang-orang dalam tanggungannya.

Dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai,* keempat-empat orang anak pasangan suami-isteri Murugesu dan Purani menjadi banggan mereka. Hal ini diketahui apabila Kathirvelu, iaitu setiausaha kepada Thilagavathi memperkenalkan Murugesu dan Purani kepada Shanmugavelu yang merupakan wakil rakyat dan pihak menguruskan biasiswa. Seterusnya, Kathirvelu menceritakan latar belakang pendidikan anak-anak mereka.

> இவங்களோட மூத்த மக தமிழ்நாட்டிலும் இரண்டாவது மக பினாங்கு விஞ்ஞான பல்கலைக்கழகத்திலும் மூன்றாவது மகள் மலாயாப் பல்கலைக்கழகத்திலுமாகப் படிக்கிறாங்க. கடைசிப் பையன் ஆறாம் படிவத்திலே இருக்கிறான்.(மா. இராமையா, 2009, ப. 85)
>
> Anak perempuan sulung mereka belajar di India. Sementara itu, anak perempuan kedua mereka di Universiti Sains Malaysia dan anak perempuan ketiga menuntut di Universiti Malaya. Anak bongsu pula belajar di tingkatan enam, kata Kathirvelu (M.Ramaiah, 2009, ms. 85)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi penerangan ini, Kathirvelu secara tidak langsung memuji pencapaian cemerlang keempat-empat orang anak pasangan Murugesu-Purani. Kathirvelu turut menceritakan latar belakang sosioekonomi Murugesu-Purani untuk menerangkan pengorbanan mereka agar anak-anak mereka memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang. Sebenarnya, pencapaian keempat-empat orang anak itu secara tidak langsung membanggakan kedua-dua ibu bapa mereka.

Situasi kedua memaparkan perasaan bangga seseorang terhadap tahap pencapaian akademik dan ilmu pengetahuan yang dimiliki pihak lawannya. Dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu,* suami Porkodi, Sundaresan telah diberkas oleh pihak berkuasa atas tuduhan melakukan pecah amanah. Porkodi telah meminta bantuan peguam Vanangamudi yang merupakan bapa saudara kepada Sundaresan untuk membelanya. Namun, Vanangamudi menolak permintaan Porkodi kerana mewakili watak Kannan dalam kes itu.

Vanangamudi merupakan seorang peguam yang terkenal dan handal yang tidak pernah dikalahkan. Peguam-peguam lain pun tidak sanggup membantu Porkodi kerana tidak berani berhadapan dengan Vanangamudi yang tersohor itu. Oleh itu, Porkodi telah mengambil keputusan untuk membela suaminya dengan sendiri kerana dia juga seorang peguam bertauliah tetapi hal ini telah disembunyikan daripada pengetahuan suaminya. Peguam Vanangamudi turut menasihati bapa Porkodi, Velappan supaya tidak membazirkan wang dengan membawa peguam dari Kuala Lumpur untuk membela Sundaresan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> சுந்தரேசனுக்காக வி.பி. கொடி என்பவர் வரப்போவதாக கோர்ட்டில் பெயரும் தாக்கலாகி இருக்கிறது. ஏன் வேலா என்னத்துக்கு இந்தப் பணச் செலவெல்லாம். திருட்டுக் குற்றத்துக்காகத் தண்டனை அனுபவிச்சிட்டுப் போவதுதான் நல்லது. நீ கோலலம்பூரிலிருந்து வக்கீல் கொண்டு வந்தாலும் இந்த வணங்காமுடியை வெல்ல முடியாது. (மா. இராமையா, 1976:105)
>
> Peguam bernama V. P. Kodi didaftarkan di mahkamah sebagai peguambela Sundaresan. Vella, kenapa membazirkan wang begitu? Lebih baik menjalani hukuman atas keslahan mencuri. Walaupun awak membawa peguam dari Kuala Lumpur, tiada sesiapa dapat mencabar Vanangamudi ini. (M. Ramaiah, 1976:105)

Peguam Vanangamudi tidak mengetahui bahawa V. P. Kodi itu ialah sebenarnya Porkodi. Namun, pada akhir perbicaraan, Porkodi telah berjaya mengalahkan Vanangamudi. Dalam situasi ini, peguam Vanangamudi turut memuji tahap pencapaian akademik dan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh Porkodi untuk melahirkan perasaan bangganya kerana Porkodi juga merupakan anak menantu saudaranya.

> உன் திறமைக்கு என் பாராட்டுகள் பொற்கொடி, என்றார் வணங்காமுடி. உன்னை இவ்வளவு தூரம் அலமேலு (பொற்கொடியின் தாயார்) படிக்க வைத்திருப்பாள் என்று நான் எதிர்ப்பார்க்கவே இல்லை. (மா. இராமையா, 1976 , ப. 112)
>
> Syabas Porkodi, atas kehandalan anda! kata Vanangamudi. Saya tak sangga ibumu Alamelu sanggup membiayai pendidikan awak sampai tahap ini. (M. Ramaiah, 1976, ms. 112)

Peguam Vanangamudi berasa bangga kerana anak menantu saudaranya dan juga anak kepada orang gajinya memilki tahap pendidikan dan kemahiran yang begitu tinggi sehingga dapat mengalahkannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.6.2 Keberanian atau *Taṟukaṇ*

Menurut Subbu Reddiar, N. (2010), keberanian merujuk kepada sifat gagah menghadapi sesuatu yang harus disegani atau ditakuti, iaitu menampilkan sifat keteguhan. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti dua situasi berkaitan dengan keberanian. Situasi tersebut dikenal pasti dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai*. Murugesu memohon biasiswa untuk anaknya yang menuntut di USM kerana anaknya telah gagal melunaskan yuran pengajian apabila permohonannya untuk biasiswa telah ditolak dan diberi amaran bahawa tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan. Oleh itu, Murugesu telah berasa terdesak dan serba salah kerana tidak mampu lagi. Oleh itu, dia telah memohon bantuan biasiswa daripada sesuatu parti politik. Malangnya, pengerusi parti yang juga wakil rakyat enggan membantu kerana mereka bukanlah ahli parti itu. Murugesu yang naik berang telah mempersoalkan ketidakadlian dalam pengagihan biasiswa kerajaan itu.

> இந்தக் கல்வி நிதி மக்களுக்காக ஒதுக்கப்பட்டப் பணமா? அல்லது கட்சி உறுப்பினர்களுக்காக ஒதுக்கப்பட்ட பணமா? யாரும் எதிர்ப்பார்க்காத ஒரு கேள்வியைத் தூக்கிப் போட்டார் முருகேசு. (மா. இராமையா, 2009, ப. 88)

> Adakah wang biasiswa pendidikan ini diperuntukkan untuk rakyat? Atau diperuntukkan untuk ahli-ahli parti? Murugesu telah tiba-tiba melontarkan satu pertanyaan yang tidak pernah dikemukakan oleh sesiapa. (M.Ramaiah, 2009, ms. 88)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tindakan Murugesu telah mencetuskan perasaan takut dalam diri Purani dan juga Kathirvelu yang mengiringi mereka untuk mendapatkan bantuan tersebut.

> பூரணியும் அதிர்ந்து போனாள். இப்படி முகத்தில் அறைந்தாற் போலக் கேட்கின்றாரே என்று. கதிர்வேலு முருகேசுவின் முகத்தைப் பார்த்தான். அவர் கேட்பது என்னவோ நியாயமான கேள்விதான். ஆனால், என்ன விளைவைக் கொண்டு வரப்போகிறதோ என்று பயந்தான் (மா. இராமையா, 2009, ப. 88)
>
> Purani terkejut. Dia berasa pertanyaan suaminya seolah-olah merupakan satu tamparan atas diri wakil rakyat itu. Kathirvelu menoleh muka Murugesu. Dia berasa pertanyaan Murugesu memang adil. Namun, berasa gementar memikirkan akan kesan pertanyaannya itu. (M. Ramaiah, 2009, ms. 88)

Murugesu berpendirian bahawa berhak memohon biasiswa tersebut yang disediakan oleh kerajaan untuk golongan miskin yang berkelayakan. Dia berpendapat bahawa peranan ahli politik adalah sekadar mengagihkan biasiswa tersebut secara adil dan salsama. Oleh itu, Murugesu berasa bahawa berhak menegur sikap wakil rakyat itu yang tidak adil itu dalam pengagihan biasiswa kerajaan.

Situasi kedua yang memaparkan sikap berani seseorang mencabar seorang peguam yang tersohor dan handal dikesan dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu.* Apabila tiada peguam yang berani membela suaminya, Sundaresan kerana pihak pendakwa telah diwakili olen peguam Vanangamudi, Porkodi sebagai peguam yang bertauliah telah mendaftarkan namanya sebagai V. P. Kodi untuk membela suaminya. Vanangamudi yang tidak sedar bahawa peguam tersebut ialah Porkodi, telah memperlinya dan menyatakan bahawa tiada sesiapa dapat mengalahkannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> வக்கில் அய்யா ரொம்பவும் ஆத்திரப்படிறாரு. அவரை வெல்ல முடியாதுன்னு கட்சி கட்டுகிறார். நமக்கும் அவருக்கும் இருக்கிற உறவு இதோடு முறிந்து போயிடும் போல இருக்கும்மா, வருத்தமாகச் சொன்னான் (வேலப்பன்). கோழை மனத்தோடு நட்புறவு கொள்வதைவிட வீரத்தோடு பகைத்துக்கொள்வது எவ்வளவோ சிறந்தது. நான் அதை வரவேற்கின்றேன், என்றாள் பொற்கொடி. பயந்து கொண்டிருந்த பொற்கொடிக்கு இப்போது துணிவு ஏற்பட்டிருந்தது. (மா. இராமையா, 1976, ப. 107)

> Anak, tuan peguam nampak sangat marah. Dia berkata tiada sesiapa dapat kalahkannya. Saya berasa pertalian antara kita dengannya akan putus selepas ini, kata Velappan dengan sedih. Lebih baik memusuhi dengan hati yang gah daripada menjalin persahabatan sebagai penakut. Saya mengalu-alukannya, kata Porkodi. Porkodi yang selama ini berasa bimbang, telah mula berasa lebih berani. (M. Ramaiah, 1976, ms. 107)

Porkodi jelas memaparkan sikap berani menghadap dan mencabar Vanangamudi yang merupakan seorang peguam handal dan tersohor. Selain itu, Porkodi sanggup menggadaikan pertalian persaudaraannya dengan Vanagamudi demi menyelematkan suaminya. Porkodi tidak lagi berasa gentar mencabar Vanangamudi di mahkamah.

4.2.6.3 Kemashyuran Diri atau *Pukaḻmai*

Perlakuan terpuji yang mendatangkan kemashyuran diri pada seseorang juga boleh mencetuskan rasa bangga. Situasi yang memaparkan perasaan bangga dialami seseorang apabila ilmu, usaha yang gigih dan kemahiran yang dimilikinya mendatangkan pujian orang lain. Situasi ini dapat dikesan dalam tiga buah novel. Dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai,* watak Kathirvelu yang bekerja sebagai pemandu di pejabat kerja raya telah memulakan perjuangan dalam bidang politik sebagai ahli

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

biasa. Berkat usaha yang gigih, dan sifat jujur dan setianya telah memenangi hati Thilagavathi yang merupakan ketua wanita di peringkat negeri. Thilagavathi telah melantiknya sebagai setiausaha cawangannya lalu menjadikanya sebagai setiausaha peribadinya. Seterusnya, Thilagavathi telah mensyorkan nama Kathirvelu sebagai calon untuk bertanding kerusi dewan undangan negeri. Pada hari penamaan calon, dia telah diumumkan menang tanpa bertanding.

> கதிர்வேலு பயமெல்லாம் மகிழ்ச்சியாக மாறிவிட்டது. மீண்டும் ஒரு மாலையை அவன் கழுத்தில் போட்டு ஆரத்தழுவிக் கொண்டான் முத்தையா. (மா. இராமையா, 2009, ப. 164)
>
> Perasaan bimbang Kathirvelu berubah menjadi kegembiraan. Muthaiyah telah mengalungkannya sekali lagi sambil memeluknya seerat-erat. (M. Ramaiah, 2009, ms. 164)

Situasi ini menunjukkan bahawa Kathirvelu berasa gembira kerana berjaya merebut kerusi dewan undangan negeri tanpa sebarang persaingan. Keadaan ini telah membanggakan dirinya. Selain itu, Muthaiyah yang juga mengharapkan kerusi tersebut turut menerima kemenangan Kathirvelu dengan mengalungkanya. Dengan ini, Kathirvelu yang memulakan perjuangan politik sebagai pemandu dan ahli biasa telah mencapai kemashyuran berkat usaha yang gigih, dan sifat setia dan jujur dalam bidang politik.

Situasi kedua dikenal pasti dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu*. Watak Porkodi telah memohon bantuan peguam Vanangamudi yang merupakan bapa saudara kepada suaminya, Sunderasan yang dituduh melakukan pecah amanah untuk membela suaminya. Namun, peguam yang terkenal itu tidak rela menolong Porkodi, sebaliknya Vanangamudi sanggup membela seorang lagi, iaitu Kannan dalam kes pecah amanah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini kerana dia sanggup membayar yuran yang lumayan. Oleh itu, Porkodi telah membuat keputusan untuk membela suaminya di mahkamah memandangkan dirinya juga seorang peguam. Dalam perbicaraan terkahir, Porkodi telah dapat mengalahkan peguam Vanangamudi.

> வக்கீல் வணங்காமுடியின் பல ஆண்டு வக்கீல் தொழிலில் இதுதான் முதல் தோல்வி. என்றாலும் பொற்கொடியைப் பாராட்டும் பெருந் தன்மையை அவர் பெறாமலில்லை.உன் திறமைக்கு என் பாராட்டுகள் பொற்கொடி, என்றார் வணங்காமுடி. நன்றி, என்று கரங்கூப்பினாள் பொற்கொடி (மா. இராமையா, 1976, ப. 111)
>
> Inilah kekalahan pertama kepada peguam Vanangamudi yang begitu lama berkecimpung dalam profesion ini. Namun, dia tetap memuji Porkodi. Syabas Porkodi, atas kehandalan anda! kata Vanangamudi.Terima kasih, kata Porkodi (M. Ramaiah, 1976, ms. 111)

Porkodi berasa bangga kerana Vanangamudi yang merupakan seorang peguam yang tersohor dan tidak pernah kalah dalam sebarang kes yang dikendalikannya, sanggup memujinya walaupun telah dikalahkan oleh diri sendirinya.

Situasi ketiga dapat dikesan dalam novel *Vi̲lalum Nīrum.* Thangavelu ialah anak lelaki kedua kepada pasangan Dhanabal dan Kanniamma. Dia bekerja sebagai pelayan pejabat. Selain itu, dia jua seorang pemain bola sepak yang mewakili negerinya. Dia mempunyai dua orang peminat dalam keluarganya, iaitu bapanya Dhanabal dan adiknya, Kalaiselvi. Reaksi mereka dipaparkan setiap kali permainannya disiarkan dalam televisyen.

> அவன் சம்பந்தப்பட்ட பந்து விளையாட்டு டி.வி. இல் ஒளியேறும்போது அவளை அதன் முன்னே பார்க்கலாம். பந்து விளையாட்டைப் பார்த்து இரசிப்பவர்கள் அந்த வீட்டில் இருவர். ஒருவர் தனபால், மற்றொருத்தி கலைச்செல்வி (மா. இராமையா,1999, ப. 82)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Setiap kali permainan bola sepak yang melibatkannya (abangnya) disiarkan dalam t.v, dia (Kalaiselvi) akan berada di situ. Terdapat dua orang yang meminati bola sepak di rumah itu, iaitu Dhanabal dan Kalaiselvi (M.Ramaiah, 1999, ms. 82)
>
> பந்துவிளையாட்டு அப்படியில்லையே. ஒருவனுக்கு அந்தத் துறையில் தனித் திறமையும் முழு ஈடுபாடும் இருந்தால்தானே பிரகாசிக்க முடியும். தங்கவேலு மாநிலக் குழுவில் இடம்பெற அவனிடம் தனித்திறமையும் ஆற்றலும் இருக்கிறது. (மா. இராமையா, 1999, ms. 158)
> Bukan begitu dalam permainan bola sepak. Hanya orang berkemahiran unik dan berminat tinggi dapat mencerlah dalam permainan ini. Thangavelu menjadi pemain negeri kerana memiliki kemahiran dan kehandalan.

Kalaiselvi berasa bangga kerana permainan bola sepak yang disertai oleh abangnya, Tangavelu sering tersiar dalam televisyen. Dia turut berasa bangga kerana nama abangnya semakin mashyur di seluruh negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.6.4 Murah Hati atau *Koṭai*

Akhir sekali, sifat murah hati yang diiringi perasaan dan tindakan tulus ikhlas atau kesanggupan menderma segala-galanya memilikinya termasuk jiwa raganya akan mendatangkan rasa bangga pada diri seseorang. Sifat ini dikenal pasti pada diri watak Thilagavathi dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai*. Dalam novel ini, watak Thilagavathi dilakarkan sebagai seorang pemimpin wanita peringkat negeri dan berpengaruh dalam bidang politik. Di samping itu, dia juga digambarkan sebagai seorang wanita berprihatin dan baik hati yang sanggup menolong sesiapa sahaja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memerlukan bantuan. Sejak mula berkenalan dengan Thilagavathi, Kathirvelu melihat sifat prihatin dan murah hati yang luar biasa pada diri Thilagavathi.

Situasi ini jelas ketika isteri bekas setiausahanya, Velammal datang meminta bantuannya. Velammal telah memohon jasa baik Thilagavathi untuk mendapatkan sesuatu pekerjaan bagi anaknya yang telah mendapat kelulusan gred satu dalam peperiksaan. Sebaliknya, Thilagavathi menasihatinya supaya melanjutkan pengajian anaknya dan berjanji menghulurkan bantuan untuk membiayai pendidikannya. Namun, Velammal pula agak segan untuk menyusahkan Thilgavathi kerana telah membantunya mendapatkan pinjaman kerjaan untuk membeli sebuah rumah, di samping menghulurkan pencen tambahan sebanyak seratus ringgit setiap bulan. Oleh itu, Valammal berasa agak tidak adil mengharpkan bantuan lagi daripadanya. Namun, Thilagavathi tetap berjanji untuk membiayai pendidikan anak Velammal itu. Kata-kata Velammal telah menakjubkan diri Kathirvelu.

> அம்மா நீங்க உண்மையிலே தெய்வப் பிறவி, அவள் கண்கள் மடையுடைத்துக் கொண்டன. திலகவதியின் கருணை நிறைந்த மனம் கதிர்வேலுவின் நெஞ்சையும் நெகிழ வைத்தது. (மா. இராமையா,2009, ப. 106)
>
> Puan ialah seorang insan yang suci. Matanya terus menitiskan air. Sifat kemanusiaan Thilagavathi telah turut mencuitkan hati Kathirveku. (M. Ramaiah, 2009, ms. 106)

Kathirvelu berasa kagum dan bangga terdahap diri Thilagavathi. Dia telah membuat andaian bahawa Thilagavathi menghulurkan wang derma ketika menghadiri upacara pengebumian mendiang setiusahanya sebagai sumbangan rasmi. Kathirvelu tidak sedar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa Thilagavathi sanggup menghulurkan pelbagai bantuan kepada keluarga bekas setiusahanya tanpa mengheboh-hebohkannya.

4.2.7 Marah atau *Vekuḷi* dalam Novel M. Ramaiah

Marah merupakan emosi yang tercetus akibat perasaan kecewa, tersinggung, malu, tertekan, takut, rasa tidak dihargai, tidak diterima dan bimbang. Pertembungan emosi tersebut menyebabkan perasaan marah. Perasaan marah bersinonim dengan kata amarah, murka, meradang, memberang, bengis, geram, panas baran, panas hati, naik angin dan sebagainya. Kadang kala perasaan marah yang sukar dikawal yang dikenali sebagai amarah boleh mendorong seseorang melakukan perlakuan-perlakuan negatif atau destruktif. Apabila kita berasa marah, seluruh tubuh badan kita bertindak balas terhadap rangsangan emosi tersebut.

Dalam konteks fisiologi, tubuh badan kita akan menggeletar, jantung berdegup kencang dan suara kita meninggi apabila seseorang berasa marah. Apabila keadaan ini berlaku, maka kita perlu bersikap rasional kerana boleh mengundang perkara yang buruk. Walau bagaimanapun, perasaan ini sebenarnya harus dikawal dan diuruskan dengan baik. Di negara Barat, institusi yang berkaitan dengan pengurusan perasaan marah banyak diwujudkan. Sebaliknya, rakyat di negara Asia masih lagi terbelenggu oleh perasaan malu atau dianggap sebagai stigma untuk mendapatkan bantuan psikatri untuk memulihkan rasa marah yang destruktif dan tidak dapat dikawal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks ini, menurut teori *meyppātu,* seseorang manusia akan turut berasa marah atas sebaba-sebab tertentu. Menurut Tolkappiyar, seseorang akan berasa marah atau bengis apabila berhadapan dengan situasi yang bersifat zalim, menyiksa, mendera dan menghimpitnya.

உறுப்பறை குடிகோளலைகொலை என்ற
வெறுப்ப வந்த வெகுளி நான்கே. (1204)

Menurut Tolkappiyar, tindakan mendera, pengenaan cukai, hukuman bersifat kejam dan perbuatan membunuh boleh mencetuskan perasaan marah.

Jadual 4.7

Meyppātu Marah Mengikut Puncanya Dalam Setiap Novel M. Ramaiah

Novel	**Punca-punca *Meyppātptu* Marah**			
	Penderaan fizikal (*uruppaṟai)*	**Cukai (*kuṯikōl*)**	**Hukuman (*alai*)**	**Pembunuhan (*kolai*)**
Aḻakiṉ Ārātaṉai	0	0	0	1
Neruppu Cuṉai	0	0	0	0
Cańkamam	0	0	0	1
Payaṇańkaḷ Muṭivatillai	0	0	0	0
Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu	0	0	0	0
Viḻalum Nīrum	1	0	0	0
Maṉa Ūṉańkaḷ	1	0	1	1
Jumlah	2	0	1	3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.7.1 Penderaan Fizikal atau *Uṟuppaṟai*

Situasi ini yang memaparkan penderaan fizikal dapat dikesan dalam dua buah novel Satu situasi yang mencetuskan perasaan marah akibat tindakan mendera dapat dikenal pasti dalam novel *Viḻalum Nīrum.* Seseorang akan berasa terlalu marah apabila melihat penderaan fizikal yang dilakukan untuk menzalimi atau menganiaya orang. Watak Kanniamma ialah ketua keluarga selepas suaminya, Dhanabal mengidap penyakit strok. Semua ahli termasuk suaminya mesti mengakur dan menuruti segala keputusan dan tindak-tanduknya. Apabila hal percintaan anak perempuannya, Sita dengan Dharmabalan yang menguruskan sebuah institut kemahiran diketahui, dia telah membelasah anaknya lalu melarangnya keluar dari rumah walaupun keluarga Dharmabalan sanggup menerimanya sebagai anak menantu mereka. Tindakan kejam Kanniamma dapat dikesan dalam petikan ini.

> கொட்டும் மழையில் சீதாவின் முடியைப் பிடித்து தரதரவென்று இழுத்துக் கொண்டு வந்து கூடத்தில் தள்ளினாள் கன்னியம்மா! என்ன கன்னியம்மா, உனக்குப் பைத்தியம் பிடிச்சிப் போச்சா என்ன? கோபமாகக் கேட்டார் தனபால். (மா.இராமையா, 1999, ப. 178-179)
>
> Dalam hujan lebat, dia meraih rambut Sita lalu mengheretnya. Dia menolaknya ke dalam bilik tamu! Kenapakah Kanniamma? Adakah awak sudah gila? tanya Dhanabal dengan marah. (M.Ramaiah, 1999, ms. 178-179)

Tindakan isterinya, Kanniamma yang mendera anak perempuannya, Sita telah mencetuskan perasaan marah Dhanabal. Dhanabal yang sentiasa akur pada keputusan dan tindakan isterinya, tidak sanggup melihat anak perempuannya yang sudah pun meningkat usia didera begitu kejam oleh isterinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya**,** situasi penderaan fizikal dapat dikesan dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ***.** Novel ini memaparkan kisah seorang gadis yang miskin menjadi mangsa hawa nafsu seorang guru lelaki yang miang. Sellamma ialah seorang janda yang mempunyai seorang anak perempuan yang bernama Purani. Dia ingin mencari jodoh yang sesuai untuk menyempurnakan tanggungjawabnya terhadap anaknya. Namun, Sellamma menghadapi kesukaran untuk mencari lelaki yang besedia mengahwini Purani kerana tidak mempunyai status kewarganegaraan dan kad pengenalan biru. Oleh itu, dia telah meminta bantuan Pasupathi yang bertugas sebagai guru di sekolah ladang itu. Dia telah menghantar anak gadisnya bersama dengan Pasupathi ke Kuala Lumpur untuk memohon kad pengenalan biru. Pasupathi telah mempergunakan kesempatan itu untuk memperkosa Purani.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sellamma mendapati anaknya kurang maya kerana kelihatan letih-lesu sejak pulang dari Kuala Lumpur. Apabila didesak, Purani menjelaskan bahawa dia memang sihat. Namun, Sellamma masih tidak puas hati dengan jawapan anaknya itu kerana anaknya kelihatan seolah-olah kehilangan sesuatu. Oleh itu, dia telah membawa anaknya ke klinik perubatan di ladangnya. Pembantu perubatan memberitahu bahawa Purani sedang mengandung.

> ஐயோ!....அந்த மருந்தகமே அதிர்ந்தது. பரிசோதனை அறைக்குள் சென்று பூரணியின் தலைமுடையைப் பிடித்து தரதரவென்று இழுத்துக் கொண்டு வெளியில் வந்தவள் அவளை அடியோ என்று அடித்துத் தள்ளினாள். செல்லம்மா!.. அடிக்காதே விடு, செல்லையா தடுத்தும் செல்லம்மா கேட்கவில்லை. இவ செய்திருக்கிற வேலைக்கு இவளை இவளை உயிரோடு கொல்லணும், என்றாள் ஆவேசமாக. (மா. இராமையா, 2001, ப. 79-80)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Aduh, meraung pula Sellamma! Sellamma yang bergegas masuk ke bilik pemeriksaan, telah meraih rambut Purani lalu mengheretnya ke luar. Dia telah membelasahnya. Sellamma, jangan pukul, lepaskannya. Sellamma tidak mempedulikan Chelliah. Harus bunuhnya atas tindakan terkutuk itu, katanya dengan marah. (M. Ramaiah, 2001, ms. 79-80)

Sellamma tanpa usul periksa telah mendera Purani untuk melepasakan perasaan marah dan kecewanya. Dia membuat andaian bahawa anaknya telah melakukan perbuatan sumbang sedangkan tidak sedar bahawa dirinya ialah punca kekusutan itu.

4.2.7.2 Cukai atau *Kuṭikōḷ*

05-4506 bupsi

Tindakan pihak pemerintah yang mengenakan cukai yang menghimpit dan membebankan rakyat juga boleh mencetuskan perasaan marah. Namun, situasi ini tidak dapat dikesan dalam mana-mana novel yang dikaji itu.

4.2.7.3 Hukuman atau *Alai*

Menurut Thamizhannal (2010), tindakan zalim yang bertentangan dengan undang-undang negara akan mencetuskan perasaan marah orang ramai. Menurutnya, hukuman mendera yang bercorak fizikal dan mental, menganaiya dan memaksa orang lain merempat oleh pihak berkuasa dianggap sebagai hukuman yang tidak adil. Situasi ini dapat dikesan dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ*. Kumaresan yang telah merantau ke Kuala Lumpur mencari peluang pekerjaan, telah terperangkap oleh sekumpulan pengedar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dadah. Kumaresan tidak sedar bahawa dirinya terlibat dalam kegiatan mengedar dadah. Dia telah mengatur perkahwinan adiknya, Thavamani dengan sepupunya. Namun, pihak berkuasa telah memberkas Kumaresan dan semua pengedar lain atas tuduhan mengedar morfin. Mengikut pihak berkuasa bahawa Kumaresan akan dikenakan hukuman gantung atas kesalahan mengedar dadah. Sebaik sahaja mengetahui hal ini, ibunya Muthamma telah jatuh pengsan lalu dimasukkan di hospital. Oleh itu, paman Kumaresan telah membatalkan perkahwinan antara anaknya dengan Thavamani.

> அண்ணி.. உங்க மகன் செய்த காரியத்துக்குப் பிறகும் நாம உறவு வச்சிக்க நினைக்கிறதிலே அர்த்தமில்லை.. என்றாள் அமிர்தம். அண்ணி ...என்னண்ணி சொல்றீங்க? முத்தம்மா கேட்டாள். எங்க பையனுக்கு வேறு இடத்திலே பெண் பார்த்துட்டோமுன்னு சொல்ல வர்றோம். (மா. இராமையா, 2001, ப. 139)

> Kak (ipar), tidak wajar kita mengekakalkan hubungan kita selepas melihat tindakan anak awak (Murugesan) kata Amirtham. Kak (ipar) apakah maksud awak? tanya Muthamma. Kami dah cari jodoh lain bagi anak lelaki kami. (M. Ramaiah, 2001, ms. 139)

Tindakan Kumaresan mengedar dadah bukan sahaja menghancurkan kehidupanya, bahkan mencetuskan kemarahan keluarga paman yang sanggup membatalkan perkahwinan antara adiknya dengan sepupunya itu. Keluarga paman tidak sanggup mengekalkan hubungan persaudaraan dengan keluarga Kumaresan kerana perbuatan Kumaresan adalah bertentangan dengan undang-undang negara yang turut boleh menjatuhkan maruah diri mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.7.4 Pembunuhan atau *Kolai*

Tindakan membunuh juga boleh mencetuskan perasaan marah. Namun, tindakan membunuh bukan sekadar merujuk kepada perbuatan meragut nywa orang lain, bahkan turut merujuk kepada perlakuan tidak mengenang jasa, tindakan mematikan kecerdasan dan keupayaan yang dimiliki seseorang dan kebencian yang bersifat destruktif juga mencetuskan perasaan marah. Situasi ini dapat dikesan dalam tiga buah novel. Salah satu situasi memaparkan perasaan marah akibat pembunuhan dapat dikesan dalam novel *Maṉa Ūṉaṅgkaḷ.* Dalam novel ini, watak Murugesu telah dituduh membunuh 'anaknya' yang dilahirkan hasil perbuatan sumbang isterinya. Perasaan orang ramai terhadap Murugesu jelas dilakarkan oleh novelis.

> என் கண்கள் என் தாயாரையும் தங்கையும் தேடின.. ஆறு மாதம் நடந்த விசாரணையின் போது, ஒரு நாள் கூட வரவில்லை. கொலைகாரனைப் பார்க்க விரும்பவில்லையோ. .....என்னை நீதி மனறத்திற்கு அழைத்துப் போகும்போது காறி உமிழ்ந்த அந்த மாது. (மா. இராமையா, 2001, ப. 176)
>
> Mata saya mencari ibuku dan adik perempuan.....Mereka tidak hadir walaupun sehari ketika perbicaraan berlangsung selama enam bulan ini....Di situ ada wanita yang meludahku ketika aku dibawa ke mahkamah (M. Ramaiah, 2001, ms. 176)

Tindakan ibu dan adik Murugesu yang tidak kunjunginya selama enam bulan dibicarakan serta seorang wanita yang meludahi muka jelas menggambarkan perasaan marah mereka terhadapnya yang sanggup membunuh 'anaknya'.

Selain itu**,** satu lagi situasi pembunuhan dikenal pasti dalam novel *Aḻakiṉ Ārātaṉai.* Watak Latha yang bertugas sebagai guru ialah kekasih Dr. Gurumurthi. Latha telah berjaya memasuki pusingan akhir dalam pertandingan ratu cantik Asia. Latha

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapati Dr. Gurumurthi juga menjadi salah seorang hakim dalam pertandingan itu. Latha telah minta pertolongan Gurumurthi untuk memperoleh kemenagan dalam pertandingan ratu cantik itu dan kekasihhnya pun sanggup menghulurkan sebarang bantuan untuk menjamin kemenangannya. Oleh itu, Latha telah meniduri Dr. Gurumurthi. Berikutan ini, Latha telah hamil lalu mendesak Dr. Gurumurthi supaya mengkahwininya. Namun, dia telah menolak permintaan Latha dengan mengatakan bahawa dia tidak menghormati wanita yang bermoral rendah. Latha yang naik berang telah membunuh Dr. Gurumurthi. Berita ini tersiar dalam surat khabar.

> **ஆசிய அழகிப் போட்டி நடுவர் டாக்டர் குருமூர்த்தி கொலை! ஆசிய அழகி லதா கைது. நாளிதழில் வெளியான இச்செய்தியைச் சிவபாலன் ரகுநாதனிடம் கூறுகிறான்** (மா. இராமையா, 1992, ப. 188)
>
> Hakim pertandingan ratu cantik Doktor Gurumurthi dibunuh. Ratu cantik Latha diberkas. Sivabalan memaklumkan berita yang tersiar dalam surat khabar itu kepada Ragunathan (M**.** Ramaiah,1992**:**188).

Ragunathan yang juga merupakan bekas tunang Latha turut melahirkan perasaan marahnya terhadap tindakan kejam Latha itu.

Akhir sekali, dalam novel novel *Caṅkamam*, Velu ialah kawan baik Gunalan yang merupakan pengurus syarikat. Velu mula bekerja di syarikat itu atas sokongan Gunalan. Terdapat dua orang pekerja dalam syarikat itu, iaitu Selvamani dan wanita simpanannya, Sugumari yang telah memendam perasaan dendam terhadap Gunalan kerana kehadirannya telah menggugat kedudukan mereka dalam syarikat tersebut. Oleh itu, mereka dengan kerjasama dua orang lagi, Rokiah dan Lee Koon, merancang untuk memperalatkan Velu untuk menyingkirkan Gunalan daripada syarikat itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sugumari telah berjaya menggoda Velu di samping mencetuskan perselisihan faham antara Velu dengan Gunalan. Sugumari telah memberikan dadah secara bernansur-ansur kepada Velu lalu menjadikan hambanya. Apabila sampai masanya, dia telah memaklumkan Velu bahawa dia sudah pun berumah tangga dan memiliki seorang cahaya mata. Keadaan ini telah mengejutkan Velu lalu mula menagih dadah untuk melepaskan perasaan kecewanya. Akhirnya, Velu menemui ajal. Namun, kumpulan Selvamani dan Sugumari telah mengadu kepada pihak polis bahawa Gunalan telah mengedarkan dadah kepada pekerja di kilangnya supaya kerja-kerja syarikat dapat berjalan dengan baik. Mereka juga turut menyembunyikan dadah di kilang itu. Oleh itu, Gunalan telah diberkas atas tuduhan mengedar dadah dan membunuh Velu. Namun, pengakuan Velu telah menyelamatkan keadaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> மிஸ்டர் செல்வமணி.. வேலு கொடுத்த மரணவாக்கு மூலம் இதுதான். நாட்டில் பெரிய மனிதனாக நடமாடிக் கொண்டு இவ்வளவு இழிவான காரியங்கள் செய்பவர்கள், நாட்டைக் காட்டிக் கொடுப்பவர்களை விடப் பயங்கரமானவர்கள் நீங்கள். செல்வமணியும் அறை குறை மயக்கம் தெளிந்த சுகுமாரியும் காவல்துறை வண்டியில் ஏற்றப்பட்டனர். (மா. இராமையா, 1976, ப. 256)

> Encik Selvamani. Inilah pengakuan Velu sebelum meninggal dunia. Awak telah berpura-pura sebagai seorang yang manusia yang tinggi keduudukan, tetapi sanggup melakukan tindakan terkutuk. Awak merupakan orang yang lebih berbahaya daripada pengkhianat negara. Selvamani dan Sugumari yang sedikit sedar daripada ketagihan telah diberkas oleh pihak polis. (M.Ramaiah. 1976, ms. 256)

Dalam novel ini, Selvamani bersama dengan Sugumari telah merancang untuk mencetuskan kebencian dan kemarahan yang bersifat destruktif dalam kalangan pihak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengurus syarikat untuk menjatuhkan Gunalan. Namun, apabila rancangan jenayah Sugumari dan Selavamani terbongkar, kedua-dua mereka telah dituduh melakukan kesalahan mengedar dadah dan menjadi punca kematian Velu.

4.2.8: Gembira atau *Uvakai* dalam Novel M. Ramaiah

Kata gembira bersinonim dengan kata suka cita, suka hati, riang, girang dan seronok. Kegembiraan merupakan suatu perasaan yang menjadi impian semua manusia. Apabila berasa gembira, seseorang itu akan melahirkan rasa seronok untuk bercakap mengenai perkara-perkara yang mendatangkan perasaan riang. Perasaan seronok membuatkan seseorang berasa tenang, bersemangat, melupakan masalah yang sedang dihadapi dan sebagainya. Kadang kala, apabila terlampau seronok, seseorang itu akan menangis. Apabila seseorang gembira, pipinya terangkat, matanya berbentuk bulan sabit serta bibir pula berbentuk perahu. Dalam konteks ini, menurut teori *meyppātu,* seseorang manusia akan berasa gembira dalam situasi tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

செல்வம் புலனே புணர்வு விளையாட்டு என்று
அல்லல நீத்த உவகை நான்கே (1205).

Menurut Tolkappiyar, seseorang akan berasa gembira disebabkan kekayaan, keindahan yang dinikmati, serta penglibatan dalam aktiviti persetubuhan dan permainan. Perasaan gembira ini lazimnya dirasai mengikut lunas-lunas moral tanpa menyusahkan orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

Meyppātu Gembira Mengikut Puncanya Dalam Setiap Novel M. Ramaiah

Novel	Punca-punca *Meyppātu* Gembira			
	Kekayaan (*celvam*)	**Keindahan (pulan̲)**	**Persetubuhan (puṇarvu)**	**Permainan (viḷaiyāṭṭu)**
Aḷakiṉ Ārātaṉai	0	0	0	0
Neruppu Cuṉai	0	0	0	0
Cańkamam	0	0	0	0
Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai	2	0	0	0
Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu	0	1	1	0
Viḷalum Nīrum	0	0	0	1
Maṉa Ūṉaṅkaḷ	1	0	1	0
Jumlah	3	1	2	1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.8.1 Kekayaan atau *Celvam*

Kekayaan yang dimilki dan perasaan puas hasil akibat menikmati kekayaan tersebut boleh mendatangkan kegembiraan kepada seseorang (Thamizhannal, 2010). Situasi kegembiraan yang dibawa oleh kekayaan dapat dikesan dalam tiga buah novel. Salah satu situasi yang memaparkan perasaan gembira akibat kekayaan diperoleh dikesan dalam novel *Maṉa Ūṉaṅgkaḷ*. Watak Kumaresan telah berhijrah ke Kuala Lumpur mencari pekerjaan. Selama seminggu dia telah puas mencari pekerjaan, tetapi gagal mendapat sebarang pekerjaan. Sementara itu, beg yang mengandungi pakaian dan wang telah kecurian orang. Ketika itu dia telah berkenalan dengan seorang pemuda lalu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membantu Kumaresan mencari pekerjaan di sebuah syarikat eksport dan import. Di situ, setelah selesai tugas pertama, dia telah menerima upah sebanyak RM5,000. Dia berasa sangat hairan dan gembira.

> அடேயப்பா, ஒரு முறை போய்வந்தற்கே ஐயாயிரம். மாதத்தில் நான்கைந்து முறை போய்வந்தால்? அவனால் கற்பனைப் பண்ணிக்கூடப் பார்க்க முடியவில்லை! (மா. இராமையா, 2001, ப. 110)
>
> Wow, lima ribu untuk kerja sehari! Kalau menjalankan empat lima kali? Dia tidak dapat membayangkan betapa banyaknya wang! (M. Ramaiah, 2001, ms. 110)

Dari sudut pandangan Kumaresan yang datang daripada keluarga miskin, ringgit lima ribu ialah suatu perolehan yang luar biasa, iaitu berupa kekayaan. Pendapatan yang begitu tinggi itu menggembirakan diri Kumaresan. Pada pendapatnya, sekiranya dia bertugas hanya empat atau lima kali, dia boleh menikmati kehidupan yang serba kaya lagi.

Selain itu, satu lagi situasi dikesan dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai.* Rumah ialah suatu keperluan asas. Namun, semua orang, terutama golongan miskin tidak dapat memiliki rumah tersendiri. Untuk golongan ini, rumah merupakan suatu harta benda yang juga tergolong dalam kekayaan. Isteri kepada watak Kathirvelu juga berasa sedemikian. Sekian lama, pasangan Kathirvelu tinggal di rumah sewa. Oleh itu, apabila Kathirvelu memaklumkan isterinya bahawa mereka telah memperoleh sebuah rumah murah, isterinya tidak dapat mempercayai kata-kata suaminya. Tambahan pula, rumah itu turut dilengkapkan dengan kemudahan seperti set sofa, meja makan dan katil-katil yang sungguh mengagumkannya. Cerpenis melakarkan perasaan dan reaksi isteri Kathirvelu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> இருங்க, கொஞ்ச நேரம் இருந்துவிட்டுப் போவோம். அடேயப்பா, புது வீடு எவ்வளவு அழகா இருக்கு. புது வீட்டைப் பார்த்துவிட்டு வந்ததிலிருந்து அவளுள் ஒரு புதிய உற்சாகம் களைகட்டி இருந்தது (மா. இராமையா, 2009, ப. 65-66)
>
> Tunggu sebentar. Kita boleh pergi kemudian. Wow, betapa cantiknya rumah baru ini! Sejak dia melihat rumah baru, tercetus pula perasaan gembira luar biasa dalam dirinya (M. Ramaiah, 2009, ms. 65-66)

Walaupun rumah baru itu sebuah rumah murah, rumah itu telah mencetuskan perasaan gembira yang keterlaluan dalam diri isteri Kathirvelu. Menurutnya, rumah yang cantik itu serta segala perkakas di dalam rumah itu mengakumkannya. Situasi ini mencetuskan perasaan bahawa mereka sudahpun menjadi 'kaya' lalu dapat menikmati kehidupan yang mewah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi kekayaan yang ketiga telah turut dikenal pasti dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai.* Dalam novel ini, watak Thilagavathi dilakarkan sebagai seorang pemimpin wanita yang sudah menjangkau usia 45 tahun dan berpengaruh dalam bidang politik. Thilagavathi ialah isteri simpanan kepada seorang pemimpin politik yang berpengaruh dan telah melantiknya sebagai ketua wanita peringkat negeri. Namun, sebagai seorang isteri simpanan, dia tidak dapat mendirikan rumah tangganya dan memilki anak-anak. Namun, dia adalah seorang yang berharta benda banyak. Dia berasa gembira menggunakan kekayaan itu membantu orang yang memerlukan bantuan. Misalnya, dia menggunakan wangnya untuk membantu keluarga mendiang setiausahanya. Thilagavathi berjanji untuk membiayai pendidkan anaknya yang baru lulus peperiksaan SPM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

பணந்தானே இல்லேங்கிறே. நான் ஒருத்தி இருக்கிறதை மறந்திட்டியா? நீங்கதான் எவ்வளவு கொடுப்பீங்க? மாதா மாதம் கிடைக்கிற நூற்றி எண்பது வெள்ளி பென்சன் பணம் போதாதுன்னு நீங்க வேறு மாதாந்தோறும் நூறு வெள்ளி கொடுத்துக்கிட்டு வர்றீங்க. இவ்வளவுக்குப் பிறகும் நான் எதிர்பார்ப்பது நியாயமில்லேமா.. இந்தா வேலம்மா. இதிலே முந்நூறு வெள்ளி இருக்கு. உன் பையனுக்கு வேண்டிய ஆரம்பச் செலவுக்கு வச்சிக. இனி மாதந்தோறும் அவன் செலவையும் நான் கவனிச்சிக்கிறேன். (மா. இராமையா, 2009, ப. 106)

Memang awak tiada wang, bukan. Sudahkah awak lupakan saya? Puan pun sudah banyak membantu. Tambahan pula, selain pencen kerajaan sebanyak RM180, puan pula menokok tambahkannya dengan RM 100 pada setiap bulan. Adalah tidak adil mengharapkan bantuan lagi.Terima ini, Velamma. Ada tiga ratus. Gunakan ini untuk perbelanjaan permulaan. Mulai sekarang, setiap bulan saya akan membiayai perbelaannya (M. Ramaiah, 2009, ms. 106)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi ini menggambarkan bahawa walaupun Thilagavathi merupakan seorang kaya, namun dia berasa lebih gembira menggunakan kekayaannya untuk membantu golongan miskin dan orang yang sangat memerlukan bantuan.

4.2.8.2 Keindahan atau *Pulaṉ*

Seseorang turut berasa gembira apabila dapat menikmati sesuatu yang kelihatan indah melalui pancainderanya, iaitu pemandangan yang indah dan muzik. Salah satu situasi yang memaparkan pemandangan indah turut dikesan dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu.* Watak Porkodi akan menamatkan pengajiannya tidak lama lagi. Oleh itu, sebelum kembali ke kampungnya, dia ingin melawat tempat-tempat indah pernah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilawatinya di Kuala Lumpur sebelum ini. Dia telah melawati tempat-tempat itu bersama dengan kawan-kawannya,

> பொற்கொடி படித்துக் கொண்டிருந்த காலத்தில் தான் அதிமாக விரும்பிக் கழிக்கும் இடங்களையெல்லாம் தன் தோழிகளுடன் சென்று சுற்றிப் பார்த்தாள். என்னடி இது? நினைவுச் சின்னத்தைச் சுற்றி வருவது போலச் சுற்றி வருகிறாய்? (மா. இராமையா, 1976, ப. 21)

> Porkodi telah melawati bersama-sama dengan kawan-kawannya semua tempat yang pernah dikujunginya semasa mengaji di situ. Apakah ini? Awak mengelilingi tempat ini seolah-olah mengelilingi tugu peringatan? (M. Ramaiah, 1976, ms. 21)

Porkodi tidak dapat mengawal perasaan gembiranya melawat tempat itu semula. Oleh itu, dia berpusing-pusing mengelilingi tempat itu seolah-olah mengelilingi tugu peringatan untuk melahirkan perasaan gembiranya itu.

4.2.8.3 Persetubuhan atau *Puṇarvu*

Selain itu, seseorang akan berasa gembira dan mesra apabila terlibat dalam aktiviti persetubuhan, di samping itu, pasangan suami-isteri yang menghabiskan masa bersama-sama dengan melakukan aktiviti luar turut dapat menikmati perasaan ini. Salah satu situasi yang mendatangkan kegembiraan dapat dikenal pasti dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu.* Pasangan Sundaresan dan Porkodi yang baru mendirikan rumah tangga mereka telah mengadakan majlis makan malam untuk meraihkan perkahwinan mereka. Mereka telah menjemput sanak saudara, rakan sekerja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sundaresan dan jiran-jiran mereka. Mereka telah meraihkan majlis makan malam dengan memakai pakaian istimewa.

> சுந்தரேசன் வேட்டியும் வெள்ளைநிற முழக்கைகைச் சட்டையும் அணிந்திருந்தான். பொற்கொடி பச்சை நிறத்தில் சேலை கட்டியிருந்தாள். கூந்தலில் மல்லிகைச் சரம் கொலு வீற்றிருந்தது. விருந்துக்கு வந்திருந்தவர்களின் கண்கள் அந்தப் புதுமணத் தம்பதிகள் மேல்தான் ஊன்றியிருந்தது. (மா. இராமையா, 1976, ப. 81)

> Sundaresan telah berpakaian dhoti dan baju berwarna putih yang berlengan panjang. Porkodi pula memakai saari berwarna hijau. Ikatan bunga melur pula menghiasi rambutnya. Pandangan para hadrin jamuan itu tertumpu pada kedua-dua pasangan itu. (M. Ramaiah, 1976:80).

Pasangan yang baru berkahwin itu telah melahirkan perasaan gembira dengan mengadakan jamuan makan malam untuk meraihkan perkahwinan mereka. Mereka ingin berkongsi kegembiraan mereka dengan orang perkenalan.

Di samping itu, dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ* (2001), sepasang yang terlibat dalam persetubuhan haram telah melupakan diri sehingga tidak sedar bahawa buaian anak yang sedang terbakar. Watak Mythili telah menyalinkan hubungan sulit dengan penyelia kilangnya, Sugumaran yang sudah pun mendirikan rumah tangga. Lelaki itu akan mengunjungi Mythili ketika suaminya Murugesu tidak berada berada di rumah. Pada suatu hari, ketika mereka berdua bersetubuh, pericikan api daripada rokok Sugumaran telah terkena buaian lalu bayi Mythili yang tertidur di situ turut terlecur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> அவன் கையிலிருந்த சிகரெட்டைப் பிடுங்கி மைதிலி விசி எறிந்த போது அது போய் தூளிக்குள் விழுந்திருக்கிறது. அவர்கள் மெய்மறந்து இருந்ததால் தூளி நெருப்புப் பிடித்தது கூட்டத்தெரியவில்லை. (மா. இராமையா, 20001, 175).
>
> Ketika Mythili merampas dan membuang rokok yang dihisabnya, percikan api telah terkena buaian. Mereka tidak sedar ketika asyik terlibat dalam persetubuhan. Ketika terdengar raungan bayi, Mythili turut raung melihat bayi terkena api kebakaran (M. Ramaiah, 2001, ms. 175)

Akhirnya, bayi itu mati kerana badannya terlecur. Namun, kegembiraan dan keseronokan dialami oleh dua orang ketika bersetubuh telah melalaikan mereka sampai tidak sedar bahawa buaian sedang terbakar.

4.2.8.4 Permainan atau *Viḷaiyāṭṭu*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penglibatan dalam sebarang permainan juga boleh menggembirakan seseorang. Menurut Thamizhannal (2010), sebarang permainan boleh mendatangkan kegembiraan, sama ada kepada pemain atau penontonnya. Situasi ini dapat dikesan dalam novel *Viḻalum Nīrum.* Thangavelu ialah anak lelaki kedua kepada pasangan Dhanabal dan Kanniamma. Dia bekerja sebagai pelayan pejabat. Selain itu, dia jua seorang pemain bola sepak yang mewakili negerinya. Dia mempunyai dua orang peminat dalam keluarganya, iaitu bapanya Dhanabal dan adiknya, Kalaiselvi. Reaksi mereka dipaparkan setiap kali permainannya disiarkan dalam televisyen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> அவன் சம்பந்தப்பட்ட பந்து விளையாட்டு டி.வி.இல் ஒளியேறும்போது அவளை அதன் முன்னே பார்க்கலாம். பந்து விளையாட்டைப் பார்த்து இரசிப்பவர்கள் அந்த வீட்டில் இருவர். ஒருவர் தனபால், மற்றொருத்தி கலைச்செல்வி (மா. இராமையா,1999, 82)
>
> Setiap kali permainan bola sepak yang melibatkannya (abangnya) disiarkan dalam tv, dia (Kalaiselvi) akan berada di situ. Terdapat dua orang yang meminati bola sepak di rumah itu, iaitu Dhanabal dan Kalaiselvi (M.Ramaiah, 1999:82).

Permainan bola sepak yang disertai oleh Thangavelu telah menggembirakan bapa dan adiknya. Oleh itu, kedua-dua orang itu, terutama adiknya Kalaiselvi akan tetap berada di depan televisyen ketika permainan abangnya disiarkan. Mereka berasa sungguh gembira kerana dapat menonton Thangavelu bermain bola sepak mewakili negerinya. Selain itu, mereka turut berasa gembira kerana Thangavelu turut menjadi popular di seluruh negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan, pengkaji telah menganalisis tujuh buah novel hasil nukilan M. Ramaiah ini mengikut objektif pertama dan kedua kajian ini**.** Pengkaji dapat mengenal pasti *envakai meyppātu,* iaitu lapan jenis rasa yang terpapar dalam novel-novel karya M. Ramaiah**.** Seterusnya, pengkaji turut menganalisis cara-cara pengarang M. Ramaiah mencetuskan *meyppātu* dalam novel-novel tersebut**.** Akhir sekali, pengkaji mengenal pasti situasi yang mencetuskan *meyppātu* itu. Keseluruhan dapatan kajian berkaitan dengan objektif pertama dan kedua dipaparkan dalam Jadual 4.9.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Senarai Envakai Meyppāṭu Punca-puncanya dan Situasi-situasi Berkaitan

Bil	***Envakai Meyppatu* (Lapan Variasi Rasa)**	**Punca-Punca *Envakai Meyppāttu***	**Situasi Berkaitan Punca-punca**
1	Ketawa	1 Ejekan	1. Watak Maithili berketawa mengejek Murugesu yang dianggapnya hodoh. (*Maṉa Ūṉaṅkaḷ)*
			2. Watak Muthuvelu ketawa mengejek dan menyindir Pasupathi yang memuji dirinya, sebaliknya dia merupakan lelaki yang miang. (*Maṉa Ūṉaṅkaḷ)*
			3. Rokiah berketawa dengan penuh sinis mengejek Lean Moi yang mudah dipengaruhi oleh kehadiran Gunalan. (C*aṅgkamam)*
			4. Pekerja-pekerja bawahan Kamalaveni memperli dan menyindirnya kerana masih anak dara tua. (*Neruppu Cuṉai)*
		2 Keanak-anakan	1. Dr. Gurumurthi ketawa memikirkan sikap keanak-anakan kekasihya Latha yang tidak dapat berfikir secara rasional akan kesan keputusan dan tindakannya yang tidak moral. (*Aḻakiṉ Ārātaṉai)*
			2. Mathavamegalai berketawa terbahak-bahak sikap jahil Kamalaveni dan Kavitha yang berusaha menyatukannya dengan bekas kekasihnya tanpa mengetahui sudah pun mengkahwini sepupunya. (*Nheruppu Cuṉai)*
			3. Gunalan berketawa kerana kawannya, Velu mudah membuat kesimpulan tidak rasional dan menampilkan sifat keanak-anakan dengan membandingkan kehidupan manusia dengan lampu isyarat. (C*aṅgkamam)*

180

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

s

Bil	*Envakai Meyppatu* (Lapan Variasi Rasa)	Punca-Punca *Envakai Meyppāttu*	Situasi Berkaitan Punca-punca
1	Ketawa	3 Kejahilan	1. Kamalaveni berketawa terkekeh-terkekeh mendengar kata-kata Annapurani yang menampilkan sifat kejahilan dengan menyatakan kakaknya belum berkahwin lagi tanpa mengetahui bahawa kakaknya sudah pun mendirikan rumah tangga dan mempunyai dua orang anak. (*Nheruppu Cu<u>n</u>ai)* 2. Sundaresan yang berprasangka terhadap wanita yang bekerja mengetawakan sifat kejahilan dirinya apabila mengetahui isterinya ialah seorang peguam. *(Oru Tāyi<u>n</u> Ilacciyak Ka<u>n</u>avuu)* 3. Kumaaravelu tersenyum kambing untuk melindungi perasaan geramnya serta mengetawakan sifat jahil kekasihnya. (*Nheruppu Cu<u>n</u>ai)*
		4 Kebodohan	1. Penjelasan Manivannan yang tidak masuk akal dan melucukan telah mencuitkan hati mereka lalu semua berketawa terbahak-bahak melihat sifat tololnya. (C*aṅgkamam)* 2. Kamalaveni mengetawakan kebodohan kaum lelaki dan perempuan yang sanggup tawar-menawar kehidupan sama seperti tawar-menawar harga barangan. (*Nheruppu Cu<u>n</u>ai)*

181

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	*Envakai Meyppatu* (Lapan Variasi Rasa)	Punca-Punca *Envakai Meyppāttu*	Situasi Berkaitan Punca-punca
2	Tangisan	1 Terhina	1. Lean Moi mengalirkan air mata akibat kekesalan dan kesedarannya menghina Gunalan. (C*aṅgkamam)* 2. Lean Moi berperasaan rendah diri dan terhina kerana membuat andaian bahawa Gunalan mempermainkan percintaannya lalu terus menangis tersedu-sedan untuk melepaskan perasaan sedihnya. (C*aṅgkamam)* 3. Kanniamma yang mendera anaknya, Sita serta menghina dan tidak menghormati perasaan anaknya yang murni itu terus menangis melahirkan perasaan kesalnya. *(Viḻalum Nīrum)* 4. Tamarai mengalirkan air mata mengenangkan perbuatan adik kandunganya Kayalvizhi yang sanggup menghinanya semata-mata untuk menyenangkan hati orang lain. *(Viḻalum Nīrum)* 5. Kanniamma mengalirkan air matanya kerana tersedar bahawa sifat tamak halobanya menghancurkan kehidupan anak menantunya dan tindakannya menghina kekasih Sita turut menjejaskan masa depan anaknya. *(Viḻalum Nīrum)*
		2 Kehilangan	1. Gunalan menitis air matanya melihat keadaan tenat kawan karibnya, Velu yang sedang menunggu ajal akibat menjadi hamba dadah. (C*aṅgkamam)* 2. Kenangan dan kehilangan ibunya telah mengalirkan air mata Porkodi tanpa disedarinya. *(Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu)* 3. Porkodi menangis kerana membuat andaian bahawa dirinya dipermainkan oleh kekasihnya yang sudah pun ‘berkahwin’. *(Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu)*

182

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	*Envakai Meyppatu* (Lapan Variasi Rasa)	Punca-Punca *Envakai Meyppāttu*	Situasi Berkaitan Punca-punca
2	Tangisan	3 Keanak-anakan	1. Dr. Gurumurthi berketawa memikirkan sikap keanak-anakan kekasihya Latha yang tidak dapat berfikir secara rasional akan kesan keputusan dan tindakan yang tidak moral. (*Aḻakiṉ Ārātaṉai)* 2. Mathavamegalai berketawa terbahak-bahak sikap jahil Kamalaveni dan Kavitha Yang berusaha menyatukannya dengan bekas kekasihnya tanpa mengetahui sudah pun mengkahwini sepupunya. (*Nheruppu Cuṉai)* 3. Gunalan berketawa kerana kawannya, Velu mudah membuat kesimpulan tidak rasional dan menampilkan sifat keanak-anakan dengan membandingkan kehidupan manusia dengan lampu isyarat. (C*aṅgkamam)*
		4 Kemiskinan	1. Tindakan Thilagavathi yang membantu mengatasi masalah tidak dapat membayar yuran anaknya mencetuskan perasaan haru dan mencucurkan air mata Purani. *(Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai)* 2. Sellamma dan Purani menangis melahirkan perasaan sedih kerana membiarkan Pasupathi mempergunakan kemiskinan mereke untuk memperdayakan diri mereka. *(Maṉa Ūṉaṅkaḷ)* 3. Velappan berasa pilu dan sedih lalu menangis kerana tidak berdaya membantu anaknya mengupah seorang peguam yang handal untuk membela anak menantunya akibat kemiskinannya. *(Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu)*

183

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	*Envakai Meyppatu* (Lapan Variasi Rasa)	Punca-Punca *Envakai Meyppāttu*	Situasi Berkaitan Punca-punca
3	Hina	1 Ketuaan	1. Vasugi berasa dirinya terhina kerana segala nasihat dan peranannya sebagai ibu yang meningkat usia tua tidak dipedulikan oleh anaknya, Latha. (*Aḻakiṉ Ārātaṉai)* 2. Kanniamma sebagai ibu, mentua dan ketua rumah mendapati segala usahanya tidak mendatangkan sebarang kebaikan kepada ahli keluarganya lalu meragui kebolehan dan kemampuan dirinya yang sudah pun meningkat usianya. *(Viḻalum Nīrum)* 3. Thilagavathi berasa hampa dan kecewa kerana tidak mampu memiliki keluarga tersendiri walupun berumur pertengahan usia. *(Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai)*
		2 Penyakit	1. Kanniamma yang sering mengeji suaminya memperlihatkan sikap tidak menghormarti dan memandang rendah suaminya yang berpenyakit dan tidak berkeupayaan itu. *(Viḻalum Nīrum)* 2. Kumaaravel membuat keputusan untuk tidak mengajak ayahnya yang duduk di kerusi roda ke majlis pendaftaran perkahwinannya. *(Viḻalum Nīrum)*
		3 Kesedihan	Kayalvizhi berasa sedih kerana segala usahanya yang tidak matang telah mensia-siakan kehidupannya serta membawa penghinaan pada dirinya. *(Viḻalum Nīrum)*
		4 Ketidakupayaan	1. Tindakan Murugesu mempersolakan wakil rakyat yang berkuasa dan tidak adil itu adalah sia-sia sahaja serta mendatangkan kesedihan dan penghinaan pada dirinya. *(Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai)* 2. Murugesu tidak berani menegur isterinya yang melakukan perbuatan curang kerana takut akan kehilangannya dan tiada wanita lain sanggup mengahwininya. (*Maṉa Ūṉaṅkaḷ*

184

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	*Envakai Meyppatu* (Lapan Variasi Rasa)	Punca-Punca *Envakai Meyppāttu*	Situasi Berkaitan Punca-punca
4	Kagum	1 Keanehan	1. Kayalvizhi berasa hairan dan aneh melihat sebuah bilik kemas lengkap dengan segala kemudahan disediakan oleh kekasih dan ibunya untuk kegunaan diri sendirinya kerana tidak pernah menikmati keadaan serba mewah ini sebelum itu. *(Viḻalum Nīrum)* 2. Kathirvelu berasa bahawa Thilagavathi menampilkan perlakuan dan sikap luar biasa dan aneh yang jarang dipaparkan oleh pemimpin politik yang berkedudukan tinggi. *(Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai)* 3. Tindakan Thilagavathi yang meminta bantuan Kathirvelu mencetuskan perasaan aneh kerana Thilagavathi yang merupakan pemimpin wanita di peringkat negeri, berpengaruh dalam bidang politik dan seorang yang kaya lazimnya menghulurkan bantuan kepada orang lain pula memohon bantuannya. *(Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai)*
		2 Takjub	1. Kathirvelu berasa takjub akan Thilagavathi yang sentiasa menampilkan sifat dan amalan luar biasa yang asing kepada pemimpin politik. *(Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai)* 2. Kebolehan Porkodi berhujah dan mematahkan hujah penguam tersohor menakjubkan suaminya, Sundaresan. *(Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu)*
		3 Kehalusan	Gunalan berasa terharu dan sedih serta hatinya berdebar melihat keadaan diri kawan karibnya yang tidak bermaya itu. (C*aṅgkamam)*
		4 Pembaharuan	1. Mathavamegalai menampakkan sifat yang matang dan berjiwa terbuka dalam mengharungi alam perkahwinannya kerana tidak lagi menangisi kecewaan dan kegagalan dalam percintaannya. (*Nheruppu Cuṉai)* 2. Porkodi yang memaparkan dirinya sebagai seorang wanita soleh dan pasif pula menggunakan ilmunya yang selama ini disembunyikannya itu untuk membela nasib suaminya. *(Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu)*

185

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	*Envakai Meyppatu* (Lapan Variasi Rasa)	Punca-Punca *Envakai Meyppāttu*	Situasi Berkaitan Punca-punca
		1 Makhluk Halus	Sellamma membuat andaian bahawa anaknya kelihatan kurang maya dan letih-lesu kerana dirasuk oleh sesuatu makhluk halus ketika berada di Kuala Lumpur. (*Maṉa Ūṉaṅkaḷ)*
		2 Binatang Liar	Maithili menampilkan sifat buas seperti binatang kerana menjadi punca kematian anaknya dan sanggup menuduh bahawa suaminya menyebabkan kematian tersebut. (*Maṉa Ūṉaṅkaḷ)*
		3 Perompak	Sundaresan berasa takut dan bimbang terhadap ketua akauntan yang telah menganaiyai bekas penolong akauntan syaraikatnya kerana berasa dirinya juga mungkin akan menjadi kambing hitam. *(Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu)*
5	Takut	4 Pihak atasan	1. Kathirvelu berasa agak bimbang kerana Manavalagar mungkin tidak akan membenarkannya menjadi pemandu kepada Thilagavathi kerana pernah berselisih faham dengannya. *(Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai)* 2. Purani dan Kathirvelu berasa bimbang dan takut akan kesan tindakan Murugesu menegur sikap tidak adil wakil rakyat yang akan memutuskan permohonan biasiswa. *(Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai)* 3. Semua ahli keluarga Kanniamma tidak berani menentang keputusan dan tindakannya yang tidak wajar kerana berasa takut dan tidak berupaya berbuat apa-apa terhadapnya. *(Viḻalum Nīrum)* 4. Velappan berasa takut dan bimbang untuk memusuhi Vanangamudi yang merupakan orang berkuasa dan berpengaruh serta besannya. *(Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu)*

186

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	*Envakai Meyppatu* (Lapan Variasi Rasa)	Punca-Punca *Envakai Meyppāttu*	Situasi Berkaitan Punca-punca
6	Bangga	1 Ilmu	1. Kathirvelu memuji pencapaian cemerlang akdemik keempat-empat orang anak pasangan Murugesu- Purani. *(Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai)* 2. Peguam Vanangkamudi berasa bangga menantu saudaranya, Porkodi juga seorang peguam. *(Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu)*
		2 Keberanian	1. Murugesu berasa bahawa berhak menegur sikap wakil rakyat yang tidak adil dalam pengagihan biasiswa kerajaan. *(Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai)* 2. Porkodi tidak lagi berasa gentar mencabar Vanangamudi di mahkamah walaupun merupakan peguam yang handal.*(Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu)*
		3 Kemasyhuran Diri	1. Porkodi berasa bangga apabila Vanangamudi yang merupakan seorang peguam tersohor yang dikalahkannya sanggup memujinya. *(Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu)* 2. Kathirvelu yang memulakan perjuangan politiknya sebagai ahli biasa dan pemandu telah berjaya menjadi ahli dewan undangan negeri. *(Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai)*
		4 Murah hati	Kathirvelu berasa kagum terhadap Thilagavathi yang sanggup menghulurkan pelbagai bantuan kepada keluarga bekas setiusahanya tanpa mengheboh-hebohkannya. *(Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai)*

187

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	*Envakai Meyppatu* (Lapan Variasi Rasa)	Punca-Punca *Envakai Meyppāttu*	Situasi Berkaitan Punca-punca
7	Marah	1 Penderaan fizikal	1. Dhanabal yang sentiasa akur pada keputusan dan tindakan isterinya berasa marah kerana tidak sanggup melihat anak perempuannya, Sita didera begitu kejam oleh isterinya. *(Vi̲lalum Nīrum)* 2. Sellamman mendera anaknya Purani yang hamil itu untuk melepaskan perasaan marahnya. (*Ma̲na Ū̲nańkal̲*)
		2 Cukai	Tidak dapat mengesan punca ini
		3 Hukuman	Paman Murugesu membatalkan perkahwinan antara anaknya dengan adik Murugesu kerana Murugesu menghadapi hukuman gantung kerana mengedar dadah. *(Ma̲na Ū̲nańkal̲)*
		4 Pembunuhan	1. Tindakan ibu dan adik Murugesu yang tidak pernah mengunjunginya selama enam bulan dibicarakan serta seorang wanita yang meludahi mukanya jelas menggambarkan perasaan marah mereka terhadap Murugesu yang dituduh membunuh 'anaknya'. (*Ma̲na Ū̲nańkal̲)* 2. Ragunathan yang juga merupakan bekas tunang Latha turut melahirkan perasaan marahnya terhadap Latha yang membunuh Dr Gurumurthi. (*A̲lakiṉ Ārāta̲nai)* 3. Selvamani dan Sugumari yang bertindak destruktif untuk menjatuhkan Gunalan dan menuduhnya sebagai pengedar dadah, telah menjadi punca kematian Velu lalu diberkas oleh pihak berkuasa. (C*ańgkamam)*

188

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	*Envakai Meyppatu* (Lapan Variasi Rasa)	Punca-Punca *Envakai Meyppāttu*	Situasi Berkaitan Punca-punca
8	Gembira	1 Kekayaan	1. Kumaresan yang selama ini menjadi penganggur berasa dirinya sudah menjadi kaya apabila memperoleh ringgit lima ribu bagi kerja yang dilakukan dalam sehari sahaja. (*Maṉa Ūṉaṅkaḷ)* 2. Isteri Kathirvelu yang selama ini tinggal di rumah sewa berasa terlalu gembira apabila mendapat rumah yang cantik berlengkap dengan segala perkakasan lalu turut berasa mereka sudah pun menjadi 'kaya' dan dapat menikmati kehidupan yang mewah. *(Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai)* 3. Thilagavathi berasa lebih gembira menggunakan kekayaannya untuk membantu golongan miskin dan orang yang sangat memerlukan bantuan. *(Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai)*
		2 Keindahan	Porkodi tidak dapat mengawal perasaan gembiranya ketika melawat tempat itu semula lalu berpusing-pusing mengelilingi tempat itu seolah-olah mengelilingi tugu peringatan. *(Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu)*
		3 Hukuman	Paman Murugesu membatalkan perkahwinan antara anaknya dengan adik Murugesu kerana Murugesu menghadapi hukuman gantung kerana mengedar dadah.(*Maṉa Ūṉaṅkaḷ)*
		4 Permainan	Kalaiselvi berasa sungguh gembira kerana dapat menonton abangnya Thangavelu bermain bola sepak mewakili negerinya dan menjadi pemain terkenal di seluruh negara. *(Viḷalum Nīrum)*

189

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara ringkasnya, hasil kajian mendapati bahawa novelis M. Ramaiah telah menerapkan kelapan-lapan *meyppāṭu* yang diutarakan oleh pendeta Tolkappiar dalam teori *meypāttu*. Pengkaji turut dapat mengenal pasti sebanyak 31 daripada 32 punca yang mencetuskan *envakai meyppāṭu* ini diterapkan dalam ketujuh-tujuh novel yang dikaji itu. Sehubungan ini, pengkaji tidak dapat mengenal pasti satu punca, iaitu cukai yang mencetuskan perasaan marah terhadap pihak berkuasa mungkin tidak diterapkan oleh novelis kerana hasil karyanya lebih bersifat kemasyarakatan, iaitu membincangkan masalah kekeluargaan dan mobiliti sosial dalam kalangan masyarakat itu sendiri. Oleh itu, itu, aspek cukai yang menjadi punca perasaan marah tidak diterapkan. Akhir sekali, pengkaji telah menganalisis situasi-situasi yang digarap oleh novelis untuk mencetuskan punca-punca yang berkaitan *envakai meypāttu* yang dianalisis dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, novelis M. Ramaiah telah menggunakan teknik penceritaan untuk menggarapkan situasi-situasi yang dapat menggambarkan *envakai meyppāṭu* dan punca-punca yang mencetuskan lapan variasi rasa itu. Di samping itu, M. Ramaiah banyak menggunakan teknik dialog dan pemerian dalam novel-novelnya untuk mewujudkan kesan dramatik seolah-olah watak-watak dalam novel yang dikaji itu melahirkan pelbagai perasaan mereka terus-menerus kepada para pembacanya. Teknik ini juga membolehkan para pembaca juga turut berasa dan terasa *envakai meyppāṭu* dan punca-punca yang mencetuskannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Menghuraikan Unsur-unsur Pengajaran yang disampaikan oleh Pengarang melalui Cetusan *Envakai Meyppātu*

Seterusnya, pengkaji akan membincangkan unsur-unsur pengajaran yang disampaikan oleh pengarang M. Ramaiah melalui cetusan *envakai meyppātu* dalam novel-novel yang dikaji. Kamus Dewan Edisi Keempat (1993) mendefinisikan pengajaran sebagai segala sesuatu yang dapat dijadikan pedoman dan peringatan. Sehubungan ini, perwatakan, peristiwa, pengalaman, nilai dan pelbagai latar yang terpapar dalam sesebuah karya sastera boleh dijadikan pedoman. Pengajaran juga difahamkan sebagai mesej atau iktibar yang terpapar secara tersirat atau implisit yang menekankan sesuatu amalan, perbuatan dan pengalaman hidup yang wajar ikuti atau dijauhi. Di samping itu, ada kala para pembaca diingatkan agar menjadikan sesuatu pengajaran sebagai batasan hidup atau sempedan tindakan. Menurut Awang Abdullah (2001), pengajaran ialah peringatan atau perkara yang boleh dijadikan contoh atau iktibar dalam kehidupan seharian. Sebenarnya, peristiwa-peristiwa yang terpapar dalam karya sastera, terutama novel boleh dijadikan pengajaran yang memandu para pembacanya ke arah kehidupan yang baik.

Sementara itu, menurut Tolkappiyar *envakai meyppātu* atau lapan variasi rasa ini terdiri daripada tawa, tangisan, hina, kagum, takut, bangga, marah dan gembira. Kelapan-lapan *meyppātu* atau rasa ini dilahirkan oleh seseorang manusia mengikut situasi sosial tertentu dan rasa ini dapat dikesan dengan cara tertentu. Antara *envakai meyppātu* ini, terdapat perasaan ini dilahirkan untuk menghormati atau menghargai sifat atau diri seseorang. Perasaan ini dapat tergolong sebagai perasaan positif Manakala, terdapat rasa tertentu dilahirkan untuk memperkecil atau merendahkan sifat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seseorang. Perasaan ini pula tergolong sebagai perasaan negatif. Dalam kajian ini, pengarang M. Ramaiah turut menerapkan *envakai meyppātu* ini dalam novel-novelnya untuk menyampaikan pengajaran atau mesej tertentu untuk memperteguh atau mengelakkan sesuatu sikap, sifat, amalan atau perlakuan itu. Pengkaji dapat melihat beberapa pengajaran yang dapat dijadikan teladan dalam kehidupan seharian masyarakat Tamil di Malaysia. Oleh itu, pengkaji menghuraikan pengajaran tersebut untuk tatapan umum.

4.3.1 Tidak Ejek-Mengejek Sesama Manusia

Mengejek ialah tindakan mengetawakan seseorang atau sesuatu (*Merriam-Webster Online English Dictionary*, 2020). Perbuatan ini adalah lumrah dan tidak dapat dielakkan dalam kehidupan seharian manusia. Namun, perbuatan ini mesti ada batasan kerana tindakan sedemikian yang dilakukan di luar batasan kesopanan dan sifat keperimanusiaan boleh membawa kesan buruk kepada orang lain. Dalam konteks teori *meyppātu*, salah satu perlakuan negatif ialah seseorang berketawa untuk mengejek orang (Subbu Reddiar. N. 2010). Sikap ini membawa kesan yang buruk kepada orang lain apabila dilakukan dengan niat buruk.

Dalam novel-novel yang dikaji, sikap ejek-mengejek dapat menimbulkan beberapa kesan nagatif kepada masyarakat. Dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ* (2001), wajah Murugesu sering menjadi sasaran ejekan dan sindiran seorang gadis bernama Maithili.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> ஏண்டி! உங்கள்ல யாராவது மன்மதக் குஞ்சைப் பார்த்திருக்கிறீங்களா? இல்லேன்னா, அதோ நிக்குது. பார்த்துக்குங்க என்று சொல்லிவிட்டுக் கலகலவென்று நகைப்பாள். மற்றவர்களும் சேர்ந்து கொள்வார்கள். (மா. இராமையா, 2001, ப. 149)
>
> Hai, adakah awak semua pernah melihat lelaki yang paling seksi (*maṉmata kuṁcu)*. Sekiranya tidak, lihat orang yang berdiri di situ, ketawa terbahak-bahak Maithii. Orang lain turut ketawa bersama-samanya. (M**.** Ramaiah, 2001, ms.149)

Sebenarnya, Maithili memperli Murugesu dengan mengejek wajahnya yang dianggap hodoh. Maithili menggunakan kata Tamil *maṉmata kuṁcu (*dewa keberahian*)* yang membawa maksud tersirat, iaitu manusia yang paling hodoh. Sebenarnya, sikap Maithili telah mencetuskan perasaan rendah dalam diri Murugesu. Selepas peristiwa ini, Maithili telah terpaksa mengkahwini Murugesu untuk menyembunyikan hal diriya sedang hamil akibat hubungan sulit dengan penyelia kilangnya, Sugumaran. Apabila hal ini dimaklumkan oleh kawan karibnya Pannerselvam, Murugesu berasa marah lalu hendak menceraikannya. Namun, Pannerselvam terus menyanyakannya,

> பன்னீர்செல்வம் சட்டென்று, உனக்கு வேறொரு மனைவி கிடைப்பான்னு எதிர்பாக்கிறாயா? என்று கேட்டான். அந்தக் கேள்வி என்னிடம் இருக்கும் பலவீனத்தை மறைமுகமாகச் சுட்டிக் காட்டுவது போன்றிருந்தது. (மா. இராமையா, 2001 , ப. 166)
>
> Adakah anda mampu memperoleh isteri baru? tanya Pannerselvam. Pertanyaan itu seolah-olah secara tidak langsung menyindir kelemahan diriku. Ya, diriku yang dilahirkan sebagai seorang hodoh merupakan kelemahanku, kata Murugesu. (M. Ramaiah, 2001, ms.166)

Kata-kata itu turut mencerminkan perasaan rendah diri yang membelenggu diri Murugesu kerana kawan karibnya juga secara tidak langsung menyindir akan kecacatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dirinya. Perasaan ini yang sudah pun sebati dalam diri mendorongnya untuk melihat dirinya sebagai seorang manusia yang tidak 'mampu'. Menurut Alfred Adler, seorang ahli psikologi terkenal, perasaan rendah diri mungkin juga berpunca daripada batasan peribadi diri seseorang (Dennis Coon, John O. Mitterer & Tanya Martini, 2016). Lazimnya, perasaan ini diperkukuh oleh tindakan ejek-mengejek yang mencetuskan perasaan malu dan hina.

Seterusnya dalam novel *Neruppu Cuṉai (*2009), Kamalaveni yang merupakan seorang anak dara sudah pun meningkat usia tetapi masih tidak dapat mendirikan rumah tangga turut menjadi sasaran ejekan kakitangan di pejabatnya.

> ஏண்டி!... திருமணமாகாத வயது முதிர்ந்த பெண்களை குமாரின்னு சொல்லுற மாதிரி தமிழில் ஏதாவது வார்த்தை இருக்கா? என்று ஒருத்தி கேட்டாள்.ஏன் இல்லே?... திருமணம் ஆகாத பெண்களை முதிர்கண்ணிஎன்று சொல்வார்கள்.அப்போ நம்ம ஆபீசிலேயும் முதிர்க்கன்னி இருக்கிறாங்ன்னு சொல்லு, சொல்லிவிட்டுக் கலகல வென்று சிரித்தாள். (மா. இராமையா, 2009, ப. 41)

> Eh, wanita dewasa yang masih belum berkahwin dikenali sebagai anak dara tua. Adakah terdapat perkataan sama dalam bahasa Tamil? tanya seorang gadis. Mengapa tidak? Wanita yang masih belum berkahwin digelar dara tua, jawab seorang lagi. Kalau begitu, di pejabat kita juga terdapat dara tua, ketawa pula seorang lagi. (M**.** Ramaiah, 2009, ms. 41)

Kakitangan itu mengambil kesempatan untuk melepaskan perasaan marah mereka terhadap Kamalaveni yang merupakan seorang pegawai tinggi yang disegani oleh mereka. Mereka tidak sedar bahawa Kamalaveni telah menangguhkan perkahwinannya kerana meluangkan usia mudanya untuk melanjutkan pelajaran dan memajukan diri dalam kerjayanya. Sikap kakitangan wanita tersebut yang mengejek dan menyindir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesama jantina secara peribadi ialah suatu tindakan tidak sihat dan dapat melemahkan semangat kaum wanita lain yang ingin memajukan diri dalam bidang pendidikan dan kerjaya. Oleh itu, pengarang novel secara tersirat menyeru kaum wanita supaya tidak mengejek secara peribadi sesama jantina yang menjadi pegawai atasan mereka.

Kajian berkaitan dengan perlakuan mengejek yang berniat buruk mendapati bahawa tindakan sedemikian dapat mencetuskan rasa malu, ketakutan dan kemarahan, dan emosi negatif yang lain. Malahan, perlakuan ejek-mengejek dialami pada masa kanak-kanak dikatakan dapat mencetuskan trauma emosi dan kesan berkekalan pada struktur otak seseorang (Platt, Tracey, 2008). Secara ringkasnya, pengajaran yang disampaiakan oleh M. Ramaiah adalah bertujuan untuk mencegah perlakuan ejek-mengejek yang berniat buruk kerana tindakan sedemikian boleh mencetuskan perasaan rendah diri dan melemahkan semangat sesama manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Tidak Bersikap Keanak-anakan

Mengikut *Merriam-Webster Online English Dictionary* (2020), keanak-anakan merujuk kepada seseorang yang memperlihatkan sifat menjengkelkan seperti pemikiran tidak matang yang dikaitkan dengan kanak-kanak. Di samping itu, Kamus Dewan Edisi Baru (1993), mendefinisikan keanak-anakan sebagai perlakuan seseorang masih berupa kanak-kanak walaupun usianya sudah lanjut. Semakin bertambahnya usia seseorang, sifat keanakan-anakan ini seharusnya berubah dan lenyap sama sekali apabila menjadi dewasa. Namun, sifat keanak-anakan ini terkadang masih melekat pada diri seseorang walupun usianya sudah terbilang dewasa atau tua. Sifat keanak-anakan ini mencetuskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelbagai reaksi dalam kalangan manusia di sekitar kita. Dalam konteks teori *meyppātu,* sifat kebudak-budakan menjadi sasaran ketawa pihak lain. Lazimnya, seseorang yang memiliki sifat keanak-anakan akan berketawa untuk mengejek orang lain atau seseorang berketawa untuk mengejek orang yang menampilkan sifat keanak-anakan (Subbu Reddiar, N. 2010). Sememangnya, pendapat, fikiran dan perlakuan seseorang jahil dan kurang matang itu akibat sifat keanak-anakan akan menjadi sasaran ejekan.

Dalam novel *Aḻakiṉ Ārātaṉai* (1992), Latha turut memaparkan sifat keanak-anakan. Latha ialah seorang guru yang berusia muda dan memiliki wajah yang cantik. Oleh itu, Latha ingin menyertai pertandingan ratu cantik peringkat Asia walaupun tidak dipersetujui oleh ibu dan bakal suaminya. Menurut ibunya, pertandingan seumpama ini adalah bercanggah dengan adat tradisi masyarakat Tamil. Namun, Latha tetap dengan pendirianya dan beryang-yang memperoleh kemenangan dengan apa-apa cara sekali pun. Dia telah menemui ketiga-tiga orang hakim pertandingan ratu cantik lalu meniduri dua orang hakim itu untuk memperoleh kemenangan. Oleh itu, Latha telah dipilih sebagai ratu cantik Asia. Malangnya, akibat hubungan sulit dengan para hakim tersebut, dia telah hamil. Oleh itu, bakal suaminya Ragunathan telah mengambil keputusan untuk memutuskan hubungan mereka. Berikutan itu, dia telah membunuh bekas kekasihnya Dr. Gurumurthi yang telah menidurinya. Dr. Gurumurthi telah menolak permintaan Latha dengan mengatakan bahawa dia tidak menghormati wanita yang bermoral rendah. Latha yang naik berang telah membunuh Dr. Gurumurthi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ஆசிய அழகிப் போட்டி நடுவர் டாக்டர் குருமூர்த்தி கொலை! ஆசிய அழகி லதா கைது! (மா. இராமையா,1992, ப. 188)

Hakim pertandingan ratu cantik Doktor Gurumurthi dibunuh. Ratu cantik Latha diberkas. (M. Ramaiah,1992, ms. 188).

Latha walaupun seorang yang terdidik, telah sanggup mengadaikan maruah diri dan masa depannya semata-mata untuk memenangi ratu cantik. Tindakan ini adalah kurang waras dan menampilkan kebodohan dirinya. Latha memperlihatkan sikap keanak-anakan yang sanggup melakukan apa-apa sahaja demi mencapai sesuatu yang diinginginya. Latha dikatakan memperlihatkan sifat keanak-anakan kerana tidak menyedari hakikat bahawa kecantikan dan kepopularan diri adalah sesuatu yang tidak kekal, sebaliknya dia sanggup menggadaikan maruh diri dan masa depannya demi mengejar kemahuannya. Secara ringkasnya, pengarang M. Ramaiah ingin menegaskan bahawa perlakuan mengaidaikan maruah diri dan masa depan semata-mata untuk memperoleh kemashyuran tanpa berfikir bermasak-masak dan kesan yang dibawanya ialah perbuatan keanak-anakan yang harus dijauhi oleh setiap gadis, terutama golongan terdidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 Tidak Bersikap Jahil atau *Matan*

Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), kejahilan merujuk kepada perihal atau keadaan cetek pengetahuan. Lazimnya, pendapat, fikiran dan perlakuan orang jahil akan menjadi bahan ejekan. Lazimnya, seseorang yang jahil akan mempercayai sesuatu sebulat-bulatnya tanpa mengetahui perkara sebenar (Subbu Reddiar, N. 2011).

Dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu (*1976), Sundaresan berprasangka terhadap wanita yang bekerja berdasarkan perangai isteri kawannya yang berpakaian tidak senonoh dan melakukan perbuatan curang. Oleh itu, Sundaresan tidak mahu isterinya Porkodi bekerja, sebaliknya mahukan seorang isteri yang berbidi pekerti. Oleh itu, Porkodi yang merupakan seorang peguam bertauliah menyembunyikan hal ini daripada pengetahuan suaminya. Akhirnya, apabila tiada sesiapa rela membela suaminya yang dituduh melakukan pecah amanah, Porkodi telah mengambil keputusan untuk membela suaminya. Oleh itu, apabila kesnya dijalankan di mahkamah, barulah Sundaresan sedar bahawa isterinya ialah seorang peguambela. Porkodi telah berjaya membuktikan bahawa perbuatan pecah amanah itu sebenarnya dilakukan oleh ketua akauntan, Kannan. Lantas, Sundaresan tergelak akan sifat kejahilannya.

> என் மனைவி ஒரு வக்கீல் என்பதும் எனக்கு இப்போதுதான் தெரியும், என்றார் சுந்தரேசன் சிரித்துக்கொண்டே. (மா. இராமையா, 1976, ப. 112)
>
> Baru saja saya tahu isteri saya ialah seorang peguam, kata Sundaresan sambil gelak. (M. Ramaiah, 1976, ms. 112)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Porkodi terpaksa memendam keinginannya untuk bertugas sebagai peguam kerana suaminya menampilkan sifat prasangka terhadap wanita yang bekerja. Namun, apabila Porkodi berjaya mengalahkan peguam handal seperti Vanangamudi, barulah Sundaresan sedar bahawa tangappannya adalah tidak benar. Oleh itu, novelis M. Ramaiah memaparkan watak Sundaresan untuk menyeru kepada masyarakat, terutama para pembaca agar mengikis sikap prasangka dan jahil terhadap kaum wanita yang bekerja.

Dalam novel *Neruppu Cunai* (2009), Kamalaveni telah berkenalan dengan seorang wanita tua bernama Annappurani di kuil. Wanita itu telah menumpang kereta Kamalaveni. Dalam perjalanan pulang, wanita itu ingin tahu bila Kamalaveni akan berkahwin sedangkan umurnya pun sudah menjangkau 25 tahun. Menurutnya lagi, kakaknya Valarmathi pun belum berkahwin lagi. Sebaik sahaja mendengar kata-kata Annapurani, Kamalaveni mula ketawa terkekeh-kekeh. Wanita tua itu pula berasa serba salah.

> ஏம்மா வேணி!... உனக்கே இருபத்தைந்து வயதுக்கு மேலே இருக்கும்.உன் அக்காவுக்குத் திருமண ஆகாம இருந்தா உனக்கு எப்போ திருமணம் நடக்கும்?என்று அன்னபூரணி கேட்டதும் கமலவேணி கலகலவென்று சிரித்தாள்.ஏம்மா சிரிக்கிறே? நான் எப்போ அண்டி என் அக்காவுக்குத் திருமணம் ஆகலேன்னு சொன்னேன்? ஊன்னைப் படிக்க வச்சு ஆளாக்கியது உன் அக்காதானே சொன்னே? ஆமா, உண்மைதான். ஆனா, என் அக்காளுக்குத் திருமணாமாகி ஆறுவயசிலே ஒரு பையனும் நாலு வயசிலே ஒரு பெண் பிள்ளயும் இருக்கிறாங்க. (மா.இராமையா, 2009, ப. 17-18)

> Veni, umur kaupun sudah melebihi dua puluh lima tahun. Sekiranya kakak kau masih tidak berkahwin, bilakah kau akan berkahwin? tanya Annapurani. Sebaik sahaja mendengar pertanyaan wanita tua itu, Kamalaveni mula ketawa terkekeh-kekeh. Kenapa ketawa? tanya wanita itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Makcik, bilakah saya katakan kakak saya belum berkahwin lagi? kata Kamalaveni Awak berkata kakak awaklah membesar dan membantu anda melanjutkan pelajaran, balas Annapurani. (Ramaiah, 2009, ms. 17-18)

Sebenarnya, Kamalaveni berketawa terkekeh-terkekeh setelah mendengar kata-kata wanita itu yang menyatakan bahawa kakaknya belum berkahwin lagi. Watak Annapurani memang menampilkan sifat kejahilan kerana wanita itu membuat andaian tanpa usul periksa keadaan senenar. Sebenarnya, kakak Kamalaveni sudah pun berkahwin dan mempunyai dua orang anak perempuan. Sifat jahil wanita itulah mencetuskan gelak ketawa Kamalaveni. Oleh itu, novelis menyeru kepada pembaca agar memeriksa sesuatu hal sebelum melahirkan pendapat supaya tidak menampilkan sikap jahil sedemikian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ* (2001), watak Sellamah menampilkan sifat jahil apabila melihat keadaan diri anaknya itu tidak bermaya dan seolah-olah kehilangan sesuatu. Sellamma berasa bimbang melihat keadaan anaknya lalu mengandaikan bahawa 'sesuatu' telah mencetuskan perasaan gementar dalam diri anaknya sejak anaknya balik dari Kuala Lumpur. Sellamah membuat andaian bahawa anaknya telah dirasuk makhluk halus ketika dia pergi ke Kuala Lumpur sedangkan anaknya telah diperkosa oleh Pasupathi.

> சொல்லு பூரணி..! கோலாலம்பூரிலே எதையாச்சும் கண்டு பயந்தியா? இருந்தா சொல்லு. இங்கே குஞ்சு காக்கா இருக்கிறாரு. அவருக்கிட்ட மந்திரிக்கலாம், என்றாள் செல்லம்மா. (மா.இரமையா,2001, ப. 62)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Jawab Purani…! Adakah awak gementar melihat sesuatu di Kuala Lumpur. Terdapat seorang *kunju kaka* (orang Malayali beragama Islam) di sini. Kita boleh berjampi padanya, kata Sellamma. (M.Ramaiah, 2001, ms. 62)

Malangnya, kepercayaan Sellamma terhadap kewujudan makhluk halus jelas membayangkan kejahilan dirinya kerana telah membuat andaian sedemikian tanpa memeriksa masalah sebenar anaknya. Sifat jahilnya telah mengaburi fikirannya lalu dia gagal memahami perlakuan luar biasa anaknya disebabkan oleh 'serangan seorang manusia berhawa buas' itu. Lazimnya, seseorang ibu harus memahami tingkah laku dan perasaan anaknya yang luar biasa itu. Oleh itu, novelis M. Ramaiah memaparkan watak Sellamah untuk menegur sifat kejahilan sesetengah manusia yang masih percaya akan perkara karut pada zaman serba moden ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.4 Jangan Bersikap Bodoh atau *Pētaimai*

Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), kebodohan bermaksud kekeliruaan, iaitu sukar mengerti atau mempelajari sesuatu. Dalam konteks teori *meyppātu,* sifat bodoh ini menyebabkan seseorang salah mengerti atau faham sesuatu lalu bertindak secara tolol. Tingkah laku sedemikian akan mencetuskan ketawa sinis atau ejekan orang lain. Menurut Subbu Reddiar, N. (2011), kebodohan diri atau orang lain akan mencetuskan gelak ketawa.

Novelis M. Ramaiah dalam novelnya *Nheruppu Cu<u>n</u>ai* (2009) membidas sikap segolongan wanita dara tua yang sanggup melakukan tipu muslihat dan menggadaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maruah diri semata-mata untuk membolos harta bakal jodohnya. Sikap ini jelas dikesan melalui perbualan antara Kamalaveni dengan kakaknya, Valarmathi. Kamalaveni memaklumkan kakaknya bahawa pihak Annapurani mungkin mengharapkan wang hantaran memandangkan umurnya pun sudah meningkat. Namun, kakaknya telah menolak pendapatnya. Walau bagaimanapun, Kamalaveni menyanggah pendapat kakaknya dengan menyatakan bahawa bakal jodohnya, Nyanasegaran merupakan seorang kaya yang mungkin mengharapkan jodoh yang kaya juga. Menurutnya, terdapat segelintir wanita dara tua sanggup memberi wang hantaran kepada bakal jodohnya bertujuan untuk membolos hartanya kemudian. Kakak Kamalaveni tidak mempercayai kata-kata adiknya.

> வளர்மதிக்கு சிரிப்பு வந்துவிட்டது. வயது முதிர்ந்த ஆண்களின் சொத்துக்கு ஆசைப்பட்டு முதிர்கன்னிகளும் கைம்பெண்களும் தங்கள் இளாமையைப் 'பயணம்' வைக்கத் தயங்காததைப் பார்த்திருக்கிறாள். ஆனால், இப்படி நடக்குமா? ஏங்க்கா சிரிக்கிறே? திருமணத்தை முன் வைத்துப் பேரம் பேசுவார்கள் என்று சொன்னியே, அதான் சிரிப்பு வந்திடிச்சி. அக்கா இந்தக் காலத்திலே திருமணமே பெரிய வியாபாரம்தான். (மா. இராமையா, 2009, ப. 67)
>
> Valarmathi mula ketawa. Dia pernah melihat anak dara tua dan janda 'menggadaikan diri' demi membolos harta lelaki tua. Tetapi, bolehkah perkara ini boleh berlaku ? Kak, kenapa ketawa? Pelik, ada orang tawar-menawar hal perkahwinan. Hal inilah mengelikan saya. Kak, kini hal perkahwinan merupakan suatu bentuk urusan perniagaan. (M. Ramaiah, 2009, ms. 67)

Valarmathi berasa pelik mengetahui bahawa terdapat segolongan manusia yang sanggup menggadaikan maruah diri dan memperalatkan perkahwinan untuk membolos harta orang lain. Di samping itu, sikap masyarakat sekarang yang melihat hal perkahwinan sebagai urusan perniagaan sungguh menggelikan hatinya kerana mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menonjolkan sifat tolol dan bodoh. Dia mengetawakan kebodohan kaum lelaki dan perempuan yang sanggup tawar-menawar hal kehidupan sama seperti tawar-menawar harga barangan.

Di samping itu, novelis turut menegur sikap kebodohan sesetengah orang mengeluarkan pendapat tanpa mengetahui hal sebenar. Dalam novel C*aṅgkamam* (1995), Lean Moi buat kali pertama mengujungi bapanya selepas mengkahwini Gunalan. Dia pergi bersama dengan suami dan adik suaminya, Manivannan. Ibu Gunalan, Mangai pula tidak turut mengikuti mereka. Datuk Lean Moi, iaitu Thillaikannu menanyakan Lean Moi akan sebab ibu mentuanya tidak mengikut bersamanya. Ketika itu, Manivannan pula tanpa mengetahui tujuan sebenar ibunya tidak hadir, tiba-tiba mencela dengan menyatakan bahawa ibunya risau bahawa rumah mereka akan dimasuki pencuri jika tiada sesiapa tanpa mengetahui amalan hidup ibunya yang berpegang teguh pada adat resam kaum India. Ibu mentuanya berpercaya bahawa pintu rumah tidak boleh ditutup pada sebelah waktu petang.

> அண்ணி கூப்பிட்டாலும் அம்மா வரமாட்டாங்க, என்று குறுக்கிட்டான் மணிவண்ணன். ஏம்பா? தில்லைக்கண்ணு கேட்டார். வீட்டை யாராவது தூக்கிகிட்டுப் போயிடு வாங்கலாம். காவல் இருக்கணுமாம், என்று சொல்லி விட்டு சிரித்தான் மணிவண்ணன். தில்லைகண்ணைத் தொடர்ந்து மற்றவர்களும் வெடிச்சிரிப்பை உதிர்த்தனர். (மா. இராமையா, 1995, ப. 172)

> Walupun kakak ipar ajak, ibu tidak akan datang, mencela tiba-tiba Manivannan. Kenapa? tanya pula Thillaikannu. Ibu tidak akan keluar dari rumah kerana bimbang rumahnya akan dibawa balik pencuri. Oleh itu, dia terpaksa menjaga rumahnya, kata Manivannan. Kata-katanya mencuitkan hati mereka lalu semua telah ketawa terbahak-bahak. (M. Ramaiah, 1995, ms. 172)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya, Manivannan yang tidak mengetahui tujuan sebenar ibunya tidak hadir telah membebal. Oleh itu, penjelasan Manivannan yang tidak masuk akal dan melucukan itu telah mencuitkan hati lalu mereka semua ketawa terbahak-bahak melihat sifat tololnya.

4.3.5 Haruslah Mengamalkan Kehidupan Ceria dengan Berketawa

Ketawa boleh tercetus secara semula jadi atau direka-reka. Menerusi artikel *Humor An Antidote For Stress* yang ditulis oleh seorang jururawat berdaftar, Patty Wooten (1976) menyatakan bahawa gelak tawa membawa banyak kebaikan kepada manusia. Secara semula jadi, ketawa boleh mengurangkan hormon tekanan dalam diri dan meningkatkan tahap aliran darah dalam badan, sekali gus dapat melindungi tubuh badan daripada serangan penyakit jantung. Secara umumnya, ketawa juga akan menguatkan sistem imunisasi dalam badan. Hal ini akan mengurangkan risiko terkena jangkitan dan penyakit kerana dapat mengekalkan kekebalan diri seseorang. Semasa kita ketawa, akan melepaskan hormon endorfin ke bahagian otak yang akan membuatkan diri individu terasa tenang dan bahagia.

Di samping itu, ketawa juga dapat mengukuhkan hubungan sesama manusia kerana ketika seseorang ketawa akan melepaskan tenaga positif. Individu yang kerap ketawa juga dapat mengubah pandangan dan perspektif dalam kehidupannya. Keadaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini akan mencetuskan skop yang lebih meluas dan membuatkan seseorang itu lebih bebas dan berfikiran terbuka mengenai sesuatu perkara. Selain itu, ketawa juga akan menghentikan seseorang itu daripada berfikir secara keterlaluan mengenai masalah yang remeh. Sementara itu, seseorang yang berketawa terbahak-bahak sehingga sakit perut dapat merehatkan seluruh tubuh badan serta menenangkan tekanan dan ketegangan diri. Penyelidikan mendapati bahawa 300 jenis otot dalam badan manusia tergoncang ketika kita berketawa, dan minda dan badan terasa segar ketika kita bersenyum.

Novelis M. Ramaiah dalam novelnya *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai* (2009) cuba memupuk sifat ketawa dalam kalangan pembacanya melalui watak Thilagavathi. Kathirvelu ialah setiuasaha kepada Thilagavathi yang memegang jawatan sebagai ketua wanita peringkat negeri dalam sebuah parti politik. Isteri Kathirvelu telah menerima sepucuk surat layang yang memfitnah bahawa Kathirvelu mempunyai hubungan sulit dengan Thilagavathi. Walaupun isterinya tidak mempercayai fitnah itu, namun Kathirvelu berasa agak malu untuk menghadapi Thilagavathi. Pada keesokan hari apabila Kathirvelu menemuinya, Thilagavathi memaklumkannya bahawa cawangan parti juga turut menerima surat layang itu.

> நம்ம கிளைக்கு ஒரு மொட்டைக் கடிதம் வந்திருக்கே பார்க்கிறியா? என்று சிரித்துக் கொண்டே கேட்டாள் திலகவதி. (மா. இராமையா, 2009, ப. 105)
>
> Cawangan kita telah menerima sepucuk surat layang, adakah awak mahu melihatnya, kata Thilagavathi sambil ketawa. (M. Ramaiah, 2009:105).

Dalam petikan ini. Thilagavathi jelas menampilkan fikiran yang terbuka dan positif dalam menghadapi situasi yang tegang dan tidak menyenangkan. Thilagavathi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengetawai surat layang itu untuk menyenangkan hati Kathirvelu yang berasa malu dan keadaan yang menyulitkan mereka.

4.3.6 Mengelakkan Sikap Menghina Orang Lain

Seseorang menangis apabila dirinya terhina atau direndah-rendahkan oleh orang lain. Subbu Reddiar, N. (2011) turut bersetuju dengan pendapat ini dengan mengatakan

bahawa seseorang akan menangis kerana menyesali tindakannya menghina orang lain.

Dalam novel *Vi̲alum Nīrum (*1999*),* Sita digambarkan sebagai seorang gadis yang berpegang teguh pada tradisi dan sangat menghormati ibu bapanya. Ibunya Kanniamma tidak menyetujui hal percintaannya. Oleh itu, dia telah mendera Sita yang tetap dengan pendiriannya. Namun, Sita telah meolak cadangan si kasihnya supaya Sita meninggalkan keluarganya. Sebagai seorang anak yang setia, Sita telah menampilkan akhlak dan peribadi mulia demi memelihara maruah diri dan keluarganya dalam hal percintaannya. Sita tetap tidak mahu meneladani sikap adik perempuan dan abangnya yang sanggup meninggalkan keluarga kerana lebih mementingkan hal percintaan dan diri masing-masing. Oleh itu, ibu Sita terasa bersalah lalu menangis kerana tindakannya telah menggores hati anaknya yang murni itu. Kanniamma yang menyesali sikapnya menghina dan tidak menghormati perasaan anaknya itu, terus menangis melahirkan rasa kesalnya. Oleh itu, novelis M. Ramaiah melalui watak Kanniamma menyeru kepada pembacanya agar menghargai perasaan sesama manusia, terutama pihak ibu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bapa, dan mengelakkan sebarang tindakan yang akan menghina dan menyinggung perasaan orang lain.

Dalam novel *Cańgkamam* (1995), ibu Velu menghina Gunalan dengan menggunakan kata-kata kesat lalu menuduh Gunalan telah menghancurkan kehidupan anaknya. Sebenarnya, Gunalan dan Velu ialah rakan sebaya. Gunalan telah berjaya dalam kehidupannya atas usaha gigihnya. Oleh itu, Gunalan telah turut melantik Velu sebagai kakitangannya agar Velu juga dapat memajukan dirinya. Namun, selepas beberapa bulan bekerja di syarikat Gunalan, Velu mula bergaul dengan golongan yang berniat jahat. Dia telah menjalinkan hubungan cinta dengan seorang kakitangan wanita berakhlak buruk yang ingin mempergunakan Velu untuk menjatuhkan imej Gunalan. Wanita itu telah memperkenalkan amalan menghisap dadah kepada Velu. Lama-kelamaan, Velu telah menjadi penagih dadah lalu dimasukkan hospital dalam keadaan tenat.

Oleh itu, ibu Velu tanpa usul periksa menyalahkan Gunalan atas masalah yang ditimpa oleh anaknya. Ibu Velu tidak menghargai niat baik Gunalan serta tidak sedar bahaw anaknya rosak kerana bergaul dengan kumpulan jahat. Justeru, melalui watak ibu Velu, novelis M. Ramaiah menasihati masyarakat supaya tidak melemparkan fitnah dan menghina orang lain tanpa usul periksa. Malahan, M. Ramaiah menegur sikap masyarakat yang menggunakan kata-kata kesat untuk menghina orang lain.

Di samping itu, M. Ramaiah turut membidas sikap segolongan ahli politik yang menghina orang memohon bantuan mereka. Dalam novel *Payaṇańkaḷ Muṭivatillai* (2009), terdapat dua insiden yang memaparkan sikap negatif sedemikian. Pasangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Purani dan Murugesu dalam keadaan terdesak telah memohon bantuan biasiswa daripada pengerusi sesebuah parti politik. Malangnya, pengerusi parti itu, Shanmugavelu enggan membantu kerana mereka bukanlah ahli parti itu. Tambahan pula, kedua-dua mereka telah diusir keluar apabila Murugesu mempersoalkannya tentang ketidakadlian dalam pengagihan biasiswa kerajaan itu.

> இந்தக் கல்வி நிதி மக்களுக்காக ஒதுக்கப்பட்டப் பணமா? அல்லது கட்சி உறுப்பினர்களுக்காக ஒதுக்கப்பட்ட பணமா? யாரும் எதிர்ப்பார்க்காத ஒரு கேள்வியைத் தூக்கிப் போட்டார் முருகேசு. முருகேசு, இந்தக் கல்வி நிதி மக்களுக்கு ஒதுக்கப்பட்டதுதான். ஆனா, அது எங்க வழியே வர்றதாலே எங்க விருப்பப் படிதான் கொடுப்போம். அத கேட்க நீங்க யாரு? கெட் அவுட். வெளியே போங்க, என்று அடித் தொண்டையில் கத்தினார் சண்முகவேலு. (மா. இராமையா, 2009, ப. 88)

> Adakah wang biasiswa ini diperuntukkan untuk rakyat? Atau diperuntukkan untuk ahli-ahli parti? Tiba-tiba Murugesu melontarkan satu pertanyaan yang tidak pernah dikemukakan oleh sesiapa. Murugesu, wang biasiswa ini memang diperuntukkan untuk rakyat. Tapi, oleh sebab disalurkan melalui pihak kami, kami akan memberinya mengikut pilihan saya. Siapakah awak yang mempersoalkan kami. *Get out.* Keluar! menjerit Shanmugavelu dengan suara lantang (M. Ramaiah, 2009, ms. 88)

Situasi tersebut jelas menunjukkan bahawa sikap seorang pengerusi parti politik yang lebih mengutamakan kepentingan ahli-ahli walaupun wang bantuan yang diberikan oleh kerajaan adalah untuk semua rakyat. Oleh itu, Murugesu pula diberi layanan buruk apabila diketahui dia bukanlah ahli parti politik itu. Malahan, Shanmugavelu mula memusuhi Murugesu lalu mengusir keluar apabila mempersoalkan dasar pengagihan biasiswa yang tidak adil itu. Oleh demikian, Murugesu sebagai seorang rakyat jelata tanpa sebarang pengaruh atau kedudukan politik dilakarkan sebagai seorang insan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lemah yang tidak berupaya menentang orang yang berpengaruh dan berkedudukan. Sebenarnya, tindakan Murugesu adalah sia-sia sahaja serta mendatangkan kesedihan dan penghinaan pada dirinya kerana pihak yang dimusuhinya ialah seorang ahli politik yang berkuasa dan tidak berpegang pada sebarang prinsip.

Di samping itu, dalam novel yang sama, watak Kathirvelu turut dihina oleh seorang ahli politik. Kathirvelu yang merupakan seorang pemandu di Jabatan Kerja Raya turut menjadi ahli dalam sebuah parti politik di peringkat cawangan. Dia kurang senang hati terhadap pengerusi peringkat negeri, Manavalagar yang tidak menghulurkan bantuan untuk mendapatkan rumah murah untuknya, namun tidak berani menghadapinya. Walau bagaimanpun, Kathirvelu telah meluahkan rungutannya dalam sebuah mesyuarat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tindakan Kathirvelu telah mencetuskan perasaan marah Manavalagar lalu menyelarnya sebagai seorang pemandu yang tidak arif akan politik. Oleh itu, Kathirvelu telah keluar dari mesyuarat tanpa menunjukkan sebarang reaksi kerana terpaksa akur kepada pemimpin yang tertinggi di peringkat negeri sedangkan dirinya hanya ahli di peringkat cawangan. Kedua-dua insiden ini jelas memaparkan sikap angkuh segelintir pemimpin politik yang menghina orang yang mendampingi mereka untuk mendapatkan bantuan sekiranya orang tersebut mempersoalkan tindakan tidak adil golongan ini.

Selain itu, terdapat juga segolongan manusia yang suka menghina orang lain kerana memiliki sifat fizikal yang hodoh. Dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ* (2001), wajah Murugesu sering menjadi sasaran ejekan dan sindiran seorang gadis bernama Maithili.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> ஏண்டி! உங்கள்ல யாராவது மன்மதக் குஞ்சைப் பார்த்திருக்கிறீங்களா? இல்லேன்னா, அதோ நிக்குது. பார்த்துக்குங்க என்று சொல்லிவிட்டுக் கலகலவென்று நகைப்பாள். மற்றவர்களும் சேர்ந்து கொள்வார்கள். (மா.இராமையா, 2001, ப. 149)
>
> Hai, adakah awak semua pernah melihat lelaki yang paling seksi. Sekiranya tidak, lihatlah orang yang berdiri di situ, ketawa terbahak-bahak Maithii. Orang lain turut ketawa bersama-samanya. (M. Ramaiah, 2001, ms. 149)

Sebenarnya, Maithili menghina diri Murugesu dengan mengeluarkan kata-kata yang menyindir diri fizikal Murugesu yang dianggap hodoh. Maithili menggunakan kata Tamil *maṉmata kuṅcu (*dewa keberahian*)* yang membawa maksud tersirat, iaitu manusia yang paling hodoh. Perlakuan dan sikap menghina dan merendahkan diri sesama manusia berdasarkan sifat fizikal semata-mata adalah sesuatu yang terkutuk. Penulis M. Ramaiah turut menyelar sikap orang sedemikian.

Selanjutnya, terdapat juga segelintir anak yang memandang rendah dan menghina ibu bapa yang kehilangan keupayaan fizikal. Dalam novel *Viḻalum Nīrum* (1999), Kumaaravelu menghina ayahnya Dhanabal yang lumpuh itu. Kumaaravelu telah melakukan tipu muslihat untuk memerangkap dan memperisteri seorang gadis bernama Kayalvizhi yang berpendidkan tinggi dan bergaji lumayan. Kumaaravelu telah mengambil keputusan untuk mengkahwini Kayalvizhi dengan segera tanpa persetujuan kedua-dua ibu bapa kekasihnya. Oleh itu, Kumaaravelu cuba mendaftarkan perkahwinannya tanpa melangsungkan majlis perkahwinan mengikut adat tradisi orang Tamil. Segala keputusan anaknya itu tidak menyenangkan Dhanabal kerana anaknya tidak menghormati dan menghargai pengorbana ibu bapa Kayalvizhi dan amalan masyarakat. Oleh itu, Kumaaravelu yang turut tidak menyenangi sikap ayahnya telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengambil keputusan untuk tidak mengajak ayahnya ke majlis pendaftaran perkahwinannya. Kumaravelu berkata kepada emaknya,

> சாட்சிக்கு வேறு ரெண்டு பேர தயார் படுத்திட்டேன், அவனுக்கு அது ஒரு பாதிப்பாகவே தெரியவில்லை. கன்னியம்மாவுக்கு என்ன சொல்வதென்றே தெரியவில்லை. மனம் மட்டும் கனத்திருந்தது. (மா. இராமையா, ப. 1999, 137)
>
> Ya, mak. Wajarkah membawa ayah yang duduk di kerusi roda (cacat) ke suatu majlis meriah itu? Saya sudah sediakan dua orang saksi lain. Hal itu (tidak kehadiran ayahnya) tidak mendatangkan sebarang kesan. Kanniamma tidak dapat menyatakan apa-apa. Namun, hatinya berasa berat. (M. Ramaiah, 1999, ms. 137)

Keputusan dan tindakan Kumaaravelu untuk tidak mengajak ayahnya ke majlis pendaftaran perkahwinannya jelas menunjukkan bahawa dia memandang rendah dan mengamalkan sikap menghina ayahnya yang lumpuh itu.

4.3.7 Haruslah Tabah Menghadapi Kematian

Menurut Subbu Reddiar, N. (2011), kematian orang tersayang seperti ahli keluarga, sanak-saudara dan sahabat-handai dapat mencetuskan tangisan seseorang. Namun, kematian merupakan suatu perkara yang lumrah yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan manusia. Oleh itu, novelis M. Ramaiah menyeru kepada pembacanya agar tabah menghadapi kematian seseorang yang disayangi.

Dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu* (1976), watak Porkodi sedang dalam perjalanan untuk menghadiri pengebumian ibunya, Alamelu. Ketika berada di dalam koc keretapi, Porkodi mengenang pengorbanan dan budi ibunya demi kemajuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dirinya. Ibunya sanggup bekerja keras hingga memudaratkan kesihatannya semata-mata untuk memastikan Porkodi menjadi seorang peguam. Ketika hasratnya untuk melihat anaknya menjadi seorang peguam hampir terbulat, ibunya telah meninggal dunia. Sebaik sahaja tamat peperiksaan akhir, Porkodi telah menerima berita bahawa ibunya telah meninggal dunia. Porkodi cuba berusaha memendam perasaan sedihnya daripada lelaki yang sedang menumpang di dalam koc itu.

> கூ.....இரயிலின் சங்கொலி அவளுடைய சிந்தனையைக் கலைத்தது. சத்தத்தைத் தொடர்ந்து இரயில் நகரத் துவங்கியது. பொற்கொடி பார்வையை உள்ளே திருப்பினாள். கண்களில் குளமாகத்தேங்கி நின்ற நீர் பொலபொலவென்று கொட்டியது. இதனை எவரும் பார்த்துவிடும் முன்னர் துடைத்திட முயன்றாள். ஆனால், பக்கத்து இருக்கையில் இருந்த அந்த வாலிபன் கவனித்துவிட்டான். (மா. இராமையா,1976, ப. 27)

> Kuu... bunyi peliut kereta api telah mengganggu lamunannya. Selepas itu, kereta api mula bergerak. Dia mengalihkan pandangannya ke dalam gerabak itu. Air mata yang mengenang di matanya mula berhamburan. Dia cuba mengesat air mata itu sebelum sesiapa dapat melihatnya. Tetapi, seorang pemuda yang duduk di sebelahnya sempat melihatnya. (M. Ramaiah, 1976, ms. 27)

Berita kematian ibunya yang telah sampai tiba-tiba telah mengejut dan menyayatkan hati Porkodi. Kematian seseorang ibu ialah satu kehilangan terbesar lalu tiada sesiapa dapat memendam perasaan pilu. Namun, Porkodi berusaha menahan dan memendam perasaan sebaknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.8 Harus Gigih Berusaha Mengatasi Kemiskinan

Menurut Subbu Reddiar, N. (2011:278), kemiskinan merujuk kepada keadaan serba kekurangan untuk menjalani kehidupan bahagia. Kemiskinan boleh mencetuskan keadaan susah payah yang menyebabkan seseorang hidup menderita akibat kepapaan. Namun, kemiskinan bukanlah suatu perkara yang akan terus berkekalan, sebaliknya setiap manusia dapat mengatasinya sekiranya berusaha dengan gigih.

Dalam konteks Malaysia, pada tahun 1970 negara kita telah mencatatkan kadar kemiskinan sebanyak 49.3%. Namun, sejak tahun 1970 hingga tahun 2010 kerajaan telah melaksanakan banyak rancangan ,iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990), Rangka Rancangan Jangka Panjang Ke-2 (1991-2000) dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ke-3 (2001-2010) bagi tujuan mengatasi masalah kemiskinan. Dalam tempoh 30 tahun semenjak DEB diperkenalkan, kemiskinan mutlak bagi keseluruhan negara telah dapat dikurangkan daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 2.8% pada tahun 2010 (Samir Muhazzab Amin & Sara Shakilla Mohd Salim, 2012). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa usaha yang gigih dan berterusan boleh membantu mengatasi masalah kemiskinan.

Dalam novel *Cańgkamam* (1995*)*, Gunalan membawa rakannya Velu dalam kereta Alfa Romeo yang baru dibelikan oleh abang iparnya. Ketika dalam perjalanan itu, Velu melihat lampu isyarat di sebuah persimpangan jalan. Vellu menyatakan bahawa kehidupan manusia juga sama seperti lampu hijau dan merah yang bergilir-gilir menyala dan padam. Velu terus menjelaskan bahawa Gunalan telah mencari perlindungan di bandar selepas kematian kedua-dua ibu bapanya. Oleh itu, Velu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membandingkan kehidupan Gunalan yang penuh kesusahan itu suatu ketika dahulu dengan lampu merah. Manakala, kehidupan Gunalan yang serba senang dan mewah sekarang disamakan dengan lampu hijau.

> உன்னுடைய சித்தாந்தப்படி ஒவ்வொரு மனிதனின் வாழ்க்கையிலும் சிவப்பு விளக்குத்தானே அதிகமாக எரியுது" என்றான் குணாளன். இருவரும் வாய்விட்டுச் சிரித்துக்கொண்டனர். (மா. இராமையா, 1995, ப. 158)
>
> Menurut falsafah anda, lampu merahlah yang banyak menyala dalam kehidupan setiap manusia, ketawa pula terbahak-bahak Gunalan selepas mendengar pandangan kawannya, Velu juga turut ketawa. (M**.** Ramaiah1995:158).

Berdasarkan pernyataan Velu, Gunalan telah berasal daripada keluarga yang miskin. Dia telah berpindah ke bandar untuk mengadu nasibnya. Dia telah memulakan kehidupan baru sebagai pekerja buruh di sebuah syarikat. Berkat usahanya gigih, Gunalan telah menjadi pengurus syarikat itu dan dapat menikmati kehidupan mewah. Justeru, novelis M. Ramaiah melalui watak Gunalan berusaha menyakinkan para pembaca bahawa seseorang dapat mengatasi kemiskinan berkat usaha gigihnya.

4.3.9 Harus Menghormati Ibu Bapa yang Meningkat Usia

Kita haruslah menghormati ibu bapa yang telah berkorban dengan mengasuh dan menjadikan kita sebagai insan yang berjaya. Oleh itu, nilai menghormati ibu bapa adalah satu tuntutan setiap agama. Setiap agama menekankan amalan menghormati ahli keluarga, terutama ibu bapa. Mengikut Manu Darmasastra dalam agama Hindu, guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah 10 kali lebih mulia daripda pendidik, ayah adalah 100 kali lebih mulia daripada pendidik, ibu 1000 kali mulia daripada pendidik. Oleh itu, para penganut diseru supaya menyayangi ibu bapa. Seterusnya, agama Islam pula menyeru, "Kami telah berpesan kepada manusia supaya berbuat baik kepada kedua–dua ibu bapanya, ibunya telah mengandung dengan menanggung kekemahan dan menerai susu dalam masa dua tahun (Al Lumam:Ayat 1). Selanjutnya, agama Kristian juga berpesan "Hormatilah ayahmu dan ibumu supaya lanjut umurmu ditanah yang diberikan tuhanmu kepadamu" (Exodus 20, pp.12). Selain itu, agama Buddha turut menyatakan "Walaupun seorang itu kaya, sekiranya tidak menjaga ibu bapanya yang telah berusia akan disingkirkan oleh masyarakat (Vasala Sutta). Akhir sekali, Guru Granth Sahib Ji daripada agama Sikh menyeru "Hormatilah ibu bapa kamu sebagai mana kamu menghormati Tuhan kamu". Justeru, semua agama menegaskan bahawa seseorang itu harus menghormati dan mengasihi ibu bapanya.

Sementara itu, lahirlah penyataan bahawa 'Syurga ditelapak kaki ibu' yang menegaskan jasa dan pengorbahan ibu kepada anak-anaknya. Ibu telah mengandung dan melahirkan kita, ibu terpaksa menanggung kesakitan ketika melahirkan anak. Selain itu, ibu bapa juga terpaksa melakukan pelbagai pengorbanan untuk menjaga dan membesarksn kita. Ibu bapa memberikan pendidikan dan memenuhi segala keperluan kita seperti makanan, pakaian wang saku dan sebagainya. Tanpa mereka, kita tidak akan berada di dunia ini. Oleh itu, anak-anak mempunyai tanggungjawab menghormati dan memberi kasih sayang yang tulus dan ikhlas kepada ibu bapa kita. Namun, masih terdapat anak-anak yang tidak menghormati dan mengenang pengorbanan jasa ibu bapa. Justeru, novelis M. Ramaiah menyeru kepada para pembacanya menghormati ibu bapa dengan menghargai nasihat mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Viḻalum Nīrum* (1999), watak Kumaaravelu telah melakukan tipu muslihat untuk memerangkap dan memperisteri seorang gadis bernama Kayalvizhi yang berpendidkan tinggi dan bergaji lumayan. Kumaaravelu telah mengambil keputusan untuk mengkahwini Kayalvizhi dengan segera tanpa persetujuan kedua-dua ibu bapa kekasihnya. Oleh itu, Kumaaravelu cuba mendaftarkan perkahwinan tanpa melangsungkan majlis perkahwinan mengikut adat tradisi orang Tamil. Segala keputusan Kumaaravelu tidak menyenangkan ayahnya Dhanabal kerana anaknya tidak menghormati dan menghargai pengorbana ibu bapa Kayalvizhi dan amalan masyarakat. Oleh itu, Kumaaravelu yang turut tidak menyenangi sikap ayahnya telah mengambil keputusan untuk tidak mengajak ayahnya ke majlis pendaftaran perkahwinannya. Kumaravelu berkata kepada emaknya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> **ஆமம்மா, நடக்கப் போற நல்ல காரியத்துக்கு சக்கர நாற்காலியில் உட்கார்ந்திருக்கிற அப்பாவையா அழைச்சிக்கிட்டுப் போகணும்.** (மா. இராமையா,1999, ப. 137)
>
> Ya, mak. Wajarkah membawa ayah yang duduk di kerusi roda (cacat) ke suatu majlis meriah itu? (M. Ramaiah, 1999, ms. 137).

Keputusan dan tindakan Kumaaravelu untuk tidak mengajak ayahnya ke majlis pendaftaran perkahwinannya jelas menunjukkan bahawa dia memandang rendah dan tidak menghormati ayahnya yang lumpuh itu. Namun, akhirnya, pertalian perkahwinannya terus terputus apabila Kayalvizhi mengetahui sifat sebenar Kumaaravelu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, dalam novel *Viḻalum Nīrum (*1999) juga terpapar seorang watak lagi, iaitu Kayalvizhi. Ibu bapa Kayalvizhi terpaksa golok gadai dan berhutang untuk memberi pendidikan tinggi kepadanya. Namun, dia telah mengkahwini jodoh pilihannya tanpa pengetahuan ibu bapa dan terus memutuskan hubungan dengan keluarganya selepas perkahwinannya.

> நான் குமாரையே மணந்துகொள்வது என்ற முடிவுக்கு வந்ததும் எங்கக் குடும்பத் தொடர்பையும் துண்டிச்சிக்கிட்டேன், என்றாள் கயல்விழி. (மா. இராமையா, 1999, ப. 189)
>
> பெற்றவர்கள் நான் யாருக்கும் சுமையாக இருக்கக் கூடாது, துன்பமும் வறுமையும் என்னை நெருங்கக் கூடாது என்றுதான் தங்களை வருத்தி என்னைப் படிக்க வைத்தார்கள். நான் அவர்களுக்கு என்ன கைம்மாறு செய்தேன். (மா. இராமையா, 1999, ப. 189)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Selepas mengambil keputusan untuk mengkahwini Kumaaravelu, aku telah memutuskan hubungan dengan keluargaku, kata Kayalvizhi (M. Ramaiah, 1999, ms. 189)
>
> Ibu bapa pula sanggup menanggung keperitan untuk membiayai pengajian saya agar saya tidak menjadi beban kepada orang lain di samping kehidupan saya tidak dilanda kesusahan dan kemiskinan. Apakah balasan saya kepada mereka? (Surat Kayalvizhi) (M.Ramaiah, 1999, ms. 212)

Kayalvizhi jelas memaparkan sikap biadap dan tidak menghormati ibu bapanya yang melakukan pelbagai pengorbanan untuk memberikan pendidikan tinggi yang membawa pendapatan lumayan lalu membolehkannya berdikari dalam kehidupan. Namun, akhirnya Kayalvizhi yang tidak mengenang jasa dan budi ibu bapanya, sememangnya tidak dapat menikmati kehidupan dan rumah tangga yang bahagia lalu terpaksa menceraikan suaminya Kumaaravelu yang tidak berhati mulia dan tulus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, dalam novel *Aḻakiṉ Ārātaṉai* (1992), Latha memaparkan sikap memandang enteng dan tidak menghormati nasihat ibunya, Vasugi supaya tidak menyeratai pertandingan ratu cantik. Latha telah menyertai pertandingan ratu cantik peringkat Asia walaupun tidak dipersetujui oleh ibunya. Menurut ibunya, tindakan menyertai pertandingan ratu cantik adalah bercanggah dengan adat tradisi masyarakat Tamil. Namun, Latha tetap dengan pendiriannya dan beryang-yang ingin memperoleh kemenangan dengan apa-apa cara sekali pun. Dia telah menemui ketiga-tiga orang hakim pertandingan ratu cantik lalu meniduri dua orang hakim itu untuk memperoleh kemenangan. Oleh itu, Latha telah dipilh sebagai ratu cantik Asia. Malangnya, akibat hubungan sulit dengan para hakim tersebut, dia telah hamil. Oleh itu bakal suaminya, Ragunathan telah mengambil keputusan untuk memutuskan hubungan mereka. Keadaan ini telah mencetuskan kemarahan ibu Latha.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> அழகுப் போட்டிக்குப் போகாதேன்னு எத்தனை முறை சொல்றது? உன்னுடைய பிடிவாதமும் முரட்டுக் குணமுந்தான் உன்னை எந்த நிலைக்குக்கொண்டு வந்து விட்டுச்சிப் பார்த்தியா? நீ இனிமே எப்படி வெளியே நடமாடப் போறே? பொறிந்து தள்ளினாள் வாசுகி. பெரியவர்களின் வார்தைகளை- நல்ல அறிவுரைகளை எவ்வளவு துச்சமாக மதித்திருக்கிறாள். (மா. இராமையா, 1992, ப. 167)

> Berapa kalikah pernah saya nasihati awak, jangan sertai pertandingan ratu cantik? Tahukah, sikap degil dan keras kepala menyebabkan awak mengalami keadaan ini? Bagaimanakah awak mampu berdepan dengan orang lain? Terus memaki-hamun pula Vasugi. Betapa memandang enteng akan kata-kata nasihat bijak orang-orang tua (M. Ramaiah, 1992, ms. 167).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kata-kata Vasugi, iaitu ibu Latha jelas membayangkan bahawa anaknya bersikap degil dan keras kepala itu jelas tidak menghormati dan menghargai nasihat serta segala pengorban ibunya.

Dalam konteks ini, ketiga-tiga watak, iaitu Kumaaravelu, Kayalvizhi dan Latha yang tidak menghormati nasihat dan pandangan orang tua masing-masing telah memusnahkan kehidupan masing-masing. Sebenarnya, novelis M. Ramaiah memaparkan ketiga-tiga watak untuk menegur sikap golongan muda sedemikian dan menyeru mereka supaya menghormati nasihat, pandangan dan sifat diri orang tua yang banyak berjasa dan berkorban demi masa depan mereka. Beliau turut memberi amaran bahawa orang yang tidak menghargai dan menghormati orang tua mereka akan menimpa nasib malang yang sama menimpa diri ketiga-tiga watak tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.10 Harus Berusaha Mengubati Penyakit atau *Piṉi*

Menurut Subbu Reddiar, N. (2011), penyakit merujuk kepada situasi yang membawa keperitaan dan kesakitan. Apabila seseorang tidak melakukan sebarang usaha untuk mengubati penyakit yang dihidapi itu, orang itu akan menerima layanan buruk yang akan menjatuhkan martabat dirinya (Thamizhannal, 2010). Namun, segala penyakit yang dihidapi dapat diatasi sekiranya seseorang berusaha mendapat rawatan yang mujarab. Pandangan ini turut ditegaskan oleh Tiruvalluar dalam kitabnya *Tirukkuṟaḷ* (Accharya, B.S. 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

நோய்நாடி நோய்முதல் நாடி அதுதணிக்கும்
வாய்நாடி வாய்ப்பச் செயல். (குறள்-948)

Menentukan tepat jenis penyakit
ubatilah dengan ramuan selit. *(Kuṟaḷ-948)*

Menurut Tiruvalluvar, seseorang pengamal ubat harus berupaya mengenali penyakit berdasarkan simpton-simptonnya, mengetahui punca-puncannya dan tahu akan cara mengubatinya. Oeh itu, sesuatu penyakit dapat disembuhkan berdasarkan kaedah perubatan yang betul. Namun, terdapat penyakit seperti angin ahmar atau strok yang mengambil masa yang begitu lama untuk disembuhkannya. Menurut myHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia (2020), data statistik daripada Hospital Kuala Lumpur (HKL) mencatatkan bahawa 30-35% kematian daripada 1000 kes pesakit mendapatkan rawatan adalah terdiri daripada pesakit strok. Kini, strok merupakan penyebab kematian yang ketiga selepas serangan jantung dan pneumonia. Oleh itu, seseorang pesakit strok dapat dipulihkan melalui rehabilitasi fizikal yang melibatkan senaman dan psioterapi. Sehubungan ini, sokongan keluarga dan terapi fizikal di rumah yang mengambil masa lama boleh membantu seseorang pesakit kembali menjalani kehidupan normal. Namun, segelintir keluarga gagal berbuat demikian kerana pesakit itu dianggap sebagai beban.

Dalam novel *Viḻalum Nīrum* (1999), Dhanabal menghadapi keadaan sedemikian. Dhanabal ialah suami kepada Kanniamma. Dhanabal telah menghidap penyakit lumpuh selama lima belas tahun akibat serangan strok. Selama lima belas tahun ini, Dhanabal dibiarkan begitu sahaja tanpa sebarang usaha untuk memulihkannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> ஆரம்பத்தில் அக்கறையோடு மருத்துவம் பார்த்தவர்கள், பணத் தட்டுப்பாடு ஏற்பட்ட பிறகு, கிடைக்கும் கொஞ்ச பென்சன் தொகையையும் அவருக்கே செலவழித்து விடாமல் மருத்துவமனையின் இலவச மருத்துவத்தோடு நிருத்திக் கொண்டனர். (மா. இராமையா,1999, ப. 18)
>
> Pada awalnya, mereka telah memberi rawatan kepadanya. Namun, apabila mereka mula menghadapi kesulitan kewangan, mereka tidak mahu menghabiskan wang pencen sebulat-bulatnya untuk rawatannya. (M. Ramaiah, 1999, ms. 18)

Sejak itu, Dhanabal terpaksa menghabiskan sepanjang harinya di kerusi roda dan bergantung kepada isterinya bagi memenuhi segala keperluan harian. Namun, isterinya turut mengeji dan mencarutnya. Selain itu, dia juga menerima layanan buruk daripada anaknya dan dipandang rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> ஆமம்மா, நடக்கப் போற நல்ல காரியத்துக்கு சக்கர நாற்காலியில் உட்கார்ந்திருக்கிற அப்பாவையா அழைச்சிக்கிட்டுப் போகணும். (மா. இராமையா,1999, ப. 137)
>
> Ya, mak. Wajarkah membawa ayah yang duduk di kerusi roda (cacat) ke suatu majlis meriah itu? (M. Ramaiah, 1999, ms. 137)

Selain itu, kata-kata keji anaknya Kumaaravelu jelas memaparkan sikap tidak menghormati dan memandang rendah ayahnya yang berpenyakit dan tidak berkeupayaan itu sebagai beban. Oleh itu, novelis M. Ramaiah melalui watak Kanniamma dan anaknya menegur sikap ahli keluarga yang tidak memberi sebarang sokongan kepada pesakit strok. Sementara itu, melalui watak Dhanabal, novelis ini merayu kepada para pembacanya supaya menjalankan aktiviti terapi untuk memulihkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dirinya agar tidak perlu mengharapkan bantuan ahli keluarga untuk melangusungkan kehidupan seharian.

4.3.11 Harus Berusaha dengan Rajin untuk Mencapai Matlamat Hidup

Kerajinan merujuk kepada usaha yang berterusan tanpa mengenal penat (Kamus Dewan Edisi Baru, 1993). Usaha ini harus dijalankan dengan penuh semangat sehingga berjaya. Seseorang yang rajin adalah bersifat tekun, iaitu melaksanakan tugas dengan bersungguh–sungguh serta bersifat cekal dengan memikul tanggungjawabnya dengan teguh, tetap dan tabah hati. Oleh itu, seseorang rajin akan berusaha dengan gigih tanpa berputus asa, dan rela mengorbankan masa dan tenaga untuk mencapai kejayaan. Budaya maju dengan daya dan ketahanan yang tingggi sehingga mencapai matlamat adalah sebati dalam jiwa seseorang yang rajin. Pendeta Tiruvalluar (Accharya, B.S. 2006) turut menegaskan sifat kerajinan dalam kitabnya *Tirukkuṟaḷ* seperti berikut,

எண்ணிய எண்ணியாங்கு எய்துப எண்ணியார்
திண்ணியர் ஆகப் பெறின். (குறள்-666)

Bercita murni citaan keteguhan
Terkabul asalkan penuh kesanggupan. (*Kuṟaḷ 666)*

Kuplet ini membawa maksud bahawa jika seseorang itu merancang sesuatu dengan rajin dan cekal akan memperoleh apa-apa yang diinginginya. Novelis M. Ramaiah turut memaparkan tiga orang watak yang rajin berusaha dan cekal menghadapi segala cabaran dan rintangan demi mencapai matlamat masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai* (2009), Kathirvelu yang merupakan seorang pemandu di Jabatan Kerja Raya telah memulakan perjuangan dalam bidang politik sebagai seorang ahli biasa. Pada awalnya, dia dihina oleh pemimpin politik yang berkuasa dan berkedudukan. Apabila mula bergiat aktif, dia menghadapi fitnah yang bertujuan untuk mencemarkan nama baik dan menjatuhkan imejnya serta meruntuhkan rumah tangganya agar dia meninggalkan bidang politik. Di samping itu, terdapat juga pemimpin yang mengejek, menyindir dan menghinanya. Namun, segala rintangan dan halangan ini tidak dapat melemahkan semangatnya. Akhirnya, dia telah dicalonkan untuk bertanding kerusi dewan undangan negeri dan tiada sesiapa pun dari partinya sanggup mencabarnya.

> பதினோரு மணிக்கு வேட்பு மனு தாக்கல் பற்றிய விவரத்தை அதிகாரி அறிவித்தார். அவனை எதிர்த்து யாரும் வேட்பு மனுதாக்கல் செய்யாத்தால் அவன் போட்டியிலன்றி வெற்றி பெற்றதாக அறிவித்தார். (மா. இராமையா,2009, ப. 106)
>
> Pada pukul 11.00 pagi, pegawai pilihan raya telah mengumumkan keputusan pencalonan. Oleh sebab tiada sesiapa menyampaikan kertas pencalonan untuk melawannya, Kathirvelu telah diumumkan sebagai pemenang tanpa tandingan. (M. Ramaiah, 2009, ms. 106)

Usaha yang rajin, gigih dan cekal Kathirvelu telah membuahkan kejayaan terbesar yang tidak pernah diimpikannya.

Seterusnya, dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu* (1976), Porkodi berasal daripada sebuah keluarga miskin. Porkodi telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang perundangan berkat usaha yang gigih dan sokongan ibunya yang bekerja sebagai pembantu di rumah peguam tersohor Vanangamudi. Selepas menamatkan pengajian,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ayahnya Velappan tidak membenarkan anaknya menjalankan profesionnya sebaliknya mengahwinkannya dengan Sundaresan yang berprasangka terhadap wanita yang bekerja. Oleh itu, Porkodi terpaksa menyembunyikan hal kelulusan daripada pengetahuan suaminya. Namun, apabila suaminya dituduh melakukan pecah amanah dan tiada peguam sanggup membela suaminya menentang Vanangamudi, Porkodi telah memberanikan dirinya untuk membela suaminya. Porkodi yang gigih mengumpulkan maklumat dan saksi, akhirnya berjaya mematahkan segala hujah Vanangamudi. Penguam tersohor itu turut memujinya.

> உன் திறமைக்கு என் பாராட்டுகள் பொற்கொடி, என்றார் வணங்காமுடி.(மா. இராமையா,1976:111)
>
> Saya mengucapkan tahniah atas kemengan anda (Porkodi), kata Vanagamudi. (M. Ramaiah, 1976: 111).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Porkodi yang rajin mencari maklumat dan saksi, telah berjaya mengalahkan kali pertama Vanangamudi yang merupakan peguam tersohor.

Dalam novel *Caṅgkamam* (1995*)*, watak Gunalan membawa rakannya Velu dalam kereta Alfa Romeo yang baru dibelikan oleh abang iparnya. Ketika dalam perjalanan itu, watak Velu melihat lampu isyarat di sebuah persimpangan jalan. Vellu menyatakan bahawa kehidupan manusia juga sama seperti lampu hijau dan merah yang bergilir-gilir menyala dan padam. Velu terus menjelaskan bahawa Gunalan telah mencari perlindungan di bandar selepas kematian kedua-dua ibu bapanya. Oleh itu, Velu membandingkan kehidupan Gunalan yang penuh kesusahan itu suatu ketika dahulu dengan lampu merah. Manakala, kehidupan Gunalan yang serba senang dan mewah sekarang disamakan dengan lampu hijau.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> உன்னுடைய சித்தாந்தப்படி ஒவ்வொரு மனிதனின் வாழ்க்கையிலும் சிவப்பு விளக்குத்தானே அதிகமாக எரியுது" என்றான் குணாளன். இருவரும் வாய்விட்டுச் சிரித்துக்கொண்டனர். (மா. இராமையா, 1995, ப. 158)
>
> Menurut falsafah anda, lampu merahlah yang banyak menyala dalam kehidupan setiap manusia, ketawa pula terbahak-bahak Gunalan selepas mendengar pandangan kawannya. Velu juga turut ketawa. (M**.** Ramaiah1995, ms. 158)

Gunalan telah berasal daripada keluarga yang miskin. Dia telah berpindah ke bandar untuk mengadu nasibnya. Dia telah memulakan kehidupan baru sebagai pekerja buruh di sebuah syarikat. Berkat usahanya gigih, Gunalan telah menjadi pengurus syarikat itu dan dapat menikmati kehidupan mewah. Justeru, novelis M. Ramaiah melalui watak Gunalan berusaha menyakinkan para pembaca bahawa seseorang dapat mengatasi kemiskinan berkat usaha gigihnya.

Novelis M. Ramaiah melakarkan ketiga-tiga watak ini yang mengamalkan sifat kerajinan dalam menempuh segala rintangan dan halangan yang berupa tipu muslihat, tuduhan, keji dan fitnah yang cuba menggagalkan mereka. Namun, sifat kerajinan yang sebati dengan kecekalan dan ketekunan telah membawa kejayaan kepada ketiga-tiga orang ini. Oleh itu, berdasarkan ketiga-tiga watak ini, novelis menyeru para pembacanya agar mengamalkan sifat kerajinan demi mencapai impian dan matlamat hidup masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.12 Tidak Harus Takut Menentang Ketidakadilan dalam Masyarakat

Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), takut ialah perasaan gentar, gerun atau ngeri menghadapi sesuatu yang dianggap boleh membahayakan diri. Perasaan takut ini ialah salah suatu emosi yang kerap dan lazimnya tercetus dalam diri manusia. Rasa takut ini berbeza-beza mengikut individu dan situasi berlainan yang boleh dikaitkan dengan perasaan seperti gentar, gementar, gerun, ngeri, seram, gelisah, bimbang, segan, khuatir dan cemas. Namun, perasaan takut lazimnyanya dikaitkan dengan sesuatu yang akan mengancam keselamatan fizikal serta mewujudkan ketegangan mental secara psikologi. Terdapat manusia yang berasa bahawa sesuatu yang menakutkan dirinya boleh menyakitinya secara fizikal atau mental lalu boleh mengancam nyawa dan keselamatan dirinya. Menurut Tolkappiyar, pihak atasan yang berpengaruh merupakan golongan yang boleh membawa perasaan takut ini.

Sementara itu, kata keadilan membawa maksud perbuatan atau tindakan yang dilakukan dengan mematuhi peraturan atau ketentuan tertentu. Lazimnya, seseorang akan berasa takut untuk menuntut keadilan daripada pihak atasan yang berpengaruh kerana berasa gentar dan bimbang agar golongan ini boleh menyakitkannya secara fizikal atau mental lalu boleh mengancam nyawa dan keselamatan dirinya. Namun, novelis berikhtiar untuk memupuk semangat berani dalam diri pembacanya menerusi tiga orang watak yang dipaparkan dalam tiga buah novel tertentu.

Dalam novel dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai* (2009), Murugesu memohon biasiswa untuk anaknya yang menuntut di USM kerana telah gagal melunaskan yuran pengajian apabila permohonan anaknya untuk biasiswa telah ditolak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan diberi amaran bahawa tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan. Murugesu telah berasa terdesak dan serba salah kerana tidak mampu lagi. Oleh sebab itu, dia telah memohon bantuan biasiswa daripada sesuatu parti politik. Malangnya, pengerusi parti yang juga wakil rakyat enggan membantu kerana dia bukanlah ahli parti itu. Murugesu yang naik berang telah mempersoalkan ketidakadlian dalam pengagihan biasiswa kerajaan itu.

> பூரணியும் அதிர்ந்து போனாள். இப்படி முகத்தில் அறைந்தாற் போலக் கேட்கின்றாரே என்று. கதிர்வேலு முருகேசுவின் முகத்தைப் பார்த்தான். அவர் கேட்பது என்னவோ நியாயமான கேள்விதான். ஆனால், என்ன விளைவைக் கொண்டு வரப்போகிறதோ என்று பயந்தான். (மா. இராமையா, 2009, ப. 88).

> Purani terkejut. Dia berasa pertanyaan suaminya telah seolah-olah menampar diri YB itu. Kathir menoleh muka Murugesu. Dia berasa pertanyaan Murugesu memang wajar. Tetapi, dia berasa takut akan kesan pertanyaan itu. (M. Ramaiah, 2009, ms. 88)

Tindakan Murugesu telah mencetuskan perasaan takut dalam diri Purani dan juga Kathirvelu yang mengiringi mereka untuk mendapatkan bantuan tersebut. Namun, Murugesu berpendirian bahawa dia berhak memohon biasiswa tersebut yang disediakan oleh kerajaan untuk golongan miskin yang berkelayakan. Dia berpendapat bahawa peranan ahli politik adalah sekadar mengagihkan biasiswa tersebut secara adil dan saksama. Oleh itu, Murugesu yakin bahawa dia berhak menegur sikap ahli politik itu yang tidak adil itu.

Selanjutnya, dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ* (2001), anak perempuan Sellamma telah diperkosa oleh Pasupathi yang bersifat miang dan bertugas sebagai seorang guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akibatnya, anak Sellamma itu telah hamil. Oleh itu, Sellamma terus menuntut keadilan untuk anaknya. Namun, Pasupathi telah menyangkal tuduhan Sellamma. Dia telah memuji dirinya sebagai seorang guru yang dihormati. Dengan perasaan marah, dia telah mengusir Sellamma itu. Berikutan ini, Sellamma telah mengadu hal ini kepada guru besar kepada Pasupathi. Guru besar tersebut juga tidak dapat membantunya,

> வேறு யாருமில்லேம்மா!. பசுபதி சார்தான், அழுது கொண்டே சொன்னாள் பூரணி .அவன் ஒரு காமாந்தக்காரன்னு எல்லாருக்கும் தெரியும். கொஞ்சம் எச்சரிக்கையா இருக்ககூடாதா? அவனை என் பள்ளிக்கூடத்தில் வச்சிருக்கவே பிடிக்கலே! என்ன செய்யிறது? வச்சியிருக்கோமே! விரட்டி விட முயுமா? வேதனைப் பெருமூச்சு விட்டார் (தலைமையாசிரியர்) தணிகாசலம். வாழப் போற பெண்ணின் வாழ்வைப் பாழாக்கிட்டானே சார்! இப்போ நான் என்ன செய்வேன்! கோவென்று அழுதாள் செல்லம்மா. (மா. இராமையா, 2001:80-81).

> Semua orang tahu dia seorang lelaki yang miang. Perlulah was-was sedikit terhadapnya? Saya tak suka dia bertugas di sekolah ini! Apa nak buat! Dia masih di sini! Tak akan dapat usirnya?. Thanigalasam (guru besar) mengeluh dengan perasaan sedih. Dia telah menusnahkan kehidupan seorang anak gadis! Sekarang, apakah dapat saya lakukan! Sellamma menangis dengan suara yang tersedu-sedan (M. Ramaiah, 2001:80-81).

Sellamma yang kecewa dengan jawapan guru besar itu, turut mengadu hal ini kepada ketua kampung. Muthuvelu yang merupakan ketua kampungnya mempersoalkan Pasupathi. Pasupathi turut menafikan kesalahannya. Sebaik sahaja mendengar penjelasan Pasupathi, Muthuvelu berkata,

> முத்துவேலு சிரித்தார். ஏன் சிரிக்கிறீங்க? நீங்க கௌரவமான ஆசிரியர்னு சொன்னதைக் கேட்டதும் சிரிப்பு வந்துடுச்சி. உங்க கால் பட்டுக் கசங்கிப் போன மலர்கள் எத்தனைன்னு

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> எனக்குத் தெரியும்! நீங்களா கௌரவம், நெறின்னு பேசுறீங்க? கேட்கவே அருவருப்பா இருக்கு. (மா. இராமையா, 2001:80-81)
>
> Saya tak dapat kawal ketawa saya, apabila anda mengatakan dirimu sebagai seorang guru yang terhormat. Saya memang tahu bilangan bunga yang layu (wanita yang ternoda) akibat terkena kakimu! Adakah awak layak bercakap pasal maruah diri dan akhlak? Saya berasa sungguh jijik. (M**.** Ramaiah, 2001:80-81).

Pasupathi yang merupakan seorang lelaki miang dan bertugas seorang pendidik, telah memusnahkan kehidupan seorang gadis yang miskin dan jahil. Namun, usaha Sellamma yang menuntut keadilan untuk anaknya yang dianaiyai hanya menemui jalan buntut. Selain itu. dua orang yang memegang kuasa dan kedudukan, iaitu guru besar dan ketua kampung, tidak membantu Sellamma untuk mengadu hal ini kepada pihak berkuasa agar tindakan sewajarnya boleh diambil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai (2009*), Kathirvelu dimaklumkan bahawa dua orang adik-beradik berumur 19 tahun dan 20 tahun yang merupakan orang kenalan kepada seorang ahli politik bernama Muthaiyah telah memperkosa seorang kanak-kanak berumur tujuh tahun. Pihak polis tidak dapat mengambil sebarang tindakan kerana atas campur tangan Muthaiyah. Muthaiyah memaklumkan Kathirvelu bahawa dia terpaksa melindungi orang-orangnya. Oleh itu, Kathirvelu telah mendesak pihak polis untuk mengambil tindakan tegas terhadap dua orang pemuda tersebut. Pihak polis turut berjanji akan mengambil tindakan sekiranya pihak mangsa membuat aduan. Malangnya, Kathirvelu dimaklumkan bahawa pihak mangsa tidak mahu membuat aduan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> அண்ணே, நானும் கூடப்போயிருந்தேன். அவரு அதப்பத்திப் பேசவே பயப்படுறாரு. நாங்க எவ்வளவோ தைரியம் சொல்லிப் பார்த்தோம். அவரு ரொம்ப பயந்து போயிருக்கிறாரு. முத்தையாவோட ஆளுங்க அவ்வளவு தூரம் பயமுறுத்தி வச்சிருக்குறாங்கம்.. சங்கரலிங்கமா முன் வராத போது.. பெருமூச்சு விட்டான் கதிர்வேலு. (மா. இராமையா, 2009, ப. 158)

> Abang, saya turut mengikutnya (suami saya). Bapa mangsa takut bercakap tentang hal itu, kata Valli kepada Kathirvelu. Kami telah berusaha memberi keyakinan kepadanya. Dia kelihatan sangat takut. Orang Muthiayah telah mengugutnya. Mm..kalau Sangaralingam tidak berani menampil depan, apakah dapat kita lakukan? Kathirvelu mengeluh dengan perasaan berbaur simpati (M. Ramaiah, 2009, ms. 158)

Dalam konteks ini, pihak polis tidak dapat mengambil sebarang tindakan kerana atas campur tangan pihak politik dan pihak mangsa juga tidak rela membuat aduan kerana takut akan pihak yang berkuasa dan berkedudukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam ketiga-tiga situasi yang dipaparkan dalam tiga buah novel tersebut, pihak atasan yang berpengaruh dan berkedudukan terlepas daripada sebarang salah laku atau tindakan yang terkeluar daripada peraturan yang ditetapkan kerana pihak mangsa atau terkilan itu tidak berani mengambil tindakan tegas untuk menegakkan keadilan. Oleh itu, novelis M. Ramaiah menyeru kepada para pembaca agar mengikiskan sifat takut dan mengamalkan sifat berani untuk menuntut keadilan terhadap sebarang kesalahan atau penyelewengan yang berlaku dalam masyarakat kita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.13 Tidak Bersikap Terlalu Membangga Diri

Bangga ialah perasaan megah serta senang dan besar hati (Kamus Dewan Edisi Baru, 1993). Rasa bangga tercetus apabila seseorang terasa dirinya dihormati atau dihargai oleh orang lain atas pencapaian atau kedudukan yang tercapai. Selain itu, rasa bangga juga tercetus apabila seseorang itu dipuji akan kelebihan yang dimilikinya. Seseorang akan berasa bangga apabila dirinya dipuji kerana mempunyai bakat dalam bidang tertentu. Namun, perasaan bangga yang terlaluan juga boleh membawa kesan negatif kepada diri seseorang dan orang di sekelilingnya. Apabila seseorang itu terlampau bangga akan dirinya, mudah melupakan dirinya lalu berasa sombong dan bongkak. Perasaan bangga sedemikian ini seharusnya dikawal agar tidak mendatangkan kesan buruk terhadap diri kita dan orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai* (2009), Murugesu yang telah berasa terdesak dan serba salah kerana tidak mampu lagi, telah memohon bantuan biasiswa daripada sesuatu parti politik. Malangnya, pengerusi parti yang juga wakil rakyat enggan membantu kerana Murugesu bukanlah ahli parti itu. Murugesu yang naik berang telah mempersoalkan ketidakadlian dalam pengagihan biasiswa kerajaan itu. Pemimpin yang terlalu bangga akan dirinya sebagai wakil rakyat menampilkan sikap bongkak dan sombong, tidak tertahan akan kritikan Murugesu. Dia telah mengherdik Murugesu.

> இந்தக் கல்வி நிதி மக்களுக்காக ஒதுக்கப்பட்டப் பணமா? அல்லது கட்சி உறுப்பினர்களுக்காக ஒதுக்கப்பட்ட பணமா? யாரும் எதிர்ப்பார்க்காத ஒரு கேள்வியைத் தூக்கிப் போட்டார் முருகேசு. முருகேசு, இந்தக் கல்வி நிதி

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> மக்களுக்கு ஒதுக்கப்பட்டதுதான். ஆனா, அது எங்க வழியே வர்றதாலே எங்க விருப்பப் படிதான் கொடுப்போம். அத கேட்க நீங்க யாரு? கெட் அவுட். வெளியே போங்க, என்று அடித் தொண்டையில் கத்தினார் சண்முகவேலு. (மா. இராமையா,2009, ப. 88)
>
> Murugesu, wang biasiswa ini memang diperuntukkan untuk rakyat. Tapi, oleh sebab disalurkan melalui pihak kami, kami akan memberinya mengikut pilihan saya. Siapakah awak yang mempersoalkan kami. *Get out.* Keluar! menjerit Shanmugavelu dengan suara lantang. (M. Ramaiah, 2009, ms. 88)

Watak Shanmugavelu sebagai ahli politik dan wakil rakyat harus berprihatin terhadap golongan miskin dan orang yang memerlukan bantuan, sebaliknya tidak harus mengamalkan sikap membangga diri. Namun, dia telah naik berang lalu menampilkan sikap bongkak dan sombongnya apabila ditegur gagal melaksanakan tugasnya dengan adil dan saksama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu* (1976), bapa Porkodi telah meminta bantuan peguam Vanangamudi untuk membela anak menantunya, Sundaresan yang dituduh melakukan pecah amanah. Sebenarnya, Vanangamudi yang merupakan seorang peguam tersohor dan disegani ialah bapa saudara Sundaresan. Dia tidak mahu membela anak saudaranya, sebaliknya menasihati Sundaresan supaya mengaku kesalahannya.

Di samping itu, dia turut membela ketua akauntan dalam kes itu. Selanjutnya, apabila dia mengetahui bahawa seorang ‘peguam dari Kuala Lumpur’ akan membela Sundaresan, Vanangamudi yang terlalu bangga akan dirinya, berasa marah lalu menampilkan sikap bongkak dan sombong.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> வக்கில் அய்யா ரொம்பவும் ஆத்திரப்படிறாரு. அவரை வெல்ல முடியாதுன்னு கட்சி கட்டுகிறார். நமக்கும் அவருக்கும் இருக்கிற உறவு இதோடு முறிந்து போயிடும் போல இருக்கும்மா, வருத்தமாகச் சொன்னான் (வேலப்பன்). (மா. இராமையா, 197, ப. 107)
>
> Si peguam itu (Vanangamudi) sangat marah. Dia dengan tegas menyatakan bahawa tiada pihak yang dapat menandinginya. Saya takut pertalian persaudaraan antara dua pihak kita akan terputus, kata Velappan dengan sedih. (M. Ramaiah, 1976, ms. 107)

Peguam Vanangamudi jelas memaparkan sikap bongkak dan sombong kerana beranggapan bahawa tiada sesiapa dapat mengalahkannya. Di samping itu, dia turut berasa marah apabila mengetahui bahawa Porkodi telah melantik seorang 'peguam dari Kuala Lumpur' untuk membela suaminya. Malangnya, pada akhir kes itu, 'peguam dari Kuala Lumpur'yang sebenarnya ialah Porkodi itu sendiri yang julung kalinya menjalankan pembelaan dapat mengalahkan Vanangamudi yang merupakan seorang peguam yang berpengalaman dan tidak pernah kalah.

Di samping itu, dalam novel *Vi̲lalum Nīrum* (1999), watak Kayalvizhi telah menampilkan sikap terlalu bangga diri yang berbaur bongkak dan sombong. Setelah memiliki ijazah yang menjamin jawatan baik dan pendapatan lumayan, dia mula menyisisihkan dirinya daripada keluarga yang bergolok-gadai untuk mendidiknya. Selain itu, dia telah mengahwini orang pilihannya tanpa pengetahuan dan restu ibu bapanya. Namun, akhirnya dia sedar bahawa tindakannya mengkahwini Kumaaravelu tanpa menyiasat latar belakangnya dan persetujuan ibu bapa telah mensia-siakan kehidupannya**.** Kayalvizhi menyesali sifat membanggakan diri serta sikap bongkak dan sombong telah memusnahkan rumah tangga yang diidamkannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> பட்டம் இருக்கிறது, பதவி இருக்கிறது, கை நிறைய வருமானம் வருகிறது. வாழ்க்கைக்கு அவை மட்டும்தான் ஊன்றுகோல் என நினைத்ததின் விளைவு எனது தகுதிக்குக் குறைவான ஒருவரை விரும்பி வைத்தேன். ஆனால் அவரும் அத்தையும் என் மீது அன்பு காட்டவில்லை. என் வருமானத்தின் மீதுதான் குறி வைத்திருந்தார்கள் என்பதைப் புரிந்து கொண்டபோது பணத்திற்காக இவர்கள் எதையும் செய்யத் துணிவார்கள் என்ற ஐயம் என்னைப் பயமுறுத்தியது.பெற்றவர்கள் நான் யாருக்கும் சுமையாக இருக்கக் கூடாது, துன்பமும் வறுமையும் என்னை நெருங்கக் கூடாது என்றுதான் தங்களை வருத்தி என்னைப் படிக்க வைத்தார்கள். நான் அவர்களுக்கு என்ன கைம்மாறு செய்தேன்?(கயல்விழியின் கடிதம்) (மா. இராமையா, 199, ப. 212)
>
> Sudahpun memiliki ijazah, ada jawatan, mendapat pendapatan yang lumayan. Akibat bertanggapan bahawa perkara-perkara inilah menjadi asas untuk kehidupan, saya telah mencintai seorang yang tidak setaraf dengan saya. Ibu bapa pula sanggup menanggung keperitan untuk menampung pengajian saya agar saya tidak menjadi beban kepada orang lain di samping kehidupan saya tidak dilanda kesusahan dan kemiskinan. Apakah balasan saya kepada mereka? (Surat Kayalvizhi) (M. Ramaiah, 1999, ms. 212)

Sebenarnya, segala usaha Kayalvizhi untuk mendirikan rumah tangga yang bahagia tidak tercapai kerana mengamalkan sifat membangga diri akan pencapaiannya yang telah mencetuskan sikap bongkak dan sombong mengaburi pandangan dan pertimbangannya.

Novelis M. Ramaiah memaparkan ketiga-tiga watak yang mengamalkan sifat bangga diri yang telah mencetuskan sikap bongkak dan sombong yang menjadi punca kegagalan mereka. Oleh itu, pengarang menyeru kepada para pembacanya agak menjauhi sikap terlalu membanggakan diri yang mencetuskan sifat bongkak dan sombong.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.14 Harus Mengawal Perasaan Marah

Perasaan marah merupakan emosi yang hadir bersama-sama emosi lain seperti kecewa, tersinggung, malu, tertekan, takut, rasa tidak dihargai, tidak diterima dan bimbang. Pertembungan emosi tersebut menyebabkan perasaan marah. Perasaan marah bersinonim dengan kata amarah, murka, meradang, memberang, bengis, geram, panas baran, panas hati, naik angin dan sebagainya. Kadang kala perasaan marah yang sukar dikawal yang dikenali sebagai amarah boleh mendorong seseorang untuk melakuk̲an perlakuan-perlakuan negatif atau destruktif.

Dalam novel *Vi̲lalum Nīrum (*1999*),* watak Kanniamma ialah ketua keluarga selepas suaminya, Dhanabal mengidap penyakit strok. Semua ahli termasuk suaminya mesti mengakur dan menuruti segala keputusan dan tindak-tanduknya. Apabila hal percintaan anak perempuannya, Sita dengan Dharmabalan yang menguruskan sebuah institut kemahiran diketahui, dia telah membelasah anaknya lalu melarangnya keluar dari rumah kerana ingin mencari jodoh yang berada walaupun anaknya tidak berpendidikan. Tindakan kejam Kanniamma dapat dikesan dalam petikan ini.

> மழையில் சிக்கிக்கொண்டவளை அழைத்து வரச்சென்ற கன்னியம்மா இப்படித் தொப்பையாக நனையும் படி இழுத்து வந்திருக்கிறாளே, இவளுக்கு என்ன வந்தது. சீத்தாவின் முடியைப் பிடித்து இழுத்துக்கொண்டு வந்து கூடத்தில் தள்ளினாள். (மா. இராமையா,1999, ப. 179)
>
> Dalam hujan lebat, dia mencengkam rambut Sita lalu mengheretnya. Dia menolaknya di dalam bilik tamu! (M. Ramaiah, 1999:179)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akibat tindakan kejam Kanniamma yang tidak dapat mengawal perasaan marahnya, muka Sita kelihatan berlebam dan bengkak. Kanniamma yang tidak dapat mengawal perasaan marahnya, telah melakukan penderaan fizikal tanpa disedarinya.

Sementara itu, dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ (*2001*)*, anak perempuan Sellamma telah diperkosa oleh Pasupathi yang bersifat miang dan bertugas sebagai seorang guru. Akibatnya, anakanya Purani telah hamil. Purani telah muntah-muntah dan pada suatu hari dia telah pengsaan ketika bermandi di tepi sungai. Oleh itu, Sellamma telah membawa anaknya ke klinik di ladangnya. Setelah memeriksa Purani, pembantu perubatan memaklumkan kepada Sellamma bahawa anaknya sedang mengandung. Sellamma telah terkejut lalu tidak dapat mengwal perasaan marahnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> ஐயோ!....அந்த மருந்தகமே அதிர்ந்தது. பரிசோதனை அறைக்குள் சென்று பூரணியின் தலைமுடையைப் பிடித்து தரதரவென்று இழுத்துக் கொண்டு வெளியில் வந்தவள் அவளை அடியோ என்று அடித்துத் தள்ளினாள். செல்லம்மா!.. அடிக்காதே விடு, செல்லையா தடுத்தும் செல்லம்மா கேட்கவில்லை. இவ செய்திருக்கிற வேலைக்கு இவளை இவளை உயிரோடு கொல்லணும், என்றாள் ஆவேசமாக. (மா. இராமையா, 2001, ப. 79-80)
>
> Aduh, meraung pula Sellamma. Dia terus menyerbu masuk ke bilik pemeriksaan. Dia mencengkam rambut Purani lalu mengheretnya ke luar bilik. Dia terus membelasahnya bertubi-tubi. Sellamma!... usah pukul, lepaskan, walapun Chelliah cuba menghalangnya, dia tidak mempedulikannya. Saya harus membunuhnya atas perbuatannya itu, kata Sellamma dengan perasaan marah sekali. (M. Ramaiah, 2001 ms. 79-80)

Sellamma tanpa usul periksa telah mendera Purani untuk melepasakan perasaan marah dan kecewanya. Dia membuat andaian bahawa anaknya telah melakukan perbuatan sumbang sedangkan tidak sedar bahawa dirinya ialah punca kekusutan itu, iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghantar anaknya bersama dengan Pasupathi yang memang diketahui sifat miangnya. Selain itu, Sellamma turut menjalinkan hubungan sulit dengan Pasupathi. Oleh itu, tindakan Sellamma adalah tidak wajar dan keterlaluan.

Dalam novel *Aḻakiṉ Ārātaṉai* (1992), Latha yang ingin memperoleh kemenagan dalam pertandingan ratu cantik telah meniduri Dr. Gurumurthi yang merupakan salah seorang hakim pertandingan tersebut. Oleh itu, Latha telah hamil lalu mendesak Dr. Gurumurthi supaya mengkahwininya. Namun, dia telah menolak permintaan Latha dengan mengatakan bahawa dia tidak menghormati wanita yang bermoral rendah. Latha yang naik berang telah membunuh Dr. Gurumurthi. Berita ini tersiar dalam surat khabar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> ஆசிய அழகிப் போட்டி நடுவர் டாக்டர் குருமூர்த்தி கொலை!
> ஆசிய அழகி லதா கைது! (மா.இராமையா,1992, ப. 188)
>
> Hakim pertandingan ratu cantik Doktor Gurumurthi dibunuh.
> Ratu cantik Latha diberkas (M**.** Ramaiah, 1992**,** ms. 188)

Perasaan marah Latha bukan sahaja meragut nyawa seseorang manusia, bahkan dia mungkin dihukum gantung.

Sehubungan ini, perasaan marah yang mencetuskan perlakuan negatif atau destruktif dapat mencederakan seseorang serta dapat memusnahkan kehidupan seseorang itu dan orang di sekitarnya. Oleh itu, novelis M. Ramaiah memaparkan ketiga-tiga watak itu untuk mengingatkan para pembacanya supaya menjauhi perasaan marah yang menjadi punca pelbagai perlakuan negatif dan destruktif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.15 Tidak Terlibat dalam Perbuatan Curang

Keinginan untuk mengadakan hubungan seks atau persetubuhan ialah sesuatu tabiat semula jadi atau bersifat naluri manusia. Namun, hubungan seks harus dilakukan mengikut lunas-lunas yang ditetapkan oleh masyarakat, iaitu melalui institusi perkahwinan. Sebarang aktiviti seks di luar nikah dianggap sebagai perbuatan curang yang dikutuk oleh semua agama. Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), kata curang membawa maksud perbuatan tidak setia (khianat) kepada suami, isteri atau tunangan dengan menjalin hubungan cinta atau seks dengan orang lain. Pendeta Tiruvalluvar (Accharya, B.S. 2006) turut membidas orang terlibat dalam perlakuan curang. Menurut beliau,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

பகைபாவம் அச்சம் பழிஎன நான்கும்
இகவாவாம் இல்இறப்பான் கண். (குறள்-146)

Penzina bergelumang empat perkara
benci, takut, malu, dosa. (*Kūṟaḷ* -146)

Menurut Tiruvalluvar orang yang terlibat dalam perlakuan curang atau zina akan menempuh kehidupan yang penuh noda dan dosa. Namun, perbuatan curang ini ialah suatu perkara lumrah dalam kehidupan moden ini yang melampaui adat, nilai dan norma yang ditetapkan oleh masyarakat. Oleh itu, novelis M. Ramaiah turut memaparkan perlakuan antisosial ini dalam novel-novelnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ (2001),* watak Pasupathi ialah seorang guru yang miang. Kehidupannya penuh noda. Menurut guru besarnya Thanigasalam,

> கொஞ்சம் எச்சரிக்கையா இருக்ககூடாதா? அவனை என் பள்ளிக்கூடத்தில் வச்சிருக்கவே பிடிக்கலே! என்ன செய்யிறது? வச்சியிருக்கோமே! விரட்டி விட முயுமா? வேதனைப் பெருமூச்சு விட்டார் (தலைமையாசிரியர்) தணிகாசலம். (மா. இராமையா, 2001, ப. 80)

> Semua orang tahu dia seorang lelaki yang miang. Tak akan dapat usirnya?. Thanigalasam (guru besar) mengeluh dengan perasaan sedih (M.Ramaiah, 2001, ms. 80)

Pasupathi sering ditukarkan sekolah kerana sifat miangnya sering menimbulkan masalah kepada pihak pentadbiran sekolah. Selain itu, ada kala dia sendiri akan memohon pertukaran sekolah kerana ingin memburu mangsa lain yang dapat memuaskan hawa nafusunya. Seterusnya, ketua kampung turut memperkukuhkan pendapat ini.

> நீங்க கௌரவமான ஆசிரியர்னு சொன்னதைக் கேட்டதும் சிரிப்பு வந்துடுச்சி. உங்க கால் பட்டுக் கசங்கிப் போன மலர்கள் எத்தனைன்னு எனக்குத் தெரியும்! நீங்களா கௌரவம், நெறின்னு பேசுறீங்க? கேட்கவே அருவருப்பா இருக்கு. (மா. இராமையா, 2001, ப. 83)

> Saya memang tahu bilangan bunga yang layu (wanita yang ternoda) akibat terkena kakimu! Adakah awak layak bercakap pasal maruah diri dan akhlak? Saya berasa sungguh jijik. (M. Ramaiah, 2001, ms. 83)

Selain itu, isterinya yang tidak tertahan akan perbuatan curangnya telah hidup berpisah daripadanya. Di samping itu, dia turut menyimpan seorang janda yang bernama Sellamma sebagai wanita simpanannya. Dia akan sering ke rumah wanita itu untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memuaskan hawa nafsu. Di situ, dia juga menaruh hati pada anak Sellamma, Purani. Dia turut memperkosa dan menghamilkan anak gadis itu. Seterusnya, dia juga berusaha memerangkap seorang guru baru, Parimalam yang baru bertukar ke sekolahnya. Parimalam pun hampir termakan pujuk rayu Pasupathi. Akhirnya terbongkar rahsia bahawa Parimalam merupakan anak darahnya hasil hubungan sulit dengan ibu Parimalam. Pasupathi yang terlantar di hospital terus menghembuskan nafas apabila menyedari perbuatan sumbangnya. Secara ringkas, perbuatan curang Pasupathi bukan sahaja menghancurkan kehidupannya sendiri bahkan meruntuntuhkan rumah tangganya dan menodai ramai wanita.

Di samping itu, dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ* (2001), turut terpapar perbuatan curang seorang wanita bernama Maithili. Dia telah menjalinkan hubungan sulit dengan penyelia kilang, Sugumaran yang sudah pun mendirikan rumah tangga. Hasil hubungan sulit itu, Mythili telah hamil lalu telah mengkahwini Murugesu untuk menyembunyikan perbuatan curangnya. Selepas melahirkan anaknya, dia masih meneruskan hubungan sulit dengan Sugumaran. Lelaki itu akan sering mengunjungi Mythili ketika Murugesu tidak berada di rumah. Pada suatu hari, ketika mereka berdua bersetubuh, pericikan api daripada rokok Sugumaran telah terkena pada buain lalu bayi Mythili yang dibaringkan di situ turut terlecur.

> அவன் கையிலிருந்த சிகரெட்டைப் பிடுங்கி மைதிலி வீசி எறிந்த போது அது போய் தூளிக்குள் விழுந்திருக்கிறது. அவர்கள் மெய்மறந்து இருந்ததால் தூளி நெருப்புப் பிடித்தது கூடத்தெரியவில்லை. (மா. இராமையா, 20001, ப. 175)
>
> Ketika Mythili merampas dan membuang rokok yang dihisabnya, percikan api telah terkena pada buaian. Mereka tidak sedar ketika asyik terlibat dalam persetubuhan. Ketika terdengar raungan bayi, baru Mythili tersedar lalu meraung melihat bayinya terkena api kebakaran (M. Ramaiah, 2001, ms. 175)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhirnya, bayi itu mati kerana badannya terlecur. Namun, kedua-dua mereka telah berjaya memindahkan kesalahan itu pada diri Murugesu. Sebenarnya, perbuatan curang seorang isteri telah mengorbankan anaknya yang tidak berdosa di samping itu, suaminya didakwa melakukan pembunuhan.

Seterusnya, dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai* (2009)*,* watak Manavalagar ialah pemimpin politik di peringkat negeri. Dia sudah pun berumah tangga, namun watak Thilagavathi ialah isteri simpanannya. Thilagavathi dilakarkan sebagai seorang pemimpin wanita yang sudah menjangkau usia 45 tahun dan berpengaruh dalam bidang politik. Namun, sebagai seorang isteri simpanan, dia tidak dapat mendirikan rumah tangganya dan memilki anak-anak. Di samping itu, dia juga menghadapi stigma masyarakat, iaitu dipandang rendah kerana sanggup menjadi isteri simpanan. Oleh itu, Thilagavathi yang memiliki kedudukan politik, kuasa dan harta benda yang banyak, namun berasa sedih kerana tidak mampu memiliki keluarga dan anaknya tersendiri.

> ஆமாம் கதிர்வேலு உனக்குக் கிடச்சிருக்கிற அந்தப் பாக்கியம்கூட எனக்குக் கிடைக்கலே, எனக்கும் என் சொத்துக்கும் வாரிசே இல்லே. நான் இப்போ ஒற்றை மரம் சொல்லி கொண்டு வரும்போதே அவள் கன்னங்களில் நீர் தாரை அமைத்துக் கொண்டது. இது மட்டுமில்லேப்பா. இன்னும் எத்தனையோ துயரங்கள் என் நெஞ்சிற்குள்ளே நெரிக்கட்டிக்கிட்டு இருக்கு. (மா.இராமையா, 2009, ப. 32)

> Ya, Kathirvelu, Saya tidak dapat menikmati kebahagian yang anda menikmati itu. Tiada waris untuk hartaku. Saya sebatang kara, air mata bercucuran pada pipinya. Bukan ini saja adik, ada banyak lagi kepiluan membengkak dalam diriku. (M. Ramaiah, 2009, ms. 32)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manavalagar dan Thilagavathi telah terlibat dalam hubungan curang. Walaupun Thilagavathi merupakan seorang wanita berkedudukan tinggi dan berpengaruh, namun dirinya dipandang sebagai wanita yang bermoral rendah di samping tidak dapat memiliki keluarganya tersendiri yang menjadi idaman setiap wanita.

Selanjutnya, dalam novel novel *Cańkamam* (1995), Velu ialah kawan baik Gunalan yang merupakan pengurus syarikat. Velu mula bekerja di syarikat itu atas sokongan Gunalan. Terdapat dua orang pekerja dalam syarikat itu, iaitu Selvamani dan wanita simpanannya, Sugumari yang telah memendam perasaan dendam terhadap Gunalan kerana kehadirannya telah menggugat kedudukan mereka dalam syarikat tersebut. Oleh itu, mereka dengan kerjasama dua orang lagi, Rokiah dan Lee Koon, merancang untuk memperalatkan Velu untuk menyingkirkan Gunalan daripada syarikat itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sugumari telah berjaya menggoda Velu di samping mencetuskan perselisihan faham antara Velu dengan Gunalan. Sugumari secara bernansur-ansur memberikan dadah kepada Velu lalu menjadikan hambanya. Apabila sampai masanya, dia telah memaklumkan Velu bahawa dia sudah pun berumah tangga dan memiliki seorang cahaya mata. Keadaan ini telah mengejutkan Velu lalu dia mula menagih dadah untuk melepaskan perasaan kecewanya.

> வேலு உணர்வற்ற நிலையில் படுக்கையில் கிடந்தான். இருப்பினும் அவன் கண்கள் அசைந்துகொண்டிருந்தன. குணாளனைக் கண்டதும் அவன் கண்களின் கோடியில் கண்ணீர் உருண்டோடியது. வேலு.....! குணாளன் அழுதே விட்டான். குணாளனின் விசும்பும் குரல் கேட்டு தாதியுடன்

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> பேசிக்கொண்டிருந்த டாக்டர் சச்சிநாதன் அவனிடம் வந்தார். (மா. இராமையா, 1995, ப. 244)
>
> Velu telah terlantar di katil tanpa sedari dirinya. Namun, matanya masih bergerak-gerak. Sebaik sahaja melihat wajah Gunalan, air mata mengalir di ekor matanya. Velu.....! Gunalan terus menangis. Doktor Sachinathan yang sedang berbual dengan jururawat telah terdengar esakan Gunalan telah menghampirinya. (M. Ramaiah. 1995:244)

Dalam novel ini, watak Sugumari dilakarkan sebagai wanita yang rendah moral. Dia sanggup menjalinkan hubungan seks dengan dua orang lelaki. Sugumari menjalinkan hubungan curang dengan Velu untuk menjatuhkan Gunalan. Pada masa yang sama, dia juga menjadi wanita simpanan Selvamani. Watak Velu yang kecewa akibat godaan Sugumari, telah menjadi penagih dadah lalu menimpa ajalnya. Sementara itu, apabila rancangan jenayah Sugumari dan Selavamani terbongkar, kedua-dua mereka telah dituduh melakukan kesalahan mengedar dadah. Perbuatan curang Sugumari telah menjadi punca yang meragut nyawa Velu.

Dalam pada itu, dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu* (1976), watak Porkodi ialah seorang peguam yang bertauliah dan ingin bertugas sebagai peguam. Namun, dia terpaksa memendam keinginannya selepas mengetahui pandangan suaminya, Sundaresan terhadap wanita yang bekerja. Sundaresan membuat andaian buruk terhadap wanita yang bekerja berdasarkan perlakuan Sellamma (Shelli) yang bekerja sebagai kerani rekod di syarikatnya. Sellamma yang sudah pun berumah tangga, menjalinkan hubungan sulit dengan ketua akauntan, Kannan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> பெயர் செல்லம்மா. நாகரிகமாக ஷெல்லி என்று மாற்றி வைத்துக் கொண்டாள். அவளுடைய கணவன் சாதாரண வேலை செய்பவன். அவன் கல்போல இருக்க ஷெல்லி எங்கள் கணக்காயர் கண்ணனுடன் கள்ள நட்பு கொண்டிருக்கிறாள். அவள் உடுத்துவதே மேநாட்டு உடைகள்தான். (மா. இராமையா, 1976, ப. 83)
>
> Namanya Sellamma. Dia telah menukarkan namanya kepada Shelli agar kelihatan moden. Suaminya ialah seorang pekerja biasa. Walaupun sudah bersuami, dia menjalinkan hubungan sulit dengan akauntan kami bernama Kannan. Sellamma lebih suka memakai pakaian barat (M. Ramaiah, 1976: 83).

Perbuatan curang Sellamma bukan sahaja menjatuhkan imej dirinya, bahkan menjejaskan pandangan umum terhadap wanita lain yang bekerja.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa perlakuan curang, sama ada melibatkan kaum lelaki atau wanita, ialah suatu gejala sosial yang serius dalam masyarakat. Gejala ini bukan sahaja memusnahkan kehidupan orang yang terlibat, malahan turut menghancurkan kehidupan orang lain di sekeliling mereka. Oleh itu, novelis M. Ramaiah yang memandang berat gejala ini ingin memberi peringatan dan amaran kepada para pembacanya agar menjauhi perlakuan curang ini.

4.3.1.16 Harus Mementingkan Pendidikan Kaum Wanita

Menurut Thamizhannal (2010), seseorang akan berasa bangga atau didatangi perasaan bangga sekiranya mencapai tahap pencapaian akademik dan memiliki ilmu pengetahuan yang tidak dapat ditandingi. Pendeta Tiruvalluar (Accharya, B.S. 2006) turut memperkukuhkan pendapat ini dengan menyatakan bahawa,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

கேடுஇல் விழுச்செல்வம் கல்வி ஒருவற்கு
மாடுஅல்ல மற்றை யவை. (குறள்-400)

Ilmu khazanah kekal sempurna
harta lain tidak berharga. *(Kūṟaḷ-400)*

Menurutnya, pendidikan merupakan harta yang berkekalan. Selain itu, dalam *Kūṟaḷ 398,* beliau menegaskan bahawa ilmu yang diperoleh tetap memuliakan seseorang sehingga titisan saptajelma (kelahiran-kelahiran akan datang). Oleh itu, ilmu atau pendidikan dapat menjamin kebajikaan, kebijaksanaan dan kesejahteraan hidup semua manusia, terutama kaum wanita. Oleh itu, novelis M. Ramaiah sangat menekankan pendidikan untuk kaum wanita.

Dalam novel dalam novel *Viḻalum Nīrum* (1999), pasangan Rathinasabapathi dan Yasotha mempunyai lima orang anak, itu tiga orang anak perempuan dan dua orang anak lelaki. Mereka telah memberi pendidikan kepada kelima-lima anaknya. Pasangan ini mengambil berat pendidikan anak perempuan. Dua orang anak perempuan pula berpendidikan tinggi. Salah seorang anaknya, Kayalvizhi terus berkata,

நான் யாருக்கும் சுமையாக இருக்கக் கூடாது, துன்பமும் வறுமையும் என்னை நெருங்கக் கூடாது என்றுதான் தங்களை வருத்தி என்னைப் படிக்க வைத்தார்கள். நான் அவர்களுக்கு என்ன கைம்மாறு செய்தேன்? (கயல்விழியின் கடிதம்). (மா. இராமையா, 1999, ப. 212)

Ibu bapa pula sanggup menanggung keperitan untuk menampung pengajian saya agar saya tidak menjadi beban kepada orang lain, di samping kehidupan saya tidak dilanda kesusahan dan kemiskinan. (Surat Kayalvizhi) (M. Ramaiah, 1999, ms. 212)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa ibu bapanya mementingkan pendidikan anak perempuan agar mereka dapat berdikari dan hidup bahagia.

Dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu* (1976), watak Alamelu ialah ibu kepada Porkodi. Alamelu sangat mengambil berat pendidikan anaknya, walaupun ayahnya Velappan tidak bersetuju. Dia ingin menjadikan anaknya seorang penguam. Namun, dia berpesan kepada anaknya supaya merahsiakan hal ini. Oleh itu, Alamelu bekerja sebagai pembantu di rumah Vanangamudi. Di bekerja keras hingga memudaratkan kesihatannya semata-mata untuk memastikan Porkodi menjadi seorang peguam. Ketika Porkodi sedang menduduki peperiksaan akhirnya, Alamelu dimasukkan hospital dalam keadaan tenat. Dia berpesan kepada suaminya supaya hal ini tidak dimaklumkan kepada Porkodi. Sebaik sahaja tamat peperiksaan akhir, Porkodi telah menerima berita bahawa ibunya telah meninggal dunia.

Selepas itu, Porkodi telah mengkahwini Sundaresan atas desakan ayahnya. Namun, Porkodi tidak memberitahu suaminya hal pendidikan kerana suaminya berprasangka buruk terhadap wanita yang bekerja. Walau bagaimanapun, Porkodi terpaksa membela suaminya yang dituduh melakukan pecah amanah apabila tiada peguam sanggup mencabar Vanangamudi yang melakukan pendakwaan. Akhirnya, Porkodi telah menggunakan ilmu yang diperoleh untuk membebaskan suaminya daripada tuduhan tersebut. Sundaresan berasa bangga kerana isterinya seorang peguam.

> என் மனைவி ஒரு வக்கீல் என்பதும் எனக்கு இப்போதுதான் தெரியும், என்றார் சுந்தரேசன் சிரித்துக்கொண்டே. (மா. இராமையா, 1976, ப. 112)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Baru saja saya tahu isteri saya ialah seorang peguam, kata Sundaresan sambil tersenyum. (M. Ramaiah, 19 76, ms. 112)

Watak Porkodi berkat ilmu dan pendidikan yang dimilikinya, berjaya menyelamatkan suaminya daripada tuduhan yang tidak berasas di samping memelihara kebahagian rumah tangganya.

Dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai (*2009*)*, pasangan suami-isteri, iaitu Murugesu dan Purani mempunyai empat orang anak yang semuanya sedang belajar. Pasangan ini sangat mementingkan pendidikan anak-anak mereka. Anak sulung mereka melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di India. Sementara itu, anak keduanya di Universiti Sains Malaysia, anak ketiga di Universiti Malaya dan anak bongsu pula menuntut di tingkatan enam. Murugesuan bekerja sebagai seorang kerani dan pendapatannya tidak cukup untuk menampung perbelanjaan keluarga dan pendidikan anaknya di samping itu mereka juga tinggal di rumah sewa. Purani pula terpaksa menggadaikan segala barang emasnya untuk membiayai perbelanjaan pendidikan anak-anaknya. Namun, anaknya yang menuntut di USM telah gagal melunaskan yuran pengajian kerana permohonan untuk biasiswa telah ditolak dan diberi amaran bahawa tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan. Oleh itu, mereka minta bantuan Kathirvelu yang merupakan setiusaha kepada ketua wanita, Thilagavathi di peringkat negeri. Kathirvelu memperkenalkan pasangan itu kepada Thiagavathi,

> இவங்களோட மூத்த மக தமிழ்நாட்டிலும் இரண்டாவது மக பினாங்கு விஞ்ஞான பல்கலைக்கழகத்திலும் மூன்றாவது மகள் மலாயாப் பல்கலைக்கழகத்திலுமாகப் படிக்கிறாங்க. கடைசிப் பையன் ஆறாம் படிவத்திலே இருக்கிறான். (மா. இராமையா, 2009 : 85)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Anak perempuan sulung mereka belajar di India. Sementara itu, anak perempuan kedua mereka di Universiti Sains Malaysia dan anak perempuan ketiga menuntut di Universiti Malaya. Anak bongsu lelaki pula belajar di tingkatan enam, kata Kathirvelu. (M. Ramaiah, 2009:85).

Tiga orang anak mereka ialah anak perempuan yang sedang melanjutkan pengajian tinggi. Mereka sanggup bergolok-gadai untuk membiayai pendidikan ketiga-tiga anak perempuan mereka. Hal ini jelaskan membuktikan bahawa mereka memberatkan pendidikan anak perempuan.

Berdasarkan ketiga-tiga novel ini, jelaslah bahawa novelis M. Ramaiah menekankan pendidikan tinggi untuk kaum wanita. Beliau telah melakarkan ibu bapa yang terpapar dalam novel-novelnya sanggup bergolok-gadai untuk membiayai pendidikan anak perempuan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sealin itu, watak-watak dalam lima daripada tujuh buah novel yang dikaji itu adalah terdiri daripada kaum wanita yang berpendidikan tinggi. Misalnya, watak Thilagavathi dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai* seorang guru Inggeris serta seorang ketua wanita peringkat negeri dalam sebuah parti politik. Seterusnya, tiga orang anak perempuan pasangan Murugesu dan Purani yang turut terpapar dalam novel ini juga menuntut di pusat pengajian tinggi termasuk dalam bidang perubatan. Sementara itu, watak Kayalvizhi dan kakaknya Tamarai dalam novel *Viḻalum Nīrum* adalah berpendidikan tinggi. Selanjtnya, watak utama dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu,* Porkodi ialah seorang peguam. Seterusnya, watak utama dalam novel *Nheruppu Cuṉai,* Kamalaveni juga berpendidikan tinggi. Akhir sekali, watak Latha

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam novel *Aḻakiṉ Ārātaṉai* juga seorang guru Inggeris yang berpendidikan tinggi. Dengan ini jelaslah bahawa novelis M. Ramaiah memperjuangkan pendidikan tinggi untuk kaum wanita. Sikap beliau ini terserlah kerana beliau telah melakarkan kesemua watak utama dan watak sampingan dalam kelima-lima novel yang dikaji itu ialah kaum wanita yang berpendidikan tinggi.

Oleh itu, M. Ramaiah menyeru para pembacanya supaya menitikberatkan pendidikan golongan kaum wanita agar mereka dapat hidup berdikari dan menjadi insan yang berguna kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

4.3.17 Harus Menjauhi Perbuatan Fitnah-Memfitnah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), kata fitnah merujuk kepada tuduhan berbentuk kisah, khabar dan tindakan lain yang diada-adakan atau dibuat-buat untuk memburuk-burukkan atau membencikan seseorang atau sesuatu pihak. Perbuatan fitnah ialah sesuatu perlakuan berdosa dan tidak moral kerana bertujuan untuk menjatuhkan imej atau maruah diri seseorang atau suatu pihak tertentu. Sementara itu, Subbu Reddiar, N. (2010) menyatakan bahawa fitnah merupakan suatu bentuk pembunuhan, iaitu mengeluarkan kata-kata yang menghina seseorang demi memburuk-burukkannya. Pendeta Tiruvalluar (Accharya, B.S. 2006) turut membidas perlakuan memfitnah dengan menyatakan bahawa,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

அறன்நோக்கி ஆற்றும்கொல் வையம் புறம்நோக்கிப்
புன்சொல் உரைப்பான் பொறை. (குறள்-189)

Manusia suka memfitnah belakang
bumi dengan berat menanggung. (*Kūṟaḷ*-189)

Menurut Tiruvalluar, pertiwi bumi juga berasa berat untuk memikul manusia yang menabur fitnah. Sebenarnya, perbuatan menabur fitnah dapat menjejaskan kehidupan individu, memusahkan keharmonian dalam keluarga dan masyarakat, dan meruntuhkan sesuatu institusi. Sehubungan dengan ini, novelis M. Ramaiah turut memaparkan kesan perbuatan menabur fitnah.

Dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu* (1976), Valli ialah pembantu di rumah Sundaresan. Selepas ibu bapanya sudah berpindah ke tempat lain, Valli mula tinggal di rumah Sundaresan. Sundaresan pun membenarkannya kerana berasa prihatin terhadap Valli. Namun, Valli menaruh hati terhadap Sundaresan lalu berusaha memutuskan hubungan percintaan Sundaresan dengan Porkodi dengan menabur fitnah. Pada suatu hari Valli telah mengunjungi Porkodi lalu berkata kepadanya,

நான் ஆறு ஆண்டுகட்கு முன்பு அவருக்கு வேலைக்காரியாக வந்தேன். அப்போது எனக்கு வயது பதினாறு இருக்கும். இளமையும் துடிப்பும் யாரை விட்டது. அவர் என்னை விரும்பினாரோ இல்லையோ, நான் அவரை விரும்பினேன். என் விருப்பம் நிறைவேறியது. என் இளமையை அள்ளி அள்ளிப் பருகினார். அதன் பலன் நான் தாய்மை ஏய்தினேன். மல்லிகை பிறந்தாள். தன்னுடைய தொழிலுக்கும் கவுரவத்துக்கும் இழக்கு வந்துவிட்டதென்று சொல்லி என்னை அவரை விட்டுப் போகும்படி வற்புறுத்தினார். (மா. இராமையா, ப. 1976:58)

Saya mula bekerja sebagai pembantu di rumah Sundaresan enam tahun dulu. Ketika itu, umur saya 16 tahun. Umur muda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> dan hawa nafsu tidak melepaskan sesiapa. Sama ada dia suka atau tidak, saya telah mencintainya. Saya telah dapat memuaskan keinginan saya. Dia telah menikmati saya. Akibatnya, saya telah hamil dan melahirkan anak saya ini, Malliga. Dia telah mendesak supaya saya meninggalkannya kerana bimbang akan menjejaskan kedudukan dan maruah dirinya. (M. Ramaiah, 1976, ms.58).

Porkodi telah mempercayai kata-kata Valli lalu membuat keputusan untuk memutuskan hubungan mereka. Sebelum itu, dia telah menghadap Sundaresan untuk mengetahui perkara sebenar. Penjelasan Sundaresan telah menyakinkannya bahawa Valli ialah pembantu rumah dan Malliga bukanlah anaknya, sebaliknya adik Sundaresan. Sebenarnya, Valli telah menabur fitnah untuk memerangkap Sundaresan. Tidak dapat dinafikan bahawa fitnah Valli tidak berjaya, namun telah mencetuskan kekecohan dalam kehidupan Porkodi buat sementara waktu dan hampir memutuskan pertalian percintaannya dengan Sundaresan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, dalam novel yang sama, *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu* (1976), ketua akauntan, Kannan telah menabur fitnah bahawa Sundaresan telah melakukan pecah amanah melibatkan wang syarikat itu. Sebenarnya, Kannan ialah seorang kaki joli dan kaki perempuan. Dia menyimpan seorang pekerja syaraikat itu sebagai wanita simpanannya. Dia berhutang pada orang lain untuk menjalani kehidupan mewah dan berbelanja untuk wanita simpanannya. Apabila tidak dapat melangsaikan hutangnya, Kannan menggunakan wang syarikat untuk melunaskan hutang dan penolong akauntan pula dituduh melakukan pecah amanah. Penolong akauntan sebelum Sundaresan turut didakwa melakukan pecah amanah. Menurut Sundaresan orang tersebut adalah seorang yang amanah dan baik budinya. Kini, Sundersan pula difitnah melakukan pecah amanah yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> கண்ணன் என்னைப் பழிவாங்கிட்டான் பொற்கொடி. நான் பயந்த மாதிரியே நடந்து போச்சு என்றான். (மா. இராமையா, 1976, ப. 94)
>
> Kannan telah mengenakan saya. Porkodi. Sudah berlaku perkara yang saya bimbang itu, kata Sundaresan. (M. Ramaiah, 1976, ms. 94)

Akibat fitnah Kannan, Sundaresan telah diberkas lalu dituduh melakukan pecah amanah. Selain itu, hubungan kekeluargaan antara Porkodi dengan peguam Vanagamudi turut menjadi renggang kerana beliau tidak mahu membela Sundaresan yang juga merupakan anak saudaranya. Dia juga tidak menyenangi usaha Porkodi mencabarnya di mahkamah. Di samping itu, rumah tangga Porkodi turut kecoh akibat suaminya ditahan pihak berkuasa. Selanjutnya, Sundaresan telah diabelkan sebagai pencuri. Namun, berkat usahanya yang gigih dan kecekapan mematahkan hujah-hujah Vanangamudi, Porkodi telah berjaya melepaskan suaminya daripada fitnah yang ditaburkan oleh Kannan.

Sementara itu, dalam novel *Cańkamam (*1995*),* watak Selvamani dan Sugumari yang memendam perasaan dengki dan dendam telah menabur fitnah terhadap Gunalan, pengurus syarikat mereka. Gunalan telah mula bekerja dalam syarikat itu sebagai pekerja biasa. Namun, sifat kegigihan dan kejujurannya telah memikat hati anak perempuan pemilik syarikat itu lalu mengkahwininya. Sebagai anak menantu, Gunalan telah berjaya memajukan syarikat itu. Namun, terdapat dua orang pekerja dalam syarikat itu, iaitu Selvamani dan wanita simpanannya, Sugumari telah memendam perasaan dendam terhadap Gunalan kerana kehadirannya telah menggugat kedudukan mereka dalam syarikat tersebut. Oleh itu, mereka dengan kerjasama dua orang lagi,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rokiah dan Lee Koon, merancang untuk memperalatkan Velu yang merupakan kawan baik Gunalan untuk menabur fitnah agar dapat disingkirkannya daripada syarikat itu. Mereka melakakuan tipu muslihat untuk menyabitkan Gunalan sebagai pengedar dadah.

Watak Sugumari telah berjaya menggoda Velu di samping mencetuskan perselisihan faham antara Velu dengan Gunalan. Sugumari memberikan dadah secara bernansur-ansur kepada Velu lalu menjadikan hambanya. Apabila sampai masanya, dia telah memaklumkan Velu bahawa dia sudah pun berumah tangga dan memiliki seorang cahaya mata. Keadaan ini mengejutkan Velu lalu dia mula menagih dadah untuk melepaskan perasaan kecewanya. Salah seorang pekerja syarikat itu, Salleh yang telah diarah oleh Gunalan untuk mencari Velu, telah menemuinya dalam keadaan tenat lalu memasukkannya di hospital. Hal ini telah dimaklumkan kepada Gunalan. Gunalan pun terus bergesa-gesa ke hospital. Keadaan diri Velu telah mengejutkan Gunalan.

> வேலு உணர்வற்ற நிலையில் படுக்கையில் கிடந்தான். இருப்பினும் அவன் கண்கள் அசைந்துகொண்டிருந்தன. குணாளனைக் கண்டதும் அவன் கண்களின் கோடியில் கண்ணீர் உருண்டோடியது.வேலு.....! குணாளன் அழுதே விட்டான். (மா. இராமையா, 1995, ப. 244)
>
> Velu telah terlantar di katil tanpa sedari dirinya. Namun, matanya masih bergerak-gerak. Sebaik sahaja melihat wajah Gunalan, air mata mengalir di ekor matanya. Velu.....!Gunalan terus menangis. (M. Ramaiah. 1995, ms. 244)

Selvamani dan Sugumari telah berusaha mengaitkan keadaan diri Velu dengan Gunalan. Gunalan diftnah menggunakan Velu untuk mengedar dadah. Namun, fitnah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan tuduhan melulu mereka tidak berjaya. Malangnya, pada akhirnya Gunalan telah kehilangan kawan karibnya.

Sehubungan ini, novelis M. Ramaiah melaui ketiga-tiga situasi tersebut ingin memaparkan kesan yang dibawa oleh perlakuan menabur fitnah. Walaupun usaha menabur fitnah dalam novel-novel tersebut gagal mencapai matlmat, namun perbuatan fitnah-memfitnah telah mencetuskan kekecohan dalam kehidupan mangsa berkenaan. Mangsa tersebut terpaksa meringkuk di penjara dan kehilangan kepercayaan masyrakat. Di samping itu, perlakuan ini turut menjadi punca meragut nyawa sesoeorang. Oleh itu, M. Ramaiah menyeru para pembaca supaya menjauhi perbuatan fitnah-memfitnah kerana dapat menjejaskan kehidupan individu, memusahkan keharmonian dalam keluarga dan masyarakat, dan meruntuhkan sesuatu institusi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.18 Harus Melindungi Kanak-kanak daripada Gejala Penderaan

Menurut Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah 18 tahun (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Menurut akta tersebut penderaan kanak-kanak ialah satu pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap hak kanak-kanak untuk berkembang dalam keadaan sihat dan bermaruah di samping menyebabkan risiko dalam kelangsungan hidup mereka. Gejala penderaan ini boleh dikategorikan kepada penderaan fizikal, emosi, seksual dan pengabaian. Penderaan fizikal adalah apabila seseorang kanak-kanak dicedera dari segi fizikal menyebabkan kesan kecederaan pada mana-mana bahagian tubuh kanak-kanak itu akibat kekerasan atau penggunaan agen yang disengajakan kepada tubuh kanak-kanak itu. Penderaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

emosi adalah apabila seseorang kanak-kanak dicederakan dari segi emosi yang menyebabkan gangguan yang boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak itu seperti kecelaruan mental atau tingkah laku, keresahan, kemurungan, penyendirian dan perkembangan lambat. Penderaan seksual adalah apabila seseorang kanak-kanak teraniaya dari segi seks jika dia mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi apa-apa maksud atau eksploitasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain.

Di samping itu, keganasan merujuk kepada sesuatu tindakan dengan niat untuk menyebabkan sebarang bentuk kecederaan dari segi fizikal dan emosi terhadap kanak-kanak. Eksploitasi merujuk kepada penggunaan kanak-kanak dalam aktiviti yang membolehkan pihak lain mendapat faedah dari segi kewangan, seksual, politik serta kepentingan lain yang boleh mengancam kesejahteraan fizikal dan psikologikal mahupun kelangsungan hidup kanak-kanak.

Salah satu jenayah semakin meningkat ialah jenayah merogol. Dalam novel *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai* (2009), dua orang adik-beradik berumur 19 tahun dan 20 tahun telah memperkosa seorang kanak-kanak berumur tujuh tahun. Mereka ialah kenalan kepada seorang ahli politik bernama Muthaiyah. Pihak polis tidak dapat mengambil sebarang tindakan kerana atas campur tangan Muthaiyah. Oleh itu, Kathirvelu telah mendesak pihak polis untuk mengambil tindakan tegas terhadap dua orang pemuda tersebut. Pihak polis juga berjanji akan mengambil tindakan sekiranya pihak mangsa membuat aduan. Malangnya, Kathirvelu dimaklumkan bahawa pihak mangsa tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mahu membuat aduan kerana diugut oleh samseng yang dihantar oleh Muthaiyah. Sehubungan ini, pihak polis didapati bersuhabat dengan pihak politk untuk melindungi penjenayah walaupun pihak hospital mengesahkan salah laku mereka.

> உங்களுக்கு சிரமம் வைக்காமலே பையன்கள் உடனே விடுதலையாகிப் போயிட்டாங்க, என்றார் இன்ஸ்பெக்டர். (மா. இராமையா, 2009, ப. 125)
>
> Budak-budak itu telah dibebaskan tanpa menyusahkan tuan, kata Inspektor (M. Ramaiah, 2009, ms. 125)

Sebenarnya, pihak polis telah bertindak sambilewa dan jenyah rogol tidak perlu diadu oleh pihak mangsa asalkan ada laporan daripada pihak hospital. Rogol ditakrifkan sebagai hubungan seks yang dilakukan atas wanita secara paksa sehingga terdapat kesan-kesan luka, lebam atau calar-calar pada tubuh mangsa. Mengikut Seksyen 375 Kanun Seksaan 1980, adalah dikatakan berlaku rogol sekiranya seseorang perempuan itu berumur kurang daripada 14 tahun mengadakan hubungan seks, sama ada secara kerelaan atau paksaan. Dalam kes ini, mangsa rogol adalah berumur tujuh tahun. Oleh itu, pihak polis telah gagal melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka.

Dalam novel *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavuu* (1976), seorang kanak-kanak perempuan bernama Malliga yang berumur enam tahun telah didera oleh pembantu rumahnya. Pembantu rumah itu yang bernama Valli menaruh hati pada tuan rumahnya Sundaresan. Dia telah cuba memerangkap Sundaresan. Sementara itu, Sundaresan pula menaruh hati pada jirannya, Porkodi. Adik Sundaresan sering mengunjungi Porkodi dan menyapanya bagai ‘kakak ipar’. Perlakuan Malliga telah membimbangkan Valli

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana takut rancangannya untuk memikat Sundaresan akan gagal. Oleh itu, Valli berasa marah lalu mendera Malliga.

> அண்ணி, வேலைக்காரி அடிக்கடி இங்கேயே பார்த்துக்கிட்டு இருக்கிறாங்க. நான் வர்றேண்ணி, என்று சொல்லிவிட்டு வீதியைக் கடந்து கதவைத் திறந்து கொண்டு உள்ளே சென்றாள். ஒரு கணம்கூட இருக்காது. கதவு "படார்" என்று சாத்தும் சத்தத்தைத் தொடர்ந்து 'பளார்,பளார்' அடிகள் விழுந்தன. சிறிது நேரத்திற்கு பின்னர் விசும்பி அழும் குரல் கேட்டது. சந்தேகமே இல்லை, அது மல்லிகையின் குரல்தான். (மா. இராமையா, 1976, ப. 49)

> Kakak, pembantu rumah sedang memerhatikan saya. Saya balik dulu, kata Malliga. Dia terus menyeraberangi jalan lalu masuk ke rumahnya. Sebaik sahaja itu, Porkodi terdengar bunyi pintu membanting lalu ikuti oleh bunyi tamparan. Selepas itu dia terdengar tangisan tersesak-esak. Tidak salah. Itu tetap suara Malliga (M. Ramaiah, 1976, ms. 49)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi ini jelas memaparkan penderaan fizikal yang dilakukan oleh seorang pembantu rumah. Kita sedia maklum bahawa penderaan fizikal dikatakan berlaku apabila seseorang kanak-kanak dicederakan dari segi fizikal dan mengalami kecederaan yang boleh dilihat pada mana-mana bahagian tubuh kanak-kanak itu akibat kekerasan atau penggunaan agen yang disengajakan kepada tubuh kanak-kanak itu. Sehubungan ini, Porkodi sebagai seorang arif akan undang-undang. memandangkan dirinya seorang peguam, adalah wajar memaklumkan kepada Sundaresan, tetapi dia gagal berbuat sedemikian.

Di samping itu, dalam novel *Maṉa Ūṉaṅkaḷ* (2001), seorang bayi menjadi mangsa penderaan. Maithili, iaitu ibu kepada bayi tersebut telah menjalinkan hubungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sulit dengan penyelia kilang, Sugumaran yang sudah pun mendirikan rumah tangga. Hasil hubungan sulit itu, Mythili telah hamil lalu telah mengkahwini Murugesu untuk menyembunyikan perbuatan curangnya. Selepas melahirkan anaknya, dia masih meneruskan hubungan sulit dengan Sugumaran. Lelaki itu akan sering mengunjungi Mythili ketika Murugesu tidak berada berada di rumah. Pada suatu hari, ketika mereka berdua bersetubuh, pericikan api daripada rokok Sugumaran telah terkena pada buaian lalu bayi Mythili yang tertidur di situ turut terlecur.

> அவன் கையிலிருந்த சிகரெட்டைப் பிடுங்கி மைதிலி விசி எறிந்த போது அது போய் தூளிக்குள் விழுந்திருக்கிறது.அவர்கள் மெய்மறந்து இருந்ததால் தூளி நெருப்புப் பிடித்தது கூட்டத்தெரியவில்லை. குழந்தை வீறிட்டழுவதைத் தொடர்ந்து மைதிலி கதறவே, என் மனைவி கதவைத் திறந்துகொண்டு உள்ளே போனபோது இருவரும் என்ன செய்வதன்று தெரியாமல் தடுமாறிக் கொண்டுடிருந்தார்களாம், என்றார் பச்சையப்பன். (மா. இராமையா, 20001, ப. 175)

> Ketika Mythili merampas dan membuang rokok yang dihisabnya, percikan api telah terkena katil. Mereka tidak sedar ketika asyik terlibat dalam persetubuhan. Ketika terdengar raungan bayi, Mythili turut raung melihat bayi terkena api kebakaran. Sebaik sahaja terdengar raugan Mythili, isteriku terus melangkah masuk ke bilik itu mendapati Muthili dan Sugumaran terpingga-pingga di situ, kata jirannya Pachaiappan (M. Ramaiah, 2001, ms. 175)

Akhirnya, bayi itu mati kerana badannya terlecur. Kematian bayi tersebut disebabkan oleh sikap cuai Mythili terhadap keselamatan anaknya. Namun, isteri Pachiappan yang pernah menyaksikan kejadian ini telah gagal mengadu hal ini kepada pihak berkuasa. Selain itu, dia juga sanggup membenarkan Murugesu, iaitu suami Mythili, didakwa atas kesalahan membunuh bayi itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan ketiga-tiga kisah tersebut, novelis M. Ramaiah ingin menegur sikap dingin dan tidak prihatin masyarakat terhadap penganiayaan yang ditimpa oleh kanak-kanak dalam masyarakat India. Oleh itu, novelis menyeru para pembacanya agar tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap pihak yang mendera dan menganiaya kanak-kanak yang tidak berdosa.

Secara ringkasnya, pengjaran yang diterapkan oleh novelis M. Ramaiah dalam ketujuh-tujuh novelnya dapat disenaraikan dalam jadual 4.10.

Jadual 4.10

Senarai Pengajaran yang Diterapkan Dalam Novel-novel M. Ramaiah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil.	**Pengajaran**
1	Tidak ejek-mengejek sesama manusia
2	Tidak bersikap keanak-anakan
3	Tidak bersikap jahil atau *matan*
4	Jangan bersikap bodoh atau *pētaimai*
5	Haruslah mengamalkan kehidupan ceria dengan ketawa
6	Mengelakkan sikap menghina orang lain
7	Haruslah tabah menghadapi kematian
8	Harus gigih berusaha mengatasi kemiskinan
9	Harus menghormati ibu bapa yang meningkat usia
10	Harus berusaha mengubati penyakit atau *piŋi*
11	Harus berusaha dengan rajin untuk mencapai matlamat hidup
12	Tidak harus takut menentang ketidakadilan dalam masyarakat
13	Tidak tersikap terlalu membangga diri
14	Harus mengawal perasaan marah
15	Tidak terlibat dalam perbuatan curang
16	Harus mementingkan pendidikan kaum wanita
17	Harus menjauhi perbuatan fitnah-memfitnah
18	Harus melindungi kanak-kanak daripada gejala penderaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji sedia menjelaskan bahawa terdapat dua jenis pengajaran, iaitu pengajaran bersifat positif dan negatif. Pengajaran positif ialah mesej atau iktibar yang terpapar untuk menekankan sesuatu amalan, perbuatan dan pengalaman hidup yang wajar dijadikan ikutan dan pedoman dalam menjalani kehidupan seharian. Berdasarkan senarai pengajaran dalam jadual 4.10, sebanyak 10 daripada 18 pengajaran tersebut adalah bersifat positif kerana membawa pedoman atau iktibar untuk memperteguh, mengikuti dan mengamalkan perlakuan yang menjamin kesejahteraan, keharmonian dan kebahagian hidup individu, keluarga dan masyarakat. Pengajaran tersebut adalah terpapar dalam jadual 4.11.

Jadual 4.11

Senarai Pengajaran Bersifat Positif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil.	Pengajaran
1	Haruslah mengamalkan kehidupan ceria dengan ketawa
2	Haruslah tabah menghadapi kematian
3	Harus gigih berusaha mengatasi kemiskinan
4	Harus menghormati ibu bapa yang meningkat usia
5	Harus berusaha mengubati penyakit atau *piṇi*
6	Harus berusaha dengan rajin untuk mencapai matlamat hidup
7	Tidak harus takut menentang ketidakadilan dalam masyarakat
8	Harus mengawal perasaan marah
9	Harus mementingkan pendidikan kaum wanita
10	Harus melindungi kanak-kanak daripada gejala penderaan

Sementara itu, terdapat pengajaran bercorak negatif yang menegaskan bahawa sesuatu perbuatan harus dikikiskan serta dijadikan batasan hidup atau sempedan perlakuan, sifat, amalan hidup dan pemikiran dalam kalangan individu, keluarga, masyarakat, pemimpin dan institusi demi melahirkan suasana sosial yang adil, saksama,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

harmoni, damai dan berperikemanusiaan. Pengajaran tersebut adalah terpapar dalam jadual 4.12.

Jadual 4.12

Senarai Pengajaran Bersifat Negatif

Bil.	Pengajaran
1	Tidak ejek-mengejek sesama manusia
2	Tidak bersikap keanak-anakan
3	Tidak bersikap jahil atau *matan*
4	Jangan bersikap bodoh atau *pētaimai*
5	Mengelakkan sikap menghina orang lain
6	Tidak bersikap terlalu membangga diri
7	Tidak terlibat dalam perbuatan curang
8	Harus menjauhi perbuatan fitnah-memfitnah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa novelis M. Ramaiah menerapkan pengajaran-pengajaran tersebut kerana ingin memberi nasihat, kesedaran dan tunjuk ajar kepada para pembacanya supaya mengamlakan sikap, perlakuan dan nilai positif serta bertindak proaktif dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Di samping itu, M. Ramaiah turut menyampaikan teguran, sindiran dan krtikan melalui pengajaran tertentu agar mengikis dan menyingkirkan perlakuan, sifat, amalan dan pemikiran tertentu. Justeru, kesemua pengajaran M. Ramaiah adalah bertujuan untuk melahirkan inidividu, ahli keluarga, anggota masyarakat, pemimpin, pihak berkuasa dan golongan tertentu ke arah kehidupan yang baik, sejahtera dan harmoni.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Kesimpulan

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa novelis M.Ramaiah menekankan pelbagai perasaan hidup watak-watak dengan menggabungkan *meyppāttu* yang merupakan perasaan sebenar yang dialami oleh masyarakat di sekitarnya. M. Ramaiah telah berjaya menerapkan *envakai meyppāttu* atau lapan variasi rasa dalam novel-novelnya. *Envakai meyppāttu* ini telah dicetuskan oleh M. Ramaiah berdasarkan 31 punca perasaan yang dicerminkan melalui perwatakan, pemikiran, nilai, amalan hidup dan pendirian atau pegangan hidup watak-watak mengikut situasi sosial tertentu yang dipaparkan dalam ketujuh-tujuh novel yang terpilih itu. Oleh itu, hasil kajian menunjukkan bahawa novelis M. Ramaiah banyak menerapkan *envakai meyppāttu* dan punca-punca perasaan ini agar hasil karyanya kelihatan realistik dan benar-benar memaparkan perasaan masyarakat sebenarnya.

Di samping itu, M. Ramaiah juga menerapkan pengajaran-pengajaran tertentu secara tersirat atau implisit melalui cetusan *envakai meyppāttu* dan punca-punca berkaitan dengan *envakai meyppāttu* ini dengan menekankan sesuatu amalan, perbuatan, pemikiran dan pendirian atau pegangan hidup yang wajar diikuti atau dijauhi. Dalam novel-novel yang dikaji itu, pengkaji telah mengenal pasti sebanyak 18 pengajaran. Antara 18 pengajaran ini, sebanyak 10 pengajaran pula berupa mesej dan iktibar kepada para pembacanya dan masyarakat umum agar menjadikannya sebagai pedoman dan panduan hidup, sebaliknya 8 pengajaran merupakan teguran dan kritikan supaya perlakuan tersebut dikikiskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara ringkasnya, dapatan kajian mendapati bahawa pengkaji telah menjawab kesemua objektif dan soalan kajian yang ditetapkan itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

BAB 5

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pengenalan

Perbincangan dalam bab ini merumuskan hasil kajian secara keseluruhan berdasarkan objektif-objektif kajian ini. Oleh demikian itu, dapatan dan jadual yang dipaparkan dalam Bab 4 dirumuskan dalam bab ini. Bab ini juga menyenaraikan beberapa cadangan yang sesuai kepada pengkaji-pengkaji yang akan menjalankan kajian berkaitan dengan tajuk ini pada masa hadapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Perbincagan dan Dapatan Kajian

M. Ramaiah ialah seorang penulis tersohor dan berpengalaman luas dalam menghasilkan karya-karya sastera, terutama novel yang realistik dan berbaur latar Malaysia. M. Ramaiah sebagai novelis yang berjiwa sastera sering menerapkan pelbagai unsur sastera dalam hasil karyanya untuk menarik pembaca agar terus membaca di samping itu menyisipkan pelbagai mesej yang menjadi tatapan mereka. Dalam proses penghasilan novel, seseorang penulis itu menekankan pelbagai perasaan hidup watak dengan menggabungkan perasaan sebenar yang dialami oleh masyarakat di sekitarnya supaya watak dan perwatakan yang dipaparkan itu benar-benar mencuit perasaan para pembaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks ini, M. Ramaiah menerapkan *envakai meyppātu* atau lapan variasi rasa novel-novelnya untuk menghidupakan perwatakan yang dilakarkan dalam novel-novel tersebut. Penerapan *envakai meyppātu* ialah suatu cara menampilkan pergolakan perasaan (jiwa) seseorang watak secara halus agar para pembaca dapat memahami dan menghayati perasaan watak-watak yang ditampilkan dalam novel-novelnya. Dengan ini, beliau cuba melahirkan para pembaca yang mempunyai tahap pengamatan dalaman yang tinggi dan tajam serta berjiwa sastera.

Kajian ini dibuat dengan menganalisis tujuh buah novel hasil karya M. Ramaiah yang terdiri daripada *Viḻalum Nīrum (*1999*), Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu (*1976), *Maṉa Ūṉaṅkaḷ (2001), Caṅkamam (1995), Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai (2009*), *Neruppu Cuṉai* (2009*),* dan *Aḻakiṉ Ārātaṉai* (1992). Analisis kajian ini berfokus kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbincangan mengenai kesimpulan dapatan kajian yang dibuat berdasarkan tiga objektif yang mendasari kajian ini. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti *envakai meyppãtu* yang terpapar dalam novel-novel karya M. Ramaiah, menganalisis punca-punca *envakai meyppāṭu* dalam kalangan watak yang terpapar dalam novel-novel karya M. Ramaiah dan akhir sekali menghuraikan unsur-unsur pengajaran yang disampaikan oleh pengarang melalui cetusan *envakai meyppatu.*

5.2.1 Mengenal Pasti *Envakai Meyppãtu* terpapar dalam Novel-novel M. Ramaiah.

Setelah mengkaji dan menganalisis ketujuh-tujuh teks tersebut, pengkaji telah berjaya mengenal pasti *envakai meyppãtu* dalam novel-novel karya M. Ramaiah. Hasil dapatan itu diringkaskan dalam jadual 5.1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1

Envakai Meyppãtu dan Bilangan Puncanya dalam Novel-novel M. Ramaiah

Bil	**Unsur-unsur *meyppãtu***	**Punca-punca dan Bilangannya Dikesan**			
1	*Nakai* (Tawa)	*eḷḷal* Ejekan	*iḷamai* Keanak-anakan	*Pētamai* Kejahilan	*maṭaṉ* Kebodohan
		4	3	3	2
2	*Aḻukai* (Tangisan)	*iḷivu* Terhina	*iḻavu* Kehilangan	*acaivu* Kedaifan	*vaṟumai* Kemiskinan
		5	3	3	3
3	*Iḷivaral* (Hina)	*mūppu* Ketuaan	*piṇi* Penyakit	*Varuttam* Kesedihan	*meṉmai* Keuzuran
		3	2	1	2
4	*Maruṭkai* (Kagum)	*putumai* Keanehan	*perumai* Takjub	*ciṟumai* Sangat halus	*ākkam* Pembaharuan
		3	2	1	2
5	*Accam* (Takut)	*aṇaṅku* – Makhluk halus	*vilaṅku* Binatang liar	*kaḷvar* Perompak	*tam-iṟai* Pihak atasan
		1	1	1	4
6	*Perumitam* (Bangga)	*kalvi* Ilmu	*taṟukaṇ* Keberanian	*pukaḻmai* Kemasyhuran diri	*koṭai* Murah hati
		2	2	2	1
7	*Vekuḷi* (Marah)	*uṟuppaṟai* Penderaan fizikal	*kuṭikōl* Cukai	*alai* Hukuman	*Kolai* Pembunuhan
		2	-	1	2
8	*Uvakai* (Gembira)	*celvam* Kekayaan	*pulaṉ* Keindahan	*puṇarvu* Persetubuhan	*viḷaiyāṭṭu* Permainan
		3	1	2	1

Pengkaji mendapati bahawa M. Ramaiah telah menerapkan kesemua *envakai meyppātu* (lapan variasi rasa) yang terdiri daripada rasa *nakai* (tawa), *aḻukai* (tangisan), *iḻivaral* (hina), *marutkai* (kagum), *accam* (takut), *perumitam* (bangga), *vekuḻi* (marah) dan *uvakai* (gembira) dalam ketujuh-tujuh novel yang dikaji itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, M. Ramaiah telah mencetuskan rasa *nakai* (tawa) itu melalui empat punca, iaitu *eḷḷal* (ejekan), *iḷamai*(keanak-anakan), *pētamai* (kejahilan) dan *maṭaṉ* (kebodohan) itu dengan menggunakan 12 situasi dalam novel-novel dikaji itu. Seterusnya, beliau mencetuskan rasa *aḻukai* (tangisan) itu melalui empat punca, iaitu *iḷivu* (terhina), *iḻavu* (kehilangan), *acaivu*(kedaifan) dan *vaṟumai* (kemiskinan) itu, dengan menggunakan 14 situasi dalam novel-novel dikaji itu.

Selanjutnya, M. Ramaiah mencetuskan rasa *ilivaral* (hina) itu melalui empat punca, iaitu *mūppu* (ketuaan), *piṇi* (penyakit), *varuttam* (kesedihan) dan *meṉmai* (keuzuran), dengan menggunakan lapan situasi dalam novel-novel dikaji itu. Selain itu, beliau mencetuskan rasa *maruṭkai* (kagum) itu melalui empat punca, iaitu *putumai* (keanehan), *perumai* (takjub), *ciṟumai* (sangat halus) dan *ākkam* (pembaharuan), dengan menggunakan lapan situasi tertentu dalam novel-novel dikaji itu.

Di samping itu, M. Ramaiah mencetuskan rasa *accam* (takut) itu melalui empat punca, iaitu *aṇaṅku* (makhluk halus), (*vilaṅku*) binatang liar, *kaḷvar* (perompak) *iṟai* (pihak atasan) dengan menggunakan tujuh situasi tertentu dalam novel-novel dikaji itu.. Selain itu, beliau mencetuskan rasa *perumitam* (bangga) itu melalui empat punca, iaitu *kalvi* (ilmu), *taṟukaṇ* (keberanian), *pukaḻmai* (kemasyhuran diri) dan *koṭai* (murah hati), dengan menggunakan 4 situasi tertentu dalam novel-novel dikaji itu.

Sementara itu, M. Ramaiah mencetuskan rasa *vekuḷi* (marah) itu melalui tiga punca iaitu *uṟuppaṟai* (penderaan fizikal), *alai* (hukuman) dan *kolai* (pembunuhan) dengan menggunakan lima situasi tertentu dalam novel-novel dikaji itu. Pengkaji tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat mengesan rasa *vekuḷi* (marah) yang dicetuskan oleh punca *kuṭikōl*(cukai). Akhir sekali, beliau mencetuskan rasa *uvakai* (gembira) itu melalui empat punca, iaitu *celvam* (kekayaan), *pulaṉ* (keindahan), *puṇarvu* (persetubuhan) dan *viḷaiyāṭṭu* (permainan), dengan menggunakan tujuh situasi tertentu dalam novel-novel dikaji itu.

Secara keseluruhan, pengkaji mendapati bahawa novelis M. Ramaiah telah mencetuskan kesemua *envakai meyppātu* itu melalui 31 punca dengan menggunakan sebanyak 68 situasi tertentu dalam novel-novel dikaji itu. Pengkaji hanya tidak dapat mengesan rasa *vekuḷi* (marah) yang dicetuskan oleh punca *kuṭikōl* (cukai).

5.2.2 Menganalisis Cara-cra Pengarang M. Ramaiah Mencetuskan *Envakai Meyppāṭu* Novel-novelnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah menganalisis cara-cara yang digunakan oleh novelis M. Ramaiah untuk mencetuskan *envakai meyppāṭu* dalam kalangan pelbagai watak yang dipaparkan dalam novel-novelnya. Beliau didapati melakarkan situasi-situasi tertentu dalam novelnya dengan menggunakan punca-punca tertentu untuk mencetuskan *envakai meyppāṭu* yang berkaitan. Oleh itu, pengkaji seterusnya menganalisis punca-punca *envakai meyppāṭu* dalam kalangan watak yang terpapar dalam novel-novel karya M. Ramaiah berdasarkan rumusan analisis punca-punca *envakai meyppāṭu* terpapar dalam Jadual 5.1.

Rasa *nakai* (tawa) yang merupakan salah satu unsur *envakai meyppāṭu* itu dicetuskan dalam kalangan watak-watak terpapar dengan menggunakan empat punca,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iaitu *eḷḷal* (ejekan), *iḷamai*(keanak-anakan), *pētamai* (kejahilan) dan *maṭaṉ* (kebodohan). M. Ramaiah didapati melakarkan sebanyak empat situasi yang berkaitan dengan punca *eḷḷal* (ejekan), tiga situasi berkaitan dengan punca *iḷamai* (keanak-anakan), tiga lagi berhubung dengan *pētamai* (kejahilan) dan dua situasi berkaitan dengan *maṭaṉ* (kebodohan) untuk mencetuskan rasa *nakai* (tawa) ini.

Seterusnya, M. Ramaiah didapati mencetuskan rasa rasa *aḻukai* (tangisan) itu dalam kalangan watak-wataknya melalui empat punca tertentu. Beliau didapati mengilhamkan lima situasi berkaitan dengan *iḷivu* (terhina), tiga situasi berkaitan dengan *iḻavu* (kehilangan), tiga lagi situasi berkaitan dengan *acaivu*(kedaifan) dan tiga situasi berhubung dengan *vaṟumai* (kemiskinan) itu untuk mencetuskan rasa ini.

Selanjutnya, M. Ramaiah didapati mencetuskan rasa *ilivaral* (hina) itu melalui empat punca, iaitu *mūppu* (ketuaan), *piṇi* (penyakit), *varuttam* (kesedihan) dan *meṉmai* (keuzuran) dalam kalangan watak-watak terpapar dalam novel-novelnya. Beliau melakarkan sebanyak tiga situasi berkaitan dengan *mūppu* (ketuaan), dua situasi berkenaan punca *piṇi* (penyakit), sau situasi berhubung dengan *varuttam* (kesedihan) dan dua lagi situasi berkaitan dengan punca *meṉmai* (keuzuran) untuk mencetuskan rasa *ilivaral* (hina) ini.

Dalam pada itu, novelis mencetuskan rasa *maruṭkai* (kagum) itu melalui empat punca, iaitu *putumai* (keanehan), *perumai* (takjub), *ciṟumai* (sangat halus) dan *ākkam* (pembaharuan). Pengkaji mendapati bahawa M. Ramaiah telah memaparkan tiga situasi berkaitan dengan *putumai* (keanehan), dua situasi berhubung dengan *perumai* (takjub), satu situasi berkenaan dengan *ciṟumai* (sangat halus) dan dua lagi situasi berkaitan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan punca *ākkam* (pembaharuan) untuk melahirkan rasa *maruṭkai* (kagum) dalam kalangan watak-watak yang terpapar dalm novelnya.

Di samping itu, pengkaji dapat mengesan empat punca yang digunakan oleh M. Ramaiah untuk mencetuskan rasa *accam* (takut) itu. Beliau didapati mengilhamkan sebanyak satu situasi sahaja berkaitan *aṇaṅku* (makhluk halus), satu situasi berkaitan *vilaṅku* (binatang liar), satu lagi situasi yang berhubung dengan *kaḷvar* (perompak) dan empat situasi berkenaan dengan punca *iṟai* (pihak atasan) untuk melahirkan rasa *accam* (takut) dalam kalangan wata-watak dalam novel-novelnya.

Selain itu, beliau turut mencetuskan rasa *perumitam* (bangga) dengan menggunakan punca *kalvi* (ilmu), *taṟukaṇ* (keberanian), *pukaḻmai* (kemasyhuran diri) dan *koṭai* dalam kalangan watak-watak dalam novelnya itu. Beliau didapati melakarkan sebanyak dua situasi berkaitan dengan punca *kalvi* (ilmu), dua situasi berkaitan *taṟukaṇ* (keberanian), dua lagi situasi yang berhubung dengan *pukaḻmai* (kemasyhuran diri) dan satu situasi berkenaan dengan punca *koṭai* (murah hati) untuk melahirkan rasa *perumitam* (bangga) dalam kalangan wata-watak dalam novel-novelnya.

Sementara itu, pengkaji dapat mengesan tiga punca sahaja seperti *uṟuppaṟai* (penderaan fizikal), *alai* (hukuman) dan *kolai* (pembunuhan) diterapkan oleh M. Ramaiah untuk mencetuskan rasa *vekuḷi* (marah) dalam kalangan watak-wataknya. Beliau melakarkan dua situasi yang menggambarkan *uṟuppaṟai* (penderaan fizikal), satu situasi memaparkan *alai* (hukuman) dan dua situasi berkaitan dengan *kolai* (pembunuhan) yang dapat membawa perasaan marah watak-watak dalam novel-novel

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini. Manakala, pengkaji tidak dapat mengesan sebarang situasi mencetuskan perasaan marah disebabkan *kuṭikōl*(cukai).

Akhir sekali, beliau mencetuskan rasa *uvakai* (gembira) dalam kalangan watak-wataknya itu melalui *celvam* (kekayaan), *pulaṉ* (keindahan), *puṇarvu* (persetubuhan) dan *viḷaiyāṭṭu* (permainan). Berhubung dengan ini, M. Ramaiah melakarkan tiga situasi berkaitan dengan *celvam* (kekayaan), satu situasi berkenaan dengan *pulaṉ* (keindahan), dua lagi situasi lagi berkaitan dengan *puṇarvu* (persetubuhan) dan satu lagi situasi berkaitan dengan *viḷaiyāṭṭu* (permainan) yang membawa perasaan gembira kepada watak-wataknya.

Secara keseluruhan, pengkaji dapat mengesan 31 daripada 32 punca yang mencetuskan *envakai meyppāṭu* ini dalam kalangan watak-watak yang terpapar dalam ketujuh-tujuh novel yang dikaji itu. Sementara itu, pengkaji tidak dapat mengesan satu punca sahaja, iaitu punca cukai yang mencetuskan perasaan marah dalam klangan watak terhadap pihak berkuasa.

Sehubungan ini, novelis M. Ramaiah telah menggunakan teknik penceritaan untuk melakarkan situasi-situasi yang dapat mencetuskan *envakai meyppāṭu* dengan menggunakan punca-punca tertentu. Di samping itu, M. Ramaiah banyak menggunakan teknik dialog dan pemeriaan dalam novel-novelnya untuk mewujudkan kesan dramatik seolah-olah watak-watak dalam novel yang dikaji itu mengalami dan diselubungi pelbagai perasaan berhubung kait dengan *envakai meyppāṭu*. Teknik ini juga membolehkan para pembaca jua turut berasa dan terasa *envakai meyppāṭu* dan punca-punca yang mencetuskannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3 Unsur-unsur Pengajaran yang disampaikan oleh Pengarang melalui Cetusan *Envakai Meyppatu*

Dalam kajian ini, pengarang M. Ramaiah turut menerapkan *envakai meyppātu* ini dalam novel-novelnya untuk menyampaikan pengajaran atau mesej tertentu untuk memperteguh atau menjauhi sesuatu sikap, sifat, amalan atau perlakuan itu. Pengkaji dapat mengesan sebanyak 18 pengajaran yang dapat dijadikan teladan dalam kehidupan seharian masyarakat Tamil di Malaysia yang terpapar dalam jadual 5.2.

Jadual 5.2

Senarai Pengajaran yang Diterapkan Dalam Novel-novel M. Ramaiah

Bil.	Pengajaran
1	Tidak ejek-mengejek sesama manusia
2	Tidak bersikap keanak-anakan
3	Tidak bersikap jahil atau *matan*
4	Jangan bersikap bodoh atau *pētaimai*
5	Haruslah mengamalkan kehidupan ceria dengan ketawa
6	Mengelakkan sikap menghina orang lain
7	Haruslah tabah menghadapi kematian
8	Harus gigih berusaha mengatasi kemiskinan
9	Harus menghormati ibu bapa yang meningkat usia
10	Harus berusaha mengubati penyakit atau *piṇi*
11	Harus berusaha dengan rajin untuk mencapai matlamat hidup
12	Tidak harus takut menentang ketidakadilan dalam masyarakat
13	Tidak tersikap terlalu membangga diri
14	Harus mengawal perasaan marah
15	Tidak terlibat dalam perbuatan curang
16	Harus mementingkan pendidikan kaum wanita
17	Harus menjauhi perbuatan fitnah-memfitnah
18	Harus melindungi kanak-kanak daripada gejala penderaan

Secara ringkasnya, pengjaran yang diterapkan oleh novelis M. Ramaiah dalam ketujuh-tujuh novelnya adalah tidak ejek-mengejek sesama manusia, tidak bersikap keanak-anakan, tidak bersikap jahil atau *matan,* tidak bersikap bodoh atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pētaimai, haruslah mengamalkan kehidupan ceria dengan berketawa, mengelakkan sikap menghina orang lain, haruslah tabah menghadapi kematian, harus gigih berusaha mengatasi kemiskinan, harus menghormati ibu bapa yang meningkat usia, harus berusaha mengubati penyakit atau *piṇi,* harus berusaha dengan rajin untuk mencapai matlamat hidup, tidak harus takut menentang ketidakadilan dalam masyarakat, tidak bersikap terlalu membangga diri, harus mengawal perasaan marah, tidak terlibat dalam aktiviti curang, harus mementingkan pendidikan kaum wanita, harus menjauhi perbuatan fitnah-memfitnah dan harus melindungi kanak-kanak daripada gejala penderaan.

Dalam pada itu, pengkaji mendapati bahawa 18 pengajaran yang dikenal pasti itu dapat dikategorikan kepada dua jenis pengajaran, iaitu pengajaran bersifat positif dan negatif. Pengajaran positif ialah mesej atau iktibar yang terpapar itu menekankan sesuatu amalan, perbuatan dan pengalaman hidup yang wajar dijadikan ikutan dan pedoman dalam menjalani kehidupan seharian. Antara 18 pengajaran tersebut, terdapat 10 pengajaran bersifat positif (Jadual 5.2). Pengjaran positif tersebut adalah haruslah mengamalkan kehidupan ceria dengan berketawa, tabah menghadapi kematian, gigih berusaha mengatasi kemiskinan, menghormati ibu bapa yang meningkat usia, berusaha mengubati penyakit atau *piṇi,* berusaha dengan rajin untuk mencapai matlamat hidup, tidak takut menentang ketidakadilan dalam masyarakat, mengawal perasaan marah, mementingkan pendidikan kaum wanita dan melindungi kanak-kanak daripada gejala penderaan. Pengkaji melihat mesej-mesej ini sebagai pengajaran positif kerana novel M. Ramaiah menyisipkan pedoman atau iktibar ini untuk menggalakkan para pembacanya untuk memperteguh, mengikuti dan mengamalkan perlakuan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjamin kesejahteraan, keharmonian dan kebahagian hidup individu, keluarga dan masyarakat.

Sementara itu, novelis M.Ramaiah turut menyisipkan sebanyak 8 pengajaran bercorak negatif dalam novel-novelnya (Jadual 5.2). Pengajaran bercorak negatif adalah bertujuan untuk menyeru kepada pembacanya supaya perbuatan atau sikap tertentu harus dijauhi, dikikiskan serta dijadikan batasan hidup atau sempedan perlakuan, sifat, amalan hidup dan pemikiran dalam kalangan individu, keluarga, masyarakat, pemimpin dan institusi demi melahirkan suasana sosial yang adil, saksama, harmoni, damai dan berperikemanusiaan. Pengajaran tersebut adalah tidak ejek-mengejek sesama manusia, tidak bersikap keanak-anakan, tidak bersikap jahil atau *matan,* tidak bersikap bodoh atau *pētaimai,* mengelakkan sikap menghina orang lain, tidak bersikap terlalu membangga diri, tidak terlibat dalam perbuatan curang dan menjauhi perbuatan fitnah-memfitnah.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa novelis M. Ramaiah menerapkan pengajaran-pengajaran tersebut kerana ingin memberi nasihat, kesedaran dan tunjuk ajar kepada para pembacanya supaya mengamlakan sikap, perlakuan dan nilai positif serta bertindak proaktif dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Di samping itu, M. Ramaiah turut menyampaikan teguran, sindiran dan krtikan melalui pengajaran tertentu agar mengikis dan menyingkirkan perlakuan, sifat, amalan dan pemikiran tertentu. Justeru, kesemua pengajaran M. Ramaiah adalah bertujuan untuk melahirkan inidividu, ahli keluarga, anggota masyarakat, pemimpin, pihak berkuasa dan golongan tertentu ke arah kehidupan yang baik, sejahtera dan harmoni.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Cadangan Kajian Selanjut

Dalam bahagian ini, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan untuk perhatian dan tindakan semua pihak teribat dalam bidang kesusasteraan. Salah satu cadangan ialah kajian perlu diperbanyakkan mengenai *envakai meyppatu* pada masa akan datang kerana didapati kajian berkaitan *meypāttu* kurang dijalankan.

Pengkaji juga berharap bahawa kajian melibatkan *envakai meyppatu* dapat diperluas ke genre cerpen, puisi, sajak, drama atau sebarang hasil karya sastera lain aga dapat memperkaya dan memantapkan bidang kesusasteraan, terutama kesusasteraan Tamil di negara kita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pengkaji juga mencadangkan kajian melibatkan *envakai meyppatu* diperbanyakkan untuk meneroka persolan rasa yang menjadi punca pelbagai pergolakan jiwa, sama ada dalam karya sasetra atau masyarakat sebenar demi memahami masalah sosial yang berkaitanya wujud dalam masyarakat India. Hal ini sekaligus akan membantu usaha untuk mendekati dan menangani masalah penindasan, penderaan, pengksploitasian dan pelbagai masalah psikilogi wujud dalam masyarakat. Pengkaji yakin bahawa sebahagian masalah ini tercetus kerana seseorang gagal memahami perasaan sesama manusia atau berfikir bertentangan dengan norma- norma sosial masyarakat.

Seterusnya, pengkaji berharap kajian ini dapat memberikan sumbangan informal dan maklumat serta ilmu tentang *envakai meyppatu* kepada segenap lapisan masyarakat. Sehubungan itu, pengkaji juga berharap agar kajian yang telah dihasilkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh pengkaji ini akan dapat memberikan manfaat dan mencambahkan idea kepada masyarakat yang ingin berkecimpung dalam dunia kesusasteraan Tamil, khususnya para pengkaji sastera dan masyarakat amnya.

5.4 Kesimpulan

Keseluruhan hasil kajian ini menunjukkan bahawa novelis M. Ramaiah sebagai seorang pencipta sastera yang berpengalaman dan berprihatin terhadap kesejahteraan masyarakat India menerapkan *envakai meyppatu* dalam novel-novelnya untuk mendorong para pembaca dan masyarakat umum untuk turut menerapkan variasi rasa ini dalam diri masing-masing untuk menggalakkan amalan, tindakan dan fikiran ke arah kesejaheraan hidup diri sendiri dan orang di sekelingnya. Sementara itu, beliau telah turut menyisipkan pelbagai rasa negatif dalam diri watak-wataknya untuk menegur dan membidas gelagat negatif masyarakat sebenar yang menghamba dan merendah-rendahkan orang di sekelilingnya di samping secara tidak langsung menyeru para pembacanya agar menjauhi aspek rasa ini dalam kehidupan mereka. Di samping itu, beliau turut menyisipkan banyak pengajaran dalam novel-novelnya dengan melakarkan situasi-stituasi tertentu yang mencetuskan *envakai meyppatu* untuk memperteguh atau mengkeji pelbagai rasa yang dipaparkan oleh masyarakat sebenar. Oleh itu, pengarang mengajak para pembacanya menampilkan fikiran dan tindakan yang mencerminkan perasaan positif demi kesejahteraa hidup masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan ini, para pembaca novel M. Ramaiah haruslah memberi perhatian sepenuhnya terhadap pengajaran-pengajaran yang dapat membentuk norma dan nilai yang tinggi dalam masyarakat. M. Ramaiah merupakan seorang cerpenis yang gemar mencipta kisah-kisah yang memaparkan realiti hidup dengan gaya penceritaannya yang begitu unik berbanding dengan penulis-penulis lain. Nampaknya pepatah yang berbunyi 'hanya jauhari yang mengenal manikam' mempunyai kebenaran dalam kajian ini kerana hanya penulis yang berjiwa sastera dan humanis seperti M. Ramaiah sebenarnya dapat menyelami perasaan masyarakat. Justeru, berdasarkan penelitian dan penganalisisan adalah dapat dirumuskan bahawa kajian ini telah berjaya mencapai sasaran objektifnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Accharya, B. S. (2006). *Tirukkural*. Chennai: Narmatha Pathippagam.

Aruḷjōti, Ce. (2015*). Tiṇṇai Vārap Pattirikkaiyil Kōṭi Cciṟukatai Tokuppil Maṇa Uṇarvu: Paṇpāṭum Maṇa Uṇarvum*. Tesis Sarjana. Tamil Nadu: Kolej Sastera Kerajaan (Aracukalaikkallūri).

Awang Abdullah. (2001). *Penghayatan Novel Anak dan Biola*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Dennis Coon, John O. Mitterer & Tanya Martini. (2016). *Psychology: Modules for Active Learning*, 4th Edition. Boston: Cenage Learning.

Hashim Awang**.** (1984)**.** *Glosari Mini Kesusasteraan***.** Petaling Jaya**:** Fajar Bakti**.**

Hashim Awang. (1987). *Teman Pelajar Kesusasteraan.* Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Ian Watt. (2001). *Rise of the Novel.* California: University Of California Press.

Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016). *Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara*. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

John W. Creswell.(2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Approaches*. Los Angeles: SAGE Publications

Kalaiselvi, M.(2002). *Ma. Ramaiyavin Payananangl: Mudivathillai*. Tesis Sarjana, Tanjavur: Universiti Tamil.

Kamus Dewan Edisi Baru. (1993). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kavitha, R. (2009). *Meyppāṭṭiyal Pārvaiyil Malariṉum Melliyatu Kāmam Nāṭakam.* Tesis Sarjana. Tamil Nadu: Kolej Sastera dan Sains Gobi.

Komathy Vayapuri. (2015). *Analisis Masalah Sosial Dalam Cerpen Karya M. Ramaiah.*Tesis Sarjana. Tanjong Malim:Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Lim Kim Hui. (2010). "How Malay Proverbs Encode and Evaluate Emotion? A Paremiological Analysis*". Sari-International Journal of the Malay World and Civilization,* 28 (1), (Jan.2010), 57-81.

Loganayagi**,** N**.** (1971)**.** *Perkembangan Novel Tamil Malaysia.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Magaswari Eliyarni Subramaniam (2016). *Citra dan Status Wanita Dalam Novel-Novel Terpilih M. Ramaiah.* Tesis Sarjana Sastera. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sutan Idris.

Manonmani Devi**.** (2008)**.** *Citra Wanita dalam Novel-novel R. Karthigesu*. Tesis Sarjana Sastera**.** Kuala Lumpur: Universiti Malaya**.**

Mathiyalagan**.** M. (1998). *Malēciya Tamiḻ Nāvalkaḷ; Ōr Aṟimukam: Karaikkaal:* Iprith. Tamil Nadu: Universiti Pondicherry.

Mathiyalagan**.** (1988). *Malēciya Tamiḻ Nāvalkaḷ; Ōr Aṟimukam.* Tesis Doktor Falsafah. Tamil Nadu: Universiti Pondicherry.

Mayathevan, S. (1975). *M. Ramaiah llakkiyap Pańi.* Malaysia: Thirumugam Pathippagam.

Merriam-Webster Online English Dictionary. (2020).

Merriam-Webster. (1993). *Merriam-Webster's Collegiate Dictionary.* Springfield, Mass., U.S.A.: Merriam-Webster Publication

Mohanapriya, Se. (2009). *Naṟṟiṇaiyil Meyppāṭu.* Tesis Falsafah Kedoktoran. Tamil Nadu,:Universiti Tamil Bharatiyar.

MyHelath (Portal). (2020). Putra Jaya: Kementerian Kesihatan Malaysia.

Parameswari, P. (2001/2002) *Teori Rasa-Fenemenologi:Penerapan Terhdap Novel Imam.* Tesis

Patty Wooten. (1996). "Humor An Antidote For Stress". *Holistic Nursing Practice, 10(2), 49.55.*

Platt, Tracey. (2008). "Emotional responses to ridicule and teasing:Should gelotophobes react differently*?" International Journal of Humour Research, 21(2), pages, 105-128.*

Puspavalli, S. (2017). *Cerpen Remaja Malaysia.* Tesis Sarjana. Tanjong Malim: Universiti Sultan Idris.

Puliyur Kesikan.(2010). *Tolkāppiyam*. Chennai: Shri Senbaga Pathipagam.

Rahman Shaari. (2001). *Bimbingan Istilah Sastera.* Kuala Lumpur: Utusan Publications.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ramaiah, M. (1976). *Oru Tāyiṉ Ilacciyak Kaṉavu.* Chennai: Rani Publications.

Ramaiah, M. (1992). *Aḻakiṉ Ārātaṉai.* Salem: Purachi Pannai.

Ramaiah, M. (1995). *Caṅkamam.* Salem. Purachi Pannai.

Ramaiah, M. (1999). *Viḻalum Nīrum.* Chennai: Sathurventhan Accagam.

Ramaiah, M. (2001). *Maṉa Ūṉaṅkaḷ.* Chennai: Mithra Arts and Creations Pvt. Ltd.

Ramaiah, M. (2009). *Neruppu Cuṉai.* Chennai: Sitthan Kalaikkudam

Ramaiah, M. (2009). *Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai.* Chennai: Sitthan Kalaikkudam.

Ramaiah, M. (2014). Mimpi dan Impian. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sababathy, V. (1992). "Vidutalaiku Munthiya Malaysia Tamil Naavalgal (Novel-Novel Tamil sebelum Kemerdekaan". *Malaysia Naaval Karutarangga Malar.* Kuala Lumpur: Uma Pathippagam.

Sababathy, V. (1996). *Malaysia Tamil Novels After Independence*. Kuala Lumpur: University Of Malaya Press.

Sababathy, V. (1999). *Malays in Tamil Novels after Independence***.** Kuala Lumpur: Universitu of Malaya Press.

Sagar Narayanan. (*2011). Corak Pemikiran Sosial Masyarakat India dalam Novel Tamil Malaysia (1957-1985).* Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya**.**

Sailaja,M.(2012) . *Envakai Meyppãtu dalam Seevaga Chintamani.* Tesis Doktor Falsafah, Tamil Nadu: Universiti Bharathiar.

Samir Muhazzab Amin & Sara Shakilla Mohd Salim. (2012). "Pembasmian Kemiskinan di Malaysia:Keperluan Kemahiran Pekerja Komuniti". *Akademika, 82(1), 81-89.*

Santhanaletchumy, Thu. (2009). *Kamparāmayaṇattil Tolkāpapiyariṉ Meypapāṭukal.* Tesis Doktor Falsafah. Tamil Nadu: Universiti Bharatithasan.

Saravanan, V. (2007). *Cilappatikārattil Tolkāpapiyariṉ Meypapāṭṭiyal Kūṟukaḷ*. Tesis Sarjana. Tamil Nadu: Alagappa Universiti.

Sauriraj, S. (1997). *Sivasangariyin Naavalgalil Pengal.* Chennai: Kaavya Publication.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selvi, K. (2013). *Ciṟpiyiṉ Kavitaikaḷil Eṇvakai Meyppāṭukaḷ.* Tesis Doktor Falsafah, Tamil Nadu: Universiti Bharathiar.

Shiyamala, J. (2009). *Puṟanāṇūṟṟil Meypapāṭṭiyal.* Tesis DoktorFalsafah. Tanjavur: Universiti Tamil.

Siti Khariah Mohd Zubir. (2009). *Citra Wanita dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Sohaimi Abdul Aziz. (1992). *Mobiliti Sosial: Prespektif Barat dan Islam dalam Novel Terpilih Shahnon Ahmad.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Subbu Reddy, N. (2011). *Tolkāppiyam Kāṭṭum Vāḻkkai.* Chennai: Santhiya Publication.

Tamil Lexicon. (1976). Chennai: Uninersity of Madras.

Thamizhannal. (2010). *Tolkappiyiam: Porulatikaram Tokuti-3*. Madurai: Meenakshi Puthaka Nilaiyam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi